




Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial

SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY

Universiti Utara Malaysia

PROSIDING



PESAN ²
... 2023

PERSIDANGAN KERJA SOSIAL KEBANGSAAN KEDUA 2023

Kerja Sosial Mendepani Dunia Ekososial Baharu

13 - 14 September 2023 • Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur

Penyelenggara:

Azlin Hilma Hillaluddin
Noor Azizah Ahmad
Nur Khaleeda Mohd Kamil
Rajwani Md. Zain
Rusimah Sayuti

PROSIDING

PERSIDANGAN KERJA SOSIAL KEBANGSAAN KEDUA 2023

Kerja Sosial Mendepani Dunia Ekososial Baharu

13-14 SEPTEMBER 2023

ANJURAN:

**PUSAT PENGAJIAN PSIKOLOGI GUNAAN, DASAR DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

&

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

PENYELENGGARA:

**Azlin Hilma Hillaluddin
Noor Azizah Ahmad
Nur Khaleeda Mohd Kamil
Rajwani Md. Zain
Rusimah Sayuti**

Hakcipta © 2023
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia

Hakcipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Prosiding Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan 2023 / Penyelenggara: Azlin Hilma Hillaluddin, Noor Azizah Ahmad, Nur Khaleeda Mohd Kamil & Rusimah Sayuti

eISBN: 978-967-25690-2-2

Penerbit:
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah

PRAKATA

Prosiding ini merupakan himpunan kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan Kedua 2023 yang berlangsung pada 13 dan 14 September 2023 di Institut Sosial Malaysia anjuran Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia dan Institut Sosial Malaysia. Persidangan ini merupakan persidangan kali kedua yang dianjurkan oleh SAPSP berkaitan kerja sosial dan isu-isu sosial semasa.

Kerja sosial sebagai satu profesyen perlu berkembang untuk memenuhi keperluan individu dan komuniti yang kerap berubah seiring dengan perkembangan semasa. Kehidupan masyarakat yang berubah semasa dan selepas Pandemik Covid-19 menunjukkan bahawa dunia kini bergerak ke arah satu ekososial baharu. Justeru, kertas kerja yang dibentangkan di dalam persidangan ini menyentuh isu-isu dan masalah sosial seperti kebajikan dan perlindungan kanak-kanak, kebajikan warga emas, orang kurang upaya, rehabilitasi, koreksional, isu kesihatan dan kesihatan mental, golongan terpinggir, pengurusan bencana dan lain-lain. Kupasan yang diberikan oleh para penulis dan pembentang merupakan input yang diperlukan dalam menambahbaik profesyen ini agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada klien-klien di dalam komuniti.

Semoga karya-karya di dalam prosiding ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam menangani masalah sosial yang semakin kompleks, demi kesejahteraan masyarakat amnya.

Penyelenggara

KANDUNGAN

	Tajuk / Penulis	Muka surat
1	PENDERAAN EKONOMI DALAM RUMAH TANGGA: APA YANG BOLEH KITA PELAJARI? Abdul Razak Abd Manaf, Siti Zubaidah Othman, Zarina Mat Saad, Annuar Aswan Mohd Noor & Faridah Awang	1
2	STREET-LEVEL BUREAUCRATS OF THE MALAYSIAN DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE: A REVISIT Ahmad Shukri Abdul Hamid, Noor Azizah Ahmad, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Mariny Abdul Ghani	8
3	ISU KEBOLEHPASARAN BEKAS BANDUAN KE ARAH KEUSAHAWANAN: SATU KAJIAN LITERATUR Ammar Azriman Kasman, Md Zawawi Abu Bakar & Kamarudin Ngah	16
4	CABARAN PEKERJA KES (PELINDUNG) MENGURUSKAN KES PENGANIAYAAN KANAK-KANAK SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) Arbainyah Abdullah & Azlin Hilma Hillaluddin	24
5	KERANGKA PENILAIAN KERJA SOSIAL DALAM KES KEBAJIKAN DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: SATU PERBANDINGAN ANTARABANGSA Azlin Hilma Hillaluddin	36
6	ISU, CABARAN DAN PENGALAMAN PENYELIAAN PRAKTIKUM KERJA SOSIAL: SEBELUM, SEMASA DAN PASCA COVID-19 Azlinda Sulaiman	44
7	KETERANGKUMAN DALAM INTERVENSI PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DAN HIV/AIDS : SATU TINJAUAN KE ATAS PENGLIBATAN KOMUNITI NELAYAN Ezarina Zakaria, Alya Ardini, & Fauziah Ibrahim	51
8	JENAYAH SEKSUAL: FAKTOR MENJADI MANGSA DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL KEPADA MANGSA Fatin Shuhaila Mohd Thowila, Rajwani Md. Zain & Nurhazlina Mohd Ariffin	65
9	TINJAUAN AWAL KE ATAS KESEDIAAN PELAJAR B40 LUAR BANDAR DI SABAH MEMASUKI ALAM UNIVERSITI Habibie Ibrahim , Nurul Hudani Md Naw, Joki Perdani Sawai, Risalshah Latif, Siew Nyet Moi@Sopiah Abdullah & Marilyn Anak Makus	73

	Tajuk / Penulis	Muka surat
10	SOCIO-ECONOMIC CHARACTERISTICS OF SMALL RUMINANT FARMERS IN TERENGGANU Hayuni Mazlan, Norshahira Osman & Lukman @ Zawawi Mohamad	83
11	PEMAHAMAN TERHADAP CORAK HIDUP MASYARAKAT IBAN DI BETONG, SARAWAK DARI ASPEK SOSIAL Incham Anak Manggat, Rajwani Mohd Zain & Zakiyah Jamaludin	94
12	FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN KAKITANGAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEMASA COVID-19 M Shahadat Ali Nordin & Rajwani Md Zain	101
13	INTERVENSI SPIRITUAL TERHADAP KLIEN DALAM INSTITUSI KOREKSIONAL DI MALAYSIA Md Zawawi Abu Bakar, Norazlina Zakaria, Fuziah Shaffie, Jamaludin Mustaffa & Asma Adnan	113
14	DARUL HANAN PULAU PINANG: MODEL PENGURUSAN DAN PENJAGAAN WARGA EMAS MUSLIM SATU PERKONGSIAN PENGALAMAN Mohd Sanusi Hamdan, Fakhrudin Abd. Rahman & Siti Sarah Yahaya	121
15	KESAN KEMISKINAN TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEMASA PANDEMIK COVID-19 Muhammad Hafizuddin Eusof & Zakiyah Jamaluddin	133
16	SOSIALISASI REMAJA TERHADAP TINGKAH LAKU SEKSUAL: CABARAN REMAJA ALAF BARU Muhammad Syafiq Mohd Sobri, Siti Rozaina Kamsani & Nor 'Atikah Mohd Ali	140
17	THE FACTORS AND EFFECTS OF INTERNET ADDICTION AMONG UNIVERSITY STUDENTS: A PHENOMENOLOGICAL STUDY Nabisah Ibrahim, Noor Azizah Ahmad & Siti Alwaliyah Mansor	150
18	PANDANGAN PELATIH TERHADAP PROGRAM-PROGRAM DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK Noor Azizah Ahmad, Nabisah Ibrahim & Aina Nasiha Mohd Masri	161
19	EXAMINING THE FACTORS THAT DRIVE UNIVERSITY STUDENTS TOWARD CYBERBULLYING: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW Noor Haslindawati Abd Rahman, Md Zawawi Abu Bakar & Zalmizy Hussin	167

	Tajuk / Penulis	Muka surat
20	HOPELESSNESS AS A PREDICTOR OF SUICIDAL IDEATION IN MALE DRUG ADDICTS IN A REHABILITATION CENTRE IN MALAYSIA Norshahira Osman, Hayuni, Mazlan & Lukman @Zawawi Mohamad	178
21	CABARAN NGO YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA GOLONGAN BERISIKO DIJANGKITI HIV/AIDS Nur Nadzatul Aina Adnan & Rajwani Md. Zain	188
22	TAHAP SOKONGAN KOMUNITI YANG DITERIMA OLEH ORANG KENA PENGAWASAN (OKP) AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK) DAERAH KUBANG PASU, KEDAH Nurhazlina Mohd Ariffin	198
23	KESAN KETIDAKSTABILAN EKONOMI TERHADAP KESEJAHTERAAN KELUARGA Nuruaslizawati Ayob & Siti Hajar Abdul Rauf	211
24	PENGARUH PSIKOSOSIAL TERHADAP KUALITI HIDUP IBU BAPA YANG MEMPUNYAI ANAK ISTIMEWA Nurul Asyiqin Mohd Suberi & Syazwani Drani	219
25	KESAN PSIKOSOSIAL MANGSA JENAYAH SIBER DI MALAYSIA. Pavithran a/l Yolaganathan, Nurhazlina Mohd Ariffin & Ahmad Shukri Abdul Hamid	225
26	CHALLENGES OF MEDICAL SOCIAL WORK PRACTICE: A CASE STUDY AT PSYCHIATRIC HOSPITALS Rajwani Md Zain & Wan Nur Arina Syuhada Wan Mohd Shukr	238
27	PERSONALITY TRAITS AND TECHNOPHOBIA AMONG ELDERLY: A CONCEPTUAL STUDY Renugah Rengasamy	245
28	CRITICAL SUCCESS FACTORS AND NEED ASSESSMENT OF AGENCIES, NON- GOVERNMENT ORGANISATIONS (NGOS) AND VICTIMS ON DISASTER RECOVERY CENTRE (DRC) FOR FLOOD MANAGEMENT Rohafiz Sabar & Nur Khairiel Anuar	250
29	APLIKASI TEORI JARINGAN-AKTOR DALAM MENDEPANI ISU PERLINDUNGAN KANAK-KANAK PELARIAN DI MALAYSIA Rumaina Hadjiri & Siti Hajar Abdul Rauf	265

	Tajuk / Penulis	Muka surat
30	POTENSI PRAKTIS KERJA SOSIAL DALAM PERLINDUNGAN SOSIAL Siti Adibah Abdul Rahman, Ali Samat & Emee Khairi	278
31	PROGRAM KASIH SURI KELUARGA MALAYSIA : INSURANS SOSIAL KEPADA SURI RUMAH Siti Adibah Abdul Rahman & Siti Khalilah Abdul Nasir	288
32	CABARAN PENGAJARAN GURU DALAM MENANGANI MASALAH KETIDAKUPAYAAN KANAK-KANAK AUTISME: KAJIAN KES DI NASOM, ALOR SETAR KEDAH. Tengku Ummi Kausyar Tengku Ubaidillah & Zakiyah Jamaluddin	296
33	PROFIL KECERDASAN EMOSI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR PENERIMA ZAKAT Zarina Mat Saad, Azlin Hilma Hillaluddin, Rajwani Md Zain, Fatimah Zailly Ahmad Ramli & Sharima Ruwaida Abbas	306

PENDERAAN EKONOMI DALAM RUMAH TANGGA: APA YANG BOLEH KITA PELAJARI?

Abdul Razak Abd Manaf¹, Siti Zubaidah Othman², Zarina Mat Saad³, Annuar Aswan Mohd Noor⁴ & Faridah Awang⁵

^{1,3}Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia
(Email: a.razak@uum.edu.my)

^{2,4}Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia

⁵Institut Sosial Malaysia

Abstrak

Isu penderaan dan keganasan rumah tangga seringkali dibahaskan dalam pelbagai platform merentasi negara. Peningkatan kes yang dilaporkan banyak memfokus kepada pelbagai kategori keganasan rumah tangga. Isu penderaan ekonomi atau kewangan kurang dibincangkan serta tidak diberi perhatian secara meluas dalam masyarakat terutama di negara ini. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan dengan hasrat untuk meneliti isu penderaan ekonomi dan kesejahteraan kewangan mangsa keganasan rumah tangga. Kajian ini cuba meneroka isu ekonomi yang dihadapi oleh wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga melalui pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data kajian diperolehi melalui borang soal selidik yang diedar secara dalam talian (*google form*) kepada individu yang terlibat dengan keganasan rumah tangga serta perbincangan kumpulan berfokus (*FGD*) bersama pengamal yang mengurus kes keganasan rumah tangga. Hasil daripada sorotan karya dan dapatan kajian ini, didapati bahawa penderaan ekonomi merupakan isu yang signifikan yang memerlukan usaha-usaha memberi kesedaran berkenaan bentuk-bentuk keganasan rumah tangga terutamanya penderaan ekonomi melalui pemerkasaan program-program advokasi dan pendidikan kepada masyarakat.

Kata kunci: *Keganasan rumah tangga, penderaan ekonomi, kewangan, mangsa, pengamal*

PENGENALAN

Keganasan rumah tangga boleh ditakrifkan sebagai pola kekerasan, penganiayaan atau intimidasi sama ada dalam bentuk fizikal, emosi, psikologi, seksual, sosial, dan kewangan yang digunakan untuk mengawal atau mempertahankan kekuasaan seseorang terhadap pasangan atau ahli keluarga bagi tujuan mengundang rasa takut atau memaksa pasangan atau ahli keluarga untuk melakukan sesuatu di luar kemahuan mereka (Mohamed Daud et al., 2021). Keganasan rumah tangga melibatkan penyalahgunaan kuasa gender dalam perhubungan intim menerusi dominasi dan kawalan dalam bentuk fizikal, psikologikal, seksual dan ekonomi yang mendatangkan kesan negatif terhadap kehidupan seseorang mangsa (Abdul Ghani et al., 2016). Walaupun banyak kajian lepas, dalam dan luar negara, yang dijalankan bagi merungkai isu keganasan rumah tangga, namun kajian yang berkaitan penderaan ekonomi amat kurang. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dengan hasrat

untuk meneroka isu-isu kewangan yang dihadapi oleh wanita yang terlibat dalam keganasan rumah tangga.

SOROTAN KARYA

Penderaan ekonomi meliputi tingkah laku yang mengawal kemampuan mangsa untuk memperoleh, mengguna dan mengekalkan sumber-sumber sekaligus mengancam keselamatan ekonominya dan juga keupayaan diri untuk menyara diri sendiri (Adams et al., 2008). Walaupun penderaan ekonomi mempunyai persamaan dengan bentuk-bentuk penderaan psikologikal yang lain, ia menggabungkan tingkah laku yang mengawal mangsa, apa yang boleh mangsa lakukan dan yang tidak boleh dilakukan (Kasian & Painter, 1992; Sackett & Saunders, 1999). Menurut Fawole (2008), penderaan ekonomi berlaku apabila si pendera memperoleh kawalan sepenuhnya terhadap sumber-sumber kewangan mangsa. Berdasarkan kepada sorotan karya lepas, terdapat tiga bentuk penderaan ekonomi iaitu kawalan ekonomi, sabotaj pekerjaan dan eksploitasi ekonomi (Postmus et al., 2015; Stylianou et al., 2013). Menurut McKay White dan Fjellner (2022), kesemua subset penderaan ekonomi iaitu kawalan ekonomi, sabotaj pekerjaan dan eksploitasi ekonomi boleh digunakan bagi memaksa mangsa untuk kekal dalam sesuatu perhubungan.

Kawalan ekonomi berlaku apabila pendera menghalang mangsa daripada mempunyai akses kepada pengetahuan berkaitan kewangan sehinggalah kepada kuasa dalam membuat keputusan berkaitan (Anderson et al., 2003; Brewster, 2003; Postmus et al., 2015). Mangsa kawalan kewangan melaporkan bahawa pasangan mereka mengawal dan membataskan akses kepada sumber-sumber kewangan (Sanders, 2015; Wettersten et al., 2004) dan meniadakan akses kepada keperluan-keperluan lain seperti makanan, pakaian dan/atau perubatan (Anderson et al., 2003; VonDeLinde, 2002; Lodhi, 2016; Alkan et al., 2021). Pendera biasanya akan menjejaki atau memantau penggunaan duit oleh mangsa, menahan atau menyorok duit yang diperoleh, menghalang mangsa daripada akses kepada akaun bank atau menipu tentang harta atau aset yang dikongsi bersama (Brewster, 2003; VonDeLinde, 2002).

Sabotaj pekerjaan pula, meliputi tingkah laku yang mencegah mangsa daripada mendapat atau mengekalkan pekerjaan (Anderberg et al., 2015; Postmus et al., 2015). Banyak kajian telah mendokumentasikan cara-cara pendera menghalang, mematahkan semangat dan mengganggu secara aktif pekerjaan atau pendidikan pasangan mereka, mengganggu mangsa di tempat pekerjaannya, dan menghalang mangsa daripada menerima sumber pendapatan lain seperti nafkah anak, bantuan awam atau bayaran ketidakupayaan (Alexander, 2011; Brewster, 2003; Moe & Bell, 2004; Sanders, 2015; Swanberg & Logan, 2005; Swanberg & Macke, 2006; Tolman & Raphael, 2000; VonDeLinde, 2002; Wettersten et al., 2004; Ayob et al., 2022).

Tolman dan Raphael (2000) telah mendokumentasikan pelbagai bentuk sabotaj pekerjaan hasil ulasan karya yang dilakukan dan antaranya termasuklah perbalahan secara berterusan sepanjang malam sebelum temuduga kerja keesokan harinya; mematikan penggera jam; memusnahkan pakaian; melakukan kecederaan yang nampak jelas di muka; memastikan kereta tidak dapat bergerak; mengancam untuk menculik anak daripada pusat penjagaan kanak-kanak; kegagalan menepati janji untuk penjagaan anak atau menyediakan pengangkutan; dan mengganggu mangsa ketika bekerja.

Eksplotasi ekonomi dikatakan berlaku apabila pendera secara sengaja melakukan tindakan yang bertujuan untuk menghapuskan sumber kewangan atau kredit mangsa (Postmus, et al., 2015). Akibat daripada fenomena peningkatan pinjaman oleh pengguna yang berlaku dalam masyarakat, pendera menggunakan hutang sebagai alat untuk mendapatkan kuasa dan kawalan kepada pasangan mereka (Littwin, 2012). Ini boleh berlaku apabila pendera mencuri duit, buku cek atau kad ATM; membuka atau menggunakan talian kredit mangsa tanpa kebenaran; enggan untuk membayar pajak gadaian; sewaan, atau lain-lain bayaran utiliti; menggunakan bil atas nama mangsa atau anak-anaknya; atau berjudi menggunakan duit yang diperolehi secara bersama (Anderson et al., 2003). Pendera juga mungkin mencuri atau merosakkan barang kepunyaan mangsa untuk mengeksploitasi mangsa (Brewster, 2003). Satu kajian yang dilaksanakan oleh Anderson dan rakan-rakan (2003), mendapati bahawa dalam kalangan 485 wanita yang meminta perkhidmatan daripada program advokasi keganasan rumah tangga, 38 peratus melaporkan bahawa pasangan mereka mencuri daripada mereka.

Penderaan ekonomi kebanyakannya berlaku disebabkan oleh kekurangan sumber-sumber kewangan yang menyebabkan kesukaran untuk meninggalkan perhubungan ganas dan kejam serta mendorong sesetengah wanita untuk merasakan bahawa mereka tiada pilihan melainkan kembali dan kekal kepada perhubungan tersebut (McLaren, 2013). Menurut Postmus dan rakan-rakan (2020), penderaan ekonomi akan mencetuskan rasa tidak selamat mangsa dengan cara membataskan kebebasan ekonomi dan kestabilan kewangan mangsa, menyebabkan mangsa akan terus berada dalam kitaran keganasan. Sepertimana manifestasi bagi lain-lain bentuk keganasan rumah tangga, penderaan ekonomi mempengaruhi wanita daripada pelbagai kelompok sosioekonomi, lokasi dan kedudukan geografi.

METOD KAJIAN

Kerangka Kajian

Kajian menggunakan penggabungan pendekatan kajian kuantitatif dan kualitatif. Bagi kajian kuantitatif, data primer dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian kepada mangsa keganasan rumah tangga. Data kuantitatif dikumpul bagi mendapatkan maklumat demografi serta mendapatkan maklumat daripada mangsa keganasan rumah tangga berkenaan penderaan kewangan. Pendekatan kualitatif dijalankan bagi menyokong kaedah kuantitatif. Data kualitatif dikumpul semasa perbincangan kumpulan berfokus dijalankan melalui temu bual semi berstruktur bersama staf di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semasa perbincangan kumpulan berfokus, responden telah diminta untuk berkongsi pengalaman dan persepsi terhadap isu pengendalian kes mangsa keganasan rumah tangga.

Responden Kajian

Responden bagi kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu mangsa keganasan rumah tangga dan staf di Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga. Seramai 57 responden iaitu mangsa keganasan rumah tangga telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian dengan menggunakan pelbagai medium sosial media. Bagi perbincangan kumpulan berfokus pula, seramai 15 orang staf daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah terlibat.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Dapatan Kuantitatif

Analisis tabulasi silang (*cross tabulations*) telah dijalankan bagi memahami dan mengukur dengan lebih baik ciri-ciri demografi dan dimensi kajian yang berkait antara satu sama lain. Jadual 1 menunjukkan dapatan berkenaan dengan usia perkahwinan dan jenis penderaan yang dialami oleh responden. Bentuk penderaan tertinggi yang dialami oleh responden adalah penderaan emosi (22 orang). Kebanyakan yang didera secara emosi telah berkahwin antara 1 hingga 5 tahun. Penderaan secara fizikal adalah yang kedua tertinggi yang dilaporkan oleh responden (18 orang). Kebanyakan yang didera secara fizikal adalah mereka yang telah berkahwin antara 6 hingga 10 tahun. Pengabaian merupakan bentuk penderaan yang paling rendah (2 orang). Penderaan ekonomi / kewangan hanya dilaporkan oleh seorang responden yang mempunyai usia perkahwinan kurang dari setahun.

Jadual 1

Usia perkahwinan dan jenis penderaan

Usia perkahwinan	Jenis-jenis penderaan					Jumlah
	Fizikal	Emosi	Seksual	Ekonomi/ Kewangan	Pengabaian	
< setahun	0	0	0	1	0	1
1 – 5 tahun	1	10	0	2	1	14
6 – 10 tahun	9	4	5	1	1	15
11 – 15 tahun	3	7	1	2	0	12
16 – 20 tahun	4	1	3	0	0	5
21 – 25 tahun	1	0	0	0	0	1
Jumlah	18	22	9	6	2	57

Dapatan Kualitatif

Semasa perbincangan kumpulan berfokus, responden yakni staf di Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditanya tentang bentuk-bentuk perkhidmatan yang sering dipohon oleh mangsa. Berdasarkan maklum balas daripada responden, kebanyakan mangsa memohon tempat perlindungan daripada gangguan pelaku. Ini diikuti dengan bantuan kewangan sementara mendapatkan pekerjaan untuk menyara anak-anak dan ada juga untuk tujuan pulang ke pangkuan keluarga. Selain daripada itu, ramai juga mangsa yang datang berjumpa bagi mendapatkan khidmat kaunseling dan khidmat nasihat berkenaan permasalahan yang mereka hadapi (rujuk Jadual 2). Antara pernyataan yang dikongsikan oleh responden termasuklah:

“Kewangan - mohon bantuan untuk sementara waktu sebelum mendapat pekerjaan tetap (rumah sewa, keperluan asas, pengasuh anak) ...perlindungan – hantar pulang kepada keluarga ... IPO/ EPO ... tempatkan di tempat selamat di bawah JKM” [R2, Perempuan]

“Mangsa pohon dapatkan nasihat kaunselor ... tempat perlindungan sementara ...bantuan kewangan ...memerlukan perintah perlindungan interim ... bakul makanan”
[R6, Lelaki]

Jadual 2

Ringkasan Bentuk-bentuk Perkhidmatan atau Bantuan yang Sering Dipohon oleh Mangsa

Bil	Bentuk-bentuk perkhidmatan atau bantuan	Jumlah
1	Tempat perlindungan	12
2	Bantuan kewangan	11
3	Khidmat nasihat, bimbingan dan kaunseling	10
4	Bakul makanan	2
5	Permohonan IPO, PO dan EPO	3

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, boleh disimpulkan bahawa penderaan ekonomi merupakan isu yang signifikan yang memerlukan tindakan segera. Ia wajar dimulakan dengan meningkatkan kesedaran tentang tingkah laku salah yang spesifik terkandung dalam penderaan ekonomi dan bagaimana ianya berbeza dengan bentuk penderaan yang lain. Apabila telah mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang sifat dan keadaan penderaan kewangan, pelbagai strategi boleh diambil untuk mengurangkan berlakunya kejadian tersebut dan mengurangkan impaknya. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa berlaku banyak penderaan emosi dan fizikal dalam rumah tangga bagi pasangan yang berada dalam tempoh satu sehingga sepuluh tahun perkahwinan. Dalam konteks ini, adalah kritikal bagi sebarang bentuk intervensi pencegahan dan psikopendidikan disasarkan kepada kelompok tempoh perkahwinan berkenaan. Merujuk kepada maklumbalas kakitangan yang ditemubual, bantuan yang sering dimohon oleh mangsa adalah berkaitan dengan tempat perlindungan dan juga kewangan selain khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling. Penekanan wajar diberikan kepada isu-isu bantuan ini yang dipohon oleh mangsa bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan berjaya memenuhi keperluan mangsa. Ringkasnya, ramai mangsa keganasan rumah tangga menganggap kewangan atau ekonomi sebagai faktor penderaan atau kesan daripada penderaan. Mereka mungkin tidak menyedari bahawa penderaan kewangan turut berlaku tetapi tidak dianggap atau gagal dikenalpasti sebagai salah satu bentuk penderaan.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan geran yang dibiayai oleh Institut Sosial Malaysia.

RUJUKAN

- Adams, A. E., Sullivan, C. M., Bybee, D., & Greeson, M. R. (2008). Development of the scale of economic abuse. *Violence Against Women, 14*(5), 563–588.
- Alexander, P. C. (2011). Childhood maltreatment, intimate partner violence, work interference and women’s employment. *Journal of Family Violence, 26*(4), 255–261.

- Alkan, O., Ozar, S., Unver, S. (2021). Economic violence against women: A case in Turkey. *PLoS ONE*, 16(3), 1-23.
- Anderberg, D., Rainer, H., Wadsworth, J., & Wilson, T. (2015). Unemployment and domestic violence: Theory and evidence. *The Economic Journal*, 126(597), 1947-1979.
- Anderson, M. A., Gillig, P. M., Sitaker, M., McCloskey, K., Malloy, K., & Grigsby, N. (2003). Why doesn't she just leave? A descriptive study of victim reported impediments to her safety. *Journal of Family Violence*, 18(3), 151-155.
- Ayob, N., & Abdul Rauf, S. T., Hadjiri, R., Nurunsa'adah S. (2022). Pekerjaan dan keganasan rumah tangga: Satu kajian kuantitatif terhadap pasangan yang berkahwin di Malaysia. *Asian People Journal*, 5(1), 53-62. <http://dx.doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.297>
- Brewster, M. P. (2003). Power and control dynamics in pre-stalking and stalking situations. *Journal of Family Violence*, 18(4), 207-217.
- Fawole, O. I. (2008). Economic violence to women and girls: Is it receiving the necessary attention? *Trauma, Violence, & Abuse*, 9(3), 167-177.
- Kasian, M., & Painter, S. L. (1992). Frequency and severity of psychological abuse in a dating population. *Journal of Interpersonal Violence*, 7(3), 350-364.
- Littwin, A. (2012). Coerced debt: The role of consumer credit in domestic violence. *California Law Review*, 100, 951-1026.
- Lodhi, H. (2016). Domestic violence against women in India-the truth of our society. *International Journal of Research*, 3(7), 63-69.
- McKay McKay White, R., & Fjellner, D. (2022). The prevalence of economic abuse among intimate partners in Alberta. *SAGE Open*, 12(1). 1-13. <https://doi.org/10.1177/21582440221084999>
- McLaren, H. (2013). Domestic violence, housing and employment: Workers' perspectives on employment assistance in supported accommodation. *Australian Journal of Social Issues*, 48, 415-433.
- Moe, A. M., & Bell, M. P. (2004). Abject economics: The effects of battering and violence on women's work and employability. *Violence Against Women*, 10(1), 29-55.
- Postmus, J. L., Hetling, A., & Hoge, G.L. (2015). Evaluating a financial education curriculum as an intervention to improve financial behaviors and financial well-being of survivors of domestic violence: Results from a longitudinal randomized controlled study. *The Journal of Consumer Affairs*, 49(1), 250-266.
- Postmus, J. L., Hoge, G. L., Breckenridge, J., Sharp-Jeffs, N., & Chung, D. (2020). Economic abuse as an invisible form of domestic violence: A multicountry review. *Trauma, Violence & Abuse*, 21(2), 261-283.

- Sackett, L. A., & Saunders, D. G. (1999). The impact of different forms of psychological abuse on battered women. *Violence and Victims, 14*(1), 105–117.
- Sanders, C. K. (2015). Economic abuse in the lives of women abused by an intimate partner: A qualitative study. *Violence Against Women, 21*(1), 3–29.
- Stylianou, A. M., Postmus, J. L., & McMahon, S. (2013). Measuring abusive behaviors: Is economic abuse a unique form of abuse? *Journal of Interpersonal Violence, 28*(16), 3186–3204.
- Swanberg, J. E., & Logan, T. K. (2005). Domestic violence and employment: A qualitative study. *Journal of Occupational Health Psychology, 10*(1), 3–17.
- Swanberg, J. E., & Macke, C. (2006). Intimate partner violence and the workplace: Consequences and disclosure. *Affilia, 21*(4), 391–406.
- Tolman, R. M., & Raphael, J. (2000). A review of research on welfare and domestic violence. *Journal of Social Issues, 56*(4), 655–682.
- VonDeLinde, K. C. (2002). *How are domestic violence programs meeting the economic needs of battered women in Iowa? An assessment and recommendations* (Building Comprehensive Solutions to Domestic Violence Publication No. 16). National Resource Center on Domestic Violence.
- Wettersten, K. B., Rudolph, S. E., Faul, K., Gallagher, K., Trangsrud, H. B., Adams, K., & Terrance, C. (2004). Freedom through self-sufficiency: A qualitative examination of the impact of domestic violence on the working lives of women in shelter. *Journal of Counseling Psychology, 51*(4), 447–462.

STREET-LEVEL BUREAUCRATS OF THE MALAYSIAN DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE: A REVISIT

Ahmad Shukri Abdul Hamid, Noor Azizah Ahmad, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Mariny Abdul Ghani

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
(Email : shukri@uum.edu.my)

Abstract

This article discusses the role and position of Street-Level Bureaucrats (SLBs) in policy making and implementation. It is based on a study conducted in 2018 which produced a typological framework mapping the workflow and the exercise of discretion amongst officers of the Malaysian Department of Social Welfare (DSW) who handle child welfare cases. In this revisit of the framework, the authors shed some new information into the context of the framework, particularly with regard to the exercise of discretion amongst the officers. The authors explore the relationship between bureaucracy and discretion, concluding that they exist on a continuum and are not mutually exclusive. The repercussion of this is this that discretionary actions of SLBs can be interpreted as an expression of professionalism. The authors also argue that SLBs have the potential to act as 'policy entrepreneurs', innovating within their roles to improve service and policy implementation. Such reinterpretation of the status and roles of SLBs could lead to more inclusive policy-making and empowerment to the SLBs.

Keywords: *Discretion, Street-Level Bureaucrats (SLBs), Malaysian Department of Social Welfare (DSW), policy entrepreneurs, professionalism*

INTRODUCTION

Front-line workers in the Department of Social Welfare play a vital role in translating policy directives into practice. While the entire spectrum of workers within the department are involved as stakeholders, it is these front-line workers who bear much of the responsibility for executing and implementing social welfare policies. Our study emphasizes that their role in implementation is equally significant to that of policy formulation itself. Lipsky (1980) argues that these front-line workers should be regarded as bureaucrats in their own right, although this label differs significantly from traditional conceptions of bureaucracy. Bureaucrats are often seen as individuals in higher positions of authority within an organization, whereas front-line workers function as the face of the bureaucracy, interacting directly with clients and implementing policies on the ground.


As a result, the difficult nature of their work often presents them with exceptional challenges. In light of this, our research examines how frontline bureaucrats' ability to navigate these demanding working conditions affects the overall policy process. Drawing from street-level bureaucracy theory, we place emphasis on the exercise of discretion by these workers. By focusing on the dilemmas that arise from their constrained working environments, we gain insights into the dynamics of their workflow. This analytical

process culminates in a framework that outlines various factors influencing working conditions and provides an understanding of how discretion is employed within the organizational structure.

As depicted in Figure 1, the work structure of the front-line workers within the Department of Social Welfare is composed of several key elements. It is important to note that this particular framework focuses on investigating the work conditions experienced by respondents who handle child welfare cases. The framework illustrates how various aspects of work interact with one another and has been developed based on both quantitative and qualitative data collected throughout the study. Overall, three main categories make up this framework, which can also be seen as integral components shaping the workflow of personnel within the Department of Social Welfare as reported by those surveyed.

Figure 1

The Typological Framework of DSW Workers Use of Discretion



Source: Noor Azizah Ahmad, et al. (2018:23)

One major aspect to consider is the primary working circumstance, which encompasses all the objective factors that are present and directly experienced by individuals. These factors consist of various components within a typical front-line worker's daily job responsibilities, such as legal regulations, work policies, and standard operating procedures that every employee must follow in their line of duty. The reason these aspects are classified as objective is due to their existence as formal elements within an individual's work structure and job requirements. Another aspect of the main work conditions includes

various elements like casework, directives, training, experience, supervision, advice from colleagues. While some of these may not be seen as objective factors on their own (such as collegial relationships and supervision), they are still considered to have an objective nature because they are closely connected to other tangible aspects such as supervisors and coworkers. Moreover, these elements make up a significant portion of everyday workflow for individuals in terms of tasks like handling casework, processing directives, undergoing supervision, going through training programs, and applying work experience.

The second group of elements in the framework is referred to as secondary work circumstance. This situation is more subjective compared to the previous component because they arise within working situations as experiences rather than tangible phenomena. While many respondents may encounter these circumstances, not everyone does so, and each individual can interpret and attach different meanings to them. This category encompasses five specific working conditions recounted by the participants. These elements are: i) time and resource constraints, ii) workload and diversity, iii) keeping the interest of the child as work priority, iv) dealing with ambiguousness, and v) occupational wisdom. As mentioned earlier, these five factors make up the combination of experiences shared by the participants in handling child welfare cases. Some of these elements are broad and can be encountered by workers in various fields, not just limited to child welfare cases. On the other hand, there are specific aspects that are closely associated with working specifically on child welfare matters.

The framework also considers these groups of elements as mitigating circumstances that shape much of the workflow. The workers need to be constantly aware of these circumstances and incorporate or make use of them into their decision-making process. The primary working conditions, being objective, can be seen as the foundational building blocks of the worker's environment. These conditions underscore the importance of processes and hierarchy in ensuring the welfare department functions efficiently. The secondary working conditions illuminate the nuanced challenges and experiences that can be interpreted as deeply personal and varied, as they stem from individual interpretations of one's work environment. They highlight the intricacies of handling sensitive matters like child welfare.

The primary and secondary work circumstances are closely connected to the rigidity and dynamism of the working condition. The framework reveals that the Department of Social Welfare front-line respondents experience a range of workflow variations, with some being highly rigid while others are highly dynamic. A rigid working condition occurs when the work is heavily influenced by or dictated by a strict work structure. On the other hand, a more dynamic working condition arises when workers encounter more demanding situations in their tasks. In both cases, these conditions can be experienced either voluntarily or as a result of external factors compelling them into such situations.

By applying the above-mentioned spectrum of working conditions to the initial set of mitigating factors, a clearer understanding can be gained regarding the different scenarios that workers frequently encounter in their roles. A greater appreciation might be gained for the complexities of the job and the need for workers to exercise discretion in navigating these circumstances. For this reason, the third element of the framework is posited as an emergent explanation for the use of discretion within these working circumstances. Compared to the previous factors, discretion is the most subjective element. Instead of considering it as a fixed part of the work structure, this particular factor is viewed in the

framework as something that emerges. This essentially means that while individuals may exercise discretion knowingly or intentionally to accomplish tasks, many could be unaware that such actions might deviate from their established workflow. Unintentionally, their decisions introduce an aspect of bureaucratic decision making into the policy implementation process. In some cases, this introduction of discretion can have unpredictable effects on the overall policy process itself. Therefore, it is essential to label the use of discretion in relation to work as an option rather than a permanent characteristic embedded within the workflow.

REVISITING THE FRAMEWORK: SHEDDING NEW LIGHT INTO THE ROLES OF SLBS

In our first iteration of the framework, we have not elaborated in detail regarding the potential implications of the exercise of discretion by SLBs on policy implementation. The framework demonstrates in a typological manner the circumstances under which SLBs may exercise discretion, but it does not explicitly explore the consequences of this discretion on the policy process in general and more particularly to the workers themselves. The framework of the study also emphasizes that discretion arises as a somewhat natural result of these circumstances. In light of some contemporary discourse on the SLB theory and with regard to the concept of discretion, we would add to our earlier iteration of the framework by acknowledging the often-unpronounced implications of the discretion exercised by street-level workers on the policy process itself. One important implication pertains to the connection between discretion and bureaucracy, which is commonly perceived as two distinct concepts. However, under a different perspective, they can be seen as opposite ends of a continuum. The second implication is the potential for SLBs to affect change within the policy process.

Are Discretion and Bureaucracy Separate Entities?

Our framework implicitly demonstrates that discretion exists as a path of the decision-making process. Instead of viewing discretion as an autonomous action performed by workers while carrying out their tasks, it reveals a range of influencing factors that can affect the degree of flexibility in the worker's behaviour. These factors span from rigid and inflexible conditions to more fluid and adaptable circumstances. On the more rigid side of the spectrum lies bureaucracy which is characterized by strict adherence to rules and regulations. In such an environment, discretion is virtually non-existent since decisions are made based on predetermined guidelines and protocols. On the other end of the spectrum, in more fluid and adaptable circumstances, street-level bureaucrats may have a higher degree of discretion in making decisions based on their professional judgment and the specific needs and circumstances of the individuals they are serving. The continuum that characterises the bridge between these two ends has not been highlighted in our previous discussions. Yet upon reflection, this bridge needs to be acknowledged as it is where the potential implications of discretion on the policy process become more pronounced.

One of the prevailing interpretations of bureaucracy is that it is often linked to rigid adherence to rules and a lack of adaptability, ultimately limiting the autonomy of both workers and the citizens to whom they are accountable. The concept of discretion, on the other hand, is viewed as contradictory to the characteristics commonly associated with bureaucracy, such as hierarchy, formal procedures and structures, adherence to rules and regulations, and well-defined roles and responsibilities. This dichotomy shows a harsh

separation between discretion and bureaucracy, which is the dominant view of the nature of bureaucracy espoused by many within public administration and organizational fields of study (Perrow, 2014; du Gay & Pedersen, 2020).

However, a more nuanced understanding of the relationship between discretion and bureaucracy reveals that they are not necessarily separate entities, but rather exist on a continuum. This interpretation is not new, however. The notion of interlinking between bureaucracy and discretion goes back to Weber's discussion on bureaucracy. Built into Weber's idea of bureaucracy is the insistence on the necessity of situation-specific judgment, which recognizes that bureaucratic conduct depends upon prudential judgment and the use of discretion (du Gay & Pedersen, 2020). The term professional and professionalism are of consequence in explicating this. What constitutes professional and professionalism under such scrutiny? One view posits that bureaucracy and professionalism are linked by virtue of training and the indoctrination of skills and knowledge (Mintzberg, 1979). Through time, one who has been inculcated with profession-specific knowledge and skills - technical or otherwise - would learn to put them into practice. This process involves a considerable amount of discretion in the form of the exercise of wisdom and expertise based on professional standard, thus indicating significant professional autonomy (Freidson, 2001).

This analysis corresponds with our own depiction of discretion as a continuum of actions and decisions that street-level workers can exercise within the constraints of their professional roles. Regardless of their lowly position (perceived or otherwise), street-level workers are professionals in their own right, as they possess specialized knowledge and skills that are essential for carrying out their tasks effectively.

Street-level workers, who possess expertise in their respective domains and are recognized as professionals, are anticipated to utilize their skillsets and understanding to apply regulations judiciously. In this context, discretion suggests that street-level workers actively contribute to the execution, consequences, and efficacy of policies (Lipsky, 2010). By virtue of the above logic, the more they exercise their professional knowledge and skills, the more they engage with discretion which constitutes a function of professionalism and competency. Discretion, in this sense is not to be understood simply as arbitrary decision-making or the absence of rules and regulations. On the contrary, it pertains to the competence of making informed decisions and adjusting accordingly in specific circumstances as a reflection of their professional expertise and acquired wisdom.

SLBs As Potential Policy Entrepreneurs

Another line of discourse that pertains to our framework, particularly with regards to the discretionary behaviour of SLBs is the potential for them to affect change in broader policy context. SLBs are often regarded as powerful yet helpless policy implementers (Arnold, 2015; Maynard-Moody and Musheno 2003; Hupe and Hill 2007; Hubikova & Havlikova 2011). They lack the administrative or managerial capacity to affect change at the policy level, and their role is often perceived as simply carrying out the directives of higher-level decision-makers. Nevertheless, our analysis indicates that given the substantial portion of their work involves dealing with circumstantial conditions whereby rules and regulations could not be applied, 'innovations' could take place. In our framework, such innovations will mostly occur under the secondary circumstances (see Figure 1), where things are more dynamic and much more room available for SLBs to exercise discretion. In this instance

SLBs could be termed as 'policy entrepreneurs' (Arnold, 2015), which refers to individuals who actively engage in shaping and influencing policy, often by identifying and seizing opportunities for change.

Street-level policy entrepreneurs create or embrace innovative course of actions with the goal of enhancing implementation processes and integrating these innovations into their daily routines. However, such innovations will be limited to the particular circumstances under which the SLBs operate. Any changes or improvement (including divergence) to the situation remains localized and will not affect policy in any capacity. In fact the actions of SLBs could also bring harm to them if their 'innovations' do not work in favour of the situation or when they deliberately diverge from their prescribed roles.

One potential hindrance in this context is the fact that autonomous actions taken by SLB rarely noticeable to the outside world, much less to be considered as innovation. The perception that discretion could be antithetical to established policies and procedures may make it difficult for SLBs to be recognized as policy entrepreneurs. This is particularly true in the case of young or inexperienced SLBs, who may face skepticism or resistance from higher-level decision-makers who may see their actions as deviating from established protocols.

According to Mettang (2022), this has something to do with the fact that the policy process can happen in top-down and bottom-up fashion. The more common top-down approach involves policy-making by higher-up bureaucrats with their lower rung counterparts acting as mere implementers. Discretions or innovations are discouraged because they could lead to divergence and undermine the prescribed policies. On the other hand, according to the bottom-up perspective, SLBs are seen as having the potential to play a part in policy-making because of their direct experience and understanding of specific situations that existing policies do not adequately address.

A rethink of the outcome of the study, as outlined in the framework, indicates that by reframing our perspective, we can view the actions undertaken by SLBs within their discretionary sphere as innovative (rather than prohibitive or disruptive). Although this term may not be widely embraced in policy circles, it underscores the potential for SLBs to greatly influence and improve their service offerings. If a more grassroots approach to policy development were applied, in which SLBs are recognized as policy innovators, any positive course of action initiated by the SLBs has the potential to result in a legitimate means of creating policies.

An offshoot from the preceding discussion is the recognition of the role of SLBs as part of the policy-making process. In other words, policymaking could become more inclusive and at the same time empowering for the SLBs (Marston & Davidson, 2020). The aforementioned concept of policy entrepreneurship is an approach that pleads recognition for their contributions, appreciates their valuable knowledge and frames their expertise as something valuable rather than disruptive. Effectively, SLBs are professionals in their own right. Professionalism, as previously stated, involves the inculcation of values pertinent to the nature of the profession. If the profession itself demands a certain amount of autonomous action and discretionary decision-making, then it is crucial that SLBs are trained and equipped with the necessary skills and knowledge to navigate these responsibilities effectively. More importantly, is the recognition that they are in the position to make judgment calls whenever is necessary. Therefore, their role as policy

innovators should become imbued into their professional status. Achieving this however requires reimagining of the work structure and perhaps more crucially training with the right mindset, not only on behalf of the agency but the SLBs themselves.

CONCLUSION

This article revisits our previous discussions on the findings of a study conducted in 2018. A typological framework was proposed in the study to capture the various situations that make up the working conditions of front-line workers of the Malaysian Department of Social Welfare who deal with child welfare cases. The framework emphasizes how different sets of circumstances at work are connected to the street-level workers' ability to exercise discretion.

Continuing from our previous conclusions, this article presents extended observations of the findings, particularly with regard to the emerged framework and its interpretation. In light of some new discourse on the idea of discretions in particular, we shed some new light into the nature of street-level workers and their role in the policy process. Firstly we postulate that our framework tells more that we previously acknowledged about the link between bureaucracy and the exercise of discretion by the SLBs. Despite the perceived separation between the autonomous actions of SLBs and the bureaucratic structure, there is an essential link between the two which involves reframing the role of SLBs as professionals rather than mere policy implementers. Secondly, there is a larger implication from what we have discovered from our study with regard to the policy process. SLBs are essentially policy entrepreneurs who hold unique position in the policy landscape. Instead of simply considering them as insignificant parts of a system, it is advantageous to view SLBs as an outcome that arises from a highly intricate and interconnected system. This perspective shift allows for a more extensive involvement in the policy process and helps solidify their professional standing.

ACKNOWLEDGEMENT

This research was supported by Ministry of Higher Education (MOHE) of Malaysia through Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2015), S/O Code: 13247.

REFERENCES

- Arnold, G. (2015). Street-level policy entrepreneurship. *Public Management Review*, 17(3), 307-327.
- Freidson, E. (2001). *Professionalism, the third logic: On the practice of knowledge*. The University of Chicago Press.
- du Gay, P. & Pedersen, K. Z. (2020). Discretion and bureaucracy. In T. Evans & P. Hupe (Eds). *Discretion and the Quest for Controlled Freedom* (pp. 221 - 236). Palgrave Macmillan.

- Hubikova, O. & Havlikova, J. (2011). Reforming Czech social services: Influence of the Implementation of National Quality Standards Active User Imperative on the Primary Process. *Sociologia*, 43(3), 219–41.
- Hupe, P., & Hill, M. (2007). Street-Level bureaucracy and public accountability. *Public Administration*, 85(2), 279-299.
- Lipsky, M. (2010). *Street-level bureaucracy, 30th ann. Ed.: dilemmas of the individual in public service*. Russell Sage Foundation.
- Marston, G. & Davidson, D. (2020). Discretion and empowerment. In T. Evans & P. Hupe (Eds). *Discretion and the Quest for Controlled Freedom* (pp. 93 - 110). Palgrave Macmillan.
- Maynard-Moody, S. & Musheno, M. C. (2003). *Cops, teachers, counselors: stories from the front lines of public service*. University of Michigan Press.
- Mettang, O. (2022). Street-Level workers as institutional entrepreneurs: Agents of change in the implementation of public policy. Springer.
- Mintzberg, H. (1979). *The structuring of organizations: A synthesis of the research*. Prentice Hall
- Noor Azizah Ahmad, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Mariny Abdul Ghani, Norruzeyati Che Mohd Nasir (2018). *Developing a typological framework of service delivery in child welfare services from the perspective of street-level bureaucrats*. Unpublished Technical Report. Fundamental Research Grant Scheme.
- Perrow, C. (2014, 1972). *Complex organizations: A critical essay* (3rd ed.). Echo Point Books.

ISU KEBOLEHPASARAN BEKAS BANDUAN KE ARAH KEUSAHAWANAN: SATU KAJIAN LITERATUR

Ammar Azriman Kasman¹, Md Zawawi Abu Bakar² & Kamarudin Ngah³

^{1,2}Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia
(Emel : azrimanamm@gmail.com, zawawi@uum.edu.my)

³Pusat Pengajian Kerajaan,
Universiti Utara Malaysia
(Emel : kamaudinngah@uum.edu.my)

Abstrak

Terdapat kebimbangan dalam kalangan masyarakat apabila bekas banduan dibebaskan dari penjara. Situasi ini timbul ekoran terdapat kalangan banduan terlibat pengulangan semula (residivism) aktiviti jenayah selepas mereka habis tempoh hukuman di penjara. Meskipun terdapat pelbagai program rehabilitasi dan modul standard yang diimplimentasikan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) terhadap banduan sebelum dibebaskan. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah program koreksional yang dikendalikan oleh JPM kurang berkesan, Sorotan kajian terhadap beberapa penyelidikan oleh penyelidik terdahulu telah menunjukkan dua punca utama isu dalam kebolehpasaran bekas banduan: (1) keengganan majikan, termasuk industri, untuk menerima bekas banduan bekerja, memaksa mereka bergantung kepada sumber mereka sendiri untuk terus hidup; dan (2) wujudnya kekangan modal dan pengetahuan bagi mereka yang ingin memulakan dan mengendalikan perniagaan. Kertas kerja ini cuba membuat sorotan literature terhadap permasalahan yang berlaku terhadap bekas banduan yang dibebaskan dari penjara. Meskipun terdapat banyak isu, namun kertas kerja ini cuba memfokuskan terhadap enam (6) isu kebolehpasaran bekas banduan. Hal ini dilihat oleh pengkaji antara punca mengapa bekas banduan kembali terjebak dengan jenayah setelah dibebaskan (residivisme) iaitu i) Kemasukan pekerja asing; ii) Kesukaran mendapat pekerjaan; iii) Stigma masyarakat; iv) Kesukaran mendapat pembiayaan; v) Tumpuan kepada isu global dan vi) Kurang pengetahuan dan kemahiran. Justeru itu, selain daripada bekerja dengan majikan, sebenarnya penglibatan bekas banduan dalam bidang keusahawanan juga antara mekanisme yang boleh membantu kesinambungan hidup bekas banduan dalam masyarakat. Penyelidikan secara kualitatif ini kelak akan membantu meningkatkan kebolehpasaran bekas banduan serta memainkan peranan mereka dalam masyarakat sebagai usahawan dan pemilik perniagaan.

Kata kunci: Kebolehpasaran, keusahawanan, bekas banduan, koreksional, residivis

PENGENALAN

Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan nadi penggerak pembangunan Dasar Keusahawanan Nasional Malaysia 2030 (DKN 2030), yang merupakan dasar komprehensif pertama negara dalam bidang keusahawanan. Tujuan dasar itu adalah untuk menunjukkan Malaysia ke landasan yang betul agar ia menjadi negara keusahawanan perintis menjelang tahun 2030. Mantan menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Redzuan Yusof pada ketika itu, berpendapat penyelarasan semula ekosistem keusahawanan akan menyediakan golongan kurang bernasib baik (DKN 2030 p. iii, 2019).

Program Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP), yang cuba membangunkan lebih ramai usahawan dalam kalangan bekas banduan dan penagih dadah, Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi, Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial (SEMy2030), dan semua latihan keusahawanan daripada dasar tersebut. Kerajaan Malaysia akan memberikan pelepasan cukai pendapatan kepada syarikat sosial yang menggaji orang cacat, bekas banduan, bekas pengguna dadah, dan gelandangan selama tiga tahun. Pengecualian juga akan diberikan kepada perniagaan yang mementingkan alam sekitar. Pelan Rangka Tindakan Sosial Malaysia (SEMy) 2030 juga mengandungi pelepasan cukai untuk mereka yang menyumbang kepada inisiatif perusahaan sosial (Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030), 2019). SEMy2030 akan dilaksanakan dalam dua fasa dari 2021 hingga 2025, dengan matlamat memperkukuh ekosistem keusahawanan sosial. Fasa kedua, yang bermula pada 2026 dan berakhir pada 2030, bertujuan untuk mengarusperdanakan perusahaan sosial (Malaysia Gazette, 2022). Melalui Program Usahawan Kluster Baharu, Kementerian Pembangunan Usahawan mendekati individu yang pernah dipenjarakan, penyalahguna dadah yang dipulihkan, dan golongan muda (Bernama, 2022). Mewujudkan masyarakat dengan minda dan budaya keusahawanan dengan memupuk ekosistem keusahawanan yang holistik, meningkatkan kebolehan usahawan tempatan, meningkatkan akses kepada pembiayaan dan sokongan kewangan, pasaran domestik dan antarabangsa, serta inovasi dan teknologi usahawan (Astro Awani, 2022).

Inisiatif DKN 2030 membantu bekas banduan membina perusahaan. Ini termasuk Program KUSKOP, yang menggalakkan bekas banduan dan penagih dadah menjadi usahawan, program latihan keusahawanan tempatan, dan program sokongan kewangan seperti pinjaman mikro dan zakat. Projek-projek ini menggalakkan bekas banduan untuk memulakan firma dan mengakses sumber kewangan dengan memupuk budaya keusahawanan (berita.rtm.gov.my, 2022). Melalui inisiatif seperti program pinjaman mikro dan bantuan zakat, serta program latihan untuk keusahawanan, DKN 2030 berusaha untuk menyediakan modal teroka kepada individu yang pernah dipenjarakan. Usaha ini mempunyai matlamat menyeluruh untuk memupuk sikap dan budaya keusahawanan di seluruh masyarakat. Bekas pesalah mempunyai pilihan untuk meminta bantuan daripada organisasi kerajaan seperti KUSKOP atau organisasi lain yang menyediakan sokongan kewangan.

Melalui program dan agensi yang berbeza, program DKN 2030 memberikan wang tunai permulaan kepada orang yang pernah berada di penjara. Bekas banduan mesti mendaftar sebagai usahawan, mendapatkan nombor pendaftaran perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mendaftar dengan agensi sokongan kewangan seperti KUSKOP, mengisi permohonan, dan menunggu kelulusan. Bekas pesalah boleh memulakan perniagaan dengan bantuan program seperti pinjaman mikro dan bantuan zakat, dan program latihan keusahawanan memberi mereka maklumat dan kemahiran yang mereka perlukan (Amly, 2019). Agensi kerajaan seperti KUSKOP dan organisasi lain yang memberi sokongan kewangan mungkin terlibat dalam proses saringan individu yang pernah dipenjarakan yang menjadi calon modal teroka di bawah program DKN 2030.

Menurut Datuk Nordin Muhamad, Ketua Pengarah Penjara, kadar ulangan negara, atau kesalahan berulang yang dilakukan oleh bekas banduan, adalah 14.97% pada 2021. Mengikut kadar itu, 15 daripada setiap 100 banduan yang dibebaskan akan kembali ke penjara dalam tempoh tiga tahun. Jika dibandingkan dengan banduan yang diberi pilihan untuk menyertai Program Pemulihan Komuniti sebelum dibebaskan, ia hanya melaporkan

0.38%, membayangkan bahawa hanya satu daripada 260 dikembalikan ke penjara. Hasilnya, Jabatan Penjara berusaha keras untuk memastikan kejayaan Program Pemulihan Dalam Komuniti. terutamanya sekarang, apabila kita ingin melindungi rakyat dan masyarakat kita daripada menjadi mangsa kekejaman yang berulang. (RTM, 2022).

PROGRAM KEUSAHAWANAN TERHADAP BEKAS BANDUAN

Program Bantuan Kebajikan Masyarakat 1Malaysia (KARISMA) menyediakan bekas banduan dengan peralatan bernilai RM190,000 untuk menubuhkan perniagaan dalam usaha untuk memperbaiki kehidupan mereka selepas dibebaskan (mStar, 2012). Menurut Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mantan Menteri Belia Dan Sukan (KBS) menyatakan Projek Reben Kuning antara usahama Kementerian Belia Dan Sukan telah dimulakan pada Oktober 2018 dengan hasrat untuk memberi komuniti yang kurang mendapat peluang kedua dalam kehidupan melalui pembangunan kemahiran, penyertaan dalam sukan, usaha perniagaan, peningkatan kebolehpasaran dan kempen kesedaran. Ia selaras dengan Dasar Belia Malaysia yang menekankan potensi modal insan golongan muda bagi tujuan pembangunan strategik dan penghapusan stigma dalam masyarakat (Kementerian Belia Sukan, 2020). Program Jabatan Penjara Malaysia berkobelarasi dengan syarikat multinasional dalam program latihan korporat yang bertujuan untuk mengurangkan populasi penjara dan memperbaiki kehidupan tahanan. Program ini menyediakan peluang parol untuk membina masa depan yang menjanjikan dan mengurangkan kesesakan penjara. Program ini juga menyediakan latihan pekerjaan dan peluang pekerjaan kepada pesalah kecil. Felcra Berhad dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) bekerjasama dalam inisiatif Latihan Pintar Korporat (CSI), yang menyediakan latihan perladangan dan 907 orang pekerja bekas banduan di sektor pertanian telah dilatih dan diambil bekerja di 38 ladang Felcra (Harian Metro, 2019). Jabatan Penjara Malaysia bekerjasama dengan agensi lain untuk menyediakan akses kepada peluang pekerjaan kepada individu yang dipantau, parol, dan bekas pesalah (Program I-Kembali Menyediakan Peluang Pekerjaan Untuk Bekas Banduan, 2021). Bertujuan untuk membantu individu yang pernah dipenjarakan dalam memulakan perniagaan dan mendapatkan sokongan untuk memulakan kewujudan yang lebih baik (Astro Awani, 2022). Objektif program i-Kembali Pertubuhan Sahabat Ghullam Kembali adalah untuk membantu bekas banduan mencari pekerjaan dan memulakan kewujudan baharu (Zain, 2021). Bagi menangani isu kekurangan buruh dan mewujudkan masyarakat sivil yang sejahtera, Menteri Sumber Manusia V. Sivakumar mencadangkan kerjasama antara jabatannya dan Jabatan Penjara melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Matlamat gabungan itu adalah untuk membantu bekas pesalah mencari pekerjaan yang menguntungkan dengan mengesyorkan mereka kepada perniagaan dan memberi mereka insentif untuk merekrut mereka (Harian Metro, 2023). Program Pemeraksanaan Kerjaya, Pemeraksanaan Kerjaya dalam TVET dan Program Pembinaan Kerjaya akan menyediakan insentif kepada perniagaan yang melibatkan belia menganggur jangka panjang, Orang Asli, wanita, orang kurang upaya (OKU), golongan yang sangat miskin, individu yang dibebaskan parol, bekas banduan. , dan graduan TVET (Astro Awani, 2023). Menurut Dato Sri Fatimah Abdulah (Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti) menjelaskan bahawa geran sederhana disediakan untuk membantu individu yang pernah dipenjarakan menggunakan kemahiran, pengetahuan dan latihan mereka untuk mencapai kejayaan (Program E-Life Bantu Bekas Banduan Berdikari, 2023).

ISU KEBOLEHPASARAN BEKAS BANDUAN DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada sorotan kajian terdahulu terdapat beberapa isu yang boleh dibangkitkan berkaitan isu-isu kebolehpasaran bekas banduan. Ianya menjadi halangan dan cabaran bagi Jabatan Penjara Malaysia dalam usaha membantu kepulihan bekas banduan dalam komuniti. Antara isu-isu tersebut ialah:

i. Kemasukan Pekerja Asing

Menurut Ketua Jabatan Penjara Malaysia, Dato' Haji Nordin Haji Muhamad, cabaran yang dihadapi Jabatan Penjara Malaysia sekarang ialah kemasukan semula pekerja asing yang mengakibatkan syarikat menarik diri daripada program Corporate Smart Internship, yang mempunyai kesan ke atas tawaran kerja kepada bekas banduan (Suara Merdeka, 2023). Ini kerana kemasukan pekerja asing dengan kos dan upah yang murah mendorong majikan mengambil pekerja asing dalam syarikat mereka. Keadaan ini menyebabkan peluang bekas banduan untuk mendapatkan pekerjaan terjejas. Tanpa pekerjaan dan punca pendapatan bekas banduan terdorong untuk relaps dan residivis. Malaysia menghadapi kekurangan buruh yang kritikal dalam sektor seperti pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan, khusus pekerjaan 'kotor, berbahaya dan sukar' 3D, di mana rakyat tempatan tidak mahu isi kerana kengganan majikan dalam meningkatkan kadar upah. (Md Isa et al., 2021). Permintaan buruh yang tinggi dalam industri pembinaan Malaysia membawa kepada penguasaan pekerja asing, yang menyebabkan isu ekonomi, sosioekonomi, dan politik, seperti isu sosial, peningkatan jenayah, dan kadar pengangguran yang lebih tinggi dalam kalangan penduduk tempatan (Syed Jamalulil et al., 2022).

ii. Kesukaran Mendapat Pekerjaan

Individu yang telah dipenjarakan kerap menghadapi cabaran dalam mendapatkan pekerjaan dan mendapatkan sokongan daripada komuniti setempat mereka. Kesukaran ini menghalang kejayaan integrasi semula mereka ke dalam masyarakat dan sering menyumbang kepada residivisme (Berita Harian, 2023). Bekas banduan perlu mempelajari kemahiran hidup dan kerja yang berharga dengan meneroka kemungkinan kerjaya mereka, yang boleh membantu mereka pada masa kini dan masa hadapan (Ibrahim et al., 2019). Sentimen keengganan, masalah jenayah dadah di kalangan bekas banduan gelandangan adalah besar serta tentangan dan kekurangan keinginan untuk berubah, mereka ini sering berulang dalam jenayah dadah (Jasni et al., 2022). Hakisan struktur keluarga di kalangan mereka yang telah dipenjarakan. Ketidakupayaan bekas banduan untuk bersatu semula dengan keluarga mereka menjadi penunjuk kejayaan terhad mereka dalam mencapai integrasi sosial. Penolakan keluarga terhadap penyepaduan semula bekas banduan ke dalam unit keluarga (Jasni et al., 2020). Pendapat majikan mengenai penggajian individu yang mempunyai rekod jenayah melibatkan pertimbangan seperti memahami sebab asas jenayah yang dilakukan, menilai tahap risiko yang dirasakan berkaitan dengan menggaji bekas pesalah, menilai sifat peribadi individu ini, menilai bakat mereka, dan mengukur tahap keterukan kesalahan (Baffour et al., 2020).

iii. Stigma Masyarakat

Stigma merupakan isu yang sering kali dihadapi oleh banduan apabila dibebaskan ke dalam komuniti. Orang yang pernah dipenjarakan sering dielakkan dan dipandang rendah sehingga menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan (Berita Harian, 2023). Cabaran yang besar berkaitan stigma kepada bekas banduan ialah dihina dan

didiskriminasi oleh pasangan, keluarga, serta komuniti setempat. Justeru ketahanan diri bekas banduan perlu kuat dan tabah terhadap cemuhan dan sindiran oleh persekitaran. Begitu juga, dalam aspek keboleh pasaran pekerjaan dan keusahawanan status sebagai bekas banduan memberi impak negatif kepada mereka. Permohonan kerja ditolak atas alasan status diri adalah lumrah yang perlu dihadapi bekas banduan. Menurut Baffour et al., (2020) bekas pesalah menghadapi stigmatisasi dan layanan yang merendahkan dalam masyarakat, yang menyekat keupayaan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang sah, mewujudkan hubungan percintaan, malah mengekalkan ikatan platonik dan kekeluargaan.

iv. Kesukaran Mendapatkan Pembiayaan

Disebabkan rekod jenayah mereka, individu yang pernah dipenjarakan mengalami kesukaran mendapatkan pembiayaan perniagaan dan bekas banduan kadangkala mengalami kesukaran untuk mengekalkan hubungan perniagaan yang sihat, yang boleh memberi kesan kepada bekalan bahan mentah dan rangkaian. (Jamal, 2019). Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk memberi peluang kepada individu yang pernah dipenjarakan yang berminat untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Program dan dasar ini direka bentuk untuk membantu individu yang pernah dipenjarakan dalam mendapatkan pekerjaan dan mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat (Teks Ucapan Penuh Belanjawan., 2023). Menurut Timbalan Ketua Pengarah Penjara, Abdul Aziz menggesa lebih banyak NGO menghalang bekas banduan daripada melakukan kesalahan lagi dan dipenjarakan semula. Sejak 2008, Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan sistem parol, dengan hanya 0.4% orang parol melakukan kesalahan baharu dalam tempoh tiga tahun.

v. Tumpuan Kepada Isu Global

Menurut Pengarah Bahagian Parol dan Khidmat Masyarakat, Datuk Ibrisam Abdul Rahman, melahirkan rasa kesal terhadap tumpuan NGO Islam tempatan terhadap isu antarabangsa dan mencadangkan supaya memberi keutamaan kepada keperluan bekas banduan yang terdedah (Rosli, 2021). Penumpuan kepada isu-isu antarabangsa yang berlebihan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam tempatan menyebabkan isu-isu setempat yang sepatutnya menjadi keutamaan telah terpinggir. Sepatutnya NGO mengutamakan keperluan domestik dan membantu bekas pesalah yang terdedah kepada residivis atau relaps, kerana mereka sering menghadapi kesukaran untuk mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Bekas pesalah mempunyai halangan kerjaya kerana stigma, kekurangan pendidikan, pilihan pekerjaan terhad dan halangan undang-undang.

vi. Kurang Pengetahuan dan Kemahiran

Mengurangkan residivisme dan meningkatkan hasil pekerjaan memerlukan pendidikan dan latihan vokasional. Penambahbaikan dasar, seperti perundangan "ban the box law", serta program pendidikan dan latihan vokasional, semuanya boleh membantu menggalakkan penerimaan semula yang berkesan (Zakaria et al., 2018). Implikasi penting untuk memupuk motivasi dan pengetahuan dalam kalangan gelandangan yang pernah dipenjarakan untuk menceburi kerjaya sebagai usahawan (Jasni et al., 2022). Manakala majikan lebih berhati-hati untuk mengambil bekas pesalah untuk bekerja kerana lebih berhati-hati dengan keseriusan jenayah yang dilakukan sebelum ini. Perniagaan boleh membantu individu yang pernah dipenjarakan dengan memberi mereka layanan yang saksama, sokongan emosi dan bantuan kewangan (Nee et al., 2022). Konsep kemasukan semula terutamanya tertumpu pada proses penyepaduan semula individu yang

dipenjarakan kembali ke dalam masyarakat, walaupun ia gagal untuk mengiktiraf kekurangan integrasi yang sedia ada yang dialami oleh individu ini sebelum mereka dipenjarakan (Bushway, 2006).

RUMUSAN

Ringkasnya, adalah penting untuk mengutamakan isu kebolehpasaran, keusahawanan, dan penyepaduan semula bekas banduan untuk memupuk masyarakat yang lebih inklusif dan selamat. Dengan mencabar prasangka masyarakat, memupuk minda yang kondusif untuk keusahawanan, dan memperuntukkan sumber ke arah proses pemulihan, kami mungkin mencipta peluang secara berkesan bagi mereka yang telah menamatkan hukuman mereka, justeru memudahkan merealisasikan prospek yang lebih menjanjikan dalam kehidupan mereka. Pengurangan residivisme memerlukan usaha kolaboratif yang merangkumi entiti kerajaan, organisasi dan individu.

RUJUKAN

- Amly, W. S. (2019). *DKN 2030 wujud ekosistem keusahawan holistic – Tun Mahathir*. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dkn-2030-wujud-ekosistem-keusahawan-holistik-tun-mahathir-212395>
- Astro Awani. (19 Mei 2022). Kuskop sasaran lahir lebih ramai usahawan bekas banduan, penagih dadah. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kuskop-sasar-lahir-lebih-ramai-usahawan-bekas-banduan-penagih-dadah-362151>
- Astro Awani (14 April 2023). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insentif-kerjaya-madani-2023-dilancar-415394>. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insentif-kerjaya-madani-2023-dilancar-415394>
- Baffour, F. D., Francis, A. P., Chong, M. D., Harris, N., & Baffour, P. D. (2020, September 22). Perpetrators at First, Victims at Last: Exploring the Consequences of Stigmatization on Ex-Convicts' Mental Well-Being. *Criminal Justice Review*, 46(3), 304–325. <https://doi.org/10.1177/0734016820960785>
- Berita Harian (25 Februari 2023) *Ini teks ucapan penuh Belanjawan 2023*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068771/ini-teks-ucapan-penuh-belanjawan-2023>
- Berita.rtm.gov.my. (2022, May 19). KUSKOP komited lahir usahawan kalangan bekas banduan, OKU dan belia. Portal Berita RTM. Diakses dari <https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/ekonomi/40126-kuskop-komited-lahirkan-usahawan-kalangan-bekas-banduan-oku-dan-belia>
- Bernama. (19 Mei 2022). Kuskop Sasar Lahirkan Lebih Ramai Usahawan Dalam Kalangan Bekas Banduan, Penagih Dadah. Diakses dari <https://www.Bernama.Com/Bm/News.Php?Id=2082607>
- Bushway, S. D. (2006, November). The Problem of Prisoner (Re)Entry. *Contemporary Sociology: A Journal of Reviews*, 35(6), 562–565. <https://doi.org/10.1177/009430610603500607>

- Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (P. iii). (2019, May 9). Kementerian Pembangunan Usahawan.
- Harian Metro. (10 November 2019). Sediakan ruang untuk banduan. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/515984/sediakan-ruang-untuk-banduan>
- Harian Metro. (6 April 2023.). *Lebih 70,000 banduan sihat, produktif berpeluang dapat kerja [METROTV]*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/953870/lebih-70000-banduan-sihat-produktif-berpeluang-dapat-kerja-metrotv>
- Ibrahim, F., Nen, S., Sar, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., Wan Sulaiman, W. S. & Zakaria, E. (2016). Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Penyediaan Modul Kemahiran Pengurusan Keusahawanan Di Jabatan Penjara Malaysia. *E-Bangi, 11*, 91-105.
- Jamal, A. A. (2019, September 3). Bekas banduan, penagih dadah dibantu kembali ke pangkuan masyarakat. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/09/603191/bekas-banduan-penagih-dadah-dibantu-kembali-ke-pangkuan-masyarakat>
- Jasni, M. A., Hassan, N., Ibrahim, F., Kamaluddin, M. R., & Che Mohd Nasir, N. (2022, May 31). Motivasi Pengulangan Kesalahan Dadah Dan Ketidakinginan Berubah Gelandangan Bekas Banduan Di Jalan Chow Kit. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities, 4*. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1904.08>
- Jasni, M. A., Nasir, N. C. M., & Hassim, M. N. (2020). HUBUNGAN KEKELUARGAAN DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN BEKAS BANDUAN DALAM PROSES INTEGRASI SEMULA. *e-BANGI, 17*(2), 186-197.
- Kementerian Belia Sukan. (18 Februari 2020). 24,234 Orang Peserta Terlibat Dengan Pelaksanaan Tahun Pertama Projek Reben Kuning. 24,234 Orang Peserta Terlibat Dengan Pelaksanaan Tahun Pertama Projek Reben Kuning. Diakses dari <https://www.Kbs.Gov.My/Arkib-Berita-Kbs/4810-24-234-Orang-Peserta-Terlibat-Dengan-Pelaksanaan-Tahun-Pertama-Projek-Reben-Kuning.Html>
- Malaysia Gazette (23 April 2022). SEMy2030: Pengecualian cukai tiga tahun kepada perusahaan sosial. Diakses dari <https://malaysiagazette.com/2022/04/23/semy2030-pengecualian-cukai-tiga-tahun-kepada-perusahaan-sosial/?amp>
- Md Isa, M. A., Abd Razak, M. F., Mohamed, S., Wan Ibrahim, W. M. F., Noh, M. K. A., Nasrul, F., & Hassan, S. S. (2021, March 21). Economic Determinants and Foreign Labour Force: Evidence from Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11*(3). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i3/8828>
- mStar. (2012, February 13). Bantuan RM190,000 Kepada Bekas Banduan Mulakan Perniagaan - Semasa | mStar. Bantuan RM190,000 Kepada Bekas Banduan Mulakan Perniagaan - Semasa | mStar. Diakses dari

- <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/02/14/bantuan-rm190000-kepada-bekas-banduan-mulakan-perniagaan>
- Nee, W. Y., Kartar Singh, J. S., & Kularajasingam, J. (2022, August 25). Exploring the Perceptions of Malaysian Employers Towards Hiring Ex-Offenders. *Journal of Public Administration and Governance*, 12(3), 1. <https://doi.org/10.5296/jpag.v12i3.20216>
- Noruzi, M. R., Westover, J. H., & Rahimi, G. R. (2010). An Exploration Of Social Entrepreneurship In The Entrepreneurship Era. *Asian Social Science*, 6(6). <https://doi.org/10.5539/Ass.V6n6p3>
- PERKESO, JPM sediakan pekerjaan kepada bekas banduan | Suara Merdeka. (2023, April 7). Diakses dari <https://suaramerdeka.com.my/perkeso-dan-jabatan-penjara-malaysia-jalin-kerjasama-sedia-peluang-pekerjaan-kepada-bekas-banduan/>
- Program E-Life bantu bekas banduan berdikari. (2023, April 4). Program E-Life Bantu Bekas Banduan Berdikari | Diakses dari <https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/04/program-e-life-bantu-bekas-banduan-berdikari>
- Program I-Kembali menyediakan peluang pekerjaan untuk bekas banduan. (7 December 2021). Diakses dari <https://i-kembali.com.my/>
- Shahrulnizam, A. (2023, February 10). Diskriminasi masyarakat punca bekas banduan sukar hidup di luar penjara, ulangi jenayah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1062001/diskriminasi-masyarakat-punca-bekas-banduan-sukar-hidup-di-luar>
- Syed Jamalulil, S. N. N., Hussin, S. N., Mat Salleh, N., Mohd Kamar, I. F., & Rizam, K. N. (2022, September 6). High Dependency on Foreign Workforce in Malaysian Construction Industry. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i9/14488>
- RTM. (2022, April 9). 14.97% kadar residivis berkaitan bekas banduan direkodkan. Portal Berita RTM. Retrieved August 4, 2023, from <https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/37727-14-97-kadar-residivis-berkaitan-bekas-banduan-direkodkan>
- Zain, N. (2021). Perlu NGO bantu cegah jenayah berulang bekas banduan. Diakses dari <https://malaysiagazette.com/2021/03/14/perlu-ngo-bantu-cegah-jenayah-berulang-bekas-banduan/>

CABARAN PEKERJA KES (PELINDUNG) MENGURUSKAN KES PENGANIAYAAN KANAK-KANAK SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Arbainyah Abdullah¹ & Azlin Hilma Hillaluddin²

¹Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan
(Emel: asmadisan@yahoo.com)

²Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
(Emel: hilma@uum.edu.my)

Abstrak

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negara semasa pandemik COVID-19 di antara tahun 2020 sehingga awal tahun 2022 menyumbang kepada peningkatan berlakunya kejadian penderaan dan penganiayaan kanak-kanak di Malaysia. Peningkatan kes ini telah memberi kesan secara langsung kepada Pekerja Kes (Pelindung) di Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menguruskan kes kanak-kanak semasa pelaksanaan PKP. Kajian ini dilaksanakan terhadap empat orang responden yang menjadi Pelindung di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan menggunakan kaedah kualitatif secara temubual bersemuka bagi mengkaji cabaran yang dihadapi mereka semasa menguruskan kes penganiayaan kanak-kanak semasa PKP. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat tujuh tema cabaran yang dikenalpasti iaitu peningkatan bebanan kerja, ancaman keselamatan diri, tekanan emosi, masalah kesihatan dan risiko jangkitan, masalah penempatan kanak-kanak dan keluarga ganti, pergerakan yang terbatas dan cabaran menggunakan peralatan teknologi.

Kata kunci : *Perlindungan kanak-kanak, penganiayaan kanak-kanak, pelindung, pekerja kes, pengurusan kes.*

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 telah memberikan kejutan kepada masyarakat di seluruh dunia yang belum pernah dialami oleh manusia pada abad ini (Ab Razak & Aziz, 2020). Di Malaysia, virus ini telah tersebar pada akhir Januari 2020 ketika pelancong dari China yang tiba di Johor melalui Singapura diuji positif virus tersebut. Melihat kepada penyebaran pantas virus ini ke hampir kesemua negeri, maka pada 16 Mac 2020, Mantan Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 31 Disember 2020 bagi mengekang peningkatan kes positif. Akibatnya, bermula Mac 2020, berlaku perubahan kepada gaya hidup rakyat Malaysia yang memberi kesan kepada ekonomi, psikologi, pendidikan, kesihatan dan kesihatan mental. Antara kesannya ialah kanak-kanak dan remaja Malaysia menghadapi penangguhan persekolahan serta segala aktiviti pergerakan luar rumah adalah dihadkan.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di dalam negara sepanjang pandemik COVID-19 merupakan penyumbang kepada peningkatan berlakunya kejadian penganiayaan kanak-kanak di Malaysia. Tekanan dan emosi negatif ibu bapa turut mengundang kepada gaya asuhan yang kasar dan berpotensi untuk berlakunya penderaan

kanak-kanak. Kegagalan ibu bapa dan penjaga dalam melaksanakan tanggungjawab menyebabkan berlakunya pengabaian dan kecuiaan kepada anak-anak. (Abdul Aziz, et. al, 2020). Menurut Akta Kanak-kanak 2001, seseorang kanak-kanak itu dianggap dcederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan yang substansial dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan yang dilakukan dengan sengaja yang dapat dilihat antara lain dalam bentuk laserasi, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang, dislokasi, seliuh, pendarahan, pecah viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi (Akta Kanak-kanak 2001, seksyen 17 (2)(a)).

Melalui Akta Kanak-Kanak 2001, Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat telah diwartakan sebagai Pelindung di bawah Seksyen 8 Akta Kanak-Kanak 2001 yang bertanggungjawab untuk menyelamatkan dan melindungi kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat turut mempunyai dasar dan manual kualiti MS ISO 9002:1994 bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti dan professional berteraskan nilai kerja sosial demi memenuhi keperluan dan kepuasan klien dalam mewujudkan masyarakat yang sejahtera.

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian mengenai pengalaman pekerja kes di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan iaitu Pelindung dalam mengendalikan kes-kes penganiayaan kanak-kanak semasa tempoh PKP. Fokus perbincangan adalah mengenai cabaran yang mereka hadapi semasa menguruskan kes.

METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual separa struktur yang melibatkan pemerhatian, catatan, perakam suara, senarai semak dan laporan atau rekod rasmi yang berkaitan dengan penyelidikan ini (Kunkowska, 2014). Kajian berbentuk kualitatif dipilih kerana ia memberi pemahaman yang mendalam terhadap isu atau aspek yang dikaji (Myring, 2014; Kamarul Azmi Jasmi, 2012), dan memberi peluang kepada individu atau responden untuk memberikan maklumat berdasarkan pemahaman dan pengetahuan mereka dalam satu-satu bidang itu. Lokasi kajian yang dipilih ialah di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuantan Pahang. Empat orang pekerja kes (Pelindung) yang menguruskan kes penganiayaan kanak-kanak semasa PKP dilaksanakan telah dipilih sebagai responden. Pemilihan responden adalah berdasarkan kriteria berikut;

- i. Pekerja kes berjawatan sebagai Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S29 yang diwartakan sebagai Pelindung di bawah Seksyen 18 Akta Kanak-Kanak 2001.
- ii. Responden yang dipilih merupakan pekerja kes yang pernah menguruskan kes kanak-kanak di unit kanak-kanak semasa Pandemik Covid-19 di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan, Pahang.
- iii. Responden dipilih berdasarkan pengalaman sebagai Pelindung iaitu sekurang-kurangnya setahun berkhidmat di lapangan.

Keizinan dan persetujuan termaklum juga telah diperolehi daripada semua responden sebelum temubual dijalankan.

Kaedah Temubual Dan Proses Pengumpulan Data

Kaedah temu bual separa berstruktur telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat atau maklum balas secara terperinci daripada responden bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian ini. Soalan-soalan dalam temu bual separa berstruktur

ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan- soalan tersebut adalah terbuka kerana boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan responden kajian. Temubual yang telah direkod menggunakan alat perakam suara digital setelah mendapat persetujuan responden.

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum peringkat mengumpul data, pengkaji telah membuat permohonan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) bagi mengumpul data kajian. Surat kelulusan telah diperolehi dari JKMM pada 18 Mac 2022 dan pemakluman juga telah dibuat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan Pahang bagi tujuan tersebut. Pada peringkat pengumpulan data, pengkaji telah memaklumkan kepada responden melalui cara bersemuka dan telah mendapatkan temu janji bagi menjalankan temu bual kajian mengikut masa dan tarikh yang ditetapkan mengikut kesesuaian masa responden. Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan empat orang responden di mana mereka ini ditemubual secara bersemuka di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan dengan menggunakan pita rakaman digital untuk direkodkan bagi tujuan transkripsi. Temubual dijalankan secara perseorangan dan bergilir-gilir pada satu-satu masa dengan mengambil masa selama 45 hingga 50 minit untuk setiap responden. Sebelum temubual dijalankan surat persetujuan telah diedarkan kepada responden untuk mendapatkan persetujuan. Segala temu bual dicatat dan direkod.

Analisis Data Kajian

Prosedur dalam menganalisis data merangkumi beberapa langkah yang dimulai dengan menyediakan transkrip temubual, diikuti dengan membuat koding dan melakukan analisis secara tematik.

Transkrip

Maklumat temu bual yang dilakukan telah dijadikan transkrip untuk memudahkan analisis data.

Koding

Haliza Mohd Riji dan Shamsuddin Ahmad, (2014), menjelaskan fasa koding digunakan dalam kajian untuk mengenalpasti tema yang akan wujud. Koding merupakan titik permulaan kepada semua bentuk analisis data kualitatif.

Analisis Tema/Tematik

Aalisis tematik telah digunakan dalam kajian ini membantu pengkaji mengorganisasi dan memberi makna yang lengkap untuk data yang diperolehi. Braun dan Clarke (2006), menyatakan analisis tematik bermaksud metod untuk mengenalpasti, analisis dan melaporkan pola (tema) sesuatu data.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Secara amnya, beberapa hasil kajian ini didapati mempunyai persamaan dengan hasil kajian tinjauan telah dilakukan oleh Social Work Ethics Research Group (SWERG) dengan kerjasama International Social Work Federation (IFSW) Ethics Commission (Banks & Cairns, 2022) secara atas talian yang melibatkan enam siri webinar bersama pekerja sosial di seluruh dunia. Kajian tersebut cuba mengenalpasti peranan pekerja sosial semasa pandemik dan bagaimana pekerja sosial berhadapan dengan isu-isu etika dalam

mengekalkan prinsip-prinsip dan nilai kerja sosial. Mereka mendapati pekerja sosial terpaksa memikirkan penjagaan sendiri (*self-care*) dalam kebimbangan terhadap jangkitan penyakit, kerisauan terhadap keselamatan diri dan keluarga sendiri, serta berlakunya perubahan cara kerja secara jarak jauh dan digital.

Hasil kajian ini mendapati terdapat tujuh tema yang terbit di bawah skop cabaran menguruskan kes penganiayaan kanak-kanak semasa PKP iaitu i) peningkatan bebanan kerja, ii) ancaman keselamatan diri, iii) tekanan emosi, iv) masalah kesihatan dan risiko jangkitan, v) masalah penempatan kanak-kanak dan keluarga ganti, v) pergerakan yang terbatas, dan vii) cabaran menggunakan peralatan teknologi seperti di dalam Rajah 1.

Rajah 1

Dapatan Kajian Cabaran Pekerja Kes (Pelindung) Menguruskan Kes Penganiayaan Kanak- Kanak Semasa PKP



Peningkatan Bebanan Kerja

Salah satu tema yang diperolehi ialah peningkatan bebanan kerja. Ini dilaporkan oleh kesemua responden. Responden melaporkan semasa PKP mereka telah melakukan tugas hakiki dan juga tugas-tugas tambahan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa mengikut jadual waktu giliran. Pada masa yang sama tugas hakiki juga perlu dilaksanakan. Namun begitu, peningkatan bebanan kerja yang dilaporkan keempat-empat responden hampir sama. Oleh itu, dengan peningkatan bebanan kerja ini telah berlaku sebelum PKP, namun

semasa PKP dijalankan pertambahan kerja semakin meningkat sehingga pekerja kes telah mengalami keletihan dan tekanan emosi kerana terlalu penat bekerja sehinggakan tiada masa untuk berehat.

Dalam PKP aritu kita juga kena bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Kuarantin (PKRC), Mengagih bantuan bakul makanan kepada mangsa-mangsa Covid yang dikuarantin. Selain tu, saya juga kena bertugas di Pusat Pemindahan banjir (PPS). Pada masa tu jugalah berlakunya banjir dan penularan COVID-19. Ya laa. . kita ada berapa kerat je kakitangan. Bila berlakunya bencana tugas hakiki tetap kena buat juga..... Masa tu la kita kena korbakan masa dengan keluarga dan waktu rehat kita.....

(Responden 1)

.....Bila ada kes di talian atau di luar waktu pejabat atau perlu menghantar kes ke luar daerah seperti Kuala Lumpur atau mana-mana institusi di luar Pahang saya akan meletakkan anak-anak di rumah pengasuh..... Bukan mudah untuk kita membahagikan masa dengan keluarga. Sebab saya dan suami PJJ. Segala urusan anak adalah tanggungjawab saya sepenuhnya. Tambahan lagi tugas Pelindung ni tidak mengira masa dan tempat dan perlu on call....

(Responden 2)

United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF, 2022) menjelaskan keupayaan tenaga kerja khidmat sosial untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga telah terjejas. Semasa PKP dan dalam beberapa tempoh penutupan berturut-turut, kerajaan tidak dapat memberikan bantuan khusus untuk perlindungan kanak-kanak kerana penugasan semula kepada perkhidmatan bantuan makanan dan penggantungan perkhidmatan. Talian bantuan 24 jam KPWK, Talian Kasih mencatatkan peningkatan panggilan yang amat tinggi dalam tempoh ini, menimbulkan kebimbangan tentang kecukupan kakitangan untuk bertindak terhadap isu keganasan domestik dan perlindungan kanak-kanak, dan aksesibiliti talian bantuan.

Menurut Azizul dan Amin, (2019) kajian mereka terdahulu sebelum PKP dijalankan mendapati kadar kelesuan kerja dalam kalangan pegawai kebajikan khususnya mereka yang mengendalikan kerja kes adalah tinggi dan kritikal. Anggaran maksimum kes yang diselia dalam sebulan adalah 300 ke 500 kes. Memandangkan kerja kes melibatkan satu proses yang panjang, yang menuntut banyak tenaga dan masa pegawai kebajikan, keperluan mengikuti SOP kerja sosial yang merumitkan amat membebankan kapasiti mental dan fizikal mereka. Ishak dan Rose, (2020) menjelaskan tuntutan kerja ditakrifkan sebagai aspek fizikal, psikologi, sosial atau organisasi pekerjaan yang memerlukan usaha fizikal atau psikologi yang berterusan seperti kekaburan peranan, konflik peranan, tekanan peranan, tekanan peristiwa, beban kerja, tekanan emosi dan tekanan kerja. Ia dikaitkan dengan kos fisiologi dan psikologi tertentu. Tuntutan dalaman adalah tekanan yang sering dialami dalam pasukan penjagaan sosial atau persekitaran pejabat. Manakala permintaan luar adalah dari luar persekitaran pejabat, namun mempunyai kesan buruk terhadap peranan pekerja sosial.

Ancaman Keselamatan Diri

Dapatan kajian ini juga mendapati setiap responden turut menghadapi ancaman keselamatan diri semasa menguruskan kes di lapangan khususnya. Ancaman ini telah memberi kesan kepada pekerja kes seperti mengalami ketakutan dan kebimbangan terhadap diri sendiri, malah merasakan ahli keluarga mereka juga turut terancam.

Cabaran lain dari segi keselamatan ialah masa tu saya eskort kanak-kanak ke hospital untuk dapatkan pengesahan pegawai perubatan bagi kemasukan kanak-kanak ke institsi dengan melakukan swab test di unit kecemasan. Jadi pada masa tu kanak-kanak akan menggunakan bilik yang sama dengan orang awam. Jadi pegawai eskort perlu masuk sekali ke bilik tersebut dengan memakai pakaian biasa. Padahal dalam bilik tu semua pegawai kesihatan memakai pakaian PPE bagi mengelakkan jangkitan. Dalam bilik tu juga saya mendapati ada kes-kes positif yang sedang melakukan swab test.

(Responden 1)

Kajian ini adalah selari dengan kajian Miller dan Cassar, (2021) yang membincangkan kesan ketakutan memberikan satu lagi tekanan yang menjejaskan penjagaan diri dan boleh meningkatkan kebimbangan pekerja sosial di peringkat mikro, mezzo dan makro. COVID-19 juga telah membawa ancaman kepada keselamatan diri pekerja sosial dan barisan hadapan yang lain semasa bekerja dalam persekitaran berisiko tinggi di mana virus tersebut wujud di hospital dan di rumah penjagaan yang berkemungkinan keselamatan mereka terancam dan akan mencetuskan serangan panik, kemarahan, dan emosi. Oleh itu, penjagaan kesihatan diri adalah penting kepada pekerja sosial namun sebelum ini pekerja sosial adalah orang yang terakhir dalam memberikan penjagaan kesihatan terhadap diri mereka sendiri.

Kajian terdahulu oleh Sopian Brahim, Mohd Suhaimi, Ezarina Zakaria dan Norulhuda Saranon @ Kusenain, (2016), membincangkan kerisauan pekerja sosial kanak-kanak dari segi keselamatan diri semasa bekerja di lapangan. Pekerja sosial merasakan keselamatan mereka terancam dan berisiko berbanding dengan rakan mereka sebagai anggota polis yang mempunyai senjata. Keadaan ini akan menjejaskan proses mendapatkan maklumat dan menyebabkan laporan yang disediakan tidak dapat disediakan secara holistik.

Tekanan Emosi

Dapatan kajian responden melaporkan bahawa cabaran telah mempengaruhi dan mengganggu emosi mereka seperti mengalami perasaan takut dan bimbang dengan ancaman keselamatan diri yang diugut oleh keluarga kanak-kanak dan mudah mendapat risiko jangkitan semasa mengendalikan kes secara bersemuka.

Memang cabaran tu amat memberikan kesan kepada saya. Misalnya kesan cabaran yang saya alami ialah seperti mengalami perasaan takut apabila diancam dengan pisau ketika urus kes pengabaian pada waktu PKP aritu. Emosi saya telah terganggu kerana terlalu memikirkan tentang keselamatan saya sendiri dan ahli keluarga saya termasuk suami dan anak-anak. Risau juga keluarga tu datang rumah saya tiba-tiba je. Manalah tahu, dia ekori saya sewaktu saya balik bekerja kan....

(Responden 3)

Terdapat juga responden yang mengalami masalah trauma terhadap jangkitan COVID-19 kali kedua. Hal ini dilihat bahawa tekanan emosi boleh memberi kesan kepada diri individu itu sendiri. Holmes, Rentrope, Williams, dan King, (2021) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pekerja sosial sering mengalami tekanan di tempat kerja yang tinggi, tekanan traumatik sekunder, dan *burnout* apabila berasa letih secara emosi dan fizikal akibat kerja mereka.

Kajian-kajian terdahulu telah membincangkan mengenai isu tekanan di kalangan pekerja dalam menguruskan kes kanak-kanak namun isu berkaitan masih tidak dapat diselesaikan malah masih meningkat dua kali ganda semasa PKP berbanding sebelum pelaksanaan PKP. Yew Pei San dan Khadijah Alavi, (2017) dalam kajian mereka mengkaji fenomena ini sering dikaitkan dengan prestasi kerja, kesihatan dan tahap produktiviti pekerja. Cox dan Griffiths, (2010) mendapati tekanan di tempat kerja memberi kesan seperti pendedahan kepada bahaya psikososial organisasi, proses persepsi kognitif yang melibatkan tekanan emosi dan hubung kait antara kesan tekanan terhadap individu yang melibatkan masalah psikologi, tingkah laku dan masalah kesihatan yang memberi kesan terhadap organisasi yang melibatkan kerja secara pusing ganti kerja, kurang komitmen dan sebagainya. Kajian Holmes, Rentrope, Korsch-Williams, dan King (2021), menunjukkan bahawa pekerja sosial melaporkan *Posttraumatic Stress Disorder (PTSD)* lebih tinggi daripada anggaran nasional sebelumnya. Ini menunjukkan semasa pandemik COVID-19 pekerja sosial sering mengalami tekanan di tempat kerja yang tinggi, tekanan traumatik sekunder, dan *burnout* apabila berasa letih secara emosi dan fizikal akibat kerja mereka.

Masalah Kesihatan Dan Risiko Jangkitan

Seterusnya, masalah kesihatan juga merupakan cabaran yang dihadapi responden ketika menguruskan kes penganiayaan kanak-kanak semasa PKP apabila mengalami masalah kesihatan dan risiko jangkitan terhadap diri mereka sendiri. Oleh itu, hal seperti ini boleh menjejaskan kesihatan diri dan mengakibatkan tekanan emosi.

Berdasarkan pengalaman saya amat takut dan bimbang dengan jangkitan COVID-19 ni. Bukan apa pada masa tu juglah saya telah dijangkiti COVID-19 yang teruk juglah. Masa tu saya telah dimasukkan ke pusat kuarantin dan masa tu saya rasa saya dah nak mati. Emosi saya juga telah terganggu dan sering memikirkan perkara-perkara yang negatif seperti ahli keluarga saya sudah tidak memerlukan saya lagi. . Bagi saya cabaran masa tu adalah sangat berat. Pada masa tu jua saya rasa ingin berhenti kerja, hidup pun dah rasa tidak bersemangat lagi. Ya Allah... memang berat dugaan saya ketika itu. Padahal saya sentiasa berwaspada dan menjaga SOP semasa menjalankan tugas tapi apa kan daya nasib tidak menyebelahi saya pada masa tu.

(Responden 1)

Cabaran bagi diri saya pada masa PKP tu, sehingga sekarang pun saya masih ingat dan tak dapat nak lupakan sehingga ke hari ni..... pada masa tu masa saya menguruskan kes di bilik OSCC hospital ada pesakit yang positif berada di bilik yang bersebelahan tetapi pesakit yang positif tu turut melalui ruangan yang saya sedang menjalankan temubual bersama dengan kanak-kanak.

(Responden 4)

Dima, Meses, Schmitz, Imon, dan M.-C, (2021) dalam kajian mereka turut membincangkan masalah wabak ini yang mempengaruhi semua aspek kehidupan termasuk penjagaan kesihatan, perniagaan, ekonomi dan kehidupan sosial dengan cara yang kompleks. Maka boleh disimpulkan bahawa masalah kesihatan boleh menjejaskan kehidupan harian. Kajian Farkas, dan Romaniuk, (2020), adalah selari dengan kajian ini yang membincangkan profesion kerja sosial telah menggunakan strategi lawatan ke komuniti atau di rumah untuk mengekalkan hubungan dengan klien. Oleh itu, dari segi

nilai perkhidmatan, situasi ini mungkin mewujudkan ketegangan antara nilai profesional dan peribadi, kerana pekerja sosial terdedah kepada virus dan perlu mengelakkan situasi tersebut bagi mengurangkan penularan jangkitan.

Masalah Penempatan Kanak-Kanak dan Keluarga Ganti

Masalah penempatan kanak-kanak di institusi dan keluarga ganti merupakan satu cabaran kepada pekerja kes dalam menempatkan kanak-kanak yang dididera atau dianiayai oleh ahli keluarga sendiri. Berdasarkan temubual yang dijalankan responden melaporkan bahawa jika ada kes penganiayaan kanak-kanak yang dilakukan dalam kalangan ahli keluarga, mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan penempatan kanak-kanak sama ada di institusi jabatan atau mendapatkan keluarga ganti seperti Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS). Hasil dapatan responden menyatakan pihak institusi sukar untuk menerima masuk kanak-kanak semasa PKP COVID-19. Malah pada masa tersebut penempatan kepada OYLS juga menjadi permasalahan kepada pekerja kes.

Bagi saya cabaran menguruskan kes semasa PKP ialah penempatan kanak-kanak la. Sebab masa tu institusi kita sukar menerima kanak-kanak yang berumur 13 tahun ke atas dan kanak-kanak lain yang mengalami masalah kesihatan. Masa tu cabaran kita sebagai Pelindung untuk mencari penempatan yang sesuai. Kalau ada keluarga, senang untuk kita buat keputusan. Kadang-kadang ahli keluarga sendiri pun tidak mahu menerima dan menjaga kanak-kanak.

(Responden 1)

Selain itu, cabaran dari segi penempatan kanak-kanak. Susah betul nak masukkan kanak-kanak ke institusi kita ni, Masa tu dia orang tidak menerima kanak-kanak mungkin takut berjangkit kut. Masa tu saya terpaksa lah mencari penempatan di institusi lain di luar negeri Pahang. Sebab kanak-kanak takda keluarga lain. Pada masa tu NGO pun susah nak terima kanak-kanak sebab takut dengan jangkitan ni. Alhamdulillah la dapat juga tempatkan kanak-kanak sementara kes selesai.

(Responden 2)

Kajian terdahulu yang dilakukan sebelum PKP dilaksanakan turut mengetengahkan masalah berkaitan yang masih belum selesai. Mohd Suhaimi Mohamad, Sopian Brahim, Ezarina Zakaria dan Norulhuda Saranon, (2016) dalam kajian mereka membincangkan mengenai ketegangan etika yang dialami pekerja kes dalam proses perancangan penempatan tetap kanak-kanak dengan keluarga angkat. Ketegangan etika ini juga merupakan pertembungan nilai diri pekerja kes dan mandat perundangan; tekanan penempatan tetap. Hal ini masih berlaku dalam penempatan kanak-kanak sebelum PKP dan semasa PKP. Azlin Hilma Hillaluddin (2021) turut menjelaskan penempatan kanak-kanak adalah proses meletakkan kanak-kanak di luar jagaan keluarganya apabila berlaku sebarang penganiayaan yang dilakukan oleh ahli keluarga kandung terhadap kanak-kanak. Pekerja kes perlu membuat penelitian sebelum menentukan penempatan yang sesuai kepada kanak-kanak bagi kepentingan kanak-kanak.

Pergerakan yang Terbatas

Akibat jangkitan COVID-19, kerajaan telah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan kepada yang dikenakan kepada seluruh rakyat Malaysia yang melibatkan semua sektor pekerjaan, aktiviti harian dan lain-lain aktiviti berkaitan mengikut SOP yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) kecuali Petugas Barisan Hadapan dan *Essential Services*.

Selain itu, cabaran juga bagi saya apabila pergerakan kita untuk keluar menjalankan tugas adalah terbatas. Pada masa tu, kita perlu ada surat kebenaran bertugas dari ketua jabatan. Tetapi jika dokumen itu tiada kita tidak boleh melintasi laluan sekatan jalan raya. Sebelum ini kita boleh bergerak secara bebas dan hanya tunjukkan kad kuasa saja. Terutamanya bila keluar uruskan kes selepas pada waktu lewat malam atau sebab masa tu masa pergerakan adalah terhad sehingga jam 8.00 malam seingat saya la.

(Responden 4)

Namun dalam hal ini, semua pekerja kes (Pelindung) cuba menjalankan amanah dan tanggungjawab dalam menyelesaikan masalah berkaitan kes penganiayaan kanak-kanak dan tidak menjadikan PKP sebagai alasan.

Cabaran Penggunaan Peralatan Teknologi

Pelaksanaan PKP telah berlaku perubahan dari segi menguruskan kes secara sedia ada kepada penggunaan teknologi secara talian bagi menjalankan intervensi kes.

Selain tu, cabaran menggunakan teknologi seperti panggilan video atau lain-lain juga menjadi masalah kerana penggunaan alat tu susah untuk saya membuat siasatan dengan lebih mendalam tentang sesuatu kes tu. Senang cerita, siasatan dan pemerhatian kita tu terbatas la. Jadi kita juga berisiko lah untuk membuat siasatan secara bersemuka dengan klien.”

(Responden 3)

Sebelum ini pekerja kes telah menjalankan intervensi kes dengan cara hadir ke rumah klien dan berjumpa secara bersemuka. Namun, selepas PKP dilaksanakan pekerja kes telah menggunakan cara baru iaitu menggunakan panggilan video atau aplikasi *Google Meet* secara talian bagi menjalankan intervensi kes bagi mengurangkan risiko jangkitan dan penularan wabak COVID-19. Justeru itu, dengan kaedah baru ini, pekerja kes mengakui agak sukar bagi mereka mendapatkan maklumat secara jelas dan tepat kerana pandangan yang terhad dan tidak jelas serta terbatas akibat sekatan menggunakan peralatan teknologi tersebut. Selain itu, mereka juga bimbang jika maklumat yang diberikan oleh ahli keluarga dan kanak-kanak itu tidak menggambarkan keadaan sebenar dan meragukan. Oleh itu, sukar bagi pekerja kes untuk membuat penilaian dan keputusan yang tepat semasa menguruskan kes penganiayaan kanak-kanak di lapangan.

Dapatan kajian serupa diperolehi oleh Nisanci, Kahraman, Alcelik dan Kiris (2020) mengenai perkongsian pengalaman pekerja sosial yang bekerja dengan pelarian semasa pandemik COVID-19 di Turki. Didapati pekerja sosial tidak bersedia untuk bekerja secara telesosial. Komunikasi digital memberi kesan yang agak terbatas dan sukar untuk melihat

secara keseluruhan semasa ditalian. Manakala lawatan ke rumah merupakan amalan yang sentiasa digunakan dan ia dapat dilihat secara keseluruhan dengan jelas dan berfokus.

KESIMPULAN

Keseluruhan responden dalam kajian ini terdiri daripada empat orang responden yang mempunyai pengalaman menguruskan kes penganiayaan kanak-kanak semasa PKP di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan. Terdapat persamaan dapatan kajian ini dengan kajian tinjauan yang dilakukan oleh *Social Work Ethics Research Group* (SWERG) dengan kerjasama *International Social Work Federation (IFSW) Ethics Commission* (Banks & Cairns, 2022). Pekerja sosial sedunia juga menyatakan peranan pekerja sosial kurang mendapat pengiktirafan daripada media dan masyarakat berbanding pekerja barisan hadapan (*frontline workers*) atau profesyen lain semasa pandemik.

Secara kesimpulan, walaupun diakui terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi semasa PKP dilaksanakan, namun perkara ini tidak membataskan tugas dan tanggungjawab sebagai pekerja kes (Pelindung) untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak supaya tidak terus menjadi mangsa pengabaian dan penderaan di dalam masyarakat. Pegawai JKM merupakan Pekerja Sosial yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan misi kemanusiaan dan kebajikan sosial bagi menjayakan usaha kerajaan untuk mengekang penularan Covid-19 walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Justeru, diharapkan agar pihak kementerian dapat mengkaji semula keperluan sebenar bilangan pekerja sosial yang terlatih bagi bagi memenuhi keperluan kumpulan rentan semasa pandemik atau bencana.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, A. R., Shafie, A. A. H., Ali, Z., & Dzainal, N. D. S. (2020). Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 31 - 44. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>.
- Abrams, L. A. & Dettlaf, A. J. (2020). "Voices from the Frontlines: Social Workers Confront the COVID-19 Pandemic" *Social Work*, 65(3), July 2020, 302–305. Dicapai dari laman <https://doi.org/10.1093/sw/swaa030>
- Akta Kanak-kanak (2016). Akta A1511*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Azlin Hilma Hillaluddin, (2021). *Kerja Sosial Dengan Kanak-Kanak. Pengantar Kerja Sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Azizul, M.D., & Amin, S.M. (2019). Pendidikan Kerja Sosial Di Malaysia: Satu Penilaian Kritikal. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(2). Dicapai dari <https://jurm.akemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/328>.
- Banks, S. & Cairns, L. with Bertotti, T., Shears, J., Shum, M., Sobočan, A. M., Strom, K., Úriz, M. J. (2022) Beyond the pandemic: Exploring social work ethics and values as a contribution to a new eco-social world. *Report of a webinar series and global summit, March-July 2022*, Rheinfelden, Switzerland: International Federation of Social Workers.

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research In Psychology*. 3(2), 77-101.
- Carpenter, C., & Suto, M. (2008). *Qualitative Research for Occupational and Physical Therapists: A Practical Guide*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Cox, T. & Griffiths, A. 2010. Workrelated stress: a theoretical perspective. Ieka, s. & Houdmont, J. (Eds), *Occupational Health Psychology*, Wiley Blackwell, Oxford, pp. 31-56
- Dima, G., Schmitz, L.M., & Simon, M. (2021). Job Stress and Burnout among Social Workers in the VUCA World of COVID-19 Pandemic. *Sustainability* 2021, 13, 7109. <https://doi.org/10.3390/su13137109>
- Farkas, K. J., & Romaniuk, J. R. (2020). Social work, ethics and vulnerable groups in the time of coronavirus and Covid-19. *Society Register*, 4(2), 67-82.
- Holmes, M. R., Rentrop, C. R., Korsch-Williams, A., & King, J. A. (2021). Impact of COVID-19 pandemic on posttraumatic stress, grief, burnout, and secondary trauma of social workers in the United States. *Clinical Social Work Journal*, 49(4), 495-504. <https://doi.org/10.1007/s10615-021-00795-y>
- Ishak, A.S & Rose. N. N. (2020). *Dinamika Keluarga pada Masa Pandemi COVID-19. "Kesan Tekanan Kerja Terhadap Hubungan Kekeluargaan"*. Universiti Malaysia Perlis. Diakses dari https://www.researchgate.net/profile/Aida-Ishak/publication/349961497_Dinamika_Keluarga_e-book_2-pages-135-139_Aida_Shakila_Ishak/links/6049591492_851c1bd4defc29/Dinamika-Keluarga-ebook-2-pages-135-139-Aida-Shakila-Ishak.pdf
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, (2022). *Pekerja Sosial Dan Pandemi: Tugas Dan Cabaran Hero Jaket Oren*.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Diakses dari https://www.researchgate.net/publication/293097512_Penyelidikan_Kualitatif_dalam_Sains_Sosial.
- Kunkowska, S. M. (2014). *Interviews as A Qualitative Research Method In Management and Economics Sciences*. European: European Union Fund.
- Khadijah Alavi, Aizan Sofea, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohamad, & Norulhuda, Samon. (2012). Kerja sosial di sekolah. Memahami dan menangani penderaan kanak-kanak. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1), 17-37.
- Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Miller, J.J. & Cassar, J.D, (2021). Self-care among healthcare social workers: The impact of COVID-19, *Social Work in Health Care*, 60(1), 30-48, Diakses dari <https://doi.org/10.1080/00981389.2021.1885560>
- Mohd Suhaimi Mohamad, Sopian Brahim, Ezarina Zakaria & Norulhuda Saranon @Kusenain, (2016). *Kelestarian Praktis Kerja Sosial Ke Arah Kesejahteraan Hidup Kanak-Kana Terpinggir Di Malaysia*. Conference Paper 2016. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Myring, P. (2014). *Qualitative Content Analysis: Theoretical Foundation, Basic Procedures and software Solution*. Klagenfurt: Primary Publication

- Nisanci, Kahraman , Alcelik & Kiris, (2020). *Working with refugees during COVID-19: Social worker voices from Turkey*. Diakses dari <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/0020872820940032>
- Sopian Brahim, (2017). *Praktis Kerja Sosial Dalam Pengurusan Kes Kanak-Kanak: Kajian Di Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Conference: Research Colloquium 2017: INTAN Bukit Kiara Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sopian Brahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Ezarina Zakaria & Norulhuda Saranon @Kusenain, (2016). *Dilema Praktis Kerja Sosial: Pendekatan Managerialis vs berfokus klien (Client Centred)*. Jabatan Kebajikan Masyarakat. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2016 (INSAN2016) Pekanbaru, Riau Indonesia, 15-16 November 2016.
- UNICEF dan rakan kerjasama (2022), *Mengelakkan Krisis Kebajikan Kanak-Kanak: Mengurangkan Kesan COVID-19 melalui Pengukuhan Tenaga Kerja Khidmat Sosial*, Julai 2022. Diakses dari <https://www.unicef.org/malaysia/media/2786/file/Avoiding%20a%20Child%20Welfare%20Crisis%20-%20BM.pdf>
- Yan-Rong Guo, Qing-Dong Cao, Zhong-Si Hong, Yuan-Yang Tan, Shou-Deng Chen, Hong-Jun Jin, Kai-Sen Tan, De-Yun Wang & Yan Yan (2020). The origin, transmission and clinical therapies on coronavirus disease 2019 (COVID-19) outbreak—an update on the status. *Military Medical Research*, 7(11).
- San, Y, P., & Alavi, K., (2017). Tekanan Dalam Kalangan Pembantu Perawatan Kesihatan Di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issues 3 (2017): 014 ISSN: 1823-884x

KERANGKA PENILAIAN KERJA SOSIAL DALAM KES KEBAJIKAN DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: SATU PERBANDINGAN ANTARABANGSA

Azlin Hilma Hillaluddin

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
(Emel : hilma@uum.edu.my)

Abstrak

Kes-kes kebajikan dan perlindungan kanak-kanak sering bersifat kompleks dan mencabar. Pekerja sosial perlu mempunyai kemahiran untuk mengumpul maklumat melalui temubual, pemerhatian, lawatan ke rumah, dan semakan dokumen berkaitan. Garis panduan semasa melakukan penilaian amat membantu pekerja sosial supaya laporan yang baik dapat dihasilkan. Selalunya ini bergantung kepada agensi tempat pekerja sosial bekerja. Kerangka penilaian yang bersifat piawai adalah penting dan dapat membantu pekerja sosial menjalankan penilaian dengan berkesan. Oleh itu, kertas kerja ini memberi fokus kepada dapatan carian atas talian Google mengenai kerangka penilaian kerja sosial di beberapa negara di dunia bagi mengendalikan kes berkaitan kebajikan dan perlindungan kanak-kanak. Hasil kajian menemukan beberapa kerangka penilaian. Persamaan di antara kerangka-kerangka yang ditemui adalah kebanyakannya merujuk kepada tiga aspek penilaian iaitu diri kanak-kanak, keluarga, dan persekitaran. Kerangka penilaian juga perlu merujuk kepada praktis tempatan yang mengambil kira budaya dan perundangan di dalam sesebuah negara.

Kata kunci : Kerangka penilaian, perlindungan kanak-kanak, kebajikan kanak-kanak

PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan golongan rentan (*vulnerable*) kerana belum mampu berdikari dan mudah terdedah kepada ancaman keselamatan. Mereka perlu dilindungi oleh keluarga dan penjaga, manakala sesuatu negara pula perlu mempunyai sistem perundangan yang melindungi kanak-kanak di dalam komunitinya. Akta Kanak-Kanak Malaysia 2001 (Pindaan 2016) menetapkan bahawa kanak-kanak ditakrifkan sebagai “seseorang di bawah umur lapan belas tahun”. Ini adalah selaras dengan Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995. Akibat ketidakmatangan mereka, kanak-kanak merupakan salah satu kelompok klien utama di dalam perkhidmatan kerja sosial terutamanya di dalam kes-kes penganiayaan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan penganiayaan kanak-kanak sebagai “penderaan dan pengabaian ke atas kanak-kanak di bawah 18 tahun. Meliputi semua jenis penderaan fizikal dan/atau emosi, penderaan seksual, pengabaian, kelalaian dan eksploitasi, yang mengakibatkan bahaya kepada kesihatan, kehidupan, perkembangan dan maruah kanak-kanak dalam konteks perhubungan, kepercayaan atau kuasa.”

Pengendalian kes-kes kebajikan dan perlindungan kanak-kanak sering melibatkan isu dan masalah yang kompleks. Kegagalan keluarga untuk melindungi kanak-kanak merupakan di antara penyebab utama penganiayaan berlaku. Oleh itu, kemahiran melakukan penilaian di dalam kes kebajikan dan perlindungan kanak-kanak adalah di antara kemahiran kritikal bagi pekerja sosial. Kemahiran ini sangat diperlukan di peringkat praktis mikro; iaitu bagi pekerja sosial yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak dan keluarga mereka. Melakukan penilaian bermaksud pekerja sosial menilai keperluan, kekuatan dan risiko yang dihadapi oleh kanak-kanak dan keluarga mereka. Ia melibatkan pengumpulan maklumat, memikir dan menimbang tindakan yang perlu diambil, serta menghasilkan pelan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terpelihara.

Penilaian kerja sosial seringkali bersifat diagnostik (Holland, 2010). Melakukan diagnosis pada asasnya merupakan kemahiran di dalam bidang perubatan yang merujuk kepada mengenalpasti simptom-simptom pesakit untuk menentukan penyakit dan seterusnya menyarankan rawatan yang bersesuaian dengan penyakit tersebut. Dalam nada yang sama, di dalam penilaian kerja sosial pula, pekerja sosial juga perlu mengenalpasti apakah masalah (i.e., simptom-simptom) yang dihadapi oleh klien dan menyarankan intervensi (i.e., rawatan) yang bersesuaian untuk masalah tersebut. Justeru, penilaian kes kanak-kanak dan keluarga sedikit sebanyak bersifat klinikal (Cierpka, Thomas, & Sprenkle, 2005), walaupun kemungkinan kerja kes yang dilakukan bukan bersifat klinikal secara sepenuhnya.

Dua kemahiran yang seiring dengan penilaian adalah melakukan temubual dan menulis laporan. Temubual adalah perlu bagi mengumpul maklumat secara langsung daripada klien dan keluarga. Melalui temubual juga, pekerja sosial boleh mendapatkan sudut pandang daripada mereka mengenai masalah yang dihadapi. Lawatan ke rumah (*homevisit*) sering dilakukan untuk meninjau keadaan klien di rumah dan persekitaran mereka. Semasa lawatan dilakukan, pekerja sosial boleh mendapat maklumat melalui bahasa tubuh ibu bapa, tingkah laku kanak-kanak, pemerhatian terhadap persekitaran, serta laporan daripada jiran-jiran yang prihatin.

Manakala, penghasilan laporan pula merupakan susulan kepada penilaian. Setelah menilai segala maklumat yang diperolehi, pekerja sosial perlu menulis laporan. Pekerja sosial perlu memastikan laporan yang dihasilkan adalah bersifat logika (*make sense*) agar maklumat yang ditulis boleh difahami oleh semua pihak yang terlibat di dalam kes berkaitan. Tujuan penulisan laporan juga adalah untuk menyarankan intervensi atau bantuan yang perlu diterima oleh klien selepas itu. Oleh itu, laporan perlu ditulis dengan baik agar semua pihak memahami masalah yang dialami klien, seterusnya membawa kepada penyaluran perkhidmatan yang sewajarnya untuk membantu klien dan keluarga mereka.

Pendekatan biopsikososial telah berdekad lamanya disarankan untuk dijadikan panduan pekerja sosial untuk melakukan penilaian (Burns, Dannecker, & Austin, 2019). Pendekatan ini melihat kepada aspek biologi, psikologi dan sosial dalam memahami apa yang berlaku di dalam kehidupan klien. Sebagai contoh, isu kesihatan (biologi), pemikiran dan emosi klien (psikologi) dan sokongan dari persekitaran klien (sosial) merupakan aspek yang perlu diteroka oleh pekerja sosial dalam mengendalikan kes klien. Kemunculan

pandemik Covid-19 juga merupakan contoh bagaimana penilaian biopsikosial membantu pekerja sosial melihat bagaimana masalah kesihatan yang bersifat biologi memberi impak terhadap psikologi dan persekitaran sosial klien (Chigangaidze, 2021). Susulan kepada penilaian, pekerja sosial perlu menghasilkan laporan yang mengandungi saranan atau syor intervensi untuk menyelesaikan masalah klien.

Oleh itu, sebelum menghasilkan laporan atau menyarankan intervensi yang bersesuaian, pekerja sosial perlu memastikan proses penilaian dijalankan secara komprehensif. Pekerja sosial memerlukan latihan dan panduan bagaimana membuat penilaian terhadap kes klien, terutamanya di dalam kes berkaitan kanak-kanak dan keluarga mereka. Sesetengah agensi menyediakan templat atau protokol penilaian agar menjadi panduan kepada pekerja sosial apabila membuat temubual. Templat dan protokol ini membantu penilaian pekerja sosial di dalam kes perlindungan dan kebajikan kanak-kanak. Terdapat negara yang mempunyai kerangka penilaian kebangsaan yang menjadi panduan kepada pekerja sosial dan penyedia perkhidmatan bantuan lain. Walau bagaimanapun, tidak semua negara mempunyai kerangka ini. Kebanyakan pekerja sosial hanya bergantung kepada panduan yang disediakan oleh agensi masing-masing sahaja.

METOD

Kertas kerja ini memfokuskan kepada hasil pencarian mudah melalui enjin carian Google dengan menggunakan kata kunci berkaitan seperti “*child assessment framework*”, “*social work with children and family*” dan “*child social work assessment framework*” dan “*child welfare assessment framework*”. Carian juga hanya melibatkan gambarajah atau imej kerangka penilaian. Carian turut menambah beberapa nama negara seperti Australia, New Zealand, United Kingdom, USA dan sebagainya.


DAPATAN

Dapatan hanya berfokus kepada kerangka di dalam Bahasa Inggeris sahaja dan yang diterbitkan secara atas talian di dalam laman web. Kemungkinan terdapat kerangka penilaian kerja sosial atas talian yang diterbitkan di dalam bahasa lain. Namun, kesukaran memahami bahasa selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu menyukarkan penulis untuk mengenalpasti kerangka di negara-negara yang tidak menggunakan dua bahasa ini.

Satu kerangka penilaian yang kerap muncul di dalam carian ialah *Framework for the Assessment of Children in Need and their Families* yang digunapakai oleh pekerja sosial di United Kingdom. Kerangka ini telah digunapakai sejak 2000 (British Association of Social Workers, 2001; Holland, 2010). Kerangka ini menilai berdasarkan kepada tiga aspek iaitu diri kanak-kanak, keluarga dan persekitaran.

Rajah 1

Framework for the Assessment of Children in Need and their Families (United Kingdom)




Kerajaan Scotland turut mengadaptasi kerangka ini di dalam program mereka *Getting it Right for Every Child* (The Scottish Government, 2023; Holland, 2010). Mereka memperkenalkan kerangka *My World Triangle* (rujuk Rajah 2) yang turut melihat kepada aspek diri kanak-kanak, keluarga dan persekitaran.

Kerangka yang serupa turut ditemukan digunakan di New Zealand. Dinamakan *Tuituia Framework* (rujuk Rajah 3), kerangka ini turut merujuk kepada tiga aspek penilaian. Namun, penilaian bagi setiap aspek diadaptasi kepada budaya dan keperluan tempatan yang merujuk kepada budaya masyarakat Maori.

Manakala, di Australia pula satu kerangka bernama *Common Approach to Assessment, Referral and Support* atau lebih dikenali sebagai *Common Approach* (rujuk Rajah 4) telah ditemukan. Kerangka ini dilihat lebih komprehensif dengan menyenaraikan aspek-aspek penilaian berdasarkan tiga fokus iaitu kanak-kanak, keluarga dan komuniti secara lebih terperinci lagi.


Rajah 2

My World Triangle (Scotland)




Rajah 3

Tuituia Framework (New Zealand)



Rajah 4


Common Approach to Assessment, Referral and Support (Australia)



Sementara itu, carian lanjut menemukan kerangka yang lebih spesifik yang disediakan oleh kerajaan South Australia. Di dalam dokumen bertajuk *DCP Assessment framework for staff*, tersenarai beberapa kerangka yang lebih spesifik untuk membantu penilaian di dalam kes kanak-kanak. Terdapat kerangka-kerangka berasingan contohnya di dalam menilai keselamatan dan ancaman bahaya (*harm*), kesesuaian untuk penyatuan semula kanak-kanak dan keluarga, penjagaan kanak-kanak dalam jangka masa panjang, dan kemampuan penjaga. Salah satu contoh kerangka adalah seperti di bawah.

Rajah 5

Holistic assessment of safety, harm, cumulative harm and risk of harm



KESIMPULAN

Carian ringkas ini telah menemukan beberapa kerangka penilaian kerja sosial di dalam kes perlindungan dan kebajikan kanak-kanak. Carian mendapati limitasi bahan terbitan atas talian berkaitan penilaian kerja sosial dengan kanak-kanak. Kemungkinan terdapat kerangka yang tidak diterbitkan secara atas talian. Carian juga tidak menemukan kerangka dari Malaysia atau negara-negara jirannya setakat kertas kerja ini ditulis.

Secara amnya, kerangka yang ditemukan mempunyai persamaan berdasarkan tiga domain utama iaitu diri kanak-kanak, keluarga dan persekitaran sosial. Namun, perkara utama yang didapati adalah kerangka-kerangka berkenaan adalah direka sesuai dengan budaya dan situasi tempatan sesuatu negara itu. Selain itu, jika diteliti dengan lebih mendalam, aspek-aspek penilaian di dalam setiap domain tersebut turut memenuhi kriteria penilaian biopsikososial yang kerap diterapkan di dalam praktis kerja sosial. Pekerja sosial perlu melakukan penilaian secara menyeluruh dalam menentukan masalah yang dihadapi oleh klien kanak-kanak, yang mana penilaian terhadap keluarga dan persekitarannya juga perlu

dilakukan. Kerangka sebegini yang menyenaraikan aspek-aspek penilaian setiap domain secara lebih terperinci akan lebih memudahkan pekerja sosial untuk menanyakan soalan kepada klien semasa sesi temubual dan sesi lawatan ke rumah. Ini dapat memastikan penilaian menyeluruh dilakukan dan tiada aspek yang terlepas pandang, seterusnya membantu pekerja sosial menyarankan intervensi yang berkesan untuk membantu klien dan keluarga mereka.

RUJUKAN

Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016): Kerajaan Malaysia.

Australian Research Alliance for Children and Youth (2023). *The Common Approach*. Diakses dari <https://www.aracy.org.au/projects/the-common-approach>

British Association of Social Workers (2001). *Framework for the Assessment of Children in Need and their Families*. Diakses daripada https://www.basw.co.uk/system/files/resources/basw_123020-9_0.pdf.

Burns, A., Dannecker, E., & Austin, M.J. (2019). Revisiting the biological perspective in the use of biopsychosocial assessments in social work, *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 29(2), 177-194, DOI: 10.1080/10911359.2018.1500505

Chigangaidze, R.K. (2021). Risk factors and effects of the morbus: COVID-19 through the biopsychosocial model and ecological systems approach to social work practice, *Social Work in Public Health*, 36(2), 98-117, DOI: 10.1080/19371918.2020.1859035

Cierpka, M., Thomas, V., & Sprenkle, D. H. (Eds.). (2005). *Family assessment: Integrating multiple perspectives*. Hogrefe & Huber Publishers

Government of South Australia. *DCP Assessment for staff* (2023). Diakses daripada <https://www.childprotection.sa.gov.au/documents/foi/policies/assessment-framework-for-dcp-staff.pdf>

Holland, S. (2010). *Child and family assessment in social work practice (2nd ed)*. London: SAGE publications.

Oranga Tamariki Ministry for Children (2019). *The Tuituia framework and domains*. Diakses daripada <https://practice.orangatamariki.govt.nz/core-practice/practice-tools/the-tuituia-framework-and-tools/the-tuituia-framework-and-domains/>

The Scottish Government (2023). *Getting it right for every child (GIRFEC) Practice Guidance 1 - Using the National Practice Model*. Diakses daripada <https://www.gov.scot/publications/getting-right-child-girfec-practice-guidance-1-using-national-practice-model/pages/8/>.

UNICEF (2020). *Convention on the Rights of the Child*. <http://www.unicef.org/crc/>

ISU, CABARAN DAN PENGALAMAN PENYELIAAN PRAKTIKUM KERJA SOSIAL: SEBELUM, SEMASA DAN PASCA COVID-19

Azlinda Sulaiman

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
(Emel : azlindas@uum.edu.my)

Abstrak

Para pelajar jurusan Kerja Sosial khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) diwajibkan menjalani latihan praktikum bagi memenuhi syarat pengijazahan serta kriteria yang telah ditetapkan dalam *Evaluation Standards and Curriculum Policy Guides of Council of Social Work Education (CSWE)* (2008) dan *Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia* (2010). Pengalaman sepanjang melaksanakan praktikum dapat membantu pelajar mengaplikasi serta meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan etika dalam profesion kerja sosial. Keberkesanan proses pembelajaran semasa latihan praktikum melibatkan tiga sistem iaitu pelajar kerja sosial, pengamal atau penyelia agensi yang berpengalaman dan pihak fakulti (pensyarah/penyelaras latihan praktikum di universiti). Oleh itu, proses penyeliaan praktikum sama ada di agensi bersama majikan dan pemantauan daripada pusat pengajian atau fakulti amat penting sebagai persediaan diri pelajar ke arah pekerja sosial yang kompeten. Sebelum penularan wabak COVID-19 di Malaysia, semua pelajar kerja sosial berpeluang dan dapat melaksanakan intervensi secara individu, kelompok serta menjalankan program bersama komuniti. Namun begitu semasa krisis COVID-19, wujud kekangan dan cabaran khususnya kepada pelajar dalam memenuhi keperluan penilaian praktikum apabila tidak dapat melaksanakan intervensi secara langsung dengan klien atau golongan sasaran di agensi. Seterusnya apabila situasi pandemik COVID-19 agak reda, pelajar dibenarkan semula untuk hadir secara fizikal ke agensi dan menjalankan praktikum seperti biasa. Walaupun begitu, mungkin sesetengah pelajar kurang yakin serta berasa ragu-ragu untuk membantu dan berhadapan dengan klien kerana ada para pelajar yang mengikuti kuliah secara atas talian semasa COVID-19. Justeru, pengamal kerja sosial dan pihak fakulti perlu meneliti isu ini dan saling bekerjasama dalam memastikan wujudnya kualiti penyeliaan, peluang dan aktiviti pembelajaran kepada para pelajar.

Kata kunci: *Penyeliaan, praktikum kerja sosial, intervensi, pengalaman, COVID-19*

PENGENALAN

Praktikum kerja sosial merupakan komponen penting dalam pendidikan kerja sosial di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. Pembelajaran dan penyeliaan semasa latihan praktikum di sesebuah organisasi melibatkan tiga sistem iaitu pelajar bidang Kerja Sosial, pengamal atau penyelia agensi yang berpengalaman dan pihak fakulti (pensyarah dan penyelaras latihan praktikum di universiti). Setiap sistem ini memainkan peranan dan tanggungjawab tertentu bagi memastikan wujudnya kualiti penyeliaan, peluang dan aktiviti pembelajaran kepada para pelajar (Jenkins & Sheafor, 1982; Wayne et al., 2006; Hemalatha & Ramanaiah, 2018). Kerjasama, sokongan serta hubungan yang baik di antara pelajar, penyelia agensi dan pihak fakulti perlu ada agar dapat mewujudkan

kesan yang positif bagi mencapai matlamat praktikum Program Kerja Sosial di universiti khususnya serta bidang Kerja Sosial secara keseluruhan.

Namun dalam konteks penyeliaan praktikum, komitmen dan kesungguhan pelajar dalam menimba pengalaman sepanjang tempoh praktikum merupakan fokus utama dalam proses pembelajaran latihan praktikum (Sheafor & Jenkins, 1982). Latihan praktikum di agensi amat penting bagi para pelajar Program Kerja Sosial kerana pelajar berpeluang mengintegrasikan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan etika secara nyata (Chiaferi & Griffin, 1997; Royse et al., 2003; Birkenmaier & Berg-Weger, 2007; Hemy et al., 2016) seterusnya dapat mengembangkan kemahiran dan praktis kerja sosial pelajar sebagai persediaan ke arah menjadi pekerja sosial yang profesional serta berintegriti. Rentetan daripada itu, seseorang pelajar mungkin berasa bimbang dan tertekan apabila perlu mengadaptasikan diri ke dalam persekitaran yang baharu seperti di agensi praktikum disebabkan proses transisi pelajar daripada universiti ke agensi melibatkan dimensi yang berbeza dan kompleks (Siporin, 1982; Foote, 2015; Tham & Lynch, 2017). Kebimbangan yang tinggi dan tidak ditangani segera akan mengganggu prestasi pelajar sama ada semasa kuliah mahupun di agensi semasa latihan praktikum (Baird, 2016).

ISU DAN CABARAN

Sebelum pelajar melapor diri di agensi praktikum, secara keseluruhannya pelajar telah mempelajari dan diberikan pendedahan berkaitan pendekatan dan kemahiran, serta nilai dan etika dalam profesion kerja sosial. Selain itu, taklimat berkaitan keperluan dan penilaian praktikum, etika ketika bekerja seterusnya kata-kata motivasi diberikan kepada pelajar agar mereka yakin dan percaya terhadap kemampuan dan keyakinan diri ketika berpraktikum. Sepanjang menjalani latihan praktikum dilihat bahawa kemahiran, sikap, pengetahuan seseorang pelajar dapat ditingkatkan dan membantu ke arah pembentukan pekerja sosial yang kompeten. Kompeten (competence) bermaksud sejauh mana pelajar mampu mengguna dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran serta nilai yang dimiliki (EPAS Handbook 2008) bagi membuktikan mereka sesuai menjalankan tugas sebagai pekerja sosial (fit to practice) (Thompson, 2015). Kompetensi juga merupakan satu bentuk tingkah laku amalan yang boleh diukur melalui kemahiran, pengetahuan dan nilai (EPAS Handbook 2008). Maka pelajar perlu membuat pertimbangan berkaitan dengan profesion secara efektif dan mencapai standard (Vitali, 2011) yang digariskan dalam amalan profesional (Bogo, 2010).

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa masih terdapat pelajar yang berasa bimbang dan cemas apabila memulakan latihan praktikum terutama apabila perlu berhadapan dengan klien sebenar. Pelajar juga mungkin akan berasa bimbang terhadap keselamatan diri sekiranya menjadi mangsa kepada klien (Rosenthal Gelman, 2004; Rosenthal Gelman & Lloyd, 2008; Rosenthal Gelman & Baum, 2010; Rosenthal Gelman, 2011). Kebimbangan pelajar berkaitan praktikum telah lama dibincangkan sebagai satu isu dalam pendidikan Kerja Sosial dan ada yang beranggapan bahawa isu ini sebagai suatu yang perlu diberikan perhatian serius kerana kebimbangan pelajar juga dapat menentukan output dan komitmen terhadap kerjaya para pelajar (Kamali et al., 2017; Baird, 2016). Emosi yang mungkin dialami oleh para pelajar ini secara tidak langsung akan mengganggu fokus pelajar semasa praktikum nanti.

Sebaliknya ada sesetengah pelajar yang berasa teruja dan tidak sabar untuk menjalani latihan praktikum dan ini merupakan saat yang mungkin ditunggu-tunggu oleh para

pelajar. Harapan para pelajar ini dilihat agak sukar untuk dicapai apabila satu dunia mengalami krisis kesihatan iaitu penularan virus COVID-19. Virus ini boleh menjejaskan sistem pernafasan seseorang sehingga menyebabkan kematian. Di samping itu, pandemik COVID-19 turut memberikan kesan terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan hidup masyarakat apabila terpaksa berkurung di dalam rumah (Sonuga-Barke, 2021). Kehidupan masyarakat telah berubah secara drastik apabila perlu mengamalkan penjarakan sosial, bekerja dari rumah, memakai pelitup muka semasa berada di tempat awam, perlu sanitasi diri dan barangan yang akan digunakan serta kuarantin diri dan keluarga jika dijangkiti virus ini. Masyarakat di Malaysia dan seluruh dunia juga telah menerima dan menggunakan terma baharu seperti penjarakan sosial (*social distancing*), isolasi (*isolation*) dan kuarantin (*quarantine*) (McLaughlin et al., 2020). Perubahan kehidupan dan corak bekerja ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap praktis kerja sosial terutama dalam menjalankan sesi temubual dan intervensi secara bersemuka dengan klien. Penyeliaan praktikum pelajar juga turut terkesan dan dilaksanakan mengikut norma baharu iaitu secara dalam talian. Dalam hal ini, platform digital sangat penting dalam melaksana dan memastikan proses bantuan dapat disalurkan kepada klien dengan efisien. Kakitangan dan pelajar praktikum perlu sama-sama dapat mengguna dan menguasai kemahiran teknologi supaya urusan kerja berjalan lancar. Pun begitu, dalam aspek lawatan sosial ke rumah klien pula ia tidak dapat dilaksanakan secara fizikal bagi menilai kefungsi dan kehidupan seharian klien dan keluarga. Lawatan sosial ini tidak sesuai dijalankan hanya dengan menelefon klien atau menggunakan platform *online* (Buchanan & Bailey-Belafonte, 2021) yang ada apabila melibatkan kes serius seperti penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta kes-kes klien yang perlu dibicarakan di mahkamah. Rentetan daripada itu, ada sesetengah penyelia atau majikan yang kurang pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri dalam penggunaan teknologi terkini semasa pandemik COVID-19 di samping wujud masalah capaian internet serta kos langganan internet yang tinggi (Muhaini et al., 2022).

Semasa dalam tempoh penularan COVID-19, selain daripada berasa bimbang tentang kemampuan mengendalikan kes atau melaksanakan program, pelajar juga risau sekiranya terdedah dan dijangkiti virus COVID-19 sama ada dalam kalangan kakitangan di agensi mahupun semasa membantu klien. Pengalaman saya ketika menguruskan praktikum pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda, terdapat satu kes di mana bapa pelajar meninggal dunia disebabkan jangkitan virus COVID-19. Pelajar dan keluarga yang lain juga turut dijangkiti COVID-19. Situasi kehilangan ketua keluarga, diri dan keluarga dijangkiti virus yang merbahaya ini telah memberikan kesan yang mendalam dalam kehidupan pelajar. Emosi dan fokus pelajar terhadap latihan praktikum agak terganggu. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa virus COVID-19 tidak mengenal usia dan bangsa. Sesiapa sahaja boleh terdedah dan dijangkiti. Justeru, penyelia agensi juga bimbang tentang keselamatan dan tahap kesihatan pelajar semasa menjalani latihan praktikum. Sesetengah pelajar praktikum diberikan arahan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) dan melakukan tugas-tugas yang mudah diakses apabila berada di rumah. Penyeliaan praktikum dan proses pembelajaran pelajar menjadi lebih kritikal apabila majikan atau keluarga majikan juga dijangkiti COVID-19 dan perlu dikuarantinkan.

Berdasarkan pengalaman dan pengamatan saya sebagai Penyelia Laporan pelajar praktikum dan pada masa yang sama menggalas tanggungjawab sebagai Penyelaras Praktikum di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana, proses penyeliaan praktikum ketika COVID-19 ini sentiasa berada dalam keadaan tidak menentu dan pada bila-bila masa perubahan boleh berlaku (*uncertainty*). Situasi atau berada dalam keadaan

ketidakpastian (uncertainty) sememangnya wujud dalam diari kehidupan seseorang pekerja sosial dalam melaksanakan tugas-tugas membantu klien di semua peringkat (mikro, mezzo, makro). Namun, ketidakpastian ketika pandemik COVID-19 merupakan situasi unik yang belum pernah berlaku sebelum ini (Afrouz, 2021). Oleh itu, penyelia pensyarah dan penyelaras praktikum di universiti juga berasa serba salah dan ada ketika dalam keadaan dilema apabila timbul isu antara keselamatan pelajar dan penilaian praktikum bagi memenuhi syarat pengijazahan. Berlaku juga di mana taklimat praktikum dijalankan secara atas talian. Walau apa pun yang berlaku, pihak fakulti/penyelia pensyarah juga perlu memberikan perhatian terhadap hal ini kerana keberkesanan dan kualiti pendidikan Kerja Sosial bergantung kepada keupayaan dan kecekapan program (Kanno & Koeske, 2010) dan bukan terletak di bahu majikan semata-mata. Pensyarah juga perlu memikirkan tentang keadaan pelajar yang mengadu dan tidak berpuas hati apabila tidak dapat melaksanakan tugas dan aktiviti secara bersemuka dengan klien. Keprihatinan dan komitmen yang ditunjukkan oleh majikan dapat dilihat apabila ada majikan yang bertanya kepada para pelajar tentang arahan atau memo daripada pihak universiti atau Pusat Pengajian apabila berlaku penularan COVID-19. Majikan dan kakitangan lain di agensi praktikum perlu patuh dan mengikut arahan kerajaan tentang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mahupun Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Perkara ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada semua pihak terutamanya dalam kalangan pelajar praktikum dalam memenuhi jumlah jam bekerja yang disyaratkan untuk pelajar lulus kursus praktikum. Pihak Program Kerja Sosial juga bersama-sama membantu dalam memastikan objektif praktikum dalam dicapai.

Kini penularan dan jangkitan COVID-19 semakin reda dan masyarakat dunia telah dapat menerima dan menjalani kehidupan dengan norma baharu. Praktikum pelajar juga dapat dilaksanakan seperti biasa. Namun, isu yang perlu diberikan pertimbangan adalah terdapat kumpulan pelajar yang mengikuti pengajian atau kuliah secara dalam talian dan terkesan dengan COVID-19. Sebelum ini pensyarah menggunakan platform dalam talian seperti *Zoom*, *Microsoft Teams*, *Webex*, *Google Meets* dan lain-lain lagi bagi melaksana dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran kuliah masing-masing. Pada ketika itu dilihat bahawa semua pensyarah dan universiti yang menawarkan Program Kerja Sosial mampu menggunakan teknologi bagi mengendalikan kuliah secara maya (McLaughlin et al., 2020). Seminar, perkongsian ilmu dan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial dapat dijalankan secara dalam talian melibatkan panel dan peserta bukan sahaja dalam negara malah melibatkan pendidik dan pengamal kerja sosial di luar negara. Ini menunjukkan bahawa walaupun berhadapan dengan krisis, semua pihak berusaha untuk memastikan bidang Kerja Sosial terus relevan dan penting seiring dengan profesion-profesion lain dalam bidang perbantuan.

Dari perspektif seorang pendidik dan Penyelaras Praktikum, apa yang bermain di kotak fikiran saya adalah isu pemahaman dan kebolehan para pelajar yang mengikuti kuliah secara dalam talian apabila menjalankan praktis kerja sosial. Adakah semua pelajar dapat memahami teori, pendekatan, nilai dan etika yang dipelajari secara dalam talian? Bolehkah semua pelajar mengendalikan sesi secara individu, keluarga dan membuat program dengan komuniti? Mampukah pelajar empati dengan permasalahan yang dialami oleh klien? Salah satu daripada dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa wujud banyak masalah apabila pembelajaran dalam talian dilaksanakan di peringkat sekolah dan universiti (Algara et al., 2021). Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Kerja Sosial juga tidak terkecuali kerana aktiviti dan program dalam bidang ini melibatkan interaksi dan hubungan secara fizikal dengan klien. Pandemik COVID-19 telah mengubah corak

hubungan dan komunikasi di rumah, pejabat, tempat-tempat ibadah, kompleks membeli belah, pusat sukan dan rekreasi. Garis panduan penjarakan sosial juga turut memberikan kesan terhadap tanggungjawab profesional dalam profesion kerja sosial dan kehidupan sosial seseorang (Algara et al., 2021). Justeru, bagaimana dan mampukah pelajar memahami seterusnya mengaplikasikan apa yang dipelajari semasa berpraktikum? Perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius dalam memastikan kebolehpasaran dan kualiti graduan kerja sosial di Malaysia.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelajar yang bakal dan sedang menjalani latihan praktikum perlu peka terhadap realiti dan cabaran sebenar dalam bidang Kerja Sosial yang bakal mereka tempuhi semasa latihan praktikum. Walaupun pada peringkat Ijazah Sarjana Muda hanya menekankan kepada amalan generalis, para pelajar juga perlu diberikan persediaan bagi berhadapan dan bekerja dengan kumpulan klien secara spesifik (Sun, 1999). Selain itu, pelajar perlu bersedia bagi berhadapan dengan keunikan dan ketidakpastian tingkah laku, emosi serta masalah klien. Begitu juga dengan ketidakpastian dalam perubahan dunia sama ada melibatkan aspek ekonomi, sosial dan politik di dalam dan di luar negara. Oleh itu, kerjasama antara pihak majikan sama ada di sektor kerajaan, swasta mahupun NGO dengan Pusat Pengajian serta universiti perlu dipertingkatkan agar dapat membantu pelajar kerja sosial khususnya berdepan dengan isu-isu dan cabaran dalam menangani permasalahan sosial masyarakat secara kompeten.

RUJUKAN

- Afrouz, R. (2021). Approaching uncertainty in social work education, a lesson from COVID-19 pandemic. *Qualitative Social Work*, 20(1–2), 561–567. <https://doi.org/10.1177/1473325020981078>.
- Algara, C., Fuller, S., Hare, C., & Kazemian, S. (2021). The interactive effects of scientific knowledge and gender on COVID-19 social distancing compliance. *Social Science Quarterly*, 102(1), 7–16. <https://doi.org/10.1111/ssqu.12894>.
- Baird, S. L. (2016). Conceptualizing anxiety among social work students: Implications for social work education. *Social Work Education*, 35(6), 719–732. doi:10.1080/02615479.2016.1184639.
- Birkenmaier, J., & Berg-Weger, M. (2007). *The practicum companion for social work: Integrating class and field work* (2nd ed.). Allyn & Bacon.
- Bogo, M. (2010). *Achieving competence in social work through field education*. University of Toronto Press.
- Buchanan, C. S., & Bailey-Belafonte, S. J. (2021). Challenges in adapting field placement during a pandemic: A Jamaican perspective. *International Social Work*, 64(2), 285–288. <https://doi.org/10.1177/0020872820976738>.
- Chiaferi, R., & Griffin, M. (1997). *Developing fieldwork skills: A guide for human services, counseling, and social work students*. Brooks/Cole Publishing Company.

- Council on Social Work Education (CSWE) (2008). *Education policy and accreditation standards*. CSWE, Alexandria, VA.
- EPAS Handbook 2008. Council on Social Work Education, Commission on Accreditation. *CSWE Handbook of Social Work Accreditation Policies and Procedures (Handbook) for the 2008 Educational Policy and Accreditation Standards*.
- Foote, W. L. (2015). Social work field educators' views on student specific learning needs. *Social Work Education, 34*(3), 286-300.
- Hemalatha, S., & Ramanaiah, TBBSV. (2018). Field work practicum in industries: An opinion survey of human resource professionals. *Desh Vikas, 5*(1), 1-22.
- Hemy, M., Boddy, J., Chee., P., & Sauvage, D. (2016). Social work students 'juggling' field placement. *Social Work Education, 35*(2), 215-228.
- Jenkins, L. E., & Sheafor, B. W. (1982). An overview of social work field instruction. Dalam B. W. Sheafor & L. E. Jenkins. (Eds.), *Quality field instruction in social work: Program development and maintenance* (pp. 3-20). Longman.
- Kamali, A., Clary, P., & Frye, J. (2017). Preparing BSW students for practicum: Reducing anxiety through bridge to practicum course. *Field Scholar, Volume 7.1*, 1-16.
- Kanno, H., & Koeske, G. F. (2010). MSW students' satisfaction with their field placements: The role of preparedness and supervision quality. *Journal of Social Work Education, 46*(1), 23-38.
- Mclaughlin, H., Scholar, H., & Teater, B. (2020). Social work education in a global pandemic: Strategies, reflections, and challenges. *Social Work Education, 39*(8), 975-982. <https://doi.org/10.1080/02615479.2020.1834545>.
- Muhaini, Z., Saat, L., Tamit, R. (2022). Praktikum ketika pandemik COVID-19: Cabaran siswa guru pendidikan awal kanak-kanak dalam pengajaran secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue), 11*(1), 124-138.
- Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia. (2010). http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/piawaian_kompetensi_kebangsaan_praktis_kerja_sosial_dimalaysia.pdf
- Rosenthal Gelman, C. (2004). Anxiety experienced by foundation-year MSW students entering field placement: Implications for admissions, curriculum, and field education. *Journal of Social Work Education, 40*(1), 39-54.
- Rosenthal Gelman, C. (2011). Field instructors' perspectives on foundation year MSW students' preplacement anxiety. *Journal of Teaching in Social Work, 31*, 295-312.
- Rosenthal Gelman, C., & Baum, N. (2010). Social work students' pre-placement anxiety. An international comparison. *Social Work Education, 29*(4), 427-440.

- Rosenthal Gelman, C., & Lloyd, C. M. (2008). Field notes: Pre-placement anxiety among foundation-year MSW students: A follow-up study. *Journal of Social Work Education, 44* (1), 173-183.
- Royse, D., Dhooper, S. S., & Rompf, E. L. (2003). *Field instruction: A guide for social work students* (4th ed.). Allyn & Bacon.
- Sheafor, B. W., & Jenkins, L. E. (1982). *Quality field instruction in social work: Program development and maintenance*. Longman.
- Siporin, M. (1982). The process of field instruction. Dalam B. W. Sheafor & L. E. Jenkins (Eds.), *Quality field instruction in social work: Program development and maintenance* (pp. 175-197). Longman.
- Sonuga-Barke, E. J. (2021). "School of hard knocks"—What can mental health researchers learn from the COVID-19 crisis? *The Journal of Child Psychology and Psychiatry, 62*(1), 1–4. <https://doi.org/10.1111/jcpp.13364>.
- Sun, A. (1999). Issues BSW interns experience in their first semester's practicum. *The Clinical Supervisor, 18*(1), 105-123.
- Tham, P., & Lynch, D. (2017). 'Lost in transition?' Newly educated social workers' reflections on their first months in practice. *European Journal of Social Work, 22*(1), 1-12. doi: 10.1080/13691457.2017.1364701.
- Thompson, N. (2015). *Understanding social work: Preparing for practice* (4th ed.). Palgrave.
- Vitali, S. (2011). Acquisition of professional social work competencies. *Social Work Education, 30*(2), 236–246.
- Wayne, J., Bogo, M., & Raskin, M. (2006). Field notes: The need for radical change in field education. *Journal of Social Work Education, 42*(1), 161-169.

KETERANGKUMAN DALAM INTERVENSI PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DAN HIV/AIDS : SATU TINJAUAN KE ATAS PENGLIBATAN KOMUNITI NELAYAN

Ezarina Zakaria , Alya Ardini & Fauziah Ibrahim

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Emel : ezaz@ukm.edu.my, alyaardini98@gmail.com, ifauziah@ukm.edu.my)

Abstrak

Keterangkuman (*inclusivity*) komuniti B40 khususnya komuniti nelayan dalam intervensi pencegahan bersepadu amat penting bagi membendung penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Impak perkongsian jarum suntikan dadah telah menyebabkan HIV/AIDS mendapat perhatian sebagai isu kesihatan global. Manakala, penyalahgunaan dadah menjadi masalah sosial yang sehingga kini belum dapat dicegah sepenuhnya. Masih banyak dokumentasi berkenaan keterangkuman komuniti diperlukan bagi memahami penglibatan komuniti nelayan dalam intervensi pencegahan. Satu kajian telah dijalankan bagi meninjau penglibatan komuniti nelayan dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Kajian ini berasaskan reka bentuk Fenomenologi. Seramai 10 orang nelayan di Kuala Perlis, Malaysia (5 wakil belia dan 5 wakil dewasa) dipilih sebagai informan. Pengumpulan data kajian kualitatif ini dijalankan secara temu bual bersemuka dan data kajian dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati informan i) kerap terlibat dan aktif sebagai peserta program intervensi pencegahan dan ii) pemahaman berkenaan matlamat intervensi adalah baik walaupun majoriti iii) tidak pernah melibatkan diri dalam perancangan dan pelaksanaan intervensi. Kajian juga mendapati wujud iv) batasan penglibatan ahli komuniti dalam program yang dicorakkan oleh *nature of work* sebagai nelayan. Manakala tinjauan keterangkuman menunjukkan v) dorongan pihak berkepentingan, vi) perkongsian maklumat oleh agensi dan pemimpin komuniti setempat serta vii) penglibatan bersepadu pelbagai agensi dalam program intervensi menjadi faktor menggalakkan keterlibatan komuniti nelayan yang dikaji. Kertas kerja ini juga mengetengahkan keperluan keterangkuman komuniti dalam perancangan intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS khususnya komuniti B40.

Kata kunci: *Keterangkuman (inclusivity); intervensi pencegahan dadah; intervensi pencegahan HIV/AIDS; penglibatan komuniti B40; komuniti nelayan*

PENGENALAN

Keterangkuman atau inklusiviti menggambarkan konsep penghargaan terhadap setiap keunikan individu bertujuan mewujudkan rasa dihormati dan dihargai. Penerimaan terhadap setiap perbezaan yang ada pada individu, memberi akses yang penuh kepada sumber dalam komuniti, menggalakkan layanan sama rata serta membuka peluang mencapai kemajuan sendiri menerangkan lebih terperinci berkenaan konsep keterangkuman ini (Berger 2020; Smith 2019; Chavis, Lee & Buchanan 2001). Keterangkuman mengetengahkan pentingnya mengiktiraf ahli komuniti sebagai ‘pakar’ di

dalam persekitaran sosial mereka sendiri. Penghargaan ke atas individu sebagai *the expert* ditunjukkan menerusi penyediaan peluang untuk mereka melibatkan diri secara aktif. Ini termasuklah penglibatan ahli komuniti untuk pembuatan keputusan (Chavis et al. 2001). Aspek utama yang diberi tumpuan adalah i) perhubungan sosial dan rasa kepunyaan, ii) mesra umur dan iii) komuniti sejahtera.

Keterangkuman (*inclusivity*) komuniti B40 khususnya komuniti nelayan dalam intervensi pencegahan bersepadu amat penting dalam membendung penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Impak perkongsian jarum suntikan dadah telah menyebabkan HIV/AIDS mendapat perhatian sebagai isu kesihatan global. Manakala, penyalahgunaan dadah menjadi masalah sosial yang sehingga kini belum dapat dicegah sepenuhnya. Statistik penagihan dadah dengan kes berulang (*relaps*) dan kes penagih baru di Malaysia menunjukkan peningkatan. Menurut Agensi Antidadah Kebangsaan (2019), statistik penyalahgunaan dan penagih dadah serta bahan di Malaysia pada tahun 2018 mencatatkan sebanyak 130 788 orang penagih manakala sehingga tahun 2019 pola penyalahgunaan dadah dalam negara telah meningkat sehingga 142 199 orang penagih dadah.

Begitu juga, statistik anggaran bilangan pesakit baru yang telah dijangkiti HIV/AIDS di Malaysia juga menunjukkan peningkatan. Laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2019) menerusi Country Progress Report On HIV/AIDS Malaysia, pada tahun 2018 sebanyak 6100 orang telah dijangkiti HIV berbanding tahun 2016 hanya mencatatkan 2297 orang. Manakala, statistik mengikut negeri pada tahun 2019 telah menunjukkan bahawa negeri Perlis mencatatkan 0.5% kes HIV/AIDS berbanding negeri-negeri lain. Oleh itu, pelaksanaan intervensi pencegahan secara komprehensif melibatkan penyertaan penuh komuniti dilihat sangat penting sebagai langkah awal pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Namun begitu, masih banyak kajian berkenaan keterangkuman komuniti diperlukan bagi memahami penglibatan komuniti dalam intervensi pencegahan.

Keperluan Keterangkuman Komuniti dalam Perancangan Intervensi Pencegahan Penyalahgunaan Dadah dan HIV/AIDS

Keterangkuman komuniti merupakan mekanisme utama dalam perancangan program pencegahan (Hasli et al (2016). Konsep ini menjadi indikator utama penilaian keberkesanan sesuatu program pencegahan. Terdapat lima pendekatan utama bagi menggerakkan usaha keterangkuman komuniti dalam perancangan intervensi. Antaranya adalah i) membuat *profiling*, ii) penilaian keperluan komuniti, iii) penilaian kesediaan komuniti, iv) mendayaupayakan komuniti serta vi) rujukan pakar bidang. Kejayaan dan keberkesanan program pencegahan dadah dapat dilihat apabila komuniti dilibatkan khususnya di peringkat perancangan program. Pemimpin komuniti menjadi faktor penggerak utama merangkumkan komuniti semasa proses perancangan program pencegahan dadah. Diikuti dengan badan bukan kerajaan (NGO), agensi swasta serta individu persendirian. Kajian oleh National Institute on Drug Abuse (2003) pula menyatakan di peringkat awal pemilihan program pencegahan, ahli komuniti sendiri harus sepakat memilih untuk melaksanakan suatu program yang memenuhi keperluan dan bersesuaian sumber/aset yang ada dalam komuniti.

Seterusnya, keperluan keterangkuman komuniti dalam intervensi pencegahan juga dibincangkan menerusi peranan pengamal profesional yang bertindak menggunakan pendekatan tertentu dalam menggalakkan penglibatan ahli komuniti. Kajian oleh Substance Abuse and Mental Health Service Administration (SAMHSA) (2018) lebih

memfokuskan kepada *practitioner* yang berperanan memanfaatkan kemahiran dan sumber dalam persekitaran yang lebih luas demi menjamin kepentingan penglibatan komuniti sepanjang proses perancangan program. Selain itu, kolaborasi antara komuniti dan agensi atau pihak berkepentingan turut ditekankan dalam merancang program pencegahan. Ini kerana perancangan program tidak berjaya dicapai jika hanya satu pihak yang terlibat dalam proses tersebut. Sehubungan itu, terdapat lima langkah yang dicadangkan oleh SAMHSA (2018) sebagai kolaborasi yang boleh dilakukan antara komuniti dan agensi yang terlibat khususnya di peringkat perancangan. Antara langkahnya adalah i) penilaian, ii) kapasiti, iii) perancangan, iv) pelaksanaan dan juga vi) pemantauan.

Semasa di peringkat i) penilaian, komuniti perlu menggunakan maklumat persekitaran untuk melihat keperluan pencegahan, kapasiti serta mengenal pasti isu penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS yang utama. Manakala, di peringkat ii) kapasiti pula, komuniti perlu membangunkan sumber persekitaran dan bersedia menangani isu penyalahgunaan dadah serta HIV/AIDS. Peringkat ketiga iaitu melibatkan iii) komuniti dalam membangunkan rancangan yang komprehensif untuk mengatasi isu penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Peringkat keempat pula melibatkan iv) tindakan daripada komuniti untuk menyampaikan dan memperhalusi program pencegahan yang telah dipilih. Akhir sekali, peringkat vi) pemantauan di mana komuniti perlu meneliti proses dan hasil sepanjang program dilaksanakan dalam lokaliti mereka.

Keperluan keterangkuman dalam program pencegahan, tidak terbatas kepada penyalahgunaan dadah tetapi turut memberi perhatian kepada impak dadah seperti HIV/AIDS. Menurut Jose et al (2017), komuniti dilibatkan secara aktif dalam perancangan dan pembangunan program pencegahan serta penjagaan HIV/STI. Keterangkuman penglibatan komuniti melalui konsep dialog dalam program belia, pihak pemegang taruh (*stakeholders*) serta *practitioner* ditekankan dalam intervensi pencegahan impak HIV/STI. Komunikasi dua hala diwujudkan antara ahli komuniti dan pihak berkepentingan. Hasil kajian oleh Jose ini mengesyorkan empat langkah yang wajar diambil sebagai inisiatif kepada penstrukturan dan pembangunan program. Antara langkah yang diambil adalah i) pelaksanaan dialog komuniti, ii) *recruitment* ahli komuniti melalui iklan yang berinformasi dan menarik, iii) penilaian dialog. Akhir sekali, iv) pemilihan aktiviti intervensi oleh pihak berkepentingan. Rasionalnya, pelaksanaan dialog tersebut dapat memberi peluang kepada ahli komuniti untuk mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan dan perancangan program. Pencapaian program pencegahan terdahulu telah dijadikan sumber rujukan bagi merancang program intervensi berasaskan komuniti pada masa hadapan. Dialog yang menggambarkan kaedah keterangkuman komuniti mewujudkan kebolehlaksanaan, kebolehterimaan, kemampanan dan gabungan idea dari pelbagai pihak berkepentingan. Khususnya, bagi menjayakan intervensi pencegahan HIV/AIDS yang berkesan untuk golongan sasaran.

Faktor Penglibatan Komuniti

Penglibatan penuh kumpulan sasaran menjadi elemen utama kejayaan sesuatu intervensi yang dijalankan. Kajian oleh Lawrence (2011) menjelaskan bahawa penglibatan penuh komuniti dalam intervensi pencegahan HIV/AIDS memainkan peranan penting bagi mengurangkan risiko jangkitan epidemik tersebut. Faktor penggerak seperti penyelidikan

awal tentang keperluan pelaksanaan intervensi dalam komuniti mempengaruhi kesesuaian dan kerelevanan penglibatan komuniti dalam intervensi yang dijalankan.

Kajian terdahulu oleh Supranee (2015) mengenai penglibatan komuniti Kuil Sawadwarisemi di Bangkok, Thailand dalam program pencegahan penyalahgunaan dadah mendapati ahli jawatankuasa komuniti, pemimpin setempat, ahli agama (sami) dan golongan dewasa menjadi faktor penggerak keterlibatan dalam program pencegahan dadah. Ini kerana mereka bertanggungjawab i) memantau dan melaporkan salah laku dalam komuniti dan menyediakan maklumat kepada pemimpin komuniti, ii) memberi motivasi kepada komuniti dalam mengurus dan menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah serta menggunakan mekanisme pendekatan jawatankuasa komuniti dan keluarga untuk memberi kesedaran tentang dadah kepada komuniti. Selain daripada iii) bekerjasama dengan pihak penguatkuasa untuk melakukan pemeriksaan dadah di pusat komuniti, iv) mengambil bahagian dalam program pemerkasaan dan pembangunan komuniti. Akhir sekali, v) membantu dari segi kewangan dan tenaga untuk melancarkan program pembangunan komuniti.

Kajian berkenaan juga menunjukkan bahawa pihak kerajaan turut menjadi faktor penggerak yang penting dalam memperkasakan komuniti daripada terlibat dalam isu penyalahgunaan dadah. Khususnya, melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam program pencegahan dadah. Dorongan bersepadu daripada pihak kerajaan dan kemahiran menyelesaikan masalah yang diterapkan melalui program pencegahan dadah menjadi usaha penting dalam menyelesaikan isu penyalahgunaan dadah dalam komuniti setempat (Kongudom, 2002).

Selain itu, kebolehcapaian, keinginan untuk terlibat serta pengetahuan tentang aktiviti yang dilaksanakan menjadi faktor utama penglibatan komuniti dalam program pencegahan penyalahgunaan bahan. Penerokaan lanjut berkenaan faktor sosiodemografi oleh agensi pelaksana juga amat penting bagi melihat sejauhmana sambutan komuniti dalam program pencegahan yang dijalankan. Ini kerana hasil kajian menunjukkan penglibatan komuniti yang berpendapatan rendah dalam program pencegahan penyalahgunaan bahan adalah baik dan amat mengalakkan (Kauffman & Poulin, 1994; Robert et al., 2017). Maka, daripada penglibatan itu program pencegahan yang dijalankan dapat mencapai matlamat untuk mengurangkan isu penyalahgunaan bahan yang semakin berleluasa dalam komuniti. Kesedaran ahli komuniti tentang kesan negatif penyalahgunaan bahan turut mendorong penglibatan aktif komuniti dalam program pencegahan yang dijalankan (Peterson & Reid, 2003).

Kajian oleh Robert et al., (2017) mendapati ahli komuniti yang mementingkan kesejahteraan di kawasan kejiranan mempunyai tahap penglibatan yang lebih tinggi dalam program pencegahan yang dilaksanakan. Di samping, agensi pelaksana merangka dan melaksanakan aktiviti pencegahan yang berkesan. Tujuannya supaya persepsi negatif ahli komuniti terhadap pihak berkuasa dalam menangani isu penyalahgunaan bahan dapat diatasi. Seterusnya, komuniti yang berhadapan dengan risiko HIV/AIDS dalam persekitaran mudah untuk mengambil bahagian dalam intervensi yang dianjurkan jika penyelidikan awal tentang intervensi dilakukan. Hasilnya, penglibatan komuniti dalam intervensi pencegahan mempengaruhi keberkesanan intervensi yang dijalankan (Valentine & Nancy, 2018).

Kajian terdahulu oleh Amanda Poole (2005) telah memfokuskan kepada penglibatan golongan belia dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah. Hasil kajian yang

dijalankan menunjukkan bahawa kejayaan penerokaan asset dan keupayaan bertindak oleh pihak berkepentingan mampu mempengaruhi tahap penglibatan belia dalam intervensi yang dijalankan. Hasilnya, penglibatan secara bersepadu dalam intervensi mampu membentuk keyakinan diri yang mantap. Secara ringkasnya, walaupun konsep penglibatan dapat difahami tetapi masih terdapat limitasi atau jurang dalam kajian ini. Kajian lepas lebih memfokuskan kepada penglibatan belia manakala kajian semasa yang dijalankan pengkaji lebih memfokuskan kepada penglibatan komuniti. Rasionalnya, penglibatan komuniti memperlihatkan bahawa kesemua golongan wajar untuk menerima intervensi yang dilaksanakan (National Strategic Plan, 2015).

Akhir sekali, penglibatan komuniti dalam intervensi pencegahan berada pada tahap penuh. Kajian-kajian lepas tersebut turut mengilustrasikan penglibatan sebagai suatu bentuk keupayaan individu untuk menghadirkan diri secara sukarela dalam intervensi pencegahan yang dilaksanakan. Walaupun jurang kajian wujud dalam salah satu kajian lepas yang diutarakan di mana kajian tersebut secara jelas membuktikan bahawa perbezaan penglibatan kumpulan sasaran masih wujud walaupun berada dalam konteks kajian yang serupa. Sebaliknya, rangkuman idea daripada kajian-kajian lepas memberi gambaran yang menarik khususnya bagi menjalankan kajian yang memfokuskan kepada penglibatan komuniti nelayan Kuala Perlis dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS.

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. mengenal pasti sejauhmana penglibatan komuniti nelayan Kuala Perlis dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS.

METODOLOGI

Kaedah kajian kualitatif berbentuk fenomenologi digunakan dalam kajian ini. Menurut Creswell (2014), kajian kualitatif merujuk kepada pendekatan yang digunakan bagi meneroka dan memahami masalah sosial yang membawa makna kepada seseorang individu atau kumpulan manusia. Manakala, reka bentuk fenomenologi pula menggambarkan makna pengalaman berkenaan konsep atau fenomena yang pernah berlaku individu (Van Manen, 1990). Lokasi kajian adalah di Kampung Seberang Alor, Kuala Perlis. Lokasi ini telah dipilih kerana majoriti komuniti nelayan yang tinggal di luar bandar merupakan golongan yang berpendapatan ekonomi B40. Komuniti nelayan B40 sering menjadi fokus utama pihak berkepentingan dalam menjalankan program pengurangan risiko penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS.

Seramai 10 orang komuniti nelayan Kuala Perlis terdiri daripada lima dewasa dan golongan belia (5 orang) telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Pemilihan sampel kajian daripada kalangan belia dan dewasa dijalankan berdasarkan justifikasi peningkatan kes dalam kumpulan umur produktif. Statistik yang dikeluarkan oleh AADK (2020) bagi tempoh Januari sehingga Jun 2019 menunjukkan golongan belia dan juga dewasa telah mencatatkan kes penyalahgunaan dadah yang tertinggi. KKM (2020) turut melaporkan statistik tertinggi kes pesakit positif HIV/AIDS juga dalam kalangan umur belia dan dewasa.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka. Temu bual bersemuka dipilih kerana pengkaji menjalankan kajian berasaskan lapangan iaitu di perkampungan nelayan Kuala Perlis. Selain itu, temu bual separa struktur telah digunakan

dalam kajian ini. Menurut Burgess (1984), temu bual separa struktur merupakan suatu perbualan yang dilakukan berdasarkan topik menjadi fokus utama perbincangan. Berikutnya, soalan temu bual berbentuk terbuka telah dibina berasaskan objektif kajian dan juga yang bersesuaian dengan persoalan kajian. Dua bahagian utama soalan temu bual telah dibentuk. Bahagian A merangkumi skop soalan berkaitan demografi informan manakala Bahagian B merangkumi skop soalan berkaitan penglibatan komuniti nelayan Kuala Perlis dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS.

Akhir sekali, analisis tematik digunakan sebagai kaedah untuk penganalisan data. Menurut Braun & Clarke (2006), analisis tematik adalah kaedah digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan menentukan tema data kajian. Tema data ditentukan hasil daripada proses pengumpulan data daripada informan. Terdapat enam fasa yang dilakukan dalam analisis tematik iaitu i) membiasakan diri dengan data, ii) mencipta kod awalan dan iii) mencari tema. Seterusnya, iv) penyemakan semula tema, v) menentukan tema dan yang terakhir vi) penulisan laporan.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

A) Demografi Informan

Latar belakang demografi kajian terbahagi kepada dua kumpulan iaitu i) lima informan dewasa berumur 31 tahun ke atas dan ii) lima informan belia berumur antara 18 tahun sehingga 30 tahun. Hasil kajian dibentang bagi melaporkan item maklumat demografi setiap informan mengikut soalan demografi.

Dewasa

Berdasarkan Jadual 2, lebih daripada separuh informan dewasa yang telah ditemu bual oleh pengkaji adalah perempuan. Informan dewasa berumur dalam lingkungan 31 tahun sehingga 40 tahun ke atas. Secara keseluruhannya, informan dewasa dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu, beragama Islam dan juga telah berkahwin. Berdasarkan kepada data yang telah diperolehi, informan dewasa bekerja sebagai peniaga makanan, nelayan dan juga pembantu kedai. Manakala, dua lagi informan dewasa adalah suri rumah sepenuh masa. Seterusnya, kesemua informan dewasa berada dalam komposisi pendapatan ekonomi 40 peratus terendah (B40) iaitu purata bulanan sebanyak RM 3860.00 (Ahmad Zubir Ibrahim, 2017; Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES), 2014). Pendapatan bulanan informan dewasa dalam kajian ini adalah antara RM 800.00- RM 1500.00.

Belia

Analisis data menunjukkan bahawa majoriti informan belia yang telah ditemu bual oleh pengkaji dalam komuniti nelayan Kuala Perlis juga adalah perempuan. Informan belia berumur lingkungan 19 tahun dan 30 tahun. Kesemua informan belia adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Selain itu, dari segi taraf perkahwinan pula analisis data mendapati majoriti informan belia telah berkahwin dan hanya dua orang informan sahaja masih berstatus bujang.

Data kajian juga menunjukkan hanya terdapat tiga orang informan sahaja yang bekerja iaitu dua informan belia bekerja sebagai pembantu kedai makan dan seorang informan bekerja dengan mengambil upah memotong rumput. Manakala, dua orang infoman lagi

adalah suri rumah sepenuh masa. Pendapatan bulanan informan belia adalah antara RM 200.00- RM 1000.00 iaitu komposisi pendapatan ekonomi 40 peratus terendah (B40).

Jadual 2

Maklumat Demografi Informan Dewasa

Demografi Informan	Informan	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Taraf Perkahwinan	Jenis Pekerjaan	Pendapatan Bulanan
Kumpulan Informan Dewasa	Informan A	Perempuan	45	Melayu	Islam	Berkahwin	Peniaga Makanan	RM 1500.00
	Informan B	Perempuan	47	Melayu	Islam	Berkahwin	Suri Rumah	RM 0.00
	Informan C	Perempuan	57	Melayu	Islam	Berkahwin	Suri rumah	RM 0.00
	Informan D	Lelaki	47	Melayu	Islam	Berkahwin	Nelayan	RM 800.00 – RM 900.00
	Informan E	Perempuan	39	Melayu	Islam	Berkahwin	Pembantu Kedai	RM 800.00

N=5 orang

Jadual 3

Maklumat Demografi Informan Belia

Demografi Informan	Informan	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Taraf Perkahwinan	Jenis Pekerjaan	Pendapatan Bulanan
Kumpulan Informan Belia	Informan A	Perempuan	19	Melayu	Islam	Bujang	Pembantu Kedai Makan	RM 500.00
	Informan B	Perempuan	24	Melayu	Islam	Berkahwin	Suri Rumah	RM 0.00
	Informan C	Perempuan	30	Melayu	Islam	Berkahwin	Suri Rumah	RM 0.00
	Informan D	Lelaki	21	Melayu	Islam	Bujang	Mengambil Upah Memotong Rumput	RM 200.00
	Informan E	Perempuan	28	Melayu	Islam	Berkahwin	Pembantu Kedai Makan	RM 1000.00

N=5 orang

Penglibatan Komuniti Nelayan Dalam Intervensi Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Dan HIV/AIDS

Berdasarkan data temu bual yang dianalisis, beberapa tema berkenaan penglibatan komuniti nelayan Kuala Perlis dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS telah dikenalpasti. Keterlibatan komuniti nelayan dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS di kawasan Kuala Perlis adalah mengikut beberapa siri intervensi tersebut dilaksanakan. Kertas artikel ini akan membentangkan sejauhmana penglibatan kedua-dua kumpulan informan dalam intervensi pencegahan tersebut dari segi i) kekerapan penglibatan, ii) komitmen kehadiran dalam program serta iii) factor dorongan untuk terlibat.

i) Kekerapan : Penglibatan Aktif

Kekerapan penglibatan merujuk kepada sejauhmana informan melibatkan diri dalam intervensi pencegahan yang telah dilaksanakan dalam komuniti nelayan. Hasil analisis mendapati bahawa kesemua informan dewasa (5 orang) serta informan belia (5 orang) dalam komuniti nelayan Kuala Perlis melibatkan diri secara aktif dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Kedua-dua kumpulan informan tersebut terlibat purata tiga kali setahun dalam intervensi pencegahan yang telah dilaksanakan di komuniti mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh informan dewasa (Informan Dewasa E) dan juga informan belia (Informan Belia E).

Menurut salah seorang informan dewasa beliau terlibat; “...di Kampung Alor ni dua kali, tiga kali dah la setahun...” (Informan Dewasa E (39), Kuala Perlis) dalam program untuk nelayan Kuala Perlis. Begitu juga dengan Informan Belia E yang menyatakan; “Saya terlibat lebih kurang dua tiga kali jugak la setahun dalam program pencegahan dadah, HIV ni yang mai buat kat kampung tu” (Informan Belia E (28), Kuala Perlis).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua informan boleh dianggap telah terlibat secara aktif dalam intervensi pencegahan yang dilaksanakan. Kesediaan untuk terlibat dinilai berdasarkan kekerapan terlibat dan secara tidak langsung menunjukkan intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS adalah berkesan dan mempengaruhi kadar penglibatan kesemua informan yang dikaji.

Dapatan ini selari dengan kajian kajian yang dijalankan oleh Valentine & Nancy (2018) iaitu pelaksanaan intervensi lebih berkesan dengan adanya penglibatan secara bersepadu oleh komuniti. Menurut Lawrence Mbuagbaw & Elizabeth Shurik (2011), penglibatan bersepadu komuniti dalam intervensi pencegahan HIV/AIDS dipengaruhi oleh beberapa komponen penglibatan iaitu kepentingan penjagaan kesihatan dalam komuniti, keberkesanan penyelidikan pelaksanaan intervensi serta pengaruh daripada pembimbing rakan sebaya (*peer educators*) dalam sesebuah komuniti. Kajian oleh United Nations Office for Drug Control and Crime Prevention Vienna (2016) pula mendapati penglibatan aktif komuniti dalam intervensi pencegahan dadah adalah berkait rapat dengan keberkesanan penyampaian intervensi oleh agensi pelaksana kepada seluruh lapisan komuniti. Rumusannya, komuniti akan berminat untuk terlibat secara aktif jika mereka yakin dengan keberkesanan program intervensi yang dijalankan dalam komuniti mereka.

ii) **Komitmen Kehadiran: Kehadiran Penuh Sepanjang Intervensi Pencegahan Berlangsung**

Analisis ke atas data temu bual berkenaan kehadiran informan semasa intervensi mendapati informan memilih sama ada a) memberi komitmen untuk berada dalam program sepenuhnya atau b) separuh hari sahaja.

Informan dewasa yang terdiri daripada Informan Dewasa A, Dewasa B serta Dewasa C menyatakan bahawa mereka telah hadir dalam program pencegahan sepanjang hari sehingga sesi program tersebut tamat. Sebagai contoh, seorang informan menyatakan beliau; *“Mai (datang) penuh masa sampai habis program kami ada situ”* (Informan Dewasa B (47), Kuala Perlis).

Selain itu, majoriti informan belia (Informan Belia A, Informan Belia B, Informan Belia C dan Informan Belia E) juga berkongsi pengalaman terlibat sepanjang hari selama sesi intervensi tersebut berlangsung. Misalnya, informan belia menyatakan seperti; *“Haa, saya pi (pergi) full daripada pagi sampai petang”* (Informan Belia B (24), Kuala Perlis).

Faktor pekerjaan mempengaruhi kehadiran penuh informan dalam intervensi pencegahan. Ini kerana jika dilihat majoriti daripada informan dewasa yang hadir penuh semasa intervensi pencegahan berlangsung adalah suri rumah sepenuh masa atau mereka yang bekerja sendiri. Begitu juga dengan informan belia yang terlibat sepanjang hari dalam intervensi pencegahan juga dari kalangan suri rumah dan mereka yang bekerja dalam kawasan yang sama di mana program dijalankan.

Informan didapati mempunyai masa yang lebih fleksibel untuk hadir penuh dalam program pencegahan yang dijalankan berbanding dengan mereka yang terikat dengan jadual kerja. Apabila ada kelebihan jadual kerja yang tidak terlalu ketat serta kawasan kerja berdekatan dengan kawasan program dijalankan maka penglibatan penuh dapat diperoleh. Insentif untuk suri rumah yang hadir juga dipercayai mendorong penglibatan penuh. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lain seperti Zakaria, et al. (2020) dan Bierman et al. (2011). Penyediaan insentif, jadual yang fleksibel, hubungan peribadi serta sokongan penuh terhadap wakil komuniti dilihat amat penting bagi mengekalkan dan menarik penglibatan lebih ramai ahli komuniti dalam program pencegahan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga informan yang tidak dapat hadir sepenuhnya semasa sesi intervensi berjalan. Informan Dewasa D sebagai contoh mengakui telah menghadiri intervensi pencegahan yang dilaksanakan hanya pada sebelah petang sahaja; *“Mai (datang), petang ja la”* (Informan Dewasa D (47), Kuala Perlis). Begitu juga dengan Informan Belia A dan Informan Belia D. Misalnya, Informan Belia D hanya hadir pada sebelah petang sahaja sepanjang intervensi berlangsung; *“...Saya selalu pi (pergi) petang je lah...”* (Informan Belia D (21), Kuala Perlis).

Faktor pekerjaan telah membataskan waktu ahli komuniti untuk hadir ke intervensi pencegahan yang dilaksanakan. Ini berikutan Informan Dewasa A bekerja sebagai nelayan yang mana berdasarkan temu bual beliau akan turun bekerja pada awal pagi sehingga ke tengah hari. Oleh itu, bagi memastikan penglibatan penuh komuniti dalam intervensi pencegahan maka pelaksanaan intervensi haruslah memenuhi keperluan, mematuhi norma dan perbezaan budaya hidup serta rutin sosioekonomi komuniti (United Nations Office on Drug and Crime, 2020). Intervensi pencegahan yang dilaksanakan juga haruslah memenuhi piawaian tertentu mengikut ketetapan agensi pelaksana, sumber dana yang

mencukupi daripada agensi kerajaan atau negeri. Secara mudahnya, intervensi yang dijalankan haruslah mempunyai penyesuaian kepada budaya dan juga keperluan komuniti agar komuniti terlibat secara penuh dalam intervensi yang dijalankan (Halfors et al., 2007; Conell, 2009).

iii) Faktor Dorongan Penglibatan

Penerokaan ke atas penglibatan komuniti nelayan dalam program intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS akan lebih difahami apabila faktor dorongan keterlibatan dikenalpasti. Terdapat dua tema faktor dorongan yang dikenalpasti iaitu a) faktor intrapersonal: konsep sendiri dan rasa bertanggungjawab membantu komuniti dan juga b) pengaruh positif daripada sistem sosial.

a) Faktor Intrapersonal: Konsep Kendiri dan Rasa Bertanggungjawab Membantu Komuniti

Analisis ke atas data temu bual mendapati penglibatan majoriti informan dewasa dalam intervensi adalah didorong oleh faktor intrapersonal yang dicirikan oleh konsep sendiri dan rasa bertanggungjawab dalam membantu komuniti mereka sendiri. Kedua-dua Informan Dewasa A dan Informan Dewasa B ini mempunyai pandangan yang serupa sebagaimana berikut:

“...Kak memang berminat. Berminat macam suka la kan orang kata apa? Haa secara peribadi. Sebabnya kak tak mau bagi remaja, dewasa dan kanak-kanak terlibat dengan dadah...”

(Informan Dewasa A (45), Kuala Perlis)

Informan Dewasa A menyatakan bahawa dirinya sendiri yang secara sukarela terlibat dalam intervensi pencegahan tersebut. Ini kerana informan sendiri mempunyai rasa minat untuk terlibat dalam intervensi pencegahan yang dilaksanakan. Selain itu, Informan Dewasa A juga mempunyai rasa tanggungjawab untuk membantu golongan berisiko seperti kanak-kanak dan remaja daripada terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS.

“Kami kan di kampung-kampung tu macam kita aktif kan. Macam apa orang kata depa (mereka) habaq (memberitahu) kata nak masuk kampung ada apa-apa program depa (mereka) bagitau kami turun (hadir) lah”

(Informan Dewasa C (57), Kuala Perlis)

Walau bagaimanapun, Informan Dewasa C dan Informan Dewasa D pula menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam intervensi pencegahan adalah disebabkan mereka memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa dalam persatuan penduduk. Kedua-dua informan melihat keperluan untuk mereka bergiat aktif dalam setiap pelaksanaan intervensi pencegahan. Penemuan ini juga menggambarkan rasa tanggungjawab ahli komuniti yang mendorong penglibatan aktif dalam intervensi begini.

Secara keseluruhannya, faktor minat, rasa bertanggungjawab dalam membantu kumpulan yang berisiko serta peranan sebagai ahli jawatankuasa persatuan penduduk adalah berkait rapat dengan tingkah laku informan untuk terlibat secara sukarela dalam intervensi pencegahan. Menurut Human Rights and Gender Equality in Health Sector Strategies

(WHO) (2020), penyertaan secara sukarela dalam program yang dianjurkan dapat mempengaruhi kefungsiian hidup individu terutama sekali dalam proses pembuatan keputusan yang berkesan. Penglibatan secara bersepadu dalam intervensi juga mampu membentuk keyakinan diri yang mantap (Amanda Poole, 2005). Maka, pandangan ini memperkukuhkan dapatan kajian bahawa dorongan diri sendiri menghasilkan tingkah laku penglibatan secara sukarela oleh komuniti dalam intervensi pencegahan termasuklah komuniti nelayan. Akhirnya, penglibatan dengan dorongan sebegini secara tidak langsung meningkatkan kefungsiian sosial komuniti.

b) Pengaruh Positif daripada Sistem Sosial

Hasil analisis mendapati kedua-dua kumpulan informan yang terlibat dalam intervensi pencegahan dadah dan HIV/AIDS dipengaruhi oleh sistem sosialnya. Menurut seorang daripada informan dewasa dirinya terlibat dalam intervensi pencegahan dipengaruhi oleh komitmen pemimpin setempat; “...atas pada JKK lah...” (Informan Dewasa E (39), Kuala Perlis). Informan ini menyatakan bahawa pemimpin setempat iaitu JKK yang mempengaruhinya untuk terlibat dalam intervensi pencegahan yang dilaksanakan.

Analisis data ini mendapati pemimpin setempat berjaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi komuniti supaya terlibat dalam intervensi yang dilaksanakan. Begitu juga dengan Informan Belia B dan Informan Belia E turut menyatakan perkara yang sama iaitu pemimpin setempat mempengaruhi mereka secara positif untuk giat terlibat dalam intervensi yang dilaksanakan:

“...yang dorong kami untuk pi (pergi) terlibat dalam program tu haa kebanyakan orang kampung, ketua kampung, JKK macam tu lah...”

(Informan Belia B (24), Kuala Perlis)

Selain itu, terdapat juga individu lain yang mempengaruhi informan kajian ini. Informan Belia C dan Informan Belia E didorong secara positif (tiada paksaan atau arahan) untuk terlibat dalam intervensi. pencegahan yang telah dilaksanakan. Hasil pengaruh positif daripada rakan-rakan sebagaimana berikut:

“Mula-mula memang la diri sendiri yang dorong nak pi tu tapi ada jugak kawan-kawan dengan JKK yang duk (selalu) ajak pi program yang depa duk mai buat tu.”

(Informan Belia E (28), Kuala Perlis)

Seterusnya, analisis kajian turut mendapati informan belia iaitu Informan Belia A dan Informan Belia D menyatakan bahawa mereka terlibat dalam intervensi pencegahan secara positifnya dipengaruhi oleh ibu mereka. Menurut Informan Belia A, ibunya mahu beliau terlibat kerana yakin program akan dapat dapat menambah ilmu pengetahuan berkenaan dadah dan HIV/AIDS.

“Yang dorong tu ibu bapa saya lah untuk saya pergi ke program tu untuk tau (mengetahui) lebih lanjut la tentang dadah dan HIV ni”

(Informan Belia A (19), Kuala Perlis)

Dapatan kajian menunjukkan pengaruh positif daripada individu lain seperti JKKK, ibu bapa serta rakan-rakan dalam sistem persekitaran informan berjaya mempengaruhi kedua-dua kumpulan informan untuk terlibat dalam intervensi yang dijalankan. Kedua-dua kumpulan informan menjadikan individu penting di sekeliling mereka sebagai pemangkin penglibatan lebih aktif. Sebagai contoh, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), ibu bapa serta rakan-rakan. Selain itu, interaksi secara langsung antara informan dan juga individu yang terlibat juga berlaku terutamanya dari segi perpindahan maklumat (Sarah Galvani, 2017).

Akhir sekali, dapatan ini juga dapat diperkukuhkan lagi dengan merujuk kepada pendapat yang diutarakan oleh Fauziah et al. (2013); National Drug Control Policy (2011) dan Ezarina et al. (2020) iaitu penglibatan sistem sosial lain seperti ahli keluarga serta komuniti dalam persekitaran hidup klien adalah penting dalam melaksanakan program intervensi pencegahan dadah yang lebih bersepadu. Selain itu, penglibatan keluarga dalam program pencegahan juga dilihat sangat penting bagi mengurangkan risiko keterlibatan dalam penyalahgunaan dadah. Ini termasuklah seperti dibincangkan oleh Nazariah et al., (2019) berkenaan program pencegahan secara dalam talian dan juga media baru.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penglibatan komuniti nelayan Kuala Perlis adalah kerap dan aktif dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS. Maka, daripada penglibatan mereka itu pemahaman ahli komuniti adalah baik walaupun majoriti ahli komuniti yang terlibat tidak memegang apa-apa jawatan dalam perancangan dan pelaksanaan intervensi. Pada masa yang sama juga, batasan penglibatan ahli komuniti dalam intervensi pencegahan dicorakkan oleh *nature of work* komuniti itu sendiri. Sebagai contoh, pekerjaan sebagai nelayan membataskan waktu untuk terlibat dalam intervensi yang dijalankan kerana kebanyakan nelayan bekerja bermula awal pagi sehinggalah waktu tengah hari. Setelah itu, mereka banyak menghabiskan masa untuk berehat dan memperbaiki peralatan menangkap ikan. Walaubagaimanapun, dorongan daripada pihak berkepentingan, penyampaian maklumat daripada agensi pelaksana dan pemimpin komuniti setempat serta penglibatan bersepadu pelbagai agensi dalam intervensi akan menjadi faktor penting keterlibatan komuniti dalam intervensi pencegahan penyalahgunaan dadah dan HIV/AIDS.

Mengulas penemuan kajian ini dari sudut pandang yang berbeza, pastinya keperluan terkini berkaitan endemik COVID-19 turut memberi kesan kepada penglibatan komuniti. Walaupun hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan penglibatan komuniti nelayan dalam intervensi adalah kerap dan aktif tetapi pandemik COVID-19 membataskan pelaksanaan bersepadu. Justeru itu, diharapkan organisasi di peringkat komuniti serta agensi pelaksana mengambil inisiatif mewujudkan suatu bentuk intervensi pencegahan yang mengambilkira kesesuaian keadaan terkini negara akibat penularan pandemik COVID-19. Ini terutama untuk kelangsungan dan kebolehcapaian program pada semua lapisan komuniti. Penganjuran webinar pencegahan, perkongsian maklumat secara berterusan tentang kesan serta bahaya dadah dan HIV/AIDS di media sosial atau infografik merupakan inisiatif yang boleh dicadangkan. Pelaksanaanya tidak melibatkan perjumpaan secara fizikal serta memudahkan untuk akur kepada norma baharu dalam situasi terkini. Bagi tujuan ini, kebolehcapaian internet dan penguasaan komuniti nelayan dari aspek teknikal untuk kekal terlibat dalam program pencegahan atas talian perlu juga diberi perhatian khusus.

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2019). *Statistik dadah*. <https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>
- Amanda Poole. (2005). *Youth participation in drug prevention programmes*. <https://rm.coe.int/1680746036>.
- Ibrahim, I., Alavi, K, & Hassan, N. (2020). *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jai K Das, Rehana A Salam, Ahmed Arshad, Yaron Finkelstein, Zulfiqar A Bhutta. (2016). Interventions for adolescent substance abuse: *An overview of systematic reviews*. 10.1016/j.jadohealth.2016.06.021.
- John W. Creswell. (2012). *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4rd ed.). Los Angeles.
- Kapilla A, Chaudhary S, Sharma RB, Vashist H, Sisodia SS & Gupta A. (2016). A review on: HIV/AIDS. *Indian Journal of Pharmaceutical and Biological Research (IJPBR)* 4(3), 69-73.
- Lawrence A. Palinkas, Sarah M. Horwitz, Carta A. Green, Jeniffer P. Wisdom, Naihua Duan & Kimberly Hoagwood. (2016). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *HHS Public Access* 42(5), 533-544.
- Mbuagbaw. L., & Shurik. E. (2011). HIV-infection- impact, awareness and social implications of living with HIV/AIDS. In Younde & Miami (Eds.), *Community participation in HIV/AIDS programs*, (pp. 214-222). McMaster University.
- Ministry of Health Malaysia. (2015). *National strategic plan: Ending AIDS 2016-2030*.
- Ministry of Health Malaysia. (2019). *Country progress report on HIV/AIDS 2019*.
- Nurzaimah Aslial, Ezarina Zakaria & Haris Abd Wahab. (2013). Intervensi kerja sosial sekolah dalam menangani masalah sosial pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(1), 42-51.
- Oedojo Soedirham. (2007). HIV/AIDS sebagai isu 'human security'. *Jurnal Promosi Kesehatan* 1(1), 25-35.
- Reychad Abdool, Murat Alkan, Holly Andrilla & Oscar Artega. (2017). *Prevention of drug use and treatment of drug use disorders in rural settings*. New York United Nations.
- Robert J Reid, Brad Forenza, David T Lardier & Pauline Garcia-Ried. 2017. Exploring the predictors of citizen participation in substance abuse prevention activities. *Journal of Alcoholism & Drug Dependence* 5(2), 1-10.
- Sara Shakilla Mohd Salim & Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Tahap penglibatan komuniti orang asli dalam pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Capital Development* 4(1), 125-139.

- Sarah Galvani. (2017). Social work and substance use: Ecological perspectives on workforce development. *Drugs: Education, Prevention and Policy* 24(6), 469-476.
- Supranee Wattanasin. (2015). Community participation to solve illegal drugs problems. *Social and Behavioral Sciences* 197(2015), 2145-2150.
- Tyndale, Eleanor Maticka & Coyle, Chris Brouillard (pnyt). The Effectiveness of Community Interventions Targeting HIV and AIDS Prevention of Young People in Developing Countries Preventing HIV/AIDS In Young People: A Systematic Review of The Evidence From Developing Countries. In Ross, David A., Dick, Bruce, Ferguson, Jane. Eleanor Maticka-Tyndale & Chris Brouillard-Coyle, *Preventing HIV/AIDS In Young People: A Systematic Review of The Evidence From Developing Countries* (pp.243-281). Geneva Switzerland.
- Unit Perundingan Universiti Malaya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) & Universiti Putra Malaysia. (2014). Kajian mengenai tahap penyalahgunaan dadah dalam kalangan nelayan di Malaysia.
- Valentine & Nancy. (2018). Community participation in drug use and abuse intervention: A call for access to information. *Paper Presented in NACADA-ISSUP International Conference on Drug Demand Reduction 2018 "Thinking Globally, Acting Locally"*. Nairobi.
- Wan Nor, Wan Nor Fatini, Wan Nazilah & Adi Fahrudin. (2018). Pelaksanaan dan keberkesanan program penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah menengah di Gabungan Kota Kinabalu, Sabah. *Asian Social Work Journal* 3(4), 36-41.
- Zakaria, E., Ibrahim, F. & Hassan, N. (2020). Hubungan antara penerimaan, kesediaan, logistik dan insentif dengan penglibatan program pendidikan pencegahan dadah dalam kalangan keluarga B40. *Jurnal Psikologi Malaysia* 34(2), 184 – 194.
- Zarina Othman, Nor Azizian Idris & Mohamad Daud Darus. 2015. Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(13), 60-71.

JENAYAH SEKSUAL: FAKTOR MENJADI MANGSA DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL KEPADA MANGSA

Fatin Shuhaila Mohd Thowila, Rajwani Md. Zain & Nurhazlina Mohd Ariffin

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia
(Emel : fatinshuhailathowila@gmail.com, rajwani@uum.edu.my,
nhazlina@uum.edu.my)

Abstrak

Jenayah seksual merupakan antara jenayah yang memberi kebimbangan buat masyarakat, kanak-kanak perempuan antara yang paling tinggi menjadi mangsa kepada jenayah seksual. kanak-kanak yang dimaksudkan adalah mereka yang berusia bawah 18 tahun dan mereka tertakluk dibawah Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC). (CRC) adalah bagi menjaga kebajikan kanak-kanak, antara elemen yang disenaraikan dalam (CRC) adalah kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang dua aspek yang berkaitan dengan jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak iaitu melibatkan faktor yang menyumbang kepada kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual serta apakah sokongan psikososial yang boleh diberikan kepada mangsa jenayah seksual. faktor yang terlibat adalah faktor mangsa tidak membuat laporan kepada pihak berkuasa dengan kadar segera, faktor meletakkan kepercayaan yang terlalu tinggi kepada pasangan yang berlainan jantina, faktor penyalahgunaan dadah dan alcohol dan yang terakhir adalah faktor hubungan kekeluargaan yang rapuh. Manakala, sokongan psikososial melibatkan kelompok terapi, sokongan dan motivasi dan intervensi individu (klien) bersama keluarganya.

***Kata kunci:** Jenayah seksual, faktor menjadi mangsa, sokongan psikososial.*

PENGENALAN

Jenayah seksual merupakan keganasan yang dilakukan terhadap individu lain yang boleh mendatangkan kesan yang negatif. Menurut Mohd Al Faani Mokhtar Rudin dan Ahmad Jazimin Jusoh (2021), jenayah seksual adalah tindakan ganas yang dilakukan secara paksaan. Aktiviti seksual paksaan ini sering berlaku kepada golongan kanak-kanak dan wanita. Justeru, perbuatan ini bukan sahaja melibatkan perbuatan rogol dan menjatuhkan maruah, malah turut memberi kesan kepada aspek kesihatan serta pembunuhan. Menurut Shazli Ezzat Gazali, Ponnusamy S, Normah Che Din dan Nik Farideh Yousef Mohd Khan (2006), kebanyak kes serangan seksual seperti rogol akan berakhir dengan kematian, kehamilan dan jangkitan penyakit melalui aktiviti seksual.

Menurut Alias Azhar, Siti Khadijah Mohd Khair dan Kamini Shanmugaiah (2017), antara elemen yang tersenarai dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) adalah (CRC) adalah bagi menjaga kebajikan kanak-kanak daripada menjadi mangsa kepada keganasan individu lain.

Justeru itu, bagi setiap daripada kesalahan yang dilakukan, pesalah akan dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman dengan dipandu oleh undang-undang yang

tersedia ada. Melalui Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2021), Akta 574 Kanun Keseksaan, bagi hukuman rogol pelaku akan dijatuhkan hukuman mengikut Akta 376 yang tertakluk kepada Subseksyen (2),(3) dan (4) bagi mereka yang melakukan jenayah rogol akan dipenjarakan dalam tempoh sehingga 20 tahun berserta sebatan.

Rekod daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat sebanyak 11,914 kes jenayah seksual sejak daripada tahun 2018 sehingga Ogos 2021 bagi kes-kes yang berlaku di Malaysia. Daripada jumlah tersebut didapati bahawa sebanyak 90 peratus pelaku adalah diantara yang dikenali oleh mangsa. Kemudian, jika dilihat dalam tempoh tahun 2020 sehingga Ogos 2021, rekod daripada (PDRM) merumuskan bahawa sebanyak 1,721 kes melibatkan jenayah seksual ke atas kanak-kanak. Ia melibatkan kes rogol sebanyak 651 kes, sumbang mahram 106 kes, luar tabii 106 kes, cabul 344 kes dan kesalahan dibawah akta kesalahan-kesalahan seksual kanak-kanak 2017 sebanyak 514 kes (Saadiyah Ismail, 24 Februari 2022).

Pada tahun 2023, kes melibatkan kanak-kanak menjadi mangsa rogol oleh bapa kandungnya, kanak-kanak tersebut telah dirogol sejak usianya 12 tahun dan didapati telah melahirkan anak lelaki. Kemudian, Beberapa kes jenayah seksual seperti rogol yang berlaku di negeri Kelantan semakin membimbangkan, antara kes jenayah rogol yang berlaku adalah melibatkan bapa kandung yang merogol anaknya sendiri sepanjang tempoh empat tahun, dua kes yang sama berlaku dalam tempoh masa selang seminggu, kejadian yang berlaku di Tanah Merah, Kelantan dan Tumpat, Kelantan. Melalui statistik Polis Diraja Malaysia dalam tempoh lima bulan tahun 2022 sebanyak 76 kes jenayah seksual dilaporkan (Alias Abd Rani, 2023; Nor Fazlina Abdul Rahim, 2022). Menurut Muhamad Lokman Khairi (2023), kes melibatkan kanak-kanak perempuan yang berusia tujuh tahun yang ditemui oleh orang awam, melalui pemeriksaan kesihatan yang dilakukan teratas kanak-kanak tersebut didapati telah dirogol dan didera oleh dua lelaki dan seorang Wanita, hasil siasatan pelaku mempunyai rekod jenayah lampau.

Pendedahan awal mengenai pengetahuan seksual kepada golongan di usia bawah umur sewajarnya perlu diberikan perhatian dan pendedahan tersebut perlulah selaras dengan usia mereka. Hal ini bagi memastikan mereka di usia bawah umur tidak menjadi mangsa kepada jenayah seksual. Dapat dilihat pada masa kini, perkembangan teknologi yang meluas serta memberi kemudahan kepada setiap lapisan umur. Perkara ini telah mengakibatkan kawalan mengenai seksual menjadi lemah terutamanya melibatkan golongan di usia bawah umur. Lebih membimbangkan lagi maklumat yang diterima oleh mereka, adalah maklumat yang tidak ditapis.

Menurut Muhammad Afham Ramli (2021), faktor yang disebabkan oleh kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual adalah kerana mangsa ingin menunjukkan perasaan cinta terhadap pasangannya dan mereka sanggup mengikut segala kehendak yang diinginkan oleh pasangannya. Kebanyakan mangsa rogol adalah diantara usia 13 tahun sehingga 15 tahun, ini adalah kerana pada usia ini mereka lebih cenderung untuk mengetahui sesuatu perkara yang baharu.

FAKTOR MENJADI MANGSA JENAYAH SEKSUAL

Faktor yang memberi penyumbang kepada salah laku sosial dapat dibahagikan kepada dua katagori, iaitu faktor luaran yang melibatkan persekitaran sosial dan faktor dalaman yang melibatkan individu dan keluarga (Rozmi Ismail, et al., 2017).

Faktor mangsa tidak memberi keterangan atau membuat laporan kepada pihak berkuasa telah mengakibatkan berlakunya peningkatan jenayah seksual. Menurut Nor Shafrin Ahmad (2012), terdapat tiga faktor yang mengakibatkan mangsa tidak memberi kerjasama dalam membantu siasatan terhadap kes melibatkan jenayah seksual. Iaitu, pertama adalah keluarga, pengkaji berpendapat bahawa antara kes yang sering tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa melibatkan jenayah seksual adalah kes-kes melibatkan sumbang mahram, iaitu bapa merogol anak atau abang merogol adik. Antara alasan tidak membuat laporan adalah bagi menutup malu dan menjaga maruah keluarga. Selain daripada itu, turut terdapat di antara ahli keluarga yang takut kehilangan sumber pendapatan sekiranya ketua keluarga yang memberi nafkah ditangkap. Seterusnya, turut terdapat ahli keluarga yang tidak mempercayai apa yang dikatakan oleh mangsa, maka kes tersebut akan berakhir tanpa pembelaan. Manakala faktor kedua adalah mangsa berada dalam keadaan trauma dan tidak mempunyai kekuatan untuk memberi keterangan dan terakhir adalah faktor daripada sikap suka sama suka yang melibatkan jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak.

Selain daripada itu, bagi pendapat Parti, K., et al. (2021), faktor mangsa tidak memberi kerjasama dalam membuat laporan kepada pihak berkuasa adalah kerana tidak ingin diketahui oleh orang lain, perkara tersebut akan memberi reaksi yang negatif serta akan wujudnya stigma daripada masyarakat. Seterusnya, mangsa dalam pengaruh dadah dan alkohol. Manakala, yang terakhir adalah mangsa tidak yakin dan kurang percaya kepada pihak berkuasa yang mengakibatkan mereka tidak memberi kerjasama yang baik ketika memberi keterangan.

Kemudian, kajian yang dilakukan oleh Jetmore, L., (2006), faktor mangsa tidak membuat laporan kepada pihak polis adalah kerana bimbang jika pihak polis memberi layanan tanpa adanya sifat empati. Keduanya, tidak mempercayai pihak polis untuk menangkap pelaku. Manakala, ketiga adalah takut disiarkan di televisyen atau laporan akhbar dan takut pelaku membalas kembali disebabkan oleh membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Menurut Hansen, Stefansen & May-Len Skilbrei (2021), hasil kajian yang dilakukan, mendapati bahawa wanita yang menjadi mangsa jenayah seksual mempunyai dua pilihan sama ada dirinya ingin kehidupan bebas daripada menjadi wanita yang di label sebagai bekas mangsa rogol atau tidak, dan mereka beranggapan bahawa, dengan tidak melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa, mereka dapat menjalani kehidupan yang bebas.

Hasil daripada kajian yang dilakukan, responden memaklumkan bahawa, punca tidak buat laporan polis adalah kerana, kedua ibu bapa mangsa tidak mempercayai bahawa dirinya telah dirogol, walaupun dirinya tersebut telah memberi maklumat mengenai lelaki yang merogolnya tersebut. Tindakan ibu bapa yang tidak mempercayai anak yang dirogol antara salah satu daripada punca tidak membuat laporan serta membantu pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan (Nurul Asyikin Zainal Abidin, Mohamad Fauzi Sukimi & Muhamad Fuad Abdul Karim, 2021).

Mangsa meletakkan kepercayaan yang terlalu tinggi kepada pelaku. Hasil kajian yang dijalankan di negara England mendapati sebanyak 91 peratus mangsa adalah golongan wanita dan seramai 87 peratus adalah berkulit putih. Disamping itu, turut terdapat laporan daripada golongan lelaki sebanyak sembilan peratus. Dengan itu, dapatan kajian mendapati bahawa hampir kesemua pelaku yang melakukan jenayah seksual adalah

golongan lelaki. Seterusnya, kebanyakan pelaku melakukan jenayah tersebut terhadap mangsa yang mereka kenali dengan catatan sebanyak 89 peratus, seperti pasangan kekasih, bekas kekasih dan keluarga terdekat. (Walker, S, J, L et al., 2019)

Faktor mangsa mudah terpedaya dengan kata-kata pelaku. Pelaku akan mempamerkan perwatakan baik bagi mendekati mangsa, apabila mangsa telah menunjukkan kepercayaan, langkah seterusnya akan dilakukan oleh mereka adalah dengan berbual mengenai perkara yang berkaitan dengan seksual dan meminta mangsa untuk berkongsi gambar atau video yang berkait dengan kehormatan. Selain daripada itu, pelaku akan mendekati mangsa dengan cara meluahkan perasaan atau berkongsi sesuatu perkara yang membolehkan mangsa merasakan selesa dan percaya terhadapnya. Dengan itu, pelaku akan memulakan dengan berkongsi gambar atau video yang berunsur seksual terhadap mangsa sehingga pelaku berani untuk melakukan sentuhan fizikal serta seksual terhadap mangsa (Maszureen Hadzman & Nuraina Hanis Abd Halim, 2021).

Hubungan yang rapat dan dipercayai rakan sebaya berbanding dengan ahli keluarga, akan secara tidak langsung mengakibatkan kanak-kanak terlibat dengan masalah sosial seperti salah laku jenayah, penagihan dadah, hamil luar nikah atau menjadi mangsa jenayah seksual (Haja Mydin Abdul Kuthoosa, et al., 2016).

Melalui kajian Mohd Al Faani Mokhtar Rudin dan Ahmad Jazimin Jusoh (2021), responden mengatakan penglibatan awal dalam aktiviti seksual adalah disebabkan oleh ajakan rakan sebaya untuk melakukan hubungan seksual bersama teman yang dikenalnya, dengan cara memberi video lucu kepadanya untuk dilihat.

Selain daripada itu, penceraian secara tidak langsung mengakibatkan kanak-kanak berhadapan dengan masalah kewangan, yang mana bapa tidak lagi menjalankan tanggungjawab di atas pemberian nafkah. Masalah kewangan akan menyebabkan kanak-kanak tidak memperoleh keperluan harian, menyebabkan mereka mencari kaedah lain bagi memperoleh duit sendiri seperti terpaksa berhenti sekolah disebabkan oleh ingin bekerja. Kekurangan sumber kewangan akan mengakibatkan anak-anak terjerumus dalam salah laku jenayah (Nuraimirah Zainun, Norulhuda Sarnon & Kusenin Nur Saadah Mohamad Aun, 2019).

Faktor peningkatan jenayah seksual boleh berkait dengan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mangsa atau pelaku yang tinggal bersama mangsa. Menurut World Health Organization (n.d.), alkohol merupakan bahan yang telah lama digunakan oleh pelaku bagi melakukan seks terhadap individu tanpa kerelaan. Namun begitu, pada akhir-akhir ini pelaku telah menggunakan dadah jenis flunitrazepam (Rohypnol), benzodiazepines, gamma-hydroxybutyrate (GHB), ketamine, cocaine, methamphetamine dan marijuana bagi memperoleh rangsangan untuk melakukan seks terhadap individu lain yang tanpa kerelaan. Oleh disebabkan itu, bilangan kes keganasan seksual menunjukkan peningkatan yang tinggi. Hal ini dapat dirumuskan bahawa, bagi individu yang di bawah pengaruh dadah atau alkohol berpotensi besar menjadi mangsa kepada serangan seksual, ini disebabkan oleh mereka tidak dapat mengawal tingkah laku dirinya.

Fauziah Ibrahim, et al. (2021), melalui kajian yang dilakukan, mendapati bahawa penglibatan individu dalam aktiviti penyalahgunaan dadah sejak di usia kanak-kanak, iaitu di usia 10 tahun sehingga 43 tahun. Kebanyakan daripada responden memperoleh dadah daripada pengedar iaitu sebanyak 84.7 peratus dan daripada rakan-rakan mereka sendiri

sebanyak 34.2 peratus. Selain daripada itu, antara dadah paling popular digunakan adalah dadah jenis syabu iaitu sebanyak 86 peratus, kemudian diikuti dengan dadah jenis heroin iaitu sebanyak 52.8 peratus, kemudian ganja sebanyak 39.5 peratus. Oleh itu, dengan penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah secara tidak langsung akan terjerumus dalam salah laku jenayah.

Individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah akan mula bertingkah laku seperti agresif, melakukan keganasan dan terlibat dengan pelbagai jenis jenayah. Hal ini kerana setiap daripada mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah akan menunjukkan perwatakan yang berlainan. Dengan itu, pengkaji merumuskan bahawa penyalahgunaan dadah akan menyebabkan hilangnya kawalan diri. Tingkah laku individu akan berubah sama ada kesan daripada pada penggunaan dadah atau tingkah laku yang di pamerkan oleh pelaku tersebut menyebabkan mereka terjerumus dalam penyalahgunaan dadah (Nazira Sadiron et al., 2019).

Penyalahgunaan dadah boleh mengakibatkan gangguan kepada kognitif, mereka akan berada dalam keadaan yang tidak sedarkan diri dan perkara tersebut secara tidak langsung akan mengakibatkan kepada berlakunya jenayah seksual. Seterusnya, perilaku rogol boleh berlaku kepada mangsa yang tidak sedarkan diri atau kepada pelaku yang tidak sedarkan diri akibat daripada penyalahgunaan dadah tersebut. Selain daripada itu, pengambilan dadah secara berlebihan akan mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan, serta mudah terdedah dengan jangkitan seperti human immunodeficiency virus (HIV) dan acquired immunodeficiency syndrome (AIDS) (Gallois, Anel, & Pranskaityt, 2021).

Di samping itu, menerusi kajian Walker, S, J, L et al., (2019), punca wanita muda menjadi mangsa kepada jenayah seksual adalah disebabkan oleh mereka dibawah pengaruh alkohol sewaktu berlakunya kejadian tersebut. Hal adalah kerana mereka diserang secara seksual ketika sedang berhibur di pusat hiburan dan ketika mereka dalam keadaan tidak sedarkan diri atau mabuk.

Faktor kekeluarga yang rapuh mengakibatkan kanak-kanak menjadi mangsa dalam kes jenayah seksual. Nuraimirah Zainun, Norulhuda Sarnon dan Kusenin Nur Saadah Mohamad Aun (2019), pergaduhan di antara ibu bapa yang mencetuskan pederian akan memberi tekanan kepada kanak-kanak. Perkara ini secara tidak langsung akan mengakibatkan kanak-kanak tidak mendapat perhatian daripada kedua ibu bapa mereka. Dengan itu, kanak-kanak akan mula mencari perhatian daripada dunia luar seperti, mempunyai hubungan yang erat bersama rakan-rakan. Hubungan kekeluargaan yang tidak rapat, keluarga yang berpecah belah, kurang memperoleh perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa akan mengakibatkan wujudnya ketidak stabilan emosi dalam keluarga penyumbang kepada tingkah laku devian.

Menurut Haja Mydin Abdul Kuthoosa, et al. (2016), faktor terjebaknya dalam jenayah seksual adalah disebabkan oleh ikatan kekeluargaan yang rapuh. Pengkaji menyatakan semakin rendah ikatan kekeluargaan, maka makin tinggi penglibatan kanak-kanak dalam jenayah.

Sikap ibu bapa yang tidak menghiraukan aktiviti anak-anak punca remaja terjerumus dalam aktiviti seksual. Selain daripada itu, kekurangan kemahiran komunikasi di antara anak dan ibu bapa turut menjadi punca kepada peningkatan kanak-kanak dalam menjadi mangsa kepada jenayah seksual. Hal ini kerana, ibu bapa menganggap anak mereka telah

dewasa dan mula melepaskan tanggungjawab (Mohd Al Faani Mokhtar Rudin, & Ahmad Jazimin Jusoh, 2021).

SOKONGAN PSIKOSOSIAL

Melalui pembacaan daripada penulisan Abdul Razak Abd Manaf, et al. (2021), kelompok terapi merupakan satu kaedah dalam membantu dan mengubah tingkah laku individu-individu kearah ke fungsian sosial yang lebih sempurna. Selain daripada itu, melalui kelompok terapi ini adalah untuk memulih dan rehabilitasi individu-individu kelompok tersebut agar mereka dapat pulih daripada kesan trauma fizikal, psikologikal dan sosial. Manakala, kelompok sosialisasi adalah untuk memperbaiki hubungan interpersonal individu-individu kelompok bagi meningkatkan kemahiran dalam berkomunikasi dan bersosial agar mereka boleh menyertai dan diterima oleh masyarakat.

Melalui kajian Glen, C. T. (2022), menyatakan bahawa, perubahan tingkah laku kanak-kanak adalah disebabkan oleh mereka tidak mendapat gaya asuhan yang baik daripada keluarga dan tidak mempunyai seseorang yang boleh menjadi contoh yang baik. Selain itu, terdapat diantara mereka yang datang daripada latar belakang kelaurga yang tidak mendapat galakan yang positif. Oleh itu, kanak-kanak perlu diberikan bantuan dan sokongan agar mereka mampu untuk menilai dan membuat pilihan yang terbaik bagi kehidupannya. Tujuan sokongan dan motivasi diberikan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual adalah bagi memastikan mereka bersedia untuk berdepan dengan komuniti, serta mampu untuk meningkatkan motivasi menjadi individu yang lebih baik.

Kenyataan daripada Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, dan Ezarina Zakaria (2019), antara bentuk sokongan yang terbaik diberikan adalah intervensi yang melibatkan individu dan keluarga. Hal ini kerana, sokongan yang diterima oleh individu yang terdekat mampu untuk meningkatkan kefungsiian sosial dan mereka mendapat semangat yang baru untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Perubahan tingkah laku yang positif oleh ibu bapa dan keluarga mampu untuk mendorong mangsa untuk berfikir dengan lebih positif. Melalui intervensi tersebut, penerapan latihan seperti ilmu kemahiran keibubapaan, kerohanian, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran komunikasi antara elemen yang dapat membantu mangsa dan keluarga dalam memberi sokongan yang terbaik kepada mangsa.

KESIMPULAN

Jenayah seksual merupakan satu jenayah yang telah berlaku sejak kurun lamanya, perkara ini telah memberi impak yang besar kepada negara. Malahan lebih membimbangkan apabila isu ini memberi kesan jangka panjang kepada mangsa terutamanya melibatkan kanak-kanak, sebagai contoh jangkitan penyakit seperti kehamilan, AIDS, HIV dan penyakit- penyakit kelamin yang lain. Seterusnya, walaupun pihak kerajaan telah berusaha bagi membanteras permasalahan ini, namun jenayah ini masih lagi tidak ada jalan penyelesaian sehingga kini. Malah, peratusan kes berkaitan jenayah ini menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Selain daripada itu, pekerja sosial seharusnya memainkan peranan dalam mengwujudkan program yang bersesuaian bagi membantu mangsa jenayah seksual agar mereka dapat meneruskan kehidupan kearah yang lebih baik. Serta, mencadangkan untuk meningkatkan praktis Kerja Sosial bagi memastikan isu jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak dapat ditangani.

RUJUKAN

- Alias Abd Rani. (2023). Rogol anak hingga bersalin, bapa dipenjara 218 tahun, 75 sebatan. *Harian Metro Online*. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/989068/rogol-anak-hingga-bersalin-bapa-dipenjara-218-tahun-75-sebatan>.
- Alias Azhar, Siti Khadijah Mohd Khair, & Kamini Shanmugaiah. (2017). Perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak daripada gangguan seksual: Tinjauan perundangan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(5), 37-47.
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Nazirah Hassan, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Nurul Atikah Yunos. (2021). Profil dan pengalaman menggunakan dadah dan keterlibatan jenayah dalam kalangan banduan melayu di Malaysia. *Journal of Social Science (EJOSS)*, 7(1), 55-66.
- Gallois, S., Andel, T. R. V., & Pranskaityt, G. (2021). Alcohol, drugs and sexual abuse in Cameroon's rainforest. *Social Science & Medicine*, 277, 113-929.
- Haja Mydin Abdul Kuthoosa, Noraida Enduta, Azman Azwan Azmawatib, Intan Hashimah Mohd Hashimc & Nor Hafizah Selamat. (2016). Penerokaan awal terhadap jenayah seksual dalam kalangan remaja lelaki di Malaysia: Satu kajian kes terhadap remaja di sebuah pusat pemulihan. *3rd Kanita Postgraduate International Conference On Gender Studies*, 188-200.
- Hansen, M., Stefansen & May-Len Skilbrei. (2021). Non-reporting of sexual violence as action: Acts, selves, futures in the making. *Nordic Journal of Criminology*, 22(1), 42-57.
- Jetmore, L., (2006). *Investigating rape crimes, part 1: Guidelines for first responders*. Diakses daripada <https://www.police1.com/police-products/investigation/evidence-management/articles/investigating-rape-crimes-part-1-guidelines-for-first-responders-Szghj3goS1WxaXUu/>.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (2021). *Kanun Keseksaan (Akta 574)*. Penerbit International Law Book Services.
- Muhamad Lokman Khairi. (2023). Kanak-kanak tujuh tahun mangsa rogol, dera ditemukan di tepi jalan. *Harian Metro Online*. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/958417/kanak-kanak-tujuh-tahun-mangsa-rogol-dera-ditemukan-di-tepi-jalan>.
- Muhammad Afham Ramli. (2021). Suka sama suka punca jadi mangsa rogol. *Sinar Harian Online*. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/129786/berita/semasa/suka-sama-suka-punca-jadi-mangsa-rogol>
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, & Ezarina Zakaria. (2019). Meneroka kefungsi keluarga remaja perempuan tidak terkawal yang dirujuk ibu bapa untuk intervensi kerja sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(9), 86-101.

- Mohd Al Faani Mokhtar Rudin, & Ahmad Jazimin Jusoh. (2021). The rape theory and phenomenon among teenagers. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(3), 14-20.
- Maszureen Hadzman & Nuraina Hanis Abd Halim. (2021). 11,914 kes gangguan seksual dalam tempoh 4 tahun. *Utusan Malaysia Online*. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2021/10/11914-kes-gangguan-seksual-dalam-tempoh-4-tahun/>.
- Nor Shafrin Ahmad. (2012). Penderaan seksual: Keperluan kriteria pegawai, punca penderaan, dan kes tidak dilaporkan. *Sosiohumanika*, 5(1), 81-92
- Nuraimirah Zainun¹ Norulhuda Sarnon & Kusenin Nur Saadah Mohamad Aun. (2019). Kesan perceraian ke atas kanak-kanak: Perspektif pekerja sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(3), 67-78.
- Nazira Sadiron, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, & Rozainee Khairudin. (2019). Psikologi penagihan dadah: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(1), 12-33.
- Nurul Asyikin Zainal Abidin, Mohamad Fauzi Sukimi & Muhamad Fuad Abdul Karim. (2021). Perkaitan Rutin Aktiviti dan Jenayah Serangan Seksual Ke Atas Wanita. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 78-87.
- Parti, K., Robinson, A. R., Kohlmann, D., Viragh, E., & Varga-Sabjan, E, (2021). Beyond obstacles: Toward justice for victims of sexual violence in hungary. A literature review. *Trauma, Violence, & Abuse* Xx(X), 1-15.
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen. (2017). Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. *Akademika* 87(1), 7-16.
- Shazli Ezzat Gazali, Ponnusamy S, Normah Che Din, & Nik Farideh Yousef Mohd Khan. (2006). Kesejahteraan psikologi, kemurungan dan sokongan sosial di kalangan mangsa rogol. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 4(1), 99-106.
- Saadiah Ismail. (2022, Februari 24). Didik anak elak jadi mangsa jenayah seksual. *Berita Harian Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2022/02/926303/didik-anak-elak-jadi-mangsa-jenayah-seksual>
- World Health Organization (n.d). *Sexual violence: prevalence, dynamics and consequences*. Diakses daripada https://www.who.int/violence_injury_prevention/resources/publications/en/guidelines_chap2.pdf.
- Walker, S-J. L., Hester, M., McPhee, D., Patsios, D., Williams, A., Bates, L., & Rumney, P. (2019). Rape, inequality and the criminal justice response in England: The importance of age and gender. *Criminology & Criminal Justice*, 21(3), 297 –315.

TINJAUAN AWAL KE ATAS KESEDIAAN PELAJAR B40 LUAR BANDAR DI SABAH MEMASUKI ALAM UNIVERSITI

**Habibie Ibrahim, Nurul Hudani Md Nawi, Joki Perdani Sawai,
Risalsah Latif, Siew Nyet Moi@Sopiah Abdullah, & Marilyn Anak Makus**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah

(Emel : hibrahim@ums.edu.my, nurul@ums.edu.my, joki@ums.edu.my,
risal@ums.edu.my, sopiah@ums.edu.my, marilyn_makus_mp21@iluv.ums.edu.my)

Abstrak

Kajian ini melaporkan hasil kajian awal dan cuba meneliti persoalan kajian sama ada kemiskinan dalam keluarga memberi kesan negatif dan menjadi penghalang kepada anak-anak dan adakah anak-anak bersedia untuk memasuki alam universiti. Memasuki alam universiti adalah impian kebanyakan orang, baik pelajar/anak-anak mahupun keluarga. Bagaimanapun, impian untuk memasuki universiti tidak begitu mudah bagi sesetengah pelajar B40 dan keluarga mereka. Kajian ini merupakan kajian tinjauan awal terhadap pelajar dalam kalangan keluarga B40 luar bandar di negeri Sabah, iaitu masyarakat pribumi di Sabah. Peserta kajian adalah pelajar yang berada di kampus dan kini sedang menuntut di UMS. Peserta kajian terdiri daripada pelajar tahun 1-3 di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini menggunakan Pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual kumpulan fokus. Data dianalisis menggunakan analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006). Tema utama iaitu “nilai pendidikan” - hasil kajian seakan melaporkan bahawa keluarga iaitu ibu bapa dan adik-beradik tua mahu anak-anak/adik-beradik mereka dapat belajar sehingga ke universiti seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian. Tema kedua iaitu “kefungsian dan peranan keluarga” - rata-rata peserta kajian menyatakan bahawa mereka tidak mahu menyusahkan ibu bapa dan adik-beradik tua mereka, mereka ingin belajar tetapi tidak mahu membebankan ahli keluarga dan mereka belajar sambil bekerja. Hasil kajian seperti melaporkan bahawa walaupun keadaan ekonomi adalah getir, namun memasuki universiti faktor dan status ekonomi tidak menjadi halangan. Ini menampakkan seolah golongan B40 sudah rentan dengan keadaan kemiskinan dan kepayahan ekonomi. Diharapkan hasil kajian ini dapat menyokong penggubal dasar dalam membantu golongan miskin dan keluarga B40 masyarakat pribumi di Sabah dari segi pencapaian pendidikan dan peranan kerja sosial sekolah.

Kata kunci: *Kesediaan memasuki universiti, keluarga B40, masyarakat pribumi Sabah, kerja sosial sekolah, penyelidikan kualitatif*

PENGENALAN

Memasuki alam universiti merupakan impian kebanyakan orang sama ada pelajar mahupun ibu bapa pelajar atau/serta keluarga. Umumnya, memiliki sekeping ijazah sekurang-kurangnya ijazah pada peringkat pertama boleh mengubah status sosial dan ekonomi seseorang dan keluarga di dalam masyarakat. Rata-rata masyarakat memandang tinggi kepada individu yang memiliki pendidikan di peringkat tinggi. Tidak disangkal juga bahawa memiliki status pendidikan yang baik dan tinggi juga memberi kebanggaan kepada individu yang memilikinya, ibu bapa juga ahli keluarga. Hasil kajian yang dijalankan oleh Muzakkir dan Rizki (2021) menunjukkan bahawa motivasi orang tua

dari keluarga miskin boleh mendorong anak-anak mereka untuk menempuh pendidikan hingga keperguruan tinggi kerana *budaya malu* jika tidak menyekolahkan anak-anak.

Walau bagaimanapun, impian bagi memasuki alam universiti bukanlah perkara yang begitu mudah bagi sesetengah pelajar dan keluarga. Selain daripada biaya kemasukan ke universiti yang kini meningkat, aspek-aspek lain seperti kesediaan emosi dan mental dalam kalangan calon-calon pemohon/pelajar juga perlu ada dan diambil perhatian agar mereka berjaya mengharungi kehidupan di kampus dengan sejahtera dan akhirnya berjaya. Ada juga dalam kalangan mereka ini yang sudah berjaya ke universiti, namun dengan halangan-halangan kewangan yang dihadapi boleh mengganggu proses pembelajaran mereka hingga memaksa mereka berhenti dari pengajian. Sebelum berhenti dari pengajian, mereka juga melalui banyak tekanan yang menghimpit hingga mereka tidak sejahtera semasa berada di dalam proses pembelajaran di universiti yang dikhuatiri boleh membawa kepada permasalahan mental.

Adakah kemiskinan keluarga memberikan kesan negatif dan menjadi halangan kepada anak-anak untuk melanjutkan pelajaran ke universiti selepas sekolah menengah? Adakah anak-anak dari keluarga B40 bersedia dari semua aspek (psikologi, emosi, ekonomi dan mental) untuk memasuki alam universiti? Persoalan-persoalan ini yang cuba dikupas di dalam keseluruhan penyelidikan ini. Namun, kertas kerja ini hanya mendedahkan sebahagian daripada keseluruhan penyelidikan - tinjauan awal. Justeru, kertas kerja ini hanya melaporkan objektif kajian seperti di bawah:

- Apakah yang menyumbang kepada kesediaan pelajar-pelajar B40 memasuki alam universiti.

Kemiskinan (di negeri Sabah)

Servaas (2008) mengatakan adalah diperakui secara meluas bahawa hubungan antara kemiskinan dan pendidikan beroperasi dalam dua arah: orang miskin selalunya tidak berupaya memperoleh peluang kepada pendidikan yang mencukupi, dan tanpa pendidikan yang mencukupi manusia selalunya terkekang dengan kehidupan yang serba kekurangan. Kedua-dua kemiskinan mutlak dan relatif adalah relevan untuk pendidikan dan kekurangan sumber kewangan mungkin menghadkan kehadiran ke sekolah antara golongan miskin di negara membangun. Malahan mereka yang miskin di negara maju terkesan di mana mereka juga merasakan dikesualikan daripada komuniti sekolah, atau seluruh komuniti itu sendiri mungkin berasa tersisih daripada masyarakat yang lebih luas. Pengecualian sedemikian menjejaskan keupayaan mereka untuk memperoleh faedah penuh daripada pendidikan atau untuk menterjemahkan faedah pendidikan kepada pekerjaan berpendapatan lebih tinggi. Kemiskinan juga mempunyai kesan yang berpotensi ke atas motivasi mereka untuk mengambil bahagian atau untuk berjaya dalam pendidikan kesan kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif terhadap pendidikan. Ini jelas seperti yang dikatakan oleh Chiwar et al. (2019) kadar keciciran yang tinggi telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40, terutamanya orang asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak. Hal ini disebabkan oleh kurangnya minat untuk bersekolah, keadaan rumah yang tidak kondusif, kurang sokongan ibu bapa dan kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan isi rumah B40. Berdasarkan kepada Laporan Pembangunan Millenium (MDGs) Malaysia pada tahun 2015, golongan B40 masih mempunyai pencapaian Pendidikan dan kemahiran yang rendah. Dianggarkan 89.9

peratus ketua isi rumah B40 kemahiran rendah dalam pekerjaan yang membawa kepada pendapatan yang rendah walaupun 84.6 peratus daripada mereka mempunyai Pendidikan sekolah menengah.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian yang bersifat tinjauan awal ke atas pelajar dalam kalangan keluarga B40 di luar bandar di negeri Sabah. Pendekatan kualitatif digunakan iaitu dengan kaedah temu bual kumpulan fokus (focus group). Sebanyak enam (6) kumpulan fokus dibentuk terdiri dari 41 pelajar lelaki dan perempuan dari berbagai etnik iaitu Dusun, Kadazan, Bajau, Murut, Sinou, Rungus, Bisaya, Bugis dan Melayu Brunei dari beberapa daerah di negeri Sabah. Kumpulan 1, 2 dan 3 terdiri daripada 6 peserta; kumpulan 4 terdiri daripada 7 peserta; kumpulan 5 terdiri daripada 6 peserta dan kumpulan 6 terdiri daripada 10 peserta. Enam kumpulan fokus dibentuk berdasarkan kesesuaian masa/slot sesi temu bual yang boleh dihadiri oleh peserta kajian. Peserta kajian merupakan pelajar-pelajar yang sedang berada di kampus bagi pengajian prasiswazah mereka di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Peserta kajian terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga tahun 3 (tahun akhir) dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), dan pelajar Akademi Seni Kreatif (ASTiF), UMS. Kumpulan pelajar ini juga adalah pelajar yang diterima masuk ke UMS melalui Program Meniti, UMS dan juga pelajar yang diterima masuk ke UMS melalui saluran pertama iaitu saluran UPU (pemegang sijil STPM dan Matrikulasi). Umur peserta kajian adalah antara 21 tahun hingga 23 tahun. Para peserta juga telah diminta untuk mengisi Borang Keizinan (Consent Form) sebelum sesi temubual fokus dimulakan.

Sebelum memulakan temu bual kumpulan fokus, para peserta kajian diminta mengimbuai kembali perasaan, fikiran dan pengalaman mereka sebelum dapat memasuki alam universiti. Ini adalah kerana soalan yang akan ditanyakan adalah berkisar kepada ketersediaan mereka memasuki alam universiti sebelum mereka mendapat tempat di universiti. Proses temubual dimulai dengan pengenalan diri oleh peserta kajian. Ini termasuklah pendedahan peserta kajian tentang maklumat latar belakang, umur, bangsa, anak yang ke berapa dalam bilangan dan susunan adik-beradik, dan juga maklumat serta latar belakang ibu bapa/keluarga. Alat kajian bagi temu bual soalan berstruktur berdasarkan tema kajian ini, di mana soalan-soalan yang dikemukakan dapat menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006). Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan pendekatan tematik. Menurut Braun dan Clarke (2006) pendekatan tematik adalah kaedah untuk mengidentifikasi, menganalisis dan melaporkan tema-tema yang terdapat dalam suatu fenomena.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menjawab kepada objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti adakah kemiskinan dalam keluarga memberi kesan negatif dan menjadi penghalang kepada anak-anak untuk menyambung pelajaran ke peringkat universiti, peserta kajian (anak-anak) telah ditanya tentang adakah mereka bercita-cita memasuki alam universiti dan kenapa mereka mahu masuk universiti? Dua tema utama yang diperolehi iaitu "*nilai pendidikan*" dan "*kefungsian dan peranan keluarga*". Hasil kajian seakan melaporkan keluarga walaupun hidup di dalam kemiskinan namun masih memandang tinggi kepada nilai pendidikan. Keluarga mengharapkan anak-anak mereka mahu terus melanjutkan pelajaran ke peringkat

universiti. Begitu juga pandangan anak-anak (peserta kajian), mereka berminat dan ada niat untuk melanjutkan pengajian mereka ke universiti. Namun, pada masa yang sama mereka juga faham keadaan keluarga yang dihimpit kemiskinan. Tema kedua pula mengutarakan tentang “*kefungsian dan peranan keluarga*”. Dapat dilihat dari dua sudut iaitu pertama, sudut ibu bapa/adik-beradik tua yang menunjukkan tanggungjawab dan peranan mereka di dalam keluarga - mahu menjalankan peranan dan tanggungjawab membiaya pengajian anak-anak /adik-adik. Kedua, dari sudut peserta kajian itu sendiri (anak-anak/adik) yang tidak mahu membebankan keluarga/adik-beradik tua. Mereka cuba berusaha berdikari mengurus pengajian mereka dan tidak mahu menjadi beban kepada ahli keluarga.

Nilai Pendidikan

Tema pertama iaitu “*nilai pendidikan*’ yang dipegang oleh peserta kajian (termasuk keluarga), guru dan rakan-rakan. Keinginan memasuki alam universiti timbul semenjak mereka di sekolah rendah dan menengah lagi serta keputusan peperiksaan yang memberangsangkan yang menyebabkan mereka bersemangat untuk melanjutkan pelajaran ke alam universiti. Ini seperti yang dilaporkan di bawah oleh peserta kajian:

“Saya sebenarnya ada keinginan dari darjah 6 lagi. Terus naik, naik, naik, [keinginan masuk universiti semakin bertambah] sampai form 5 ada lagi keinginan untuk masuk universiti”.

(Peserta lelaki)

“Kalau saya, time form 6 iya [masa di tingkatan 6, ada niat untuk masuk universiti]. Tetapi, selepas habis form 6 tu saya ada ragu-ragu sebab first, saya punya arwah beliau [arwah bapa], tiada. Jadi, saya berfikir la macam mana mau tanggung semua ni untuk masuk kerana bapa sudah meninggal. Fikir macam mana mahu tanggung semua ni”.

(Peserta, lelaki)

“Nda [Tidak berminat menyambung pelajaran]. Tapi, macam yang selepas pula keputusan yang STPM tu baru macam terfikir [Baru terfikir dan berminat mahu menyambung pelajaran selepas memperoleh keputusan STPM yang baik]. Lepas tu, masa tu banyak cikgu-cikgu kan eh pergilah sayang tu. 3 tahun bukan lama tu ..”

(Peserta, perempuan)

Peserta kajian melaporkan bahawa mereka ingin melanjutkan pelajar ke universiti kerana mereka mahu mengikuti jejak langkah adik-beradik tua, tidak mahu terlepas peluang yang baik, memenuhi impian keluarga, menjadi *role model* yang baik kepada adik-beradik lain, sokongan guru dan pihak sekolah serta ingin menjadi anak kebanggaan dalam keluarga.

“Kalau saya keinginan masuk U sejak kakak saya masuk sini [UMS] tu sebab saya mahu kejar kakak saya. Iyaa bersaing dengan dia [Bersaing dengan kakak]. Mau sama-sama berjaya. Tapi, time sudah masuk form 6 eh bukan after keluar result STPM tu saya 50/50 la mau masuk sini [UMS] sebab rasa macam banyak kos perlu ditanggung lagi semua. Tapi, last-last uncle saya, dia push saya untuk masuk sini [UMS] jugalah. Sebab dia bilang. dia tolong-tolong juga begitu”.

(Peserta lelaki)

“Actually, yang ini program B40 ini pun, mula-mula saya tidak mau isi. Saya isi last minute. Kawan saya, cikgu saya kasih yakin la saya. Isi saja sebab kalau pasal duit apa semua tu banyak yang boleh tolong. Ada ja NGO yang apa semualah. Lepas tu, hujung-hujung saya tanya mama saya, dia bilang isi sajalah. Dapat, nda dapat belakang cerita. Yang penting ada isi. Jadi last-last minute tu saya isi dan hantar.

(Peserta lelaki)

“ ... keputusan STPM tu macam yang cantik sikit dari SPM, cikgu pun yang eh terus ja la masuk apa universiti. Cantik ni keputusan ni. Keputusan ni kalau kau mohon biasiswa pun lepas ni. Macam yang bincang dengan parents pun mana-mana ja lah. Kalau mau belajar, belajar tapi yang janji kasih habis 3 tahun. Saya macam isi ja lah. Memohon UPU dapat [dapat tawaran universiti]...”

Bapa angkat saya dia memang lebih suka. Dia bangga kan sebab tiada orang lain yang tembus masuk universiti, saya saturang saja. Bangga satu untuk jadi contoh adik angkat saya yang bongsu. Sebab dia [adik angkat] bukan jenis yang belajar. Kalau di rumah tu saya saturang ja yang belajar. Dia [adik angkat] suka main games”.

(Pelajar perempuan)

“Kalau saya pun tidak janji juga dapat Ist class ka apa. And dorang [ibubapa] pun okay as long habiskan, graduate, kami bangga sudah [ibubapa sudah bangga]. Jadikan diri kau ni sebagai contoh keluarga, jadi itu pertama kenapa saya sambung belajar”.

(Peserta perempuan)

Dapat menjejaki alam universiti atau melanjutkan pelajaran sehingga ke universiti sememangnya menjadi satu kebanggaan, kepuasan dan sebagai satu tahap pencapaian di dalam proses perkembangan seseorang. Ini dapat menjawab kepada salah satu tingkat keperluan seseorang menurut Teori Keperluan Maslow iaitu tentang “harga diri”. Menurut Maslow (1943) keperluan penghargaan juga melibatkan keinginan seseorang untuk berasa baik tentang diri sendiri. Contohnya, keperluan penghargaan iaitu yang melibatkan perasaan keyakinan diri dan perasaan baik tentang diri sendiri. Selain dari itu, persepsi atau pandangan dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah seumpama meletakkan pendidikan itu adalah bernilai tinggi yang boleh mengubah status sosial seseorang mahupun keluarga. Mahadit Ahmad (2014), menurut beliau peranan pendidikan sebagai agen perubahan sosial telah diguna pakai secara meluas dalam masyarakat pada masa kini yang mana Malaysia sedang berada pada era pasca modenisasi. Perubahan sosial kepada aspek pendidikan juga dapat dilihat dari segi pandangan dan sikap seseorang individu. Tidak dapat disangkal bahawa institusi pendidikan dapat dilihat sebagai *one stop center* iaitu tempat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan maklumat, memperoleh kemahiran untuk pembangunan diri, nilai-nilai dan kemahiran sosial (Ab Halim Tamuri, 2023).

Pendidikan dapat menerangkan keupayaan kita untuk mengurus kehidupan yang lebih berkualiti. Ini adalah kerana aspek ekonomi dan sosial sangat sinonim kepada pendidikan yang diperolehi. Pendidikan yang berkualiti begitu efektif untuk melawan kemiskinan, membangun demokrasi, dan seterusnya membina masyarakat yang sejahtera. Pendidikan

juga memberi kuasa kepada kita, memberi kita suara, menunjukkan potensi kita, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri kita, serta meluaskan pandangan dan pemikiran kita kepada dunia tanpa sempadan. Melalui pendidikan juga, kita berupaya membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia, untuk kita menikmati kemudahan yang ada di persekitaran kita, serta memahami diri kita sendiri (Affizal Ahmad, 2023). Hasil kajian telah mendedahkan persepsi positif ke atas nilai pendidikan dalam kalangan keluarga B40.

Kefungsian dan peranan keluarga

Tema kedua yang dapat dikenal pasti di dalam kajian awal ini ialah tentang “*kefungsian dan peranan keluarga*”. Hasil temu bual kumpulan fokus, peserta kajian melaporkan bahawa adik-beradik tua sangat menyokong pengajian adik-beradik, kakak dan abang boleh berbincang dan bersepakat untuk membiayai pengajian adik-beradik, sokongan keluarga yang boleh menimbulkan semangat peserta kajian untuk melanjutkan pengajian, menjadi anak yang menurut kata orang tua, ibubapa yang sanggup bergolok-bergadai/menjual harta dan tidak mahu membebankan keluarga adalah antara sub-tema yang diperoleh dan membentuk tema “*kefungsian dan peranan keluarga*”.

“Satu lagi sebab ekonomi keluarga saya memang tidak okaylah. Dia macam susah mau bantu [Status kewangan yang tidak membantu]. Saya ada juga cakap sama abang, kakak saya yang saya mau sambung belajar. Lepas tu, dorang [Kakak dan abang] cakap sambung la. Patak-patak la dorang [Abang dan kakak berkongsi membayar pengajian adik]

(Peserta perempuan)

“Half-half sudah sebab tidak minat belajar sudah. Penat belajar. Kira begitulah. Tapi, saya nampak keluarga saya push, support macam bagi saya semangat la”.

(Peserta lelaki)

“Satu lagi kan ada orang cakap ba, kalau ibu bapa tu suruh buat suatu benda kan .. Ikut ja. Selagi dia positif, [perkara positif] ikut ja. Saya ikut ja lah. Positif masih kan. Saya ambil degree kan sekarang.”

(Peserta lelaki)

“Kalau saya pada masa tu tidak tahu sebab isi UPU pun saya tidak, bukan saya isi, abang saya. Masa dapat result kemasukan tu memang saya nampak ramai orang post status tahniah begitu. Tapi, saya tidak expect saya masuk U sebab tidak isi UPU and my family kasi tapuk dari saya. Sampailah saya nampak bapa saya jual tempayan peninggalan turun temurun la. Masa tu ada masalah abang saya kena tangkap jadi kena jaminan dan saya pun kena pergi sekolah sambung sini [UMS] sudah cuma saya tidak tau. Terus bilang bapa saya minggu depan kita jalan ya, dia [bapa] bilang. Pergi mana. Nantilah kita pergi pekan dulu beli kelengkapan kau, ada duit sudah ni, dia bilang. Terus malam tu kumpul sama family dikasi tengok surat tawaran. Di situ sebenarnya memang terkejut sebab tidak mau sambung. 2nd saya dapat tau bapa saya jual peninggalan mamak dia tu”.

(Peserta perempuan)

Kefungsian keluarga secara umumnya dapat ditakrifkan sebagai kualiti kehidupan dalam keluarga pada tingkat yang sistematik seperti kesejahteraan, kecekapan, kekuatan dan kelemahan satu-satu keluarga (Chiah Wan Yeng & Rozumah Baharudin, 2014). Keluarga juga dianggap boleh memberikan rangsangan kepada individu yang memberi kesan kepada perkembangan fizikal dan psikologikal (Zainah Ahmad Zamani et al., 2013). Tambahan lagi, menurut Epstein et al., (1983), kefungsian keluarga juga bersifat berbagai dimensi iaitu di antara faktor yang dilihat dalam menentukan kefungsian sesebuah keluarga adalah cara menyelesaikan masalah, berkomunikasi, peranan setiap ahli keluarga, yang responsif, afektif, penglibatan afektif serta pengawalan tingkah laku.

Dari sudut lain pula, hasil kajian juga mendapati ada sifat yang dipegang oleh anak-anak iaitu “berdikari” iaitu tidak mahu menyusahkan keluarga. Anak-anak faham tentang kesusahan dan keperitan kemiskinan yang dilalui keluarga yang membuatkan anak-anak tidak mahu menjadi dan menambahkan beban keluarga lagi. Anak-anak menjalankan peranan mereka dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri iaitu berniat untuk membiayai pengajian dengan usaha mereka sendiri selain menjadi *role model* kepada ahli keluarga yang lain.

“Takut membebaskan keluarga. Pasal kewangan. Lepas tu macam mana aa .. Takut menjadi menganggur selepas habis belajar. Graduan yang menganggur aaa begitu”..

(Peserta perempuan)

“Sebab benda tu mahal ba. Dia [bapa] dapat masa tu 2 ribu 300 ka. Tapi, jaminan abang saya 1 ribu masa tu jadi macam saya dapat tau begitu tengok saya bilang kamu kasi sambung lagi saya sekolah. Duit lagi keluar. Saya bilang begitu la. Masa tu tidak terus dapat PTPTN. Kebetulan PKP”.

(Peserta perempuan)

“Dia memang penting [belajar/melanjutkan pelajaran penting]. Tapi, kekangan lain yang ada dalam family tu bikin kita mau stop ba sebab kita lebih kepada mau tolong dorang [keluarga] daripada kita tambah beban”.

(Peserta lelaki)

“Kalau parents tu, dorang very supportive. Dorang [ibu bapa] nampak kau dapat masuk U, bagitau ja dapat U belum tau U apa terus uishhh bagus ni, bagus ni kakak [peserta kajian]. Okay! Go. Tapi dorang [ibu bapa] nda tau kos di sebalik tu. Dorang [ibu bapa] nda tau. Kalau saya punya cerita parents saya tidak tau saya pinjam PTPTN. 2 sem pertama, dorang [ibu bapa] macam kenapa nda minta duit. Pertengahan sem 2, baru saya kasi tau yang saya pinjam PTPTN sebab saya nda mau kasi susah kamu [ibu bapa] tanggung saya. Confirm berhutang la ni. Kenapa mesti pinjam PTPTN. Kenapa nda dulu discuss dengan kami [ibu bapa]. Dorang [ibu bapa] nda tau. Pinjaman saya berapa pun dorang [ibu bapa] nda tau sebab saya cuma bagitau saya pinjam PTPTN. Jumlah keseluruhan parents nda tau”.

(Peserta perempuan)

“Harapan saya mau kasi habis [habiskan pengajian] sebab anak-anak buah saya ramai dan kalau tiba-tiba saya berhenti. Belum lagi saya cakap saya

mau berhenti sama dorang [anak buah]. Tapi, sekarang banyak sudah tingkatan-tingkatan yang tidak mau sekolah. Maksud saya, saya perlu kasi habis degree saya sebab saya perlu jadi contoh dorang [anak buah] sebab kalau tiba-tiba saya berhenti banyak yang ikut berhenti sebab dorang [anak buah] bilang tu si uncle boleh, jadi dia tidak bagus”.

(Peserta perempuan)

Hasil temu bual kumpulan fokus juga melaporkan dari perspektif peserta kajian itu sendiri iaitu kenapa mereka melanjutkan pengajian atau menyambung pengajian ke peringkat universiti. Antara sebab yang dilaporkan oleh peserta kajian ialah ingin membalas jasa orang tua/keluarga kerana dengan pendidikan yang dicapai diharap dapat peluang pekerjaan yang baik dan sekaligus membalas jasa keluarga, memenuhi hasrat keluarga dan dapat membantu keluarga kelak setelah tamat belajar dan mendapat pekerjaan yang baik.

“Untuk melanjutkan pengajian tu saya mengambil kira faktor kesihatan atau umur orang tua la. Jadi saya tiada niat untuk sambung belajar atas sebab faktor tu [tidak mahu membebankan orang tua yang sudah tua dan sakit]. Jadi, saya kalau boleh mahu ibu rehat awal la. Itu point dia [belajar/melanjutkan pelajaran] sebenarnya. Membalas jasa. Maksudnya mendapat pekerjaan yang bagus jadi dapat juga membalas jasa, dapat juga memenuhi keinginan ibu kan”.

(Peserta lelaki)

“Sebab memang tujuan mereka [ibu bapa] selagi kami [ibu bapa] hidup mau nampak kamu [anak-anak] berjaya, tidak mau jadi macam kami [ibu bapa] yang sekarang ni ditindas. Tiada pendapatan begitu la, jadi apa bukan juga bersyukur sebab PKP masa tu tetapi gara-gara PKP tu la terstuck di kamgung dan dapat cari pendapatan sebenarnya. Jadi, sepanjang PKP tu saya teruskan ja la saya punya study. Teruskan sambil online pun kerja berabis kerja sampailah masuk sini [masuk UMS] tu dapat duit hasil sendiri la tanpa susahkan ibu bapa”.

(Peserta perempuan)

“Kalau sudah habis semua [habis belajar] dapat kerja gitu, saya akan langsaikan hutang dorang [ibu bapa] semua. Dapat kasi bayar mama punya ubat-ubat sebab bayar ubat pun hampir 80% makan kami punya pendapatan sebab kanser kan. Jadi itulah kalau dapat belajar lagi tinggi untuk dapat qualification yang lebih tinggi, dapat pangkat yang lebih tinggi untuk kerja itu nanti aa begitulah. Itu sajalah.”

(Peserta lelaki)

“Kalau dari saya sendiri. Saya harap agar saya dapat potensi kerja yang bagus supaya saya dapat sara ummm 6 orang adik saya di bawah supaya bapa saya nda kerja. Cukup saya dapat kerja yang bagus ja. Saya harap saya dapat kerja yang bagus supaya saya dapat ubah mentaliti orang. Itu ja”

(Peserta perempuan)

Pendidikan yang baik adalah sangat efektif untuk menentang kemiskinan, boleh membina demokrasi, dan juga sekaligus dapat membentuk masyarakat yang sejahtera (Preston dan Elo, 1996). Menurut Tribus (1992), tahap pendidikan yang berkualiti juga boleh memberi

kuasa kepada kita, bebas bersuara, menonjolkan potensi kita, mengarah ke penyempurnaan diri, serta menambahkan idea pandangan dan pemikiran kita kepada konsep yang dinamik, berubah, dan berkembang mengikut aliran masa serta boleh berubah dalam konteks ekonomi, sosial dan persekitaran sekeliling. Tambahan lagi, sekiranya individu mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi adalah lebih cenderung untuk meraih pendapatan dan hidup dalam pendapatan isi rumah yang lebih tinggi. Ini adalah kerana Hanushek dan Kimko (2020) berpendapat bahawa taraf pendidikan memberi kesan langsung ke atas pendapatan, di samping kecenderungan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan terjamin.

Uchino, Uno, dan Holt-Lunstad (1999) menyatakan bahawa sokongan sosial adalah juga komitmen, sikap mengambil berat hal orang lain, suka memberi nasihat, dan bantuan yang diberi atau diterima sebagai sumbangan peribadi seseorang kepada orang lain yang memerlukan. Tambahan lagi, sumbangan peribadi seumpama ini digambarkan sebagai perasaan untuk dihargai dan disayangi, sebagai penghargaan diri, dan juga sebahagian daripada jaringan komunikasi dan tanggungjawab (Uchino, Uno, dan Holt-Lunstad, 1999). Pendidikan yang baik amat penting dalam menjana sokongan sosial yang positif (Walker, Wasserman, dan Wellman, 1993). Ini adalah kerana pendidikan dapat memberi seseorang laluan kepada beberapa peranan dan tanggungjawab dengan jaringan bebas yang akan menyemarakkan pelbagai lagi potensi di dalam hubungan yang lebih menguntungkan dan menyokong. Melalui pendidikan atau dengan tahap pendidikan juga boleh membantu seseorang mengekalkan hubungan yang bermakna dengan orang lain dalam apa juga situasi sebagai contoh di dalam kebolehan berbincang, pengurusan masalah dan juga sikap bertolak ansur, menyokong dan bekerjasama. Hasil kajian ini juga melaporkan peranan yang dimainkan oleh ahli keluarga yang turut menyumbang kepada kesediaan melanjutkan pelajaran hingga ke universiti dalam kalangan peserta kajian.

KESIMPULAN

Diharapkan hasil kajian ini dapat menyokong pihak pembuat dasar di dalam membantu komuniti miskin dan keluarga B40 mencapai perubahan di dalam diri, keluarga dan masyarakat mereka melalui pencapaian di dalam pendidikan. Halangan-halangan kepada keupayaan pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat universiti juga telah dikenal pasti di dalam kajian ini seperti tidak mahu membebankan keluarga/faktor kesusahan keluarga, pencapaian akademik kurang memuaskan untuk masuk universiti, tiada motivasi diri, rakan-rakan ada yang bekerja dan dapat bantu keluarga dan peluang pekerjaan yang belum pasti diharapkan dapat membantu pihak berkaitan di dalam membentuk dan menyusun program-program yang boleh mengurangkan halangan-halangan ini dan seterusnya memberikan sokongan yang lebih berkesan yang boleh dimainkan oleh pihak sekolah, universiti dan kerajaan - kementerian pendidikan. Peranan dan fungsi profesion kerja sosial juga boleh diperluaskan lagi bermula di peringkat sekolah.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri (2023). *Nilai, moral dan adab dalam persekitaran pendidikan global*. Diakses dari <https://pendidikan.jais.gov.my/sites/default/files/Nilai%20Moral%20dan%20Adab%20Dalam%20Persekitaran%20Pendidikan%20Global.pdf>

- Affizal Ahmad (2023). *Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera*. Diakses dari https://www.academia.edu/11288583/KEPENTINGAN_PENDIDIKAN_DALAM_PENBENTUKAN_KUALITI_HIDUP_SEJAHTERA
- Braun & Clarke (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. DOI: <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chiah Wan Yeng, & Rozumah Baharudin. (2014). Kefungsian keluarga dan tingkah laku keibubapaan. Dlm. Rozumah Baharudin & Mansor Abu Talib (pnyt.). *Kefungsian keluarga*, hlm. 17-30. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Epstein, Baldwin, & Bishop (1983). The McMaster family assessment device. *Journal of Marital and Family Therapy*, 9(2), 171-180.
- Mahadir Bin Ahmad (2014). *Perubahan Sosial Generasi Kedua Felda Daripada Aspek Ekonomi. Satu Kajian Kes Di Felda Sungai Sibol, Johor*. Disertasi Sarjana Universiti Teknologi Malaysia.
- Maslow (1943). "Teori Motivasi Manusia." *Kajian Psikologi* 50.4 (1943): 370-396. <http://psycnet.apa.org/record/1943-03751-001>
- Muzakkir dan Rizki Yunandac (2021). “Strategi Orang Tua Keluarga Miskin Dalam Meningkatkan Pendidikan Anak”. *Jurnal Sosiologi Dialektika Sosial – Volume 7*, Nomor 1, Maret 2021: Hlm 41-50.
- Preston dan Elo, (1996). Survival after age 80: letter to the editor. *New England Journal of Medicine*, 334 (8).
- Sitti Rima Najir (2019). Sejarah Populasi Sabah: Impak Terhadap Sosioekonomi, 1960-an Hingga 2000-an. Vol. 4(1), Disember, 2019, hlm. 65-85 *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. Diakses dari <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/> e-ISSN: 2600-8726 © Penerbit UMS.
- Tribus (1992). *Quality first: Selected papers on quality and productivity improvement*. National Society of Professional Engineers (4th Ed.). ASIN: B0006OXP8Y,
- Uchino, Uno, & Holt-Lunstad (1999). Social support, psychological processes, and health. *Current Directions in Psychological Science*, 8, 145-148.
- Walker, Wasserman, & Wellman, B. (1993). Statistical models for social support networks. *Sociological Methods & Research (Invited Paper)*, 22, 71–98.
- Zainah Ahmad Zamani et al. (2013). Kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 137-149.

SOCIO-ECONOMIC CHARACTERISTICS OF SMALL RUMINANT FARMERS IN TERENGGANU

Hayuni Mazlan, Norshahira Osman & Lukman @ Zawawi Mohamad

Faculty of Applied Social Sciences
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
(Email : hayuniyunie95@gmail.com)

Abstract

Small ruminants play a vital role in rural development and contribute to the livelihoods of millions of those in poverty by providing enormous prospects for income and employment production. The study seeks to characterize socio-economic and farm characteristics of small ruminant farmers of Terengganu. A questionnaire was used for data collection from 613 small ruminant farmers and analyzed with descriptive statistics. Finding shows (33.9%) that the average age of farmers respondent included in this study was about 21-30 years. This study confirms that small ruminants are most suitable livestock for small farmers. Majority (42.1%) of the respondents were identified themselves as full-time farmers, derived that total income RM 1,000- RM 2, 000 income from the livestock only. However, the average of gender small ruminant farmers was about (66.2%) are men. The results is significant with education level of farmers into small ruminant farming sector. Sheep and goats serve as a financial buffer and for low income farmers. As a result, small ruminant farming sector have an influence on the livelihoods and the necessity of taking socioeconomic While small ruminant farming generates money in the majority of cases, the way it is practised presents chances for modest improvements in husbandry and management that might make it more efficient in poverty alleviation.

Keywords: *Small ruminants, socio-economic characteristics, income, farmers*

INTRODUCTION

Small ruminants like sheep and goats are essential for rural development because they provide millions of people living in poverty with substantial earnings and job options (Tella et al., 2022; Smith et al., 2019). Due to their ability to adapt to a variety of environmental circumstances and relatively cheap investment needs, these livestock species have been recognised as a useful asset, especially for landless and small-scale farmers (Kusuma et al., 2021). Small ruminant farming has a huge potential to improve rural livelihoods and promote sustainable agricultural practises in Terengganu, Malaysia. To comprehend the dynamics of this industry and build successful growth and development plans, it is crucial to understand the socioeconomic and agricultural characteristics of small ruminant farmers in Terengganu. This research aims to characterise the socioeconomic characteristics in detail. The social and economic development of rural households is significantly influenced by livestock husbandry (Nkonki-Mandleni et al., 2019). According to studies, it is essential to have knowledge about the socioeconomic status and farming practises of farm families for developing effective livestock

programmes that benefit households (Ayalew et al., 2013). Additionally, it is crucial to comprehend many aspects that affect livestock raising in order to collaborate with families on improving livestock output (Zaw Win et al., 2018). Sheep and goats are small ruminants brought an essential to the establishment of ecologically friendly and sustainable production systems for rural communities (Berihulay et al., 2019). Additionally, small ruminants represent the majority of farm animals erect, providing rural residents with a source of income and employment (Offor et al., 2018). To promote food security in rural areas as well as to assist reduce poverty and improve overall family well-being, small ruminant livestock production must be prioritised, according to a number of studies (Peacock, 2005; Dossa et al., 2007). Furthermore, small ruminant farming is crucial to Malaysia's agricultural economy, especially in rural regions,(Abdullah et al., 2015; Sabre et al., 2020). Terengganu have a lot of natural resources and rural setting, has emerged as a prominent contributor to the small ruminant farming sector. According to previous research (Khanal et al., 2019; Abebe et al., 2018), education may enhance agricultural practises and increase productivity in the livestock sector. With knowledge of current market trends, disease control strategies, and husbandry methods for small ruminants, farmers are better equipped to make educated decisions and implement best practises. Determining suitable areas for capacity building and information transfer programmes requires examining the education levels of Terengganu's small ruminant farmers.

In recent years, interest in gender dynamics in the agriculture sector has grown as well. Studies have indicated that women's participation in small ruminant farming can enhance household welfare because they frequently make greater investments in dietary needs, well-being, and educational opportunities (Kumar et al., 2018; Amare et al., 2021). Understanding the gender distribution among small ruminant farmers in Terengganu helps illuminate the allocation of resources, the division of labour, and decision-making procedures within families, supporting in the creation of programmes and guidelines that are gender-responsive. In order to shed light on how small ruminant farmers in Terengganu contribute to rural development and the eradication of poverty, this study investigates their socioeconomic traits. Policymakers and stakeholders can benefit from the findings by learning about evidence-based productivity and sustainability strategies.

MATERIAL AND METHODS

Study Area

The study was conducted in eight district state of Terengganu, located in the Kuala Nerus, Besut, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Kemaman and Setiu. The eight districts are selected for based on differences in potential for livestock resources.

Data Collection

The design of this study is to use the questionnaire method. According to (Creswell et al., 2017), he stated that the design of the study was chosen after taking into account the views of scholars who stated that survey studies use questionnaires in the field of education because this can examine the ability to solve all problems and can save time and money. Therefore, this study used quantitative methods and sampling techniques. The sampling of this study is based on independent random purpose because the information is collected

from certain places with purposes. In addition, it is also chosen to know the regularity of certain elements (Fraenkel & Wallen, 2009). The questionnaires have 40 questions and its in dichotomus type of question

This survey used dichotomus scale with the respondents expressing their consent to the statement of inventory in the self-determination questionnaire. The total all this questionnaire were 63. It is important to note that, the questionnaire presented to the participants was in Malay language. This is due to the fact that the respondents to this survey are those who understand the Malay language. Therefore, it will help them comprehend the questionnaire instruction more easily. The respondents to this survey indicated their agreement to the statement of inventory in the self-determination questionnaire using a dichotomous scale. This questionnaire included 63 questions in total. It is significant to note that the participants were given a questionnaire in Malay. This is because the respondents to this survey are Malay participants. Consequently, it will make it simpler for them to understand the questionnaire's instructions.

Data Analysis

SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) was used to analyze the data. Descriptive statistics such as percentages and frequencies were conducted.

RESULTS

Table 1 presents the socio-economic characteristics of small ruminant production farmers in the eight districts of Terengganu. The majority of participants, or around 88% of the sample, are in the working-age group (21 to 50 years) of the age distribution. According to this research, people who are in the peak of their careers likely engage in substantial amounts of agriculture and livestock production. On the other side, the small percentage of respondents who were 51 years of age or older may indicate that it may be difficult to draw in and keep senior workers in the agricultural industry. For the continuation and viability of livestock production in the area, encouraging and assisting older farmers may be essential.

Findings of the survey show a significant gender gap in livestock production, with a resounding majority of male respondents (83.40%). This finding is consistent with the general trend of male domination in agriculture around the world. In contrast, women represent only 16.60% of the livestock farming labor force, suggesting that community and cultural barriers may prevent women from working in this field. It is crucial to address these gender gaps and put in place specific policies and activities that encourage and support women's active engagement in the agriculture industry in order to achieve more diversity and inclusivity. Promoting the involvement of women in livestock farming can lead to a more diversified workforce, providing access to a broader range of talents and perspectives, ultimately contributing to the sector's sustainability, growth, and opportunities. By providing women smallholder farmers with increased resources, information, and training, whether through government initiatives or private sector support, livestock productivity can be enhanced, leading to improved livelihoods and increased opportunities and agency for women in the industry (Kyotos et al., 2022)

Based on the findings, The majority of respondents (48.5%) with a secondary education level (MCE/SPM/STPM/Matriculation) engaged in livestock farming. This shows that education might be a key factor in preparing people for careers in agriculture. It is important to keep in mind, nevertheless, that a sizable minority of farmers (37.3%) had educational backgrounds below the diploma level. This conclusion emphasizes the need of agricultural practical education and vocational training in providing farmers with the tools they need to increase their farms' productivity and efficiency (Wasnik, S., 2022; Antwi-Agyei & Stringer, 2021).

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NOISH) pada tahun 2019 menyatakan bahawa tekanan di tempat kerja sangat membimbangkan. Majikan di semua peringkat perlu memberi penekanan dan focus kepada tahap kesihatan mental setiap pekerja bagi mengelakkan berlaku risiko kemurungan. Tambahan Perunding Keselamatan dan Kesihatan Awam, Mohd Soffian Osman (2023) menyatakan bahawa perubahan budaya kerja akibat penularan Covid-19 semakin meningkat terhadap pekerja yang sebelum ini sudah melakukan kerja yang lebih lagi meneruskan kelangsungan hidup;

“...Tidak dinafikan isu (bekerja lebih masa) itu ialah perkara yang benar-benar terjadi dalam kalangan pekerja di Malaysia...”

Sumber: Mohd Soffian Osman, 2021

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mencari faktor-faktor lain yang memberi tekanan kepada penjawat awam khususnya di Universiti Utara Malaysia.

Hasil analisis mendapati bahawa penjawat awam di Universiti Utara Malaysia terkesan ketika bekerja semasa situasi Covid-19. Perkara pertama yang menjadi faktor tekanan kepada penjawat awam adalah struktur arahan tidak sistematik dalam organisasi. Seramai 18 (48.6%) responden sangat bersetuju berbanding dua (5.4%) responden tidak bersetuju. Hal ini turut dinyatakan oleh UKM *Medical Molecular Biology Institute* (UMBI) bahawa arahan yang kurang jelas dalam sesebuah organisasi menyebabkan punca tekanan di tempat kerja.

Jadual 2

Faktor-faktor tekanan kerja

Soalan Faktor – Faktor Tekanan Kerja	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Struktur arahan tidak sistematik dalam organisasi	18	10	6	2	0
Maklumat dan arahan bertindih	16	13	2	5	1
Sikap ego dalam kalangan staf	19	12	0	10	2
Campur tangan bukan pegawai penghubung	10	15	4	3	5

Sumber: Hasil dapatan borang soal selidik

Selain daripada itu, maklumat dan arahan bertindih juga merupakan faktor tekanan kerja terhadap penjawat awam di Universiti Utara Malaysia. Setiap pekerjaan mempunyai tekanan yang tersendiri kerana masalah yang dihadapi oleh individu adalah berbeza (Thurayya, 2007). Golongan pensyarah di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia juga turut terkesan daripada suasana kerja yang tertekan dan silih berganti (Nulifar et al., 2009). Tambahan pengkaji mendapati sikap ego dalam kalangan staf memberi impak kepada tekanan kerja oleh staf di UUM. Seramai 19 responden bersetuju berhubung perkara ini manakala 10 responden pula tidak bersetuju.

Selain itu, campur tangan bukan pegawai penghubung jelas menunjukkan seramai 10 responden sangat bersetuju, 15 responden bersetuju berbanding 5 responden sangat tidak bersetuju berkaitan perkara ini. Campur tangan bukan pegawai penghubung yang dimaksudkan adalah terdapat arahan daripada ketiga dalam menyusun atur pengurusan

kerja ketika pandemik Covid-19. Perkara ini menyebabkan penjawat awam terganggu untuk menyiapkan kerja yang sepatutnya dilakukan.

Pengkaji juga turut mendapati bahawa terdapat faktor-faktor lain yang memberi tekanan kepada staf Universiti Utara Malaysia ketika situasi Covid-19 iaitu rakan sekerja tidak membantu untuk menyiapkan tugas hakiki, persekitaran terlalu ‘toxic’, mempunyai keinginan peribadi dalam setiap pekerjaan. Motivasi di tempat kerja adalah tidak sepadan, rakan yang pentingkan diri sendiri.

Dapatan hasil kajian kepada persoalan pandangan lain adalah seperti berikut;

Jadual 3

Faktor-faktor lain daripada responden

Kenyataan Responden
<p>Kebanyakan perancangan kerja mengikut kepentingan diri</p> <p>Kekurangan pengetahuan berkenaan teknologi dan terlalu selesa dengan persekitaran menyebabkan pekerja kurang motivasi dan tertekan untuk terus memberikan khidmat cemerlang di dalam apa jua tugas yang diberikan.</p> <p>Pegawai perlu lebih fleksibel dalam menggunakan gaya psikologi berbeza berdasarkan personaliti staf untuk memahami setiap cara kerja staf demi memastikan tugas dilaksanakan dengan teliti, cepat dan mengikut arahan. Pendapat dan idea staf juga perlu dihargai dan diambilkira.</p> <p>Kekangan dari segi dokumen yang perlu rujukan ketika pandemik</p>

Sumber: Dapatan hasil borang soal selidik

Dapatan hasil kajian melalui temubual

Temubual merupakan proses komunikasi ataupun satu sesi bersoal jawab diantara dua pihak secara langsung bertujuan mendapatkan maklumat yang diinginkan. Temubual tidak hanya dilakukan di dalam bidang pekerjaan sahaja malah digunakan secara meluas di semua sektor. Justeru, pengkaji turut menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat yang lebih baik. Antara soalan diajukan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- 1) Ketika Covid-19 apakah yang membuatkan anda tertekan?
- 2) Selain daripada faktor keluarga dan pejabat, apakah faktor lain yang menyebabkan anda tertekan? dan;
- 3) Adakah pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara berjaya menguruskan situasi Covid-19?

Melalui hasil persoalan yang diajukan oleh pengkaji, responden telah memberikan jawapan setiap soalan yang relevan. Antara jawapan responden adalah seperti berikut;

“Arahan selalu yang mengejut dan saya tak bersedia untuk menguruskannya tambah pula dalam keadaan situasi urusan di rumah menyebabkan kerja tergendala sebab hilang fokus...”

Sumber: Hasil temubual bersama responden

Daripada ungkapan respon tersebut jelas menunjukkan bahawa penjawat awam di Universiti Utara Malaysia turut terkesan dan hilang daya fokus untuk bekerja kerana dalam masa yang sama mereka perlu menguruskan keluarga. Selain itu responden turut memaklumkan kepada pengkaji seperti berikut;

“Bermain dengan umur sudah lebih 40 an ini, saya sukar untuk belajar sistem baru, setup Webex, hubungkan emel rasmi dengan telefon, terkadang saya terlepas pandang arahan melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram...”

Sumber: Hasil temubual bersama responden

Perkara ini menjelaskan bahawa, tidak semua penjawat awam mahir menggunakan teknologi ditambah pula pendekatan baharu secara alam maya ketika bekerja dalam suasana Covid-19. Hal ini menunjukkan faktor usia mempengaruhi penggunaan teknologi untuk bekerja atau berhubung dalam menyelesaikan sesuatu tugas.

Responden juga turut menyatakan berhubung Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang menjadi nadi dalam pengurusan Covid-19 pada tahun 2020 sehingga 2022. Antara jawapan responden adalah seperti berikut;

“Saya katakan berjaya... Saya terkadang keliru dengan arahan MKN melalui mesej dengan arahan melalui media massa dan hebahan yang dilakukan, kerana arahan juga cepat dan berubah-ubah. KKM pula bagi saya jelas sebab diarah perlu jaga SOP dan perlu dicucuk...”

Melalui pemahaman tersebut, pihak MKN mengeluarkan arahan yang silih berganti dan memberi kesan kepada masyarakat terutama kepada penjawat awam di UUM untuk menceraap dengan baik. Manakala pihak KKM pula mengeluarkan arahan dengan jelas dan dapat diikuti dengan lebih mudah oleh staf di UUM.

Hasil tahap tekanan kerja

Tahap tekanan kerja di Universiti Utara Malaysia semasa pandemik Covid 19 dikira secara *simple data analisis* iaitu “Sangat Setuju” dan “Setuju” ditambah untuk mendapatkan tahap tekanan kerja. Jadual adalah seperti berikut;

Jadual 4

Tahap Tekanan Kerja

Faktor Tekanan	Peratusan (Tahap Tekanan Kerja)
Struktur arahan tidak sistematik dalam organisasi	75%
Maklumat dan arahan bertindih	78.4%
Sikap penting diri dalam kalangan staf	83.8%
Campur tangan bukan pegawai penghubung	67.6%

Sumber: Hasil borang soal selidik

Jika dilihat daripada jadual tersebut, sikap penting diri dalam kalangan staf berada ditahap tertinggi iaitu 83.8% diikuti maklumat dan arahan bertindih sebanyak 78.4%. Struktur arahan tidak sistematik dalam organisasi sebanyak 75% diikuti campur tangan bukan pegawai penghubung sebanyak 67.6%. Tahap tekanan kerja ini menunjukkan ketika pandemik Covid-19, penjawat awam berhadapan dengan masalah yang berlaku ketika bekerja di rumah atau di pejabat.

Kesan Tekanan pada Diri dan Tempat Kerja

Antara kesan akibat daripada tekanan adalah mudah mendapat sakit jantung dan angin ahmar (*stroke*). Tekanan akan menambahkan asid lemak (*fatty acids*) di dalam darah dan bahan-bahan ini akan bertukar menjadi lemak asli berkolestrol yang menutupi saluran-saluran pembuluh darah. Tekanan akan meningkatkan tekanan darah dan memudahkan proses pembekuan darah. Maka serangan jantung dan angin ahmar akan berlaku (Health Education Associates, 1996). Selain itu, tekanan akan menyebabkan *Insomnia* atau susah tidur. Stress ini menyebabkan masalah susah tidur dan kitaran ini akan menyebabkan individu akan mengalami sakit diserangi penyakit lain-lain. Tambahan, *stress* juga akan menyebabkan kecing manis. Kesugulan dan tekanan dari tekanan akan meningkatkan paras gula dalam darah dan membawa kepada penyakit kecing manis (Carol E. Watkins, 1998).

Gastrik dan ulser. Tekanan juga akan menyebabkan penyakit masalah sistem penghadaman seperti gastrik dan ulser. Hal ini berpunca dari peningkatan pengeluaran asid ketika diserang stress yang turut menyebabkan kemurungan dan kemaharan yang berterusan (Ballieux, 1984). Tekanan juga akan menyebabkan infeksi atau jangkitan kuman. Pengeluar bahan-bahan dalam badan seperti '*spinephrine*' dan '*norepinephrine*' ke dalam darah berperanan melemahkan sistem pertahanan badan dan sekaligus akan memudahkan kuman-kuman untuk menyerang dan menyebabkan penyakit mudah berjangkit. Kesan tekanan di tempat kerja akan menyebabkan produktiviti organisasi akan terjejas. Data daripada *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) di Amerika Syarikat menunjukkan kira – kira satu pertiga daripada pekerja mengalami '*stress*' di tempat kerja. Di Eropah pula menunjukkan angkat di antara 20 sehingga 30 peratus tekanan di tempat kerja sering berlaku.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kepada penjawat awam di Universiti Utara Malaysia dan membuktikan tahap tekanan yang dihadapi oleh staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM. Dalam menangani tekanan kerja, pengaji telah menyediakan ruangan cadangan untuk dikongsikan kepada pembaca dan pengkaji akan datang. Pertama, pengurusan atau majikan perlu mengkaji semula hala tuju dan pelaksanaan program di jabatan-jabatan agar tidak terlalu banyak dan bersesuaian. Penerapan budaya kerja positif, memberi penghargaan kepada staf berbentuk pujian ringkas dapat menaikkan semangat staf bekerja, menghargai bakat pula dan kebolehan staf dengan memberikan tanggungjawab mengikut kemampuan staf dapat meningkatkan kualiti dan mutu kerja yang baik dalam kalangan staf.

Pihak pengurusan juga sewajarnya meneliti setiap seorang staf dibawah mereka sama ada pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi sektor kerajaan atau sebaliknya. Hal ini akan memberikan satu penghargaan besar buat staf secara sistem giliran. Pihak atasan juga tidak boleh memandang sinis dan berpandangan negatif kepada staf bawahan, terlalu tegas dan terlalu mengawal pergerakan staf. Hal ini menyebabkan staf boleh terganggu dan menjejaskan kerja seseorang staf sebaliknya beri peluang dan kepercayaan kepada pekerja untuk terus berkhidmat.

Selain itu juga pihak pengurusan perlu bersikap terbuka terhadap pekerja. Di samping itu juga, pihak pengurusan perlu sentiasa melakukan pemantauan tahap perjalanan kerja setiap staf untuk memastikan setiap staf berfungsi dengan baik. Hal ini kerana terdapat segelintir pekerja bersikap culas, tidak fokus, sering hilang diwaktu kerja dan banyak memberi alasan. Motivasi perlu diberikan sama ada motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Faktor motivasi intrinsik adalah diri pekerja itu sendiri, pencapaian, pengakuan, tanggungjawab dan kemajuan diri, manakala faktor ekstrinsik pula merupakan faktor luar iaitu penyeliaan, hubungan personal, keadaan pekerjaan, gaji, dasar dan peraturan, pentadbiran dan organisasi itu sendiri. Faktor motivasi perlu diperjelas oleh pihak pengurusan agar suasana bekerja lebih baik dan penghasilan kerja lebih cemerlang.

Selain itu, WHO turut mencadangkan melalui makalah Work Organisation and Stress menyatakan enam (6) langkah tangani stress iaitu; Struktur dan amalan organisasi yang jelas, pemilihan, latihan dan pembangunan kakitangan yang sesuai, penerangan mengenai pekerjaan, huraian kerja perlu jelas, komunikasi, persekitaran sosial. Kewujudan kumpulan pakar dari pelbagai bidang juga dapat membantu individu yang mengalami tekanan dapat dikurangkan atau dikenali *Self-Help Plus* (Stavroula Leka, Amanda Griffiths and Tom Cox CBE, 2003). Akhir sekali, pengkaji pada masa akan datang perlu menambahbaik dari aspek pengembangan idea melalui hasil kajian ini secara lebih teknikal dan mendalam. Kaedah perlu dipelbagaikan, mix method perlu diperluaskan, kumpulan sasar boleh dikembangkan, secara penggunaan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) boleh diaplikasikan bagi mendapatkan data lebih jelas, tepat dan sempurna.

RUJUKAN

- Agarwal, A. (2008). Relationship between Motivation and Job Performance at the University of Mines and Technology, Tarkwa, Ghana: Leadership Lessons. *Creative Education*, 3 (3), June 18, 2012
- Ahmad Shukri Mohd Nain. (2002). *Tingkah laku organisasi: Pengenalan tingkah laku individu*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Aris Kasan, Fatimah Hanum Mohamad Hajari, Juwairiyah Jaafar & Nordin Yusoff. (2012). Stres dalam perkhidmatan awam: Impaknya kepada prestasi dan kesejahteraan pegawai awam. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*, 7, 1-34
- Botha, C., & Pienaar, J. (2006). South African correctional official occupational stress: The role of psychological strengths. *Journal of Criminal Justice*, 34(1), 73-84.

- Berita Harian *Online*. *Kronologi covid-19 di Malaysia*. Dicapai pada Julai 2,2023 melalui pautan www.bharian.com.my
- Cooper, J & Robertson. (1987). *International Review of The Industrial and The Organizational Psychology*. USA: Wiley. (1978). *Sources of The Managerial and White Collar Stress*. dlm. *Stress at Work*. Disunting oleh C. L Cooper & R. Payne (eds). Chichester: John Wiley and Sons.
- Dzulizzi Sabuti. (2011). *Hubungan Tekanan Kerja Terhadap Prestasi Kerja*. Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Fairuz & Shahizan. (2016). Kajian penghargaan sendiri dan kepuasan hidup pelajar. *Jurnal Psikologi*, 2, 22-31.
- Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. *Coronavirus: Simptom, punca dan rawatan*. fbmk.upm.edu.my.
- Firdaus Abdul Gani (Februari 21, 2019). *Tekanan di tempat kerja: bagaimana untuk bertahan?*. www.astroawani.com.
- Hayati, A., Shamsudin, F. M., Ismail, H. C., Teong, L. K., Saud, M. B., Mat, N. Z. N., & Yaacob, N. (2004). *Pengajian Perniagaan 1*. Selangor: Pearson Malaysia.
- Izzat Hazmir Ismail (Ogos 22, 2023). *Stress dan kesihatan*. PKU UTMKL. registrar.utm.my.
- Madiha Hasbullah, Masidah Masri & Norhidayah Mohd Salleh. (2022). Tekanan dan prestasi kerja semasa pandemik covid 19: satu kajian kes politeknik Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4 (1), 111-120.
- Mushirah Tharek (2011). *Tekanan kerja dan kepuasan kerja pensyarah Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Amnan Hibrahim (Mei 1, 2021). *Pekerja Malaysia makin tertekan*.www.sinarharian.com.my
- MyHealth (Ogos 19,2023). *Jangkitan penyakit coronavirus (covid-19)*. Myhealth.gov.my
- National Library of Medicine (Ogos 21, 2023). Hans Selye (1907-1982). *Founder of the stress theory*. www.ncbi.nlm.nih.gov.
- Rahani, Z. M. (2015). Hubungan antara faktor tekanan dengan kesan tekanan dan prestasi kerja guru di sekolah menengah daerah Kota Tinggi, Johor (Disertasi Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia)
- Rollinson, D. (2008). *Organisational behaviour and analysis: An integrated approach*. Pearson Education
- Sharif Salleh. (2001). *Hubungan antara faktor hygiene-motivator dengan kepuasan kerja pekerja bukan eksekutif Celcom (M) Sdn. Bhd. Kawasan Timur, Kuching,Sarawak*.

Tesis Sarjana. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Universiti Malaysia Sarawak.

Stavroula Leka, Amanda Griffiths and Tom Cox CBE (2003). *Work organisation & stress*. Institute of Work, Health & Organisation. University of Nottingham.

Stevenson, A., & Harper, S. (2006). Workplace stress and the student learning experience. *Quality assurance in education*. 14 (2), 167 – 178

Statt, D. A. (1994). *Psychology and the World of Work*. NYU Press.

Thurayya Othman (2007). *Hubungan burnout dengan kepuasan kerja di kalangan staf Jabatan Agama Johor*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia

INTERVENSI SPIRITUAL TERHADAP KLIEN DALAM INSTITUSI KOREKSIONAL DI MALAYSIA

**Md Zawawi Abu Bakar, Norazlina Zakaria, Fuziah Shaffie, Jamaludin Mustaffa &
Asma Adnan**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
(Emel : zawawi@uum.edu.my)

Abstrak

Profesion perbantuan atau *helping profession* seperti pekerja sosial, kaunselor dan pegawai psikologi memainkan peranan penting dalam sistem keadilan jenayah atau SKJ dalam sesebuah negara. Dalam kitaran SKJ, profesion ini terlibat secara langsung dalam melaksanakan perintah mahkamah iaitu hukuman dan koreksional terhadap banduan di penjara manakala bagi kes melibatkan dadah pula program rehabilitasi akan dilakukan oleh Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN). Intervensi koreksional diberikan kepada klien kerja sosial bertujuan meningkatkan kepulihan klien dan mengurangkan kadar residivism dan relaps dalam kalangan klien apabila dibebaskan kelak. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menjelaskan tahap penerimaan klien terhadap intervensi spiritual yang diikuti dalam pusat koreksional. Kajian secara kuantitatif ini menggunakan soal selidik berdasarkan Model REDHA-5 yang dibangunkan oleh penyelidik untuk mendapatkan data kajian. Responden kajian yang terlibat adalah seramai 40 orang banduan muda yang dipilih secara bertujuan mewakili empat zon (utara, selatan, timur, barat) dari Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney dibawah Jabatan Penjara Malaysia. Hasil kajian yang dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS menunjukkan tahap penerimaan responden berada pada skor sederhana dengan nilai min 3.40. Sehubungan itu, kajian menyimpulkan bahawa intervensi spiritual yang diimplimentasikan dalam pusat koreksional adalah baik dan memberi kesan kepada klien. Namun demikian, modul intervensi spiritual tersebut masih boleh ditambahbaik dengan elemen *maqasid syariyyah* bagi memantapkan lagi ketahanan diri klien apabila dibebaskan dari pusat koreksional dan mengembalikan kefungsi sosial mereka dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Kata kunci: Kerja sosial, intervensi, spiritual, banduan muda, penjara

PENDAHULUAN

Malaysia adalah antara negara di nusantara ini yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan. Justeru itu, prinsip Maqasid Al Syariyyah telah dijadikan sebagai asas dalam pentadbiran negara. Ia meliputi segenap aspek iaitu dalam pentadbiran, ekonomi, sosial, pendidikan, dan sebagainya. Prinsip Maqasid al Syariyyah ini terangkum dalam tiga asas iaitu dharuriyyah, hajiiyyah dan tahnisiyyah yang berupaya menjamin kemaslahatan masyarakat. Pendekatan ini bertepatan dengan pensyariat Islam kepada semua manusia sebagai agama yang sejahtera dan agama rahmah kepada semua (Al Anbiya: 21) Ia meliputi:

- i. Memelihara kestabilan sistem kehidupan manusia dan mengekalkan kebaikan padanya.
- ii. Bertoleransi dan adil

- iii. Sentiasa melakukan proses pembaikan dan penambahbaikan secara berterusan dalam segenap aspek kehidupan; individu, masyarakat dan negara.

[Portal Rasmi JAKIM - Tiga Teras Maqasid Syariah \(islam.gov.my\)](https://portal.rasmi.jakim.gov.my)


Perisytiharan dasar Malaysia Madani oleh Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim merupakan langkah bijak dalam yang mempunyai enam teras iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan juga merupakan ikhtiar secara bersepadu dan holistic untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik melalui musyawarah dan maklum balas rakyat. (<https://malaysiamadani.gov.my/>) Ajaran Islam menekankan prinsip asas menyuruh kebaikan dan mengelakkan kemunkaran (amar makruf nahi munkar) dalam menjalani kehidupan

Sistem keadilan jenayah atau SKJ merupakan satu sistem dalam sesebuah negara yang bertujuan memberikan hak dan keadilan kepada semua pihak. Ia melibatkan satu kitaran yang bermula dengan isu berbangkit dalam masyarakat kepada proses perundangan (legislative) dalam Parlimen yang merupakan badan memainkan peranan menggubal undang-undang, kemudiannya Akta atau undang-undang yang digubal akan di kuatkuasakan untuk dilaksanakan oleh badan eksekutif melalui pelbagai kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia atau PDRM berdasarkan bidangkuasa yang diperuntukan dan kebanyakan agensi penguatkuasaan berada dalam Kementerian Dalam Negeri. Seterusnya kitaran SKJ melibatkan badan kehakiman (judiciary) melalui proses mahkamah sehinggalah sabitan hukuman. Akhirnya SKJ akan melaksanakan perintah mahkamah iaitu hukuman dan pemulihan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi kes jenayah manakala bagi kes melibatkan dadah pula program rehabilitasi akan dilakukan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan atau AADK. Banduan di penjara atau pelatih dadah dalam Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik atau PUSPEN akan menjalani hukuman atau proses koreksional. Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan adalah dua agensi utama yang melakukan proses koreksional dan pemulihan terhadap klien. Tujuan dan matlamat SKJ ialah untuk memulihkan dan mewujudkan semula kefungsi sosial banduan dan pelatih dadah agar dapat kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat.

Dalam mendepani proses koreksional dan rehabilitasi banduan dan pelatih dadah (selepas ini disebut sebagai klien sebagaimana dalam praktis amalan kerja sosial). Pekerja sosial dalam institusi akan berdepan pelbagai cabaran antaranya isu residivism dan relaps dalam kalangan klien. Ia seolah-olah segala usaha dan modul koreksional yang dilaksanakan terhadap klien kurang berkesan. Terdapat pelbagai modul, program, intervensi dan sebagainya yang telah dilaksanakan oleh agensi koreksional dalam usaha membantu pemulihan klien. Kertas kerja ini cuba menjelaskan berhubung implimentasi agama dan spiritual dalam institusi koreksional.

Gambarajah 1

Kitaran Sistem Keadilan Jenayah (SKJ)



IINTERVENSI SPIRITUAL DALAM INSTITUSI KOREKSIONAL

Koreksional menggunakan agama dan spiritual dalam amalan kerja sosial telah berkembang dengan baik. Ia telah mula mendapat tempat dalam pelaksanaan program pemulihan dalam institusi koreksional samada di Malaysia atau luar negara. Di Malaysia, intervensi berdasarkan agama Islam digunakan untuk penyucian jiwa atau *Tazkiyatun Nafs* terhadap klien dalam pusat pemulihan. Contohnya klien dalam penjara, pusat pemulihan dadah, pusat pemulihan akhlak dan sebagainya. Perkataan tazkiyah nafs berasal dari perkataan Bahasa Arab yang terdiri dari dua kata *tazkiyah* dan *nafs*. Maksud *tazkiyah* adalah mensucikan, menguatkan dan mengembangkan manakala erti *nafs* pula adakah diri atau jiwa seseorang. Jadinya tazkiyah nafs adalah menyucikan jiwa seseorang dengan menggunakan mekanisme agama dan spiritual. Dalil daripada Al Quran berhubung perkara berkenaan iaitu:

“Dia-lah (Allah SWT) yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mentazkiyah mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan Hikmah (As Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata, dan (juga) kepada kaum yang lain dari mereka yang belum berhubungan dengan mereka. Dan Dia-lah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Demikianlah karunia Allah, diberikan-Nya kepada siapa

yang dikehendaki-Nya; dan Allah mempunyai karunia yang besar. ” (Al-Jumuah 62: 2-4)

Tazkiyah nafs berdasarkan mafhum surah Al Jumuah ayat 2 hingga 4 ialah perbuatan menyucikan jiwa dan menghiasi jiwa dengan akhlak terpuji. Dua perkara ini dapat membina kekuatan dalaman yang kuat khususnya kepada klien di pusat pemulihan. Ini kerana *tazkiyah nafs* bertujuan untuk mengembalikan manusia kepada fitrah manusia yakni menjaga hubungan dengan Pencipta dan hubungan sesama makhluk *hablum minAllah* dan *hablum minannas*. Pemulihan secara kerohanian berupayan mengubah diri seorang insan dengan keimanan, ketakwaan, akhlak mulia sebagaimana diperintahkan oleh agama Islam (Kamal Abdul Hamid, et all, 2014). Penurunan kitab suci al Quran kepada umat Islam bukan sahaja sebagai wahyu Nabi Muhammad SAW tetapi sifat al Quran itu sendiri sebagai kitab yang memberi hidayah atau petunjuk kepada yang membaca dan mengamalkannya. Al Quran juga mempunyai sifat perubatan atau syifa kepada insan yang mengamalkannya. Dalil al Quran berhubung perkara diatas dinyatakan seperti:

Dan Kami turunkan dari Al-Quran (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman, sedangkan bagi orang yang zalim (Al-Qur'an itu) hanya akan menambah kerugian. (Al Isra, 82)

Sehubungan itu, intervensi agama dan spiritual telah digunakan dalam koreksional dan pemulihan terhadap klien. Kebanyakan klien kerja sosial yang terlibat dengan perlakuan devien atau jenayah adalah dalam kalangan individu yang jauh daripada agama. Meskipun tidak semua tetapi berdasarkan kajian-kajian terdahulu faktor agama adalah antara faktor menyumbang kepada salah laku sosial atau jenayah (Nur Hayati Muhammed, 1995). Justeru bagi membantu klien dalam institusi koreksional maka pekerja sosial sepatutnya melakukan intervensi agama dan spiritual terhadap klien. Ini bertujuan mengisi ruang kosong tersebut yang menjadi antara punca klien terjebak dengan jenayah. Selain itu, agama dan spiritual juga boleh menjadi sebagai alat untuk membina jati diri atau resliensi diri klien secara dalaman dan luaran. Ia bertujuan menjadi benteng untuk menepis cabaran dan ujian apabila mereka keluar daripada institusi koreksional kelak. Ibrahim Samad, Jamaludin Mustafa dan Kamal Ab Hamid (2017) dalam kajian mereka mencadangkan agar pendekatan agama dan spiritual diimplimentasikan dalam membantu klien kerja sosial dalam setting koreksional. Melaluinya akan dapat mengatasi isu residivism dan relaps yang seringkali dibangkitkan oleh masyarakat dan memberi perspeksi kurang baik terhadap keberkesanan program pemulihan.

Terdapat beberapa agensi koreksional di Malaysia telah mengimplimentasikan agama dan spiritual dalam pemulihan klien. Ia termasuklah agensi kerajaan, swasta atau bukan kerajaan atau NGO. Rehabilitasi dan koreksional klien kerja sosial terhadap klien dilakukan samada dalam institusi atau luar institusi. Walau bagaimanapun objektif dan matlamat setiap institusi adalah sama iaitu cuba membantu kepulihan dan rawatan klien serta koreksional klien ke arah kehidupan yang positif apabila kembali dalam masyarakat kelak. Antara institusi yang melakukan intervensi spiritual terhadap klien ialah Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya. Selain daripada agensi terdapat beberapa modul agama dan spiritual yang telah digunakan dalam program atau intervensi terhadap klien kerja sosial. Antaranya Program Pembangunan Insan (PPI), Modul Psikospiritual ISRA, Modul Tazkiyyah, Modul Halaqah dan sebagainya.

Berdasarkan kepada dapatan kajian penulis agensi melaksanakan modul intervensi kerohanian dan spiritual dalam program pemulihan terhadap klien mereka. Meskipun nama yang agak berbeza, namun demikian asas kepada modul ialah *tazkiyatun nafs* iaitu penyucian jiwa. Ini kerana semua klien institusi tersebut adalah kalangan yang terlibat dengan jenayah, dadah dan masalah moral. Kekurangan agama mendorong mereka melakukan salah laku tersebut (Adam Mohamad, 2006; Khadijah Alavi et al, 2013; Shafie, 2006; Zarina & Azlin, 2014). Justeru, modul yang dilaksanakan terhadap klien diharap dapat membersihkan segala kekotoran dan seterusnya membentuk keperibadian dan akhlak yang mahmudah dalam kalangan klien di institusi koreksional. Penyucian jiwa klien juga akan membentuk kekuatan dalaman dan jati diri klien (resiliensi) untuk mendepani cabaran apabila mereka keluar daripada institusi nanti. Ini kerana kelemahan menangkis cabaran luar seperti stigma, ajakan rakan sebaya, persekitaran, pemolakan keluarga, kesukaran mendapat pekerjaan dan lain-lain antara yang menjadi punca residivisme atau relaps.

Modul yang digunakan berteraskan ajaran Islam atau tareqat yang mana antaranya ialah seperti ibadat solat mandi, berzikir, membaca al Quran, aqidah, berdoa dan sebagainya. Modul ini dapat mengembalikan klien kepada ajaran Islam yang sebenar yang menjadi punca klien tersasar melakukan salah laku. Ia juga dapat menjaga hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesame manusia khususnya ibu bapa dan persaudaraan. Ini bertepatan dengan Kamal Abdul Hamid et al (2014) yang mengatakan modul yang diterapkan mampu membina *hablum minnAllah dan hablum minnnas* atau membina hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesame manusia. Kekuatan agama dan spiritualiti mampu menjadi benteng dan kekuatan dalaman klien untuk berhadapan dengan cabaran apabila keluar daripada institusi koreksional kelak (Norrosni Shaari & Noor Azniza Ishak, 2014).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan terhadap institusi koreksional yang menempatkan banduan muda iaitu dibawah umur 21 tahun. Kajian secara kuantitatif ini menggunakan soal selidik berdasarkan Model REDHA-5 yang dibangunkan oleh penyelidik untuk mendapatkan data kajian. Soal selidik dilakukan bertujuan untuk mengukur tahap penerimaan responden terhadap proses intervensi spiritual yang diikuti dalam pusat koreksional. Proses pembangunan soal selidik melibatkan prinsip asas Maqasid Syariah iaitu Dharuriyyah yang lima seperti menjaga agama, akal, nyawa, maruah dan harta. Instrumen selanjutnya telah dinilai oleh pakar bagi tujuan kesahan dan ujian rintis bagi tujuan kebolehpercayaan dengan nilai Crobach Alpha 0.90. Responden kajian yang terlibat adalah seramai 40 orang banduan muda yang dipilih secara bertujuan mewakili empat zon (utara, selatan, timur, barat) dari Sekolah Integriti dan Sekolah Henty Gurney dibawah Jabatan Penjara Malaysia. Soal selidik yang diperolehi di analisis menggunakan SPSS untuk mendapat objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS menunjukkan tahap penerimaan keseluruhan responden berada pada skor sederhana dengan nilai min 3.40. Ini menunjukkan bahawa proses intervensi spiritual yang dilakukan terhadap klien dapat diterima. Proses pemulihan bagi tujuan mengubah klien kepada individu yang positif atau

tazkiyatun nafs. Model REDHA-5 yang dibangunkan berdasarkan Al-Daruriyyah adalah salah satu prinsip yang utama daripada tiga Maqasid Syariah yang tiga iaitu Hajiyyat dan Tahsiniyyat. Prinsip ini melibatkan perkara-perkara yang berada pada tahap amat perlu dalam menegakkan kepentingan agama dan kepentingan dunia (Mahyuddin Abu Bakar, et al 2019). Istilah lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan *Dharuriyyat* antaranya ialah *al-hajah al-asliyyah* (keperluan asas) menurut fuqaha' al-Hanafiyah (mazhab Hanafi) dan juga *had al-Ghina* (tahap kekayaan) (Al-Fanjari, 2010).

Dharuriyyat merupakan keperluan sesuatu masalah yang dihajati sehingga mencapai tahap darurat, di mana satu keadaan yang sangat memerlukan dan mendesak sehingga berada dalam bahaya serta mengancam nyawa seseorang apabila keperluan tersebut tidak tertunai. Dharuriyyat terdiri daripada perkara utama dalam agama yang dikenali sebagai al-daruriyyat al-khamsah, iaitu memelihara agama (ad-din), jiwa (al-nafs), akal (al-'aql), keturunan (al-nasl) dan harta (al-mal) (Izz al-Din 'Abd Aziz Ibn 'Abd al-Salam, t.th.). Perkara-perkara Dharuriyyah al Khams tersebut amat penting dalam kehidupan kerana ketiadaannya akan menyebabkan kerosakan amat besar kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Kelima-lima perkara-perkara tersebut adalah;

- i. Menjaga agama (*Hifz al-Din*)
- ii. Menjaga jiwa/nyawa (*Hifz al-Nafs*)
- iii. Menjaga akal (*Hifz al-aql*)
- iv. Menjaga keturunan (*Hifz al-Nasab*)
- v. Menjaga harta (*Hifz al-Mal*)

Objektif Syariah ini merupakan perkara-perkara ini dianggap penting kerana setiap ketetapan hukum agama (syariat) adalah berdasarkan sebab kepada pentingnya menjaga dan memelihara kelima-lima perkara tersebut. Artikel ini cuba menjelaskan berkaitan Dharuriyyah al Khams ini dalam aspek "*amal makruf nahi munkar*" iaitu menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Contohnya *hifz al Din* atau memelihara agama, Islam memerintahkan (al amr) umatnya melaksanakan kewajipan agama, memelihara akidah daripada terpesong ke arah kesesatan. Sebaliknya melarang (al nahi) keras daripada melakukan perkara yang merosakkan akidah seperti perbuatan syirik, ajaran sesat, murtad dan sebagainya. Justeru dilihat bahawa dalam objektif memelihara agama (*hifz ad din*) terdapat konsep menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dipraktikkan.

Manakala memelihara nyawa pula adalah hak manusia yang Allah S.W.T. kurniakan. Justeru setiap manusia berhak untuk hidup dan hak hidup itu tidak boleh diceroboh oleh orang lain tanpa sebab yang munasabah. Justeru untuk menjaga nyawa manusia Allah S.W.T. melarang perbuatan membunuh orang lain tanpa sebab yang munasabah bertujuan untuk menjaga nyawa manusia daripada dicabul. Justeru Islam mensyariatkan hokum qisas dalam jinayat Islam bagi kesalahan membunuh orang yang tidak bersalah, maka hukuman qisas akan dikenakan terhadap pembunuh (al Baqarah, 178).

Begitu juga agama. Kehidupan manusia mesti dipandu oleh agama sebagai pegangan hidup. Justeru Islam adalah agama Allah Allah S.W.T. yang bertujuan untuk memastikan hidup manusia mengikut landasan yang betul mengikut kehendakNya. Oleh itu perbuatan mengkhianati agama Islam amat dilarang kerana mencemarkan kesucian agama. Perbuatan menghina agama seperti murtad akan dikenakan hukuman yang berat kerana dianggap telah mencemarkan kesucian agama Islam. Keturunan amat penting kepada

kesinambungan zuriat manusia. Dalam konteks menjaga keturunan pula Islam menetapkan perkahwinan yang sah sebagai kaedah untuk mendapatkan zuriat. Perkahwinan amat penting kerana keturunan yang lahir akan terpelihara kesahan susur galur keturunannya (Al-Zuhaily, 2005; Asmadi, 2003).

Begitu juga dengan memelihara maruah melalui perkahwinan akan menyebabkan nafsu manusia dapat disalurkan melalui cara yang diiktiraf oleh Islam. Dalam konteks menjaga harta pula ia bertitik tolak daripada keperluan manusia kepada harta dan sumber untuk menyara hidup. Justeru harta menjadi perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu mencari harta dengan cara yang betul dibenarkan oleh agama. Oleh itu Islam menegah perbuatan mengambil harta seperti mencuri dan sebagainya. Hukuman dikenakan kepada individu yang mengambil harta orang lain dengan cara yang salah.

Menjaga akal juga menjadi salah satu *maqasid al-Syariah* kerana akal adalah kurniaan Allah S.W.T. yang amat besar nilainya. Akal akan memandu manusia menjalani kehidupan berdasarkan panduan agama. Untuk memelihara akal manusia digalakkan menajamkan akal dengan menuntut ilmu. Dalam hal itu syariat melarang perbuatan yang boleh merosakkan fungsi akal seperti meminum minuman yang memabukkan dan seumpamanya.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa intervensi spiritual yang dilakukan terhadap klien banduan muda menunjukkan tahap penerimaan yang sederhana. Ini adalah baik berdasarkan latar belakang keagamaan klien yang jauh daripada amalan agama. Melalui intervensi keagamaan dan spiritual klien lebih mengenali akidah, memahami syariah dan ibadat seperti melakukan solat, puasa, dapat membaca Al Quran, bertaubat, memenuhi kegiatan seharian dengan zikir dan sebagainya. Ini merupakan penyucian jiwa yang cuba diterapkan dalam diri klien secara internal bagi tujuan ketahanan diri dan penyucian diri. Melalui modul keagamaan dan spiritual ketahanan diri berasaskan agama dapat ditingkat sebagai benteng dan mengelakkan daripada residivis dan relaps semula.

RUJUKAN

Al Quran dan Terjemahan.

Abdul Ghani Hj Md Isa (2018). Program Kerohanian Dalam Kalangan Penghuni Penjara Pokok Sena Kedah. Disertasi Sarjana. Universiti Utara Malaysia (Tidak Titerbitkan).

Adam Mohamad (2006). Tingkahlaku Penagihan Semula, Punca-punca Penagihan dan Pemulihan Kerohanian Menurut Perspektif Islam. Tesis Sarjana Fakul Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ibrahim Samad, Jamaluddin Mustafa & Kamal Ab Hamid (2017). Faktor-faktor mempengaruhi residivisme banduan di Penjara Taiping. *Malaysia Correctional Journal*, 1, 58-94.

- Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek, Idris Abdullah, Mazlan Ibrahim, Shofian Ahmad, Kahidzir Ismail & A'dawiyah Ismail (2008). Panduan Pengajian Islam: Meniti Kegemilangan, Bangi: Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.
- Kamal Abdul Hamid, Ibrahim Samad & Jamaludin Mustafa (2014). Kelemahan Diri Residivis Mempengaruhi Masalah Residivisme di Penjara. *Prosiding International Social Development Conference (ISDC2014)*, 629-640
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen & Norulhuda Sarnon (2003). Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8 (2). 1-10.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hadenan Towpek, Nurul Husna Mansor (2015). Program Koreksi Berasaskan Islam Melalui Program Halaqah Sebagai Medium Dakwah Kepada Banduan Di Penjara Kajang. *Al Hikmah Journal of Islamic Dakwah*. 7 (2). 3-22.
- Mahmood Nazar Mohamed (2006). Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagih Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Md Zawawi Abu Bakar, Jamaluddin Mustafa, Siti Rozaina Kamsani & Noor Azniza Ishak (2019). *Kajian Keberkesanan Modul Tazkiyyah Terhadap ODP*. Laporan penyelidikan tidak diterbitkan.
- Md Zawawi Abu Bakar, Jamaluddin Mustafa, Siti Rozaina Kamsani & Noor Azniza Ishak (2021). Penilaian Tahap Kefahaman Dan Keberkesanan Program Tazkiyyah Dalam Kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP) Di Kedah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*. 4 (12), 79 – 90.
- Noor Azniza Ishak, Jamaluddin Mustafa, Kamarudin Ngah & Mohd Hilmi Hamzah (2017). Kefahaman dan penilaian penghuni penjara kawasan utara terhadap Program Pembangunan Insan (PPI) *Malaysia Correctional Journal*, 1, 95-105.
- Noor Azniza Ishak, Siti Rozaina Kamsani, Md Zawawi Abu Bakar, Nur Syakiran Akmal Ismail, Zainuddin Omar & Mohammad Salleh Abdul Ghani (2021). *Pembangunan Indeks Antidadah Kebangsaan (IADK)*. Laporan penyelidikan tidak diterbitkan.
- Norrosni Shaari & Noor Azniza Ishak (2014). Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) Dan Kecerdasan Spiritual (SQ) Ke Atas Tingkah Laku Agresif Pelajar. *Prosiding International Social Development Conference (ISDC2014)*, 154-162,
- Nur Hayati Muhamed (1995). Kolokium Yayasan Mencegah Jenayah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wan Rosili Abdul Majid & Najibah Md Zain, 2015). Isu dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia, 27 *KANUN (1)*. 143-168.
- Zarina Mat Saad & Azlin Hilma Hillaluddin (2014). Kecerdasan Spiritual Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah. *Prosiding International Social Development Conference (ISDC 2014)*, 260-266.

**DARUL HANAN PULAU PINANG:
MODEL PENGURUSAN DAN PENJAGAAN WARGA EMAS MUSLIM
SATU PERKONGSIAN PENGALAMAN.**

Mohd Sanusi Hamdan, Fakhrudin Abd. Rahman & Siti Sarah Yahaya

Darul Hanan Pulau Pinang
(Emel : mohdsanusi6177@yahoo.com, fakhruddin@mainpp.gov.my,
darulhananpenang@gmail.com)

Abstrak

Di Malaysia, Dasar Warga Emas Negara menjangkakan status negara menua iaitu 'Ageing Nation' pada tahun 2030, apabila penduduk usia 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk keseluruhan. Data-data dan dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat warga emas tidak mempunyai tempat tinggal, warga emas terbiar, warga emas gelandangan dan sebagainya yang memerlukan kepada satu usaha dan kesungguhan oleh semua pihak bagi membantu golongan ini mendapat penjagaan dan perlindungan yang komprehensif. Walaubagaimanapun, pusat jagaan warga emas kendalian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seringkali kedengaran berdepan kekangan kewangan untuk menguruskan institusi berkenaan. Kerap kali institusi seperti berdepan cabaran mengumpul dana bagi meneruskan operasi setiap bulan yang akhirnya mengakibatkan perkhidmatan jagaan warga emas tidak dapat dilaksanakan secara komprehensif. Justeru, pembentangan kertas ini adalah untuk menyatakan dan berkongsi satu model pengurusan dan penjagaan warga emas muslim yang komprehensif di dalam institusi yang dikenali sebagai Darul Hanan Pulau Pinang. Kompleks jagaan dan perlindungan warga emas muslim ini dibina di bawah pembiayaan Yayasan Al Bukhary di atas sebahagian tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Kompleks ini boleh menampung jumlah maksima warga emas seramai 150 orang dan mula beroperasi pada 1 Februari 2010. Pernyataan dan perkongsian maklumat di dalam kertas model pengurusan dan penjagaan warga emas muslim ini adalah berdasarkan pengalaman mengurus, mentadbir dan menjaga warga emas di dalam sebuah institusi yang telah menjangkau masa melebihi 13 tahun. Ianya akan merangkumi faktor gaya pengurusan dan penjagaan, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan, aktiviti serta cabaran penjagaan warga emas. Diharapkan pernyataan maklumat dan perkongsian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak tertentu dalam mengendalikan rumah penjagaan warga emas secara komprehensif selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 (Akta 802).

Kata kunci: *Institusi Penjagaan Warga Emas Muslim, penjagaan warga emas, mengurus institusi.*

PENGENALAN

Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara. Menerusi Kenyataan Media bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dilaporkan bahawa peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)

meningkat daripada 7.0 peratus kepada 7.3 peratus bagi tempoh yang sama dan berdasarkan definisi United Nations, Malaysia telah menjadi negara menua. (Majlis Keselamatan Negara : Dasar Keselamatan Negara 2021-2025). Oleh yang demikian, satu usaha yang komprehensif perlu dilakukan untuk memberi perhatian kepada warga emas. Justeru pelbagai pihak perlu berganding bahu membentuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat betapa penting perhatian yang perlu diberi kepada isu warga emas. Perhatian dan kesedaran masyarakat dapat membantu menangani masalah dihadapi warga emas terutama isu-isu yang berkaitan penjagaan warga emas di rumah penjagaan. Isu penjagaan warga emas di dalam sesebuah institusi memerlukan satu model pengurusan dan penjagaan yang komprehensif selari dengan kehendak dan isu semasa yang sedang melanda warga emas di dalam sesebuah masyarakat dan negara. Malaysia juga tidak terlepas dengan isu-isu warga emas termasuk penjagaan kesihatan, keperluan asas, pendapatan dan kewangan, penyertaan sosial integrasi dan keselamatan warga emas. Bertitik tolak dari isu-isu ini, dengan kesedaran yang tinggi maka wujudlah satu model rumah penjagaan warga emas muslim yang diberi nama Darul Hanan Pulau Pinang iaitu satu model pengurusan dan penjagaan warga emas muslim yang komprehensif dan diuruskan oleh satu badan bukan kerajaan (NGO) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Kewujudan rumah jagaan warga emas muslim Darul Hanan Pulau Pinang adalah disebabkan wujudnya isu-isu yang berkait rapat dengan penjagaan warga emas muslim di Pulau Pinang yang tidak berwaris yang suatu ketika banyak ditempatkan di rumah jagaan warga emas bukan muslim. Keadaan ini berlaku kerana pada ketika itu, tidak ada satu rumah atau institusi penjagaan warga emas muslim yang diuruskan oleh sesebuah pertubuhan secara teratur. Dengan tertubuhnya Darul Hanan Pulau Pinang, banyak isu-isu penjagaan warga emas muslim yang tidak berwaris di negeri Pulau Pinang dapat diselesaikan.

LATAR BELAKANG

Kompleks warga emas ini mula dibina pada tahun 2005 di bawah pembiayaan penuh Yayasan Al-Bukhary dengan kos RM13 juta di atas sebahagian tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan siap sepenuhnya pada tahun 2008. Kompleks ini dibina bertujuan untuk penempatan dan penjagaan warga emas muslim yang tiada waris atau waris yang tidak berkemampuan dari segi kewangan (miskin). Tujuan penubuhan kompleks warga emas muslim ini antara lain adalah untuk menguruskan penjagaan dan perlindungan terbaik kepada warga emas muslim yang memerlukan. Ianya bagi mewujudkan pengurusan warga emas berteraskan agama Islam secara cekap dan berkualiti serta meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama Islam kepada warga emas berdasarkan konsep pendidikan sepanjang hayat.

Kompleks ini boleh menampung jumlah maksima warga emas seramai 150 orang. Pada bulan September 2009 Darul Hanan mula melantik kakitangan pengurusan untuk penyediaan kelengkapan penempatan penghuni dan mula beroperasi secara rasmi pada 01 Februari 2010 dengan menerima pengambilan pertama 9 orang iaitu 2 orang penghuni lelaki dari Rumah Orang Tua Lelaki Permatang Tok Gelam, Butterworth, Pulau Pinang dan 7 orang penghuni wanita yang dipindahkan dari Rumah Orang Tua Wanita Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

METODOLOGI

Penulisan dan pembentangan kertas ini adalah berkaitan dengan perkongsian pengalaman dalam menguruskan satu model pusat jagaan warga emas muslim yang komprehensif dari segi perkhidmatan, kemudahan dan penjagaan. Maklumat yang disampaikan di dalam kertas pembentangan ini adalah berdasarkan pengalaman penulis sebagai Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan dan Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan Pulau Pinang selama lebih 13 tahun di samping pengalaman seorang Pengurus Darul Hanan Pulau Pinang dalam mengurus pusat jagaan warga emas muslim Darul Hanan Pulau Pinang selama lebih 13 tahun. Perkongsian pengalaman ini akan tertumpu kepada kaedah pengurusan sebuah institusi penjagaan warga emas yang komprehensif hasil gabungan NGO melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Kaedah pengurusan institusi jagaan ini adalah digerakkan dan dipantau melalui 2 buah Jawatankuasa yang dibentuk di samping pengurusan dan pentadbiran langsung oleh seorang Pengurus dan kakitangan.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DARUL HANAN

Darul Hanan Pulau Pinang diuruskan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di atas nama Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang di bawah naungan MAINPP dan peruntukan tahunan disalurkan melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebanyak RM1.5 juta setahun bagi kos operasi harian termasuk gaji kakitangan. Sumbangan orang ramai juga diterima bagi menampung kos pengurusan yang diperlukan untuk kebajikan penghuni.

Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang digerakkan melalui 2 buah jawatankuasa yang dibentuk bagi menguruskan tempat perlindungan terbaik kepada warga emas muslim yang tiada waris atau waris yang tidak berkemampuan dari segi kewangan (miskin). Dua jawatankuasa yang dibentuk dikenali dengan nama Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan dan Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan.

i. Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan.

Tujuan Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan adalah untuk mengurus tempat perlindungan terbaik kepada warga emas muslim yang memerlukan berteraskan prinsip-prinsip agama Islam secara cekap dan berkualiti. Ianya juga bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama Islam kepada warga emas muslim berdasarkan konsep pendidikan sepanjang hayat.

Peranan Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan adalah sebagai perancang dasar dan memastikan perancangan dasar dilaksanakan secara terbaik dan sistematik bagi menguruskan hal ehwal warga emas, ianya termasuk aspek penjagaan kesihatan, keperluan asas, pendapatan dan kewangan, penyertaan sosial dan integrasi serta keselamatan warga emas. Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan adalah seramai 29 orang yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha yang juga merupakan Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, dan seorang Bendahari yang juga adalah merupakan Akauntan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang serta 25 orang Ahli Jawatankuasa. Seorang anggota Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan dua orang daripada pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah merupakan ahli jawatankuasa tetap dari 25 orang ahli jawatankuasa yang dilantik di

samping 6 orang ahli jawatankuasa tetap berdasarkan jawatan iaitu Pengarah Hospital, Pegawai Kesihatan Daerah, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua Pegawai Eksekutif As-Sahabah Urus Zakat, Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid dan Ketua Balai Polis Daerah (Perlembagaan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas darul Hanan Pulau Pinang). Pelantikan jawatankuasa berdasarkan jawatan secara tetap ini menjadikan Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan cukup mantap dan berkesan dalam merangka, memantau dan melaksana semua aktiviti yang dirancang di Darul Hanan Pulau Pinang. Semua Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan ini dilantik setiap 2 tahun melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

ii. Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan

Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan adalah badan yang melantik Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan. Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari serta 11 orang Ahli Jawatankuasa. Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan adalah terdiri daripada individu yang profesional dan berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Jadual 1

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan Pulau Pinang 2022-2024

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	PEKERJAAN / AGENSI
1	PENGERUSI	Y.BHG. DATO' HAJI SAZALI BIN HAJI HUSSEIN	PESARA KERAJAAN
2	SETIAUSAHA	Y.BHG. DATO' HAJI SAMSUDIN BIN BAKAR	SETIAUSAHA MAINPP
3	BENDAHARI	MOHD FAZLY BIN MOHD ZAKI	AKAUNTAN MAINPP
4	AHLI J/KUASA	TUAN HAJI AHMAD FAHMI BIN A BAKAR	GURU
5	AHLI J/KUASA	ENCIK FADZLEE BIN DAIE	GURU
6	AHLI J/KUASA	DATO' HAJI AMRAN BIN HAZALI	CEO ZPP
7	AHLI J/KUASA	TUAN HAJI KAMAL BIN HAJI SAID	KETUA UNIT PENGURUSAN DANA WAKAF MAINPP
8	AHLI J/KUASA	ENCIK NAZMI BIN ABD SHUKOR	PENGARAH BIRO PENGADUAN AWAM WILAYAH UTARA
9	AHLI J/KUASA	ENCIK MOHD SANUSI BIN HAMDAN	PEGAWAI KERJA SOSIAL PERUBATAN HSB
10	AHLI J/KUASA		PEGAWAI JKM DAERAH SPU
11	AHLI J/KUASA	DR SAFARI BIN KASHMIRAN	DOKTOR
12	AHLI J/KUASA	TUAN HAJI FAKHRUDDIN BIN ABD RAHMAN	KETUA BAHAGIAN MAINPP
13	AHLI J/KUASA	ENCIK MOHAMAD TAUPIK BIN HAJI MOHAMAD NOR	AHLI PERNIAGAAN
14	AHLI J/KUASA	TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN IBRAHIM NAINA	AKTIVIS MASYARAKAT

Fungsi Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan ialah mengelola, mengaturkan kerja-kerja harian pengurusan operasi, aktiviti-aktiviti Darul Hanan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan pengurusan Darul Hanan mengikut dasar yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Tahunan Badan Kebajikan Darul Hanan. Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan bertanggungjawab di dalam segala urusan


tadbir urus kompleks serta penjagaan warga emas muslim dan akan membentangkan laporan aktiviti dan kewangan beraudit di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Badan Kebajikan Darul Hanan. Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan Badan Kebajikan Darul Hanan. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat setiap 3 bulan.

iii. Struktur Pentadbiran dan Pengurusan Darul Hanan Pulau Pinang

Carta 1 menunjukkan struktur Organisasi Pengurusan dan Pentadbiran Darul Hanan Pulau Pinang. Pentadbiran dan pengurusan harian Darul Hanan Pulau Pinang di ketuai oleh seorang Pengurus yang dilantik oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan. Pentadbiran dan Pengurusan Darul Hanan Pulau Pinang berteraskan 5 unit utama iaitu Pentadbiran dan Kewangan, Kesihatan, Hal Ehwal Penghuni, Hal Ehwal Islam dan Keselamatan. Kedudukan dan jumlah kakitangan Darul Hanan Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada Jadual 2 di bawah.

Carta 1

Carta Organisasi Darul Hanan Pulau Pinang.



Jadual 2*Kakitangan Darul Hanan Pulau Pinang*

UNIT	JAWATAN	JUMLAH
PENGURUSAN	PENGURUS	1
PENTADBIRAN KEWANGAN	PEN. PEGAWAI KEWANGAN DAN PENTADBIRAN	1
PENTADBIRAN KEWANGAN	PEMBANTU KEWANGAN	1
PENTADBIRAN KEWANGAN	PEMBANTU AM / TUKANG KEBUN	1
KESIHATAN	JURUPULIH ANGGOTA (FISIOTERAPI)	2
HAL EHWAL PENGHUNI	PENYELIA	2
HAL EHWAL PENGHUNI	PEMBANTU PENYELIA ASRAMA LELAKI	12
HAL EHWAL PENGHUNI	PEMBANTU PENYELIA ASRAMA WANITA	18
HAL EHWAL PENGHUNI	TUKANG MASAK	2
HAL EHWAL PENGHUNI	PEMBANTU TUKANG MASAK	3
HAL EHWAL PENGHUNI	PEMBANTU PEMBERSIHAN	2
HAL EHWAL ISLAM	IMAM	1
KESELAMATAN	OUT SOURCE	1
JUMLAH		46

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Kemudahan dan prasarana yang disediakan di Darul Hanan Pulau Pinang adalah meliputi 4 bangunan asrama yang selesa termasuk 1 bangunan asrama bagi pesakit terlantar, 1 blok bangunan pentadbiran dan 6 unit kuarters kakitangan. Jadual 3 menunjukkan kemudahan yang disediakan di Darul Hanan Pulau Pinang.

Perkhidmatan menjaga dan mengurus warga emas di Darul Hanan Pulau Pinang adalah 24 jam sehari oleh kakitangan yang terlatih. Warga emas di Darul Hanan Pulau Pinang menikmati sajian makanan sebanyak 6 kali sehari. Perkhidmatan lain yang tersedia di Darul Hanan Pulau Pinang termasuk perkhidmatan fisioterapi, kuliah pengajian agama Islam, perkhidmatan dobi, aktiviti riadah, rawatan kesihatan dan perubatan serta kemudahan internet.

Jadual 3*Kemudahan di Darul Hanan Pulau Pinang*

Blok Bangunan	Jumlah Bilik
Blok Asrama Sihat A	7
Bilik Riadah	1
Blok Asrama Sihat B	6
Bilik Pakaian	1
Bilik Riadah	1
Blok Asrama Sihat C	7
Bilik Riadah	1
Blok Asrama Sihat D	5
Bilik Riadah	1
Anjung Terapi	2
Sudut Warga Emas Siber	1
Blok Asrama Terlantar E	6
Blok PAWE	1
Mini SPA	1
Mini Gymnasium	1
Mini Koperasi	1
Home Stay	1
Dewan Besar Terbuka	1
Dewan makan	1
Bilik Seminar	1
Surau	1
Bilik Mesyuarat	1
Blok Pentadbiran	1

SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan utama Darul Hanan Pulau Pinang bagi perbelanjaan mengurus adalah melalui peruntukan tahunan MAINPP melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP). Peruntukan ini di mulakan sejak tahun 2009 dengan jumlah permulaan sebanyak RM500,000.00. Berdasarkan jadual 4 peruntukan tahunan dari Zakat Pulau Pinang ini meningkat dari tahun ke setahun sehinggalah pada tahun 2023 mencecah RM2,500,000.00. Peruntukan ini termasuk kos penjagaan dan operasi harian serta gaji kakitangan Darul Hanan Pulau Pinang.

Darul Hanan Pulau Pinang juga menerima sumbangan dari orang ramai termasuk badan-badan korporat, agensi kerajaan dan orang perseorangan bagi menampung kos pengurusan yang diperlukan untuk kebajikan warga emas.

Jadual 4

Peruntukan tahunan Zakat Pulau Pinang dari tahun 2009 sehingga tahun 2021.

Tahun	Jumlah peruntukan.
2009	RM500,000.00
2010	RM500,000.00
2011	RM500,000.00
2012	RM500,000.00
2013	RM600,000.00
2014	RM600,000.00
2015	RM600,000.00
2016	RM700,000.00
2017	RM1,041,000.00
2018	RM1,100,000.00
2019	RM1,120,289.00
2020	RM1,268,500.00
2021	RM1,500,000.00
2022	RM2,500,000.00
2023	RM2,500,000.00

KEPUTUSAN

Sepanjang tempoh operasi Darul Hanan Pulau Pinang yang bermula secara rasmi pada 01 Februari 2010 hingga Julai 2023, Darul Hanan Pulau Pinang telah menjaga dan mengurus warga emas muslim seramai 995 orang.

Berdasarkan jadual 5 data menunjukkan jumlah warga emas muslim yang dijaga dan diurus di Darul Hanan Pulau Pinang meningkat dari setahun ke setahun. Bermula dengan jumlah seramai 32 orang warga emas muslim setahun pada tahun 2010 iaitu tahun pertama beroperasi ianya telah meningkat kepada 114 orang sehingga Julai 2023. Data ini menunjukkan berlaku peningkatan jumlah sebanyak 256%. Situasi ini dapat menunjukkan bahawa kewujudan rumah penjagaan warga emas muslim terutama yang tidak berwaris amat diperlukan. Keadaan ini berlaku seiring dengan perubahan yang sedang berlaku di dalam masyarakat, negara dan bahkan di seluruh dunia. Banyak faktor yang mempengaruhi keadaan ini berlaku. Antara faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada peningkatan jumlah penghuni di Darul Hanan Pulau Pinang dalam tempoh lebih 13 tahun ialah faktor pengabaian termasuk faktor psikologi, fizikal, kewangan dan juga penganiayaan terhadap harta warga emas. Faktor-faktor yang dikenalpasti ini adalah selari dengan beberapa kajian yang telah dilakukan. Menurut Khadijah Alavi et al. (2011) melalui kajiannya menjelaskan bahawa konsep pengabaian fizikal adalah berkaitan dengan keganasan yang dilakukan terhadap warga emas secara fizikal sama ada oleh anak-anak, penjaga atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam melindungi dan menjaga warga tua. Antara bentuk pengabaian adalah seperti kurang perhatian, kurang penjagaan personal atau peribadi.

Jadual 5

Jumlah penghuni semasa mengikut tahun di Darul Hanan Pulau Pinang.

2010 - 2023	TAHUN														JUMLAH H
	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	
Bilangan Penghuni	32	36	38	48	56	57	70	90	86	86	93	80	109	114	995

Berdasarkan jadual 6 kejayaan yang membanggakan bagi pihak pengurusan Darul Hanan Pulau Pinang sepanjang tempoh lebih 13 tahun menjaga dan mengurus warga emas muslim, ialah berjaya mengembalikan warga emas yang dijaga dan diurus ke pangkuan keluarga melalui tindakan mengesan dan mempertemukan waris semula. Dilihat pada jadual 5 ia menunjukkan sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 2023 seramai 118 orang berjaya dikembalikan kepada saudara mara dan keluarga. Kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh model pengurusan dan penjagaan yang komprehensif yang diamalkan di Darul Hanan Pulau Pinang. Antaranya termasuklah melalui beberapa program seperti riadah yang berterusan dan aktiviti yang melibatkan kerohanian (keagamaan) yang dapat membantu menimbulkan kembali rasa kekitaan dan keselamatan, memberikan kelegaan emosi, membantu menilai semula situasi terhadap warga emas. Aneesa et al. (2019) menyatakan terdapat empat peranan penting untuk sokongan sosial warga emas, iaitu menimbulkan rasa kekitaan dan keselamatan, memberikan kelegaan emosi, membantu menilai semula situasi serta memfasilitasi penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Peranan inilah yang cuba dan telah dilakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan bagi mewujudkan sokongan sosial yang berstrategi dan bermatlamat untuk warga emas di Darul Hanan Pulau Pinang. Sokongan sosial yang berstrategi dan bermatlamat ini telah dapat membantu menjadikan mereka lebih berkeyakinan untuk meneruskan hidup lebih sempurna Di Darul Hanan Pulau Pinang.

Jadual 6

Statistik warga emas Darul Hanan Pulau Pinang dapat kembali tinggal bersama saudara atau keluarga terdekat.

2010 - 2023	TAHUN														JUMLAH
	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	
Kembali tinggal Bersama saudara	0	1	4	4	3	5	3	15	3	11	21	8	22	18	118

Pencapaian dan impak melalui model pengurusan dan penjagaan warga emas muslim

Darul Hanan Pulau Pinang berjaya dijadikan sebagai pusat jagaan yang terbaik dengan memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas Islam yang memerlukan terdiri daripada golongan asnaf, tidak mempunyai waris dan turut membantu warga emas yang mempunyai waris. Ini dibuktikan melalui lawatan-lawatan sambil belajar yang dilakukan oleh beberapa agensi dari dalam dan luar negara untuk mempelajari berkaitan model pengurusan dan penjagaan warga emas muslim yang dilaksanakan di Darul Hanan Pulau Pinang. Antara lawatan yang telah dilakukan oleh pihak agensi ialah antaranya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Yayasan Nur Jauhar dari negeri Sabah serta pusat jagaan swasta seluruh Malaysia. Darul Hanan Pulau Pinang juga telah menjadi pusat untuk Latihan Industri bagi pelajar Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PH.D dari universiti dalam negara. Darul Hanan Pulau Pinang pernah menerima kunjungan daripada pensyarah universiti luar negara seperti Autralia dan Jepun bagi melihat sendiri model pengurusan dan penjagaan warga emas.

Pada tahun 2019 Darul Hanan Pulau Pinang telah menerima lawatan secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato' Seri Wan Azizah Bt Wan Ismail. Pada tahun 2022 Darul Hanan Pulau Pinang juga telah menerima kunjungan rasmi dari Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Tanggal 7 April 2023 telah menjadi detik bersejarah bagi Darul Hanan Pulau Pinang apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah mencemar duli untuk hadir bagi merasmikan Kompleks Darul Hanan Pulau Pinang.

Lawatan dan kunjungan rasmi ini merupakan suatu pengikhtirafan kepada Darul Hanan Pulau Pinang sebagai satu model institusi pengurusan dan penjagaan warga emas muslim komprehensif yang dikendalikan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

PERBINCANGAN

Pernyataan dan perkongsian maklumat di dalam kertas model pengurusan dan penjagaan warga emas muslim ini adalah berdasarkan pengalaman mengurus, mentadbir dan menjaga warga emas di dalam sebuah institusi yang telah menjangkau masa melebihi 13 tahun melalui sebuah badan bukan kerajaan (NGO). Perkara pokok yang mahu disampaikan di dalam perkongsian ini adalah berkaitan satu model institusi penjagaan dan mengurus warga emas muslim melalui sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang didaftarkan sebagai Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang dan di kenali sebagai Darul Hanan Pulau Pinang. NGO ini adalah di bawah naungan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). MAINPP tidak terlibat secara langsung dalam mengurus dan mentadbir institusi ini sebaliknya tanggungjawab mengurus dan mentadbir dilaksana melalui 2 jawatankuasa dibentuk yang dikenali sebagai Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan dan Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan berdasarkan Perlembagaan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang. Dua jawatankuasa ini mempunyai kuasa melantik struktur organisasi tetap pengurusan operasi harian Darul Hanan Pulau Pinang yang diketuai oleh seorang Pengurus dan kakitangan.

Walaupun pihak MAINPP tidak terlibat secara langsung di dalam mengurus dan mentadbir Darul Hanan Pulau Pinang tetapi struktur Perlembagaan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang telah menetapkan bahawa Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang dilantik adalah sebagai Setiausaha Badan Kebajikan Darul Hanan dan juga Akauntan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang dilantik adalah sebagai Bendahari Badan Kebajikan Darul Hanan sementara seorang anggota Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan dua orang pegawai Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang juga merupakan ahli jawatankuasa tetap yang perlu ada di dalam Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan. Kaedah ini menyatakan bahawa walaupun Darul Hanan Pulau Pinang adalah merupakan sebuah NGO yang mengurus dan mentadbir sebuah rumah jagaan warga emas tetapi pada masa yang sama MAINPP dapat memantau, mengawal dan berhubungan secara terus perjalanan pengurusan dan pentadbiran Darul Hanan Pulau Pinang melalui kaedah lantikan jawatankuasa yang ditetapkan dalam Perlembagaan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang.

Darul Hanan Pulau Pinang yang diwujudkan sebagai sebuah badan NGO yang dinaungi MAINPP bagi mengurus dan menjaga warga emas muslim mempunyai beberapa kelebihan dan impak antaranya dengan kolaborasi di antara pegawai-pegawai dari MAINPP termasuk Setiausaha, akauntan dan anggota majlis agama Islam negeri bersama dengan beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain dapat membuat dasar dan tindakan serta keputusan yang tepat, cepat dan sesuai dalam menangani isu-isu warga emas muslim yang tiada waris atau waris yang tidak berkemampuan di negeri Pulau Pinang. Perancangan berkaitan penjagaan dan pengurusan warga emas muslim yang tidak berwaris di Pulau Pinang kini banyak diuruskan oleh Darul Hanan Pulau Pinang dan ianya membantu mengurangkan beban tanggungjawab oleh pihak MAINPP. Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Darul Hanan dan Jawatankuasa Pengurusan Darul Hanan memberi komitmen yang tinggi dalam merangka dasar dan tindakan berkaitan isu-isu warga emas muslim di negeri Pulau Pinang adalah atas dasar khidmat secara sukarela dan bukan atas dasar kewangan atau sebarang keuntungan. Kewujudan Darul Hanan Pulau Pinang sebagai sebuah NGO juga memberi ruang kemudahan kepada orang perseorangan, pihak korporat dan swasta yang ingin turut bersama membantu dalam isu-isu penjagaan warga emas melalui sumbangan dana kewangan menjadi lebih mudah.

KESIMPULAN

Pendekatan pintar dengan membentuk sebuah NGO yang dikenali sebagai Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang bagi mengurus dan mentadbir sebuah kompleks penjagaan warga emas di bawah naungan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah membuahkan kejayaan. Kini rumah penjagaan warga emas muslim ini sering dilawati dan dijadikan tempat rujukan untuk pembelajaran dan contoh bagi pengurusan terbaik rumah penjagaan dan perlindungan. Akhir sekali artikel ini diharap dapat membuka mata masyarakat bahawa di Malaysia telahpun wujud satu institusi penjagaan warga emas muslim yang komprehensif dan selesa serta berjaya dan mampu memberi gambaran kepada masyarakat terhadap perubahan operasi rumah penjagaan warga emas masa kini.

RUJUKAN.

Aneesa Ahmad Saifuddin, Lian, C. T., Chong, L.P. & Bonn, G. (2019). *Examining social support and its relation to worry in Malaysia*. *Journal of Pacific Rim Psychology* 13e25 1-11.

Garis Panduan Dan Kaedah-Kaedah Pengurusan: *Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang*.

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan. 2011. *Keperluan Sokongan Emosional dalam Kalangan Anak Dewasa yang menjaga Warga Tua*. *Jurnal E- Bangi*. Volume 6, Number 1, 102- 114. ISBN: 1823-884x

Majlis Keselamatan Negara Negeri Pulau Pinang, DKN 2021-2025. *Negara tua 2030: persediaan prasana minda dan fizikal warga emas*.

Perlembagaan Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang.

KESAN KEMISKINAN TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEMASA PANDEMIK COVID-19

Muhammad Hafizuddin Eusof & Zakiyah Jamaluddin

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia

(Emel : muhdhafizeusof489@gmail.com, zakiyah@uum.edu.my)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesan kemiskinan keluarga terhadap pencapaian akademik anak-anak sewaktu pandemik Covid-19. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Labis, Segamat, Johor Darul Takzim. Peserta kajian yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai empat orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 6, Sekolah Menengah Kebangsaan Labis. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu, cara pengumpulan data tersebut adalah melalui kaedah temu bual separa struktur. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa masalah kemiskinan keluarga telah memberikan kesan secara langsung atau tidak langsung ke atas pencapaian akademik anak-anak. Antara tema bagi kesan kemiskinan yang berjaya dikeluarkan adalah masalah kewangan, kekurangan alatan pembelajaran dan kemerosotan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, dalam kertas kerja ini penyelidik hanya memfokuskan kepada tema kemerosotan pencapaian akademik. Beberapa cadangan kajian seperti penglibatan bantuan rakan sebaya secara holistik, menyediakan latihan perniagaan dan keusahawanan kepada keluarga B40, penyediaan cara pembelajaran yang lebih proaktif kepada anak-anak serta memperluaskan program bantuan persekolahan semasa pandemik Covid-19.

Kata kunci: Kemiskinan, pandemik Covid-19, pencapaian akademik

PENGENALAN

Wabak Coronavirus atau lebih dikenali sebagai MERS CoV 19 telah mencetuskan suatu peristiwa hitam kepada seluruh dunia termasuklah Malaysia. Bermulanya episod hitam penyebaran wabak Covid-19 adalah pada 25 Januari 2020 apabila Malaysia merekodkan satu kes import yang mempunyai sejarah perjalanan pulang daripada Wuhan, China (Shah et al., 2020). Tidak lama kemudian, pada tanggal 3 Februari 2020, seorang rakyat Malaysia telah didapati positif wabak Covid-19 dan telah diasingkan serta diberi rawatan (Shah et al., 2020). Lantaran daripada itu, kes-kes harian di Malaysia mulai menunjukkan trend peningkatan sehingga ke hari ini. Malahan Kementerian Kesihatan Malaysia (2021), telah merekodkan sejumlah 13215 kes harian Covid-19 sehingga 15 Julai 2021 yang mana ia juga kes tertinggi sejak pandemik melanda negara. Pandemik Covid-19 ini juga telah mempengaruhi dan mengganggu pelbagai aspek kehidupan masyarakat dari segi pekerjaan, pendidikan dan aktiviti sosial, khususnya kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Berdasarkan perincian yang dikongsikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), golongan B40 adalah merupakan kelompok yang paling bawah sekali dalam hierarki kumpulan isi rumah di Malaysia. Jumlah pendapatan kumulatif yang telah ditakrifkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020 adalah sekitar RM 4850

sebulan. Akibat daripada desakan kehidupan yang terlalu mencengkam, kelompok keluarga kelas bawahan iaitu B40 akan terhimpit dengan masalah kemiskinan. Akibat daripada desakan hidup yang tinggi, pelbagai perkara untuk meneruskan kehidupan sukar untuk dipenuhi. Hal ini juga telah memberikan impak kepada corak pendidikan anak-anak yang masih bersekolah tatkala ibu bapa sedang dihimpit dengan permasalahan ekonomi keluarga yang buruk. Situasi itu ini mampu memberika impak atau implikasi yang buruk terhadap tahap pencapaian akademik anak-anak.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi aktiviti temu bual bagi mendapatkan maklumat daripada peserta kajian. Berdasarkan kepada Jasmi (2012), kaedah kualitatif merupakan kaedah dalam mendapatkan maklumat dan huraian yang lebih padat tentang sesuatu permasalahan, tingkah laku, keadaan dan sebagainya. Penggunaan kaedah kualitatif ini adalah lebih relevan kerana ia bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dirangka. Peserta kajian ini adalah seramai empat orang pelajar tingkatan enam aliran sastera dan ekonomi. Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Labis, Johor. Mereka terdiri daripada keluarga B40 dan pencapaian akademik yang tidak memberangsangkan iaitu Cummulative Grade Points Average (CGPA) bawah daripada 2.50. Temu bual yang dijalankan adalah secara maya oleh kerana pada ketika itu pertemuan secara bersemuka perlu dikurangkan untuk mengelakkan masalah jangkitan wabak Covid-19. Penyelidik menggunakan platform Webex dan juga Google Meet bagi proses temu bual secara dalam talian. Analisis data telah dijalankan dengan bertujuan untuk menerangkan data serta meringkaskan data yang diperolehi melalui hasil temu bual. Selepas melakukan sesi temu bual bersama dengan peserta kajian, penyelidik melakukan proses menulis verbatim. Proses seterusnya diikuti dengan Proses transkripsi iaitu proses menyalin maklumat yang diperolehi melalui kaedah temu bual bersama dengan peserta kajian untuk dianalisis data tersebut. Berdasarkan kepada proses transkripsi dan juga verbatim yang dijalankan, penyelidik dapat mengeluarkan beberapa tema yang diberikan tumpuan. Tema yang diperolehi ini adalah hasil daripada jawapan yang diberikan oleh para peserta berkenaan dengan perkara-perkara yang ingin dikaji oleh penyelidik.

HASIL KAJIAN

Peserta kajian

Kesemua peserta kajian merupakan pelajar tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Labis, Johor. Keempat-empat peserta kajian terdiri daripada seorang lelaki dan tiga orang perempuan. Penyelidik telah memilih mereka berdasarkan kepada kriteria dan ekonomi keluarga serta pencapaian akademik semasa kesemua peserta kajian. Kesemua peserta kajian diberikan nama samara bagi menjaga etika kerahsiaan.

Jadual 1*Profil peserta kajian*

Peserta kajian	Nama peserta kajian	Umur	Tahap pendidikan	Pekerjaan keluarga
R1	Farah	18 tahun	Tingkatan enam (sastera)	Ayah berniaga air di pasar malam. Ibu suri rumahtangga
R2	Aina	18 tahun	Tingkatan enam (ekonomi)	Ayah telah meninggal dunia Ibu sebagai pengasuh kanak-kanak
R3	Man	18 tahun	Tingkatan enam (sastera)	Ayah bekerja di sektor kerajaan Ibu suri rumahtangga
R4	Ira	18 tahun	Tingkatan enam (sastera)	Ayah telah meninggal dunia Ibu berniaga sate di rumah.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga tema yang mewakili kesan kemiskinan keluarga iaitu masalah kewangan yang terjejas, kekurangan alatan pembelajaran dan pencapaian akademik merosot. Tetapi, untuk penulisan kertas kerja ini, penyelidik memfokuskan kepada aspek kemerosotan pencapaian akademik sahaja. Setiap peserta kajian yang dipilih dan ditemubual ini mempunyai latar belakang serta struktur ekonomi keluarga yang kurang baik. Keluarga mereka sedang dihimpit dengan masalah ketidakstabilan sosioekonomi keluarga. Dalam pada masa yang sama, mereka perlu membesarkan dan memberikan pendidikan kepada anak-anak tatkala pandemik Covid-19 melanda Malaysia. Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan terhadap keempat-empat orang peserta kajian ini, masalah kemiskinan keluarga telah memberikan kesan kepada merosotnya pencapaian akademik peserta kajian.

Apabila ketiadaan sistem kewangan yang stabil dan kukuh, hal tersebut telah memberikan kesan yang mendalam terhadap prestasi akademik peserta kajian. Norma baharu telah menjadikan segala aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) berubah 180 darjah. Lantaran daripada itu, sistem kewangan yang kukuh diperlukan untuk membeli serta melengkapkan segala keperluan alatan pembelajaran. Hasil temu bual mendapati bahawa, keputusan prestasi akademik setiap peserta kajian jatuh dan merosot. Menurut Farah, Aina, Man dan Ira, mereka mengatakan bahawa punca kemerosotan prestasi akademik datangnya daripada keperluan pembelajaran yang tidak mencukupi serta dipengaruhi oleh sebab-sebab lain. Hal ini disokong melalui hasil temu bual yang dijalankan bersama dengan peserta kajian.

“...Sekarang ni pun macam dah tak berapa sangat saya rasa pun pencapaian saya takdelah turun mendadak tapi macam saya tak dapatlah capai macam tahap maksimum yang saya nak.”

“Yang boleh mempengaruhi prestasi tu yang pertama...dari segi nak belajar tulah sebab...internet tak cukup, lepas tu terpaksa kongsi “laptop” dengan adik-beradik yang lain lah.”

(Farah)

“Sejujurnya aaa turunlah, lagi-lagi masa sem dualah. Masa tu tahun 2020 yang tak silap aku, ehh betullah tahun 2020 yang PKP tu kan. “Internet” yang tak okay..lepas tu aku memang belajar “online” lepas tu tak fokus...”

(Aina)

“Haa yer berkaitan dengan diri aku. Dari segi prestasi pelajaran aku aaa bagi aku mmm agak menurunlah...”“Data tak cukup, tu jerlah. Kadang-kadang ada cikgu yang bagi video kita kena “download”, kadang aku punya data tak cukup untuk “download”. Tu aku rasa “side effect” punca “result exam” aku jatuh.”

(Man)

“Bagi aku macam merosot sedikit.” “Okay ni “first time” kita belajar “online” kan? Sebab sebelum ni memang tak pernah jadi belajar “online” ni. Jadi bila aku terpaksa belajar “online” ni kan memang banyak susah dia. “Problem” yang aku kena hadap waktu belajar “online” ni “line internet”. Macam aku ni “problem” aku ni dekat rumah ini ada “internet” tapi line memang tak kuat. Nak buat kelas, nak masuk apa-apa program ke yang melibatkan online ni memang jadi masalah untuk aku.”

(Ira)

Antara permasalahan lain yang menyumbang kepada kemerosotan keputusan akademik dipengaruhi oleh faktor persekitaran serta diri sendiri. Hasil temu bual mendapati bahawa Aina dan Man telah dipengaruhi oleh masalah persekitaran. Menurut Aina, beliau tidak memberikan perhatian semasa kelas berlangsung serta gagal untuk fokus kepada pelajarannya apabila terlalu ikutkan ajakan rakan sebaya. Manakala bagi Man pula berkata bahawa beliau tidak mampu untuk memberikan perhatian yang terbaik apabila tidak dapat belajar secara fizikal atau bersemuka. Beliau mengatakan bahawa, sukar melakukan perbincangan dan berkomunikasi secara bersemuka bersama dengan guru dan rakan sekelas. Tetapi, bagi Farah dan Ira, kejatuhan keputusan akademik mereka tidak dipengaruhi oleh faktor lain selain daripada masalah peralatan pembelajaran yang tidak mencukupi. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh Aina dan Man melalui temu bual yang dijalankan.

“Haa susah nak fokus, lepastu pengaruh kawan-kawan jugalah.”“Masing-masing ajak keluar jer, lepas tu bila tanya member kau buat tak kerja ni kau buat apa kerja ni, lepas tu bila dapat tahu rupanya tak buat. Banyak mainlah.”

(Aina)

“Haa yer berkaitan dengan diri aku. Dari segi prestasi pelajaran aku aaa bagi aku mmm agak menurunlah sebab belajar secara online ni dia kurang efektiflah bagi aku sebab aku lebih prefer untuk “face-to-face” dengan cikgu. Kalau “face-to-face” ni akan macam ada komunikasi dua hala lah, maknanya boleh tanya cikgu secara “direct”. Tapi kalau “face-to-face” ini juga dia punya “environment” ni pun lain dan tak perlulah keluarkan duit yang banyak untuk beli gajet ataupun kelengkapan kelas ni.”

(Man)

Pencapaian akademik dalam kalangan pelajar perlu dinilai sewaktu era pandemik mahupun sebelum itu. Penilaian prestasi pembelajaran ini adalah sangat perlu bagi memastikan mereka mendapat input hasil daripada pembelajaran. Pada kebiasaannya, sebelum wabak covid-19 melanda, pencapaian akademik para peserta kajian ini tidak begitu baik. Perkara ini telah dipengaruhi oleh beberapa elemen-elemen lain seperti faktor persekitaran, faktor rakan dan sebagai yang membuatkan mereka tidak mencapai target yang baik dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana, sewaktu penyelidik memperoleh data berkenaan latar belakang pendidikan peserta kajian, didapati bahawa mereka sudah mempunyai rekod pencapaian akademik yang tidak memberangsangkan. Senario seperti ini menjadi lebih buruk apabila para pelajar tidak mendapatkan hak pendidikan yang sempurna di dalam normal pembelajaran baru ini. Keadaan menjadi lebih teruk, apabila keluarga mereka diuji dengan masalah kemiskinan dan juga isu kewangan. Keluarga tidak dapat memenuhi segala kehendak pembelajaran terkini sehingga terdapat peserta kajian yang tercicir pelajarannya. Lantaran daripada itu, perkara ini telah mengganggu pencapaian akademik pelajar sewaktu mengikuti pembelajaran secara dalam talian

PERBINCANGAN

Masalah kemiskinan yang ditonjolkan melalui kajian ini telah menyebabkan beberapa jenis perkara berlaku iaitu salah satunya kemerosotan prestasi akademik pelajar. Menurut hasil temu bual yang dijalankan, terdapat keluarga yang terpaksa menyekat pelbagai perkara dan terpaksa melebihi sesuatu perkara lain sehingga aspek pendidikan anak-anak terganggu. Pembelajaran adalah merupakan suatu elemen yang sangat penting untuk memastikan seseorang itu mampu mengecapi kejayaan dalam hidup. Tanpa pendidikan, agak sukar seseorang itu untuk mengorak langkah dalam melakukan sesuatu perkara demi mengecapi kehidupan yang aman dan selesa. Kemiskinan yang membelenggu keluarga akan menyebabkan anak-anak tidak mendapatkan akses pendidikan yang sempurna. Tambahan lagi, kemiskinan telah menyebabkan ibu bapa tidak dapat menyediakan kawasan persekitaran dan penempatan selesa untuk merangsang minat belajar mereka di rumah.

Hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik telah membuktikan bahawa masalah kemiskinan dari sudut kewangan telah memberikan suatu tamparan yang buruk terhadap prestasi akademik anak-anak. Keluarga yang mengalami masalah kewangan ini datang daripada golongan keluarga B40. Masalah kewangan yang dihadapi oleh peserta kajian telah menyebabkan pelbagai perkara lain terganggu terutamanya dalam isu pencapaian akademik. Sebagaimana yang dikongsikan oleh peserta kajian, masalah kewangan ini berpunca daripada kehilangan sumber pendapatan tetap bagi kegunaan harian. Kenyataan ini disokong melalui karya Tamuri et al. (2005) yang menyatakan bahawa masalah kemiskinan yang mengganggu proses pencapaian akademik anak-anak berpunca daripada

faktor dalaman dan luaran. Keluarga miskin tidak mempunyai sumber dana yang mencukupi dalam memenuhi kehendak pembelajaran anak-anak dari segi barangan keperluan pembelajaran, yuran pendidikan dan sebagainya. Alatan bantuan pembelajaran yang kurang akan mengakibatkan anak-anak tidak mempunyai input pendidikan yang baik. Mereka terlepas dalam pelbagai perkara seperti maklumat tentang pembelajaran, tidak mampu untuk mendapat ilmu, kurang berdaya saing dan sebagainya.

Pada masa yang sama, kesan kemiskinan keluarga telah menyebabkan prestasi akademik anak-anak menjadi merosot. Ibu bapa tidak dapat menyediakan kemudahan yang baik kepada anak-anak telah mengakibatkan mereka sukar untuk memberikan tumpuan kepada pelajaran. Anak-anak akan terasa diabaikan, tidak selesa menjalani pembelajaran di rumah dan tertekan. Akibat daripada itu, anak-anak mereka tidak berjaya dalam mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Kesan masalah kemiskinan sehingga boleh menjejaskan prestasi akademik anak-anak selari dengan kajian Hamdan dan Che Soh @Yusoff (2018). Karya ini mengatakan bahawa keluarga yang miskin telah mengakibatkan mereka tidak dapat menyediakan keperluan makanan untuk tumbesaran anak-anak. Makanan yang kurang akan menyebabkan anak-anak kelaparan dan tidak dapat nutrisi yang baik untuk tumbesaran minda. Selain itu, karya ini mengatakan bahawa faktor kos pendidikan yang tinggi telah menyebabkan anak-anak tidak mendapat pendidikan yang berterusan dan baik.

Medium atau perantaraan pembelajaran adalah sangat penting untuk memastikan kelancaran pelajar atau anak-anak semasa menimba ilmu. Peralatan alat bantu mengajar seperti komputer riba, gajet dan juga capaian internet yang baik memerlukan kos yang agak besar. Sudah semestinya, keluarga daripada golongan B40 atau yang sedang dihipit dengan masalah kemiskinan agak sukar untuk mengadakannya kepada anak-anak. Tambahan pula, faktor penularan wabak Covid-19 telah menyebabkan keperluan untuk menyediakan kelengkapan ini sudah menjadi suatu kewajipan. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, penyelidik menyokong kajian yang dihasilkan oleh Mupa dan Chinooneka (2015). Mereka mengatakan bahawa, keluarga yang tidak mempunyai struktur ekonomi yang baik sukar untuk memenuhi keperluan pembelajaran anak-anak. Seperti yang dinyatakan pelajar yang tidak mempunyai keperluan buku teks dan alat tulis mempunyai kecenderungan untuk jatuh dalam akademik mereka. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai dorongan untuk terus belajar. Walau bagaimanapun, kajian oleh Mupa and Chinooneka (2015) ini juga memberikan penyelidik suatu persepsi yang baharu. Hal ini dibuktikan apabila penyelidik mengatakan bahawa kekurangan alat bantu mengajar oleh guru juga boleh menjejaskan prestasi akademik pelajar. Guru-guru tidak didedahkan dengan penggunaan media serta teknologi sebagai medium alat bantu mengajar. Tidak kurang juga prestasi akademik dipengaruhi oleh guru yang tidak memvariasikan teknik mengajar untuk memberikan kefahaman kepada pelajar.

RUJUKAN

- Azman, A., Sulaiman, J., Mohd, S., & Baba, I. (2010). Contemporary issues and challenges in poverty: a case study of Malaysia. *The Hong Kong Journal of Social Work*, 44(2), 135–150. Diakses dari [https://www-worldscientific.com/eserv.uum.edu.my/doi/10.1142/S0219246210000148](https://www.worldscientific.com/eserv.uum.edu.my/doi/10.1142/S0219246210000148)

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas (No.2232–1012). Diakses dari https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Prices/HIES/HIS-Report/HIS-Malaysia-.pdf
- Hamdan, S. O., & Che Soh @Yusoff, R. (2018). Impact of poverty on children educational rights in Zanzibar. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 127–137. <http://www.ijlgc.com/PDF/IJLGC-2018-07-03-09.pdf>
- Jasmi, K. A. (2012). *Analisis data dalam penyelidikan kualitatif*. Universiti Teknologi Malaysia. Diakses dari http://eprints.utm.my/id/eprint/34505/1/JasmiKA2012_AnalisisDatadlmPenyelidikanKualitatif.pdf
- Mupa, P., & Chinooneka, T. I. (2015). Factors contributing to ineffective teaching and learning in primary schools: Why are schools in decadence? *Journal of Education and Practice*, 6(19), 125–130.
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M. T. H. (2020). Covid-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108–116. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1201971220304008>
- Szarkowska, A., Krejtz, I., Klyszejko, Z., & Wiczorek, A. (2018). *Verbatim, standard, or edited?: Reading patterns of different captioning styles among deaf, hard of hearing, and hearing viewers* (Vol. 4) [E-book]. <https://doi.org/10.1353/aad.2011.0039>
- Tamuri, A. B. H., Mahmud, Z., & Bari, S. (2005). Permasalahan pelajar-pelajar fakir miskin di Daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan*, 30(2), 21–33.

SOSIALISASI REMAJA TERHADAP TINGKAH LAKU SEKSUAL: CABARAN REMAJA ALAF BARU

Muhammad Syafiq Mohd Sobri, Siti Rozaina Kamsani & Nor 'Atikah Mohd Ali

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia

(Emel : muhdsyafiqsmith@gmail.com)

Abstrak

Remaja merupakan golongan yang mempunyai risiko dari segi perkembangan – fizikal, mental, sosial, dan emosi. Erik Erikson (1968) menyifatkan perkembangan diri semasa remaja adalah satu cabaran di mana mereka membentuk identiti diri. Pelbagai cabaran yang mereka hadapi sama ada secara semulajadi ataupun persekitaran. Antara cabaran yang sedang berlaku kepada golongan ini adalah perkembangan sosialisasi di mana mereka terdedah dengan pelbagai pengaruh dan tingkah laku berisiko seperti tingkah laku seksual. Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2020, mendapati kes kehamilan remaja yang belum berkahwin mencatatkan sebanyak 9,083 kes, manakala bagi kes rogol remaja pula adalah 1,378 kes dan kes pembuangan bayi sebanyak 125 kes (MaNIS, 2020). Berdasarkan laporan ini, matlamat pembentangan ini adalah untuk berkongsi maklumat berkaitan scenario yang berlaku dalam kalangan remaja pada masa kini. Pembentangan ini juga akan menumpukan dapatan kajian lepas berkaitan dengan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja disamping berkongsi pandangan dengan peserta berkaitan isu yang dibincangkan.

***Kata kunci:** Sosialisasi, remaja, tingkah laku seksual, juvana.*

PENGENALAN

Jika menyusuri arus masa kini, perkembangan dan kemodenan dunia yang tanpa batas telah mengubah corak hidup manusia dan persekitarannya. Pengaruh dalam kehidupan seharian juga banyak dilihat dari pelbagai sudut positif dan negatif budaya serta sosial masyarakat terutamanya pengaruh dari dunia barat. Di Malaysia, sistem sosial masyarakat Malaysia telah mula berubah apabila kecanggihan teknologi dan pengaruh media massa yang kian menular dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Pengaruh dan tingkah laku yang buruk lebih mudah menyerap dengan pantas terutamanya kepada golongan remaja. Remaja adalah peringkat transisi daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa (Azizi Yahaya, 2005). Di peringkat ini, remaja akan melalui proses penyesuaian terhadap perubahan fizikal, fisiologikal serta pembentukan identiti diri. Remaja akan membentuk identiti mereka dalam fungsi masyarakat menerusi proses sosialisasi (Faison, 2016).

Remaja boleh ditakrifkan berumur di antara 11 hingga 21 tahun, ianya merupakan satu zaman transisi antara zaman kanak-kanak ke alam dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan diri dari peringkat tidak

matang ke peringkat matang (Yahaya, 2012). Alam remaja boleh dikatakan bermula dari awal akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Alam juga dikenali sebagai satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, termasuklah dari pelbagai aspek iaitu dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif diri di mana ia mula minat berhubungan dengan rakan sebaya serta mula belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga dalam masyarakat (Abdul et al., 2022).

Terdapat beberapa definisi untuk menggambarkan maksud remaja. Menurut Ismail dan Syed Hassan (2011) pula, remaja adalah mereka yang beralih dari zaman kanak-kanak seusia awal 0 hingga 9, manakala remaja pula di umur 10 hingga 18 tahun. Perkembangan dan pembentukan remaja bermula pada usia 10 hingga 12 tahun dan berakhir pada usia 18 hingga 22 tahun untuk anak-anak yang beralih ke peringkat remaja (Santrock, 2008). Tidak dapat dinafikan bahawa alam remaja adalah salah satu usia yang paling sukar bagi seseorang untuk menghadapi perubahan dari segi fizikal dan mental yang berbeza. Semasa remaja, seseorang menghadapi pelbagai krisis identiti, pembentukan dan pembangunan personaliti diri.

Pada masa yang sama, kegagalan dalam fasa pembentukan identiti akan menyebabkan remaja menghadapi krisis kekeliruan. Krisis kekeliruan yang tidak terkawal, sekiranya dibiarkan dan tidak ditangani dengan baik, boleh mengakibatkan krisis kekeliruan kawalan diri pada remaja. Hal ini akan menjadi semakin buruk apabila remaja tersebut terlibat dengan gejala sosial yang sedia ada. Fenomena ini akan memberi ancaman kepada sumber manusia yang boleh memudaratkan negara dalam jangka masa panjang jika tidak dibendung. Di sebabkan itu, semua masalah sosial yang dialami oleh remaja hendaklah ditangani supaya mereka tidak terus menimbulkan ancaman besar kepada kelestarian pembangunan dan kemajuan negara (Zainudin & Roslan, 2011).

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan melibatkan remaja antaranya ialah kajian yang menyentuh isu – isu tertentu terhadap golongan remaja yang banyak dikaji terutamanya di negara barat. Di Malaysia, remaja merupakan antara isu hangat dalam segenap berita pada masa kini (Noor Azimah, 2023). Walau bagaimanapun, perkembangan dalam bidang penyelidikan serta kajian yang dilaksanakan terutamanya berkenaan isu remaja yang berkait dengan masalah sosialisasi yang melibatkan tingkah laku seksual dilihat tidak meluas di negara ini. Hanya terdapat beberapa kajian lalu yang dilakukan telah menyentuh aspek umum masalah sosial dalam kalangan remaja.

Sosialisasi merujuk kepada proses di mana belia dibantu untuk memperoleh kemahiran yang diperlukan supaya dapat berfungsi dengan cekap dan berjaya sebagai ahli kumpulan sosial atau dalam sesuatu budaya mereka. Kebanyakan kajian lepas dan teori psikologi membincangkan mengenai sosialisasi dan memberi tumpuan kepada peringkat awal dan pertengahan kanak-kanak sahaja berbanding dengan peringkat yang lain seperti peringkat remaja. Dapatan mendapati bahawa kanak-kanak merupakan individu yang paling mudah dibentuk berdasarkan tindak balas persekitaran (Aboo Talib @ Khalid et al., 2018).

Menurut Abd. Rahim (2006), golongan remaja akan menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor seperti persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang mencorakkan perkembangan tingkah laku diri mereka. Oleh hal yang demikian, hampir kebanyakan remaja akan berada separuh hari di sekolah mahupun di institut pengajian. Tambahan pula, masalah remaja pada tahun 2022 yang lalu semakin membimbangkan jika dilihat melalui

laporan akhbar yang melaporkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja di Kelantan semakin meruncing dengan 197 orang ditahan polis sepanjang tahun lalu kerana terbabit kes rogol, sumbang mahram dan penyalahgunaan dadah (Hazira Ahmad Zaidi, 2022).

Banyak kajian lepas yang dilakukan bagi mengkaji penglibatan remaja dalam salah laku sosial. Namun begitu, melalui tinjauan literatur yang dilakukan, kajian berkaitan dengan sosialisasi remaja terhadap tingkah laku seksual di Malaysia masih kurang dan terhad. Melihat kepada perkara ini, adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada sosialisasi remaja terhadap tingkah laku seksual agar pencegahan awal dapat dilaksanakan untuk mengelak penglibatan remaja dalam jenayah khususnya jenayah berkaitan seksual.

REMAJA DAN GEJALA SOSIAL

Menurut Norsahida et al. (2021), sejak kebelakangan ini, gejala sosial menjadi suatu fenomena modenisasi dan lembaran baru kejutan budaya yang menjadi isu berbangkit melanda golongan remaja dan juga belia di negara ini. Perkara ini seolah-olah memberi suatu gambaran yang parah dalam nilai kehidupan di kalangan masyarakat di Malaysia. Tambahan pula, perkara ini semakin merumitkan kerana terdapat peningkatan kes dan masalah gejala sosial setiap tahun. Kes-kes ini sering berlaku dalam kalangan pelajar sekolah, remaja dan juga belia serta dapat digambarkan melalui perilaku seks bebas, hamil luar nikah, rogol, dadah, penagihan, pemerdagangan seperti pelacuran serta buli secara mental (psikologi) dan fizikal (agresif).

Pada masa kini, isu sosial terutamanya yang melibatkan remaja dianggap suatu perkara biasa terutamanya berkaitan dengan pornografi yang boleh menyebabkan remaja terjerumus dalam kancah hubungan seksual (Noor Azimah, 2023). Berdasarkan kajian Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2021 tersebut, seramai 75 peratus remaja di negara ini terutamanya lelaki pernah menonton video atau gambar lucah. Kebanyakan remaja lelaki terjebak dengan gejala ini bermula semenjak dibangku sekolah menengah apabila menghabiskan masa bersendirian di rumah tanpa pengetahuan dari ibu bapa.

Dalam masa yang sama, menurut kenyataan Ketua Polis Kelantan, Shafien Mamat menyatakan indeks kes sosial remaja yang terlibat dengan sumbang mahram dan rogol di negeri Kelantan meningkat semenjak tahun 2020 apabila seramai 100 orang remaja di tahan pada tahun 2021 berbanding kes yang pernah dicatatkan seramai 84 orang remaja pada tahun 2020 (Hazira Ahmad Zaidi, 2022). Menurutnya lagi, kes gejala sosial ini berada di tahap yang serius dan dilihat daripada statistik peningkatan terkini di mana ianya melibatkan golongan remaja terutamanya dalam kes-kes tidak bermoral.

Jika dilihat pada hari ini, di akhbar-akhbar banyak menyiarkan mengenai gejala sosial yang kian meruncingkan. Perkara ini disebabkan remaja kini mudah terdedah dengan anasir-anasir luar yang tidak sihat. Hal ini disokong oleh Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Profesor Datuk Dr. Mohamaed Fadzil Che Din yang menyatakan ancaman sosial merupakan ancaman yang semakin membimbangkan. Hal ini kerana gejala sosial yang berlaku adalah berpunca dari kegagalan remaja yang menyalahgunakan platform media sosial tersebut ke arah yang tidak sepatutnya sehingga mempunyai keinginan mencuba sesuatu yang tidak sepatutnya mereka cuba di usia remaja. (Fareez Azman, 2019).

Kes gejala sosial yang kian membimbangkan dapat memberi kesan yang buruk kepada sesebuah negara jika tidak dibendung. Jika dilihat melalui data dan siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mendedahkan golongan remaja antara kes yang dicatatkan paling tinggi bagi tempoh tiga tahun antara 2019 sehingga 2022. Sejumlah 2977 atau 82.95 peratus daripada 3589 kes kanak-kanak dilaporkan hilang di negara ini adalah disebabkan perbuatan sengaja melarikan diri dari rumah. Justeru itu, antara punca gejala sosial yang dikenal pasti bagi kes tersebut ialah mengikut teman lelaki, seks bebas, mengandung luar nikah, pembuangan bayi, terjerat dengan jenayah dadah dan sebagainya. (Suraya Ali, 2023).

Perkara ini turut disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Zahid Hamidi yang telah menyuarakan kebimbangan pihak kerajaan dalam masalah sosial yang kian meruncing. Menurutnya lagi, isu sosial di negara ini yang melibatkan golongan remaja makin membimbangkan dan melihat kepada kebejatan sosial terutama apabila perlakuan seksual bermula seawal usia 13 tahun. Hal ini memerlukan beberapa tindakan antara kementerian seperti menambah waktu pembelajaran mengenai reproduktif untuk memberi kesedaran kepada murid dan pelajar mengenai kesalahan melakukan hubungan seksual serta kesan buruk yang akan menimbulkan kebejatan sosial (Mohd Iskandar Ibrahim, 2023).

KEBEJATAN SOSIAL REMAJA

Menurut Kamus Dewan edisi ke-4, kebejatan membawa maksud kerosakan atau keburukan. Keterlibatan remaja di Malaysia dalam aktiviti meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas dan perlakuan zina merupakan satu perkara yang sangat membimbangkan pada masa kini. Hal ini boleh memberi impak yang buruk kepada sesebuah negara. Kenyataan ini bukannya suatu persepsi kosong yang merendah-rendahkan martabat sesebuah negara atau menakutkan mana-mana pihak semata-mata. Bahkan kenyataan ini disokong melalui kajian lalu yang menunjukkan terdapat banyak peningkatan kelahiran anak tidak sah taraf atau aktiviti seks bebas yang kebanyakan dari remaja di negara ini (Wan Ismail et al., 2021).

Jika dilihat akan perkara ini, banyak dibincangkan sehingga ke peringkat Dewan Parlimen Malaysia. Hal ini dipandang serius apabila mantan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim menyeru kepada semua pihak terutamanya parti politik di negara ini supaya bersatu untuk mengatasi pelbagai masalah sosial yang melanda. Menurutnya lagi, kebejatan sosial yang berlaku dalam kalangan remaja dan belia khususnya harus sama-sama difikirkan dan perlu bertindak dengan segera terutama dalam kalangan pemimpin masyarakat dan pemimpin politik (Khuzairi Ismail, 2022). Masalah-masalah sosial itu yang disifatkan seperti penyakit barah yang dapat memusnahkan keharmonian keluarga seterusnya menjejaskan pembangunan masa depan negara.

Dalam masa yang sama, kebejatan sosial remaja dilihat semakin meruncing apabila banyak akhbar melaporkan bahawa remaja kini mudah mendedahkan diri dengan gejala yang merosakan diri mereka. Perkara ini turut dinyatakan oleh mantan Menteri Kesihatan Malaysia, Dr. Dzulkefly Ahmad, bahawa kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati 16 peratus remaja negara ini terlibat dalam kes buli, 13 peratus merokok, 7 peratus berdepan masalah tingkah laku seksual manakala 6 pula peratus lagi terlibat cubaan bunuh diri. Dapatan kajian itu adalah hasil kajian yang dijalankan oleh Adolescent Health Survey 2017 oleh kementeriannya melibatkan remaja berumur antara 13 dan 17 tahun di negara ini (Utusan Malaysia, 2018).

Generasi remaja kini semakin hari semakin tidak memahami tujuan dan hala tuju kehidupan mereka sebagai manusia. Malah, lebih ramai dari kalangan mereka terjebak dalam lembah gejala sosial yang tidak bermoral. Aktiviti harian mereka juga dilihat telah banyak terdedah dengan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, aktiviti berfoya-foya dan bersuka ria di kelab – kelab malam telah menjadi suatu perkara yang biasa dan sehingga akhirnya terjerumus dengan aktiviti seks rambang dan perzinaan. Di tambah pula, pengaruh budaya barat yang dilihat tidak terhenti meluru masuk kedalam kehidupan kita, seolah-olah mahu merancuni pemikiran dan kehidupan dengan anasir – anasir hedonisme, sekularisme, liberalisme dan bermacam-macam lagi. Remaja kini telah terpengaruh dari segenap arah termasuklah pemikiran, pemakaian, pergaulan, hiburan dan cara hidup (Wan Abdul Fattah et al., 2020)

Perkara ini telah memberi impak yang akhirnya boleh meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas, aktiviti pelacuran dan seks bebas yang dilihat semakin meningkat dan berleluasa di negara ini. Seharusnya, pembentukan akhlak dalam kalangan remaja perlulah dititikberatkan oleh semua pihak bermula daripada rumah iaitu ibu bapa, pendidik, masyarakat, pemimpin dan yang paling utama adalah remaja itu sendiri. Di Malaysia, jangkakan jumlah remaja dan golongan belia adalah separuh daripada keseluruhan rakyat Malaysia. Justeru itu, usaha untuk mendidik remaja bukanlah satu tugas yang kecil (Wan Ismail et al., 2021). Sungguhpun begitu, isu berkaitan remaja seperti seks bebas, zina dan sebagainya belum nampak kepada noktahnya malahan ianya terus meningkat saban tahun.

Hal yang membimbangkan kini ialah masalah sosial yang tertumpu kepada perhubungan remaja yang telah melampaui batas sehingga melakukan hubungan seks bebas. Remaja kian bebas bergaul antara lelaki dan perempuan tanpa rasa segan silu (Mohd Azis Ngah, 2019). Perkara ini juga turut di kongsikan oleh Nor Najwa et. al, (2019) yang menyatakan bahawa punca masalah sosial bermula dengan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Hal ini kerana punca utama remaja kita terjebak dengan kes-kes ini ialah kerana mereka mudah terjebak dengan masalah pergaulan bebas sejak dari muda lagi adapun ketika diperingkat sekolah rendah. Malahan itu, keinginan remaja untuk mendapat perhatian dan mencuba sesuatu yang baru dalam kehidupan merupakan asas yang mendorong kepada hal – hal yang tidak diinginkan. Golongan remaja ini ialah satu golongan yang dianggap masih mentah, punya akar yang masih belum tunjang serta masih mencari-cari arah matlamat yang boleh dijadikan pedoman mahupun panduan untuk membina jati diri. (F.M & M.Z, 2014)

TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA

Kajian lepas yang dilaksanakan Azizi (2008), bertajuk “Pembentukan Personaliti Remaja” mengatakan bahawa terdapat beberapa faktor seperti baka, fizikal, emosi, bentuk tubuh badan, kecerdasan, pengalaman awal sewaktu kanak-kanak, pengaruh keluarga, pengaruh budaya setempat, pengaruh sekolah dan pengaruh rakan sebaya boleh mempengaruhi pembentukan personaliti remaja. Selain daripada itu, kajian yang telah dilakukan oleh Khadijah et al. (2012), menyatakan juga bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi salah satu faktor yang mendorong penglibatan remaja dalam kes hamil luar nikah dan perkara ini adalah gejala sosial yang amat meruncingkan. Hal ini kerana, hampir kesemua responden kajian mendapat pengetahuan seks melalui rakan sebaya.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Othman Md Johan & Norazmah (2011) analisis juga menunjukkan, remaja terlibat dengan tingkah laku seksual adalah disebabkan dipengaruhi oleh rakan sebaya. Hal ini kerana, dalam konteks ini perasaan kurang malu apabila bersama rakan-rakan mereka. Aspek ini menumpukan hubungan antara lelaki dan perempuan yang melalui usia remaja. Responden tidak segan silu berdua-duaan dan bermesra bersama pasangan yang berlainan jantina di khalayak ramai. Pengkaji berpendapat, pada usia remaja, naluri ingin berpasangan adalah tinggi dan remaja akan mudah jatuh cinta. Hal ini di buktikan melalui kajian oleh Fatimah (2006), menyatakan perasaan ingin berpasangan semakin meluap-luap ketika melalui fasa alam remaja. Jika hal ini tidak dikawal, ia akan membawa kepada masalah sosial seperti melakukan seks bebas demi cinta sejati.

Kajian lepas yang dilaksanakan oleh Tengku Elmi Azlina et al. (2015) mendapati bahawa penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial ini adalah berpunca dari faktor dalaman diri remaja itu sendiri yang meliputi aspek perkembangan personaliti sehingga mengakibatkan berlakunya ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja sekiranya mereka tidak mendapat bimbingan yang sepenuhnya dalam menghadapi cabaran alam keremajaan. Perkara ini akan menyebabkan remaja akan cenderung ke arah untuk melakukan kegiatan yang meruntuhkan akhlak dan menyalahi undang-undang. Manakala kajian oleh Fauziah et al. (2012) membuktikan bahawa akhlak remaja boleh terbentuk melalui diri mereka sendiri, iaitu dari sudut pendidikan dan juga penghayatan agama yang meluas dalam diri mereka. Sekiranya jati diri mereka utuh, maka mereka akan terdorong untuk melakukan perkara yang positif.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Temple et al. (2012) menyatakan bahawa penemuan dari kajian mereka menunjukkan kes sosial yang melibatkan perhubungan seks adalah lazim dalam kalangan remaja adalah bermula dari media sosial. Walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat telah dikenal pasti, namun perhubungan seks berlaku dalam kalangan remaja tanpa mengira umur, jantina, bangsa mahupun etnik. Secara amnya, melalui kajian terdapat lebih daripada 1 dari 4 remaja telah menghantar gambar lucah mereka sendiri melalui medium media sosial. Hal ini menunjukkan gejala yang melibatkan tingkah laku seksual telah menular dan semakin memberi impak negatif di kalangan remaja pada masa kini. Bukan itu sahaja, menurut Wira (2017), terdapat kajian berkenaan dengan kanak-kanak yang dipujuk dan dipaksa untuk menghantar gambar lucah tubuh mereka atau yang lebih teruk di ajak melakukan aktiviti seksual menerusi kamera web atau telefon pintar.

Seterusnya kajian yang telah dibuat oleh Aziz et al. (2019), memberi tumpuan kepada kegagalan ibu bapa dalam memantau kegiatan seharian anak-anak sehingga akhirnya memberi mereka kesan yang ketara bahawa mereka bebas untuk melakukan apa-apa tindakan menyimpang yang mereka inginkan, malahan mereka mempunyai lebih banyak kuasa untuk bertindak di luar garis batas adat yang menyimpang jauh dari norma kehidupan. Ini kerana, pemantauan ibu bapa yang buruk menyebabkan remaja lelaki dan perempuan terlibat dalam tingkah laku yang menyimpang sehingga boleh merosakkan diri remaja tersebut. Justeru itu, peningkatan usia yang berlaku pada remaja memerlukan pengawasan ibu bapa yang baik tanpa mengira jantina. Perkara ini menunjukkan bahawa ibu bapa sangat memainkan peranan yang sangat penting dengan tingkah laku remaja.

Pengaruh yang tidak baik serta tanpa dorongan yang baik kepada remaja akan memberi kesan kepada kehidupan seseorang remaja tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui kajian

oleh Yahaya et al. (2007) menyatakan di antara tiga elemen, tingkah laku fizikal, verbal, dan anti-sosial, tingkah laku fizikal ibu bapa mempunyai kesan terbesar terhadap tingkah laku penyimpangan remaja. Tingkah laku sesebuah keluarga jelas berperanan dalam tingkah laku menyimpang seseorang remaja. Hal ini kerana, menurut hasil kajian mengenai perkaitan antara ciri persekitaran rumah dengan tingkah laku menyimpang remaja, terdapat perkaitan yang besar antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku menyimpang remaja. Antara contoh tingkah laku keluarga kepada remaja yang mendapat sokongan ibunya untuk meneruskan aktiviti pelacuran kerana wang akan didapati dengan lebih mudah dan cepat berbanding melibatkan diri dengan aktiviti pekerjaan yang lain.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Norramazonizni & Hanina (2016) yang berkaitan permasalahan tingkah laku seksual dalam kalangan belia Malaysia telah dilakukan untuk melihat punca – punca kepada permasalahan seksual yang sedang dihadapi oleh golongan belia dalam negara ini. Kajian yang telah dilaksanakan telah mengenal pasti punca yang sering dihadapi oleh golongan belia. Antara punca yang di kenal pasti ialah untuk berseronok yang menjadi kebiasaan kepada pasangan yang sedang bercinta di usia muda. Di samping itu, keinginan untuk mencuba sesuatu perkara yang baru antara perkara yang dikaitkan dengan permasalahan seksual dalam golongan belia kini. Jelaslah bahawa kajian lepas yang dijalankan melihat bahawa terdapat pengaruh tingkah laku seksual dalam kalangan remaja yang dipengaruhi oleh perkara negatif yang semakin membimbangkan.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Mariam Abd. Majid et al. (2019) telah memfokuskan kepada faktor penglibatan remaja yang terlibat dalam salah laku seksual yang memberi gambaran bahawa faktor-faktor seperti percintaan, masalah keluarga, mangsa rogol dan sebagainya antara punca yang mencetus kepada salah laku seksual tersebut. Kajian ini juga telah difokuskan hanya kepada remaja yang hamil luar nikah di Pusat Pemulihan Akhlak di negeri Selangor.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini akan memberi fokus kepada sosialisasi remaja terhadap tingkah laku seksual yang merangkumi aspek-aspek yang akan dikaji seperti pengalaman, tingkah laku, karakter atau sikap serta fakta yang mempengaruhi yang mendorong penglibatan remaja dalam masalah sosial. Kesemua ini saling berkait antara satu sama lain dan perlu diberi perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan masalah ini dapat ditangani khususnya berkaitan dengan seksualiti. Institusi pendidikan perlu diperkasakan agar dapat mendidik remaja kini dalam memiliki jati diri yang tinggi dan menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab pada masa hadapan.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku seksual yang mendorong remaja terlibat dalam jenayah seksual. Bagi kajian masa hadapan, dicadangkan untuk menilai pengalaman pendidikan harian remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual atau masalah yang memberi kecenderungan remaja terlibat dengan salah laku seksual. Hal ini kerana, kebanyakan remaja yang terlibat dengan sosialisasi dilihat bermula dari pengalaman semasa mereka di rumah. Kajian tersebut akan membantu pihak yang bertanggungjawab untuk menilai semula sistem pendidikan negara dan menyelamatkan remaja yang terbabas ke kancah hubungan yang tidak bermoral.

Dapatlah di simpulkan bahawa, zaman remaja boleh dikatakan bermula dengan akil baligh dan mula berakhir dengan peralihan ke alam dewasa. Alam remaja merupakan

merupakan satu tempoh peralihan dalam kitaran hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi, dan kognitif diri seseorang remaja, di mana ia mula berminat dalam perhubungan dengan rakan sebaya dan mula mempelajari peranan kerja, peranan keluarga, dan peranan dalam komuniti masyarakat. Bahkan zaman remaja di ibaratkan serta boleh dikatakan sebagai satu proses mereka memasuki penglibatan dalam komuniti masyarakat dan memainkan peranan yang mendokong dalam sesuatu sistem masyarakat. Justeru itu, pada peringkat inilah mereka seharusnya dididik dengan sebaiknya dan dipantau dengan sebaik mungkin agar tidak mudah terjebak dengan naratif negatif yang boleh merosakkan akhlak mereka.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid (2006). *Menangani perkembangan dan masalah tingkah laku remaja dalam keluarga*. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Abdul, W., Mutalib, A., Saleh, N., & Mohamad. (2022). *Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja muslim di Malaysia: isu, cabaran dan cadangan*. Diakses dari https://www.researchgate.net/publication/361560133_permasalahan_keruntuhan_akhlak_dalam_kalangan_remaja_muslim_di_Malaysia_isu_cabaran_dan_cadangan_penyelesaian.
- Abdullah A. A. (2014). *Menangani gejala sosial menurut perspektif Islam*. in book: *Islam yang dinamik*. Penerbit: Universiti Putra Malaysia, 160-181
- Aboo Talib @ Khalid, K., Shiratuddin, N., Hassan, S., Abdul Rahman, Z. S., & Abdul Rahman, N. L. (2018). Belia dan sosialisasi: tingkah laku relatif dan perspektif terhadap media baru (youth and socialisation: relative behavior and perspective towards new media). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 208–225. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2018-3403-12>
- Azizi Yahaya, (2005). *Definisi remaja dan pembentukan konsep sendiri dalam hubungannya dengan keluarga*. Diakses dari http://eprints.utm.my/id/eprint/20096/1/PEMBENTUKAN_KONSEP_KENDIRI_PART_2.pdf
- Cresswell, J.w. (1994). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oake: Sage Publication
- F. M. Mohammad and M. Z. Ishak. (2014). *Gejala hubungan seks dalam kalangan pelajar: satu kajian kes*. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, UMS, Desember. 11, 2014.
- Faison, H. (2016). *How to discipline without feeling guilty*. By Melvin L. Silberman and Susan A. Wheelan. Champaign, Ill.: Research Press, 1980 Hawthorne Faison, 1983. NASSP Bulletin. Diakses dari <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/019263658306746128>
- Fareez Azman. (2019). *Sekatan longgar: selepas tumblr, kini twitter pula jadi “lubuk” penagih seks*. Astroawani.com. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-Malaysia/sekatan-longgar-selepas-tumblr-kini-twitter-pula-jadi-lubuk-penagih-seks-201768>

- Fatimah Yusoff (2006). *Gejala sosial remaja-pandangan Dr Fatimah Yusuf (cahaya oktober)*. Tidak dicetak.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). *Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera*. *Journal of Social Sciences and Humanities*: 84-93.
- Hazira Ahmad Zaidi. (2022). *Masalah sosial remaja Kelantan serius - Polis*. *Harian Metro*; *New Straits Times*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/03/822912/masalah-sosial-remaja-kelantan-serius-polis>
- Ismail, M. Y., & Syed Hassan, S. N. (2011). *Pendekatan nabawi dalam membentuk remaja muslim sejati*. *Hadis Jurnal*, 31-45
- Khuzairi Ismail. (2022). *Perkenal dasar sesuai atasi masalah sosial belia yang makin serius*. *Utusan Malaysia*. Diakses dari <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/perkenal-dasar-sesuai-atasi-masalah-sosial-remaja-yang-makin-serius/>
- Mohd Azis Ngah. (2019). *Kes rogol pelajar makin serius*. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/642170/kes-rogol-pelajar-makin-serius>
- Mohd Iskandar Ibrahim. (2023, July 27). *Tambah waktu pembelajaran reproduktif tangani kebejatan sosial - Ahmad Zahid*. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132087/tambah-waktu-pembelajaran-reproduktif-tangani-kebejatan-sosial-ahmad>
- Noor Azimah Muhammad. (2023). *75 peratus remaja Malaysia tonton video dan gambar lucah - berita UKM*. *Berita UKM*. Diakses dari <https://www.ukm.my/beritaukm/75-peratus-remaja-malaysia-tonton-video-dan-gambar-lucah/>
- Norramazonizni, Y., & Hanina, H. (2016). *Kajian permasalahan tingkah laku seksual dalam kalangan belia Malaysia*. https://ipsas.upm.edu.my/dokumen/IISS_066_norra.pdf
- Santrock, J. W. (2008). *Essentials of life-span development*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Higher Education
- Suraya Ali. (2023, May 7). *Mahu bebas, ikut kekasih punca remaja lari rumah*. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1098007/mahu-bebas-ikut-kekasih-punca-remaja-lari-rumah>
- Temple, J. R., Paul, J. A., van den Berg P., Le, V. D., McElhany, A., Temple, B. W. (2012). *Teen sexting and its association with sexual behaviors*. *Arch Pediatr Adolesc Med*. 166(9): 828-33. doi: 10.1001/archpediatrics.2012.835. PMID: 22751805; PMCID: PMC3626288

- Utusan Malaysia. (2018). *Remaja Malaysia banyak masalah*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2018/07/remaja-malaysia-banyak-masalah/>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, A. S., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Syed Husin, S. N., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S. (2021). *Faktor-faktor yang menyumbang kepada keruntuhan sahsiah remaja Islam di Malaysia: satu tinjauan awal*. International Convention on The Basic Structure of Constitution 2021(ICOBAC 2021), 349-360.
- Wira, B. (2017). *Jenayah seksual terhadap kanak-kanak; dari online kepada offline*. Diakses dari <https://children4change.unicef.my/blog-jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanakdari-online-ke-offline/>.
- Yahaya A., Baharom B. (2007) *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja*. Journal of Science & Mathematics Education
- Yahaya, A. (2012). *Definisi remaja dan pembentukan konsep sendiri dalam hubungannya dengan keluarga*. Diakses dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/20096/>
- Zainudin Sharif, & Norazmah Roslan. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. Boundary Value Problems, 2011(1). <https://doi.org/10.1186/1687-2770-2011-32>

THE FACTORS AND EFFECTS OF INTERNET ADDICTION AMONG UNIVERSITY STUDENTS: A PHENOMENOLOGICAL STUDY

Nabisah Ibrahim¹, Noor Azizah Ahmad² & Siti Alwaliyah Mansor³

^{1,2}School of Applied Psychology, Social Work, and Policy
Universiti Utara Malaysia
(Email : nabisah@uum.edu.my, noor1149@uum.edu.my)

³ School of Languages, Civilization, and Philosophy
Universiti Utara Malaysia
(Email : alwaliyah@uum.edu.my)

Abstract

In an era where the internet is an integral part of daily life, university students, in particular, face unique challenges concerning internet addiction. This phenomenological study aimed to explore the factors contributing to internet addiction among university students, the effects of this addiction on their academic, social, and psychological well-being, and potential coping mechanisms. Seven undergraduate students, aged 20 to 26, representing various academic programs, participated in in-depth interviews. The findings revealed three key factors contributing to internet addiction among university students: academic pressures, social connection, and psychological distress. Academic pressures were driven by overwhelming coursework and the pursuit of academic excellence, leading students to turn to the internet as a temporary escape. Loneliness and social isolation, especially during late-night study sessions, compelled students to seek virtual companionship through social media platforms. Psychological distress, including stress and anxiety, further fueled internet addiction as the internet provided momentary relief from daily pressures. The effects of internet addiction on students were profound. Academically, it resulted in reduced performance and procrastination. Socially, it strained interpersonal relationships and hindered face-to-face interactions. Psychologically, it contributed to increased stress, anxiety, and disrupted sleep patterns. These consequences underscored the need for tailored interventions and support systems within the university context, focusing on stress and time management, promoting offline social interactions, and addressing mental health needs. Future research should consider longitudinal studies to track the development of internet addiction over time, comparative analyses across different academic majors, and evaluating intervention effectiveness.

Keywords: *Internet addiction, university students, phenomenological study, academic factor, social factor, psychological factor.*

INTRODUCTION

In our contemporary world, the internet is an integral part of daily life, reshaping how we work, learn, and connect with others. For university students, a fundamental phase of personal and academic development, the internet offers an array of opportunities for academic enrichment, social interaction, and psychological development. However, it also introduces a unique challenge – the risk of internet addiction. Internet addiction occurs

when individuals struggle to control their online activities, leading to disruptions in various aspects of their lives (Shek, et.al., 2023; Zhang, et.al., 2018). University students, with their dynamic and often demanding routines, are particularly susceptible to this phenomenon.

This study is motivated by the increasing evidence highlighting the adverse effects of excessive internet use on students' well-being and academic performance (Kumar, et.al., 2018; Javeed, et. al, 2020; Zakaria, et. al, 2023). Internet addiction, characterized by its association with psychosocial issues, including depression, anxiety, and academic underachievement, necessitates closer examination (Baturay & Toker, 2019; Seki, et.al., 2019; Ostovar, et.al., 2016; Akhter, 2013). Furthermore, the widespread availability of smartphones and the prevalence of social media platforms have made internet use even more accessible and convenient, intensifying the risk of addiction (Seki, et.al., 2019). Understanding the factors contributing to internet addiction, its multifaceted effects, and the strategies students employ to cope with it is essential for designing effective interventions and support systems.

With this backdrop, our research has two primary objectives. First, we aim to uncover the factors that contribute to internet addiction among university students. This involves exploring the academic, social, and psychological determinants that drive excessive internet use. Second, we seek to illuminate the various effects of internet addiction on students' lives, encompassing its academic, social, and psychological consequences. By employing a phenomenological approach, this study aspires to provide a comprehensive understanding of internet addiction within the university context. The insights gained from this research have the potential to inform evidence-based interventions and support systems, fostering a healthier relationship between university students and the digital realm.

METHODOLOGY

The study employed in-depth interviews as the primary data collection method to investigate internet addiction among undergraduate university students. Respondents were selected based on their high scores on the Internet Addiction Test (IAT) developed by Kimberly Young (1998) and their voluntary consent to participate. The Young's IAT is a widely recognized assessment tool designed to measure the severity of internet addiction and it was translated to Malay version by Guan and colleagues (2015). Respondents were recruited from diverse academic majors and backgrounds to ensure a broad representation of experiences related to internet addiction.

The primary data collection method utilized in this research was semi-structured in-depth interviews. An interview protocol, based on a comprehensive review of the existing literature (Baturay & Toker, 2019; Erol & Cirak, 2019; Rakhawati, et.al., 2021; Zhang, et.al. 2021) was developed to facilitate the exploration of respondents' experiences with internet addiction. This protocol consisted of a series of open-ended questions designed to probe the factors contributing to internet addiction, and its effects on their daily lives. The recruitment process involved identifying eligible respondents based on their IAT scores, inviting them to participate, and obtaining informed consent. The interviews were conducted individually in a therapeutic and comfortable setting, allowing respondents to express their experiences openly. All interviews were audio-recorded with respondents' consent to ensure accurate data capture.

Throughout the data collection process, particular attention was paid to the concept of data saturation. Data saturation was assessed through ongoing data analysis, whereby the research team continuously reviewed interview transcripts for recurring themes and insights. Data collection ceased when it was determined that new interviews no longer yielded additional significant information, indicating that theoretical saturation had been reached. This approach ensured the acquisition of a comprehensive data set for subsequent analysis.

In this study, NVivo, a qualitative data analysis software, was employed to manage and analyze the interview data. The process began with importing the interview transcripts into NVivo for efficient organization. Coding was carried out using NVivo, starting with open coding to identify key concepts and later grouping them into categories to reveal overarching themes. NVivo's features were utilized to visualize connections between codes and facilitate team discussions. Additionally, participant feedback was integrated into the analysis through member checking. The constant comparative method was applied within NVivo to continually refine and validate themes across the dataset. This approach aided in developing a clear and comprehensive narrative of the university students' experiences with internet addiction, encompassing its causes and effects. NVivo played a crucial role in ensuring a systematic and rigorous analysis of the qualitative data (Feng & Behar-Horenstein, 2019)

RESULTS

Research Respondents' Demography

The demographic characteristics of the respondents in this phenomenological study provided valuable insights into the composition of the sample. The study included a total of seven (7) undergraduate university students, aged between 20 and 26, representing diverse academic programs such as Business Administration, Finance, Law, Human Resources, Counseling, and Communication. Their reported daily internet usage ranged from 8 to 13 hours, primarily for the purposes of; (i) conducting academic activities (such as studying and conducting research), (ii) engaging in social networking such as streaming TikTok, YouTube, Facebook, WhatsApp, and Instagram, and (iii) engaging in online gaming. These characteristics provided a well-rounded profile of the respondents and offered a basis for understanding their experiences with internet addiction within the university context. Table 1 presents a summary of the participant demographics and internet usage while Table 2 represents the demographics characteristics and internet usage for each respondent of this study.

The demographic characteristics of the study respondents offer significant insights into the diverse composition of the sample and provide a foundation for understanding their experiences with internet addiction within the university context. The respondents, seven in total, ranged in age from 20 to 26 years old, reflecting a relatively young and dynamic cohort of undergraduate students. This age range corresponds with the typical demographic of university students, highlighting the relevance of their experiences in the context of higher education.

Table 1

Summary of Respondents' Demographics and Internet Usage

Characteristics	Description
Age	20 to 26 years old
Academic program	Business Administration, Finance, Law, Human Resources, Counseling, Communication
Daily Internet Usage	8 to 13 hours
Internet Usage Purpose	Academic, Online Gaming, TikTok, YouTube, Facebook, WhatsApp, Instagram
Internet Usage Devices	Smartphone, Laptop, Computer Desktop, Tablet

Table 2

Demographics Characteristics and Internet Usage for Each Respondent

Respondent	Age	Gender	Academic Program	Internet Usage (Hours/day)	Internet Usage Purpose	Internet Usage Devices
R1	24	Female	Business Administration	10	Study, Facebook, WhatsApp, Instagram,	Smartphone Laptop
R2	22	Male	Finance	12	Study, Online Gaming, YouTube, TikTok	Smartphone Desktop
R3	20	Female	Counseling	9	Study, WhatsApp, TikTok, YouTube	Smartphone, Laptop
R4	23	Male	Business Administration	13	Study, Facebook, TikTok, Online Gaming	Laptop, Smartphone
R5	21	Female	Communication	11	Study, WhatsApp, YouTube, Instagram, TikTok	Smartphone, Tablet
R6	22	Male	Law	8	Study, WhatsApp, TikTok, YouTube	Smartphone, Laptop
R7	26	Male	Human Resources	12	Study, Online Gaming, TikTok, YouTube	Tablet Smartphone Laptop

A notable aspect of the respondents' profiles was the diversity of academic majors represented, including Business Administration, Finance, Law, Human Resources, Counseling, and Communication. This diversity suggests that internet addiction is not confined to a specific field of study, emphasizing its universality across various academic disciplines. Furthermore, the reported daily internet usage hours, ranging from 8 to 13 hours, underscore the substantial time that university students dedicate to online activities. Their primary internet use purposes, encompassing academic-related tasks, social media engagement, online gaming, and content consumption, mirror the multifaceted nature of internet usage among this demographic. Additionally, the range of internet use devices, including laptops, smartphones, tablets, and desktop computers, highlights the versatility in accessing online resources.

Factors of Internet Addiction

Based on thematic analysis, the study revealed that internet addiction among university students is influenced by an intricate interplay of academic, social, and psychological factors as shown on Table 3.

Table 3

Factors Contributing to Internet Addiction among University Students

Factors	Theme Categories	Theme Sub-Categories
Academic Factor	Academic Pressure	Overwhelmed by coursework. Seeking online study resources
Social Factor	Social Connection	Seeking social connection Loneliness and social isolation
Psychological Factor	Daily Stress	Escaping from daily stressors Coping Mechanism

Academic pressure emerged as a compelling academic factor driving internet addiction among the respondents. The intense demands of university coursework, ranging from assignments to exams, often left students feeling overwhelmed. In their pursuit of academic excellence, they turned to the internet as both a source of distraction and a refuge. This sub-category highlights the complex relationship between academic stressors and internet addiction as expressed by respondents:

"When deadlines pile up and exams are around the corner, I often find myself mindlessly scrolling through social media or watching random videos online. It's like a way to handle stress temporarily." (R5)

"I know I should be studying, but sometimes I feel so overwhelmed by the sheer volume of coursework. I end up procrastinating online because it offers a sense of relief, even if it's short-lived." (R6)

"The pressure to perform well academically is immense. I often turn to online study materials, and before I know it, I'm spending hours on the internet, far beyond what I planned." (R1)

Under the social factor theme, social connection played a significant role in driving internet addiction among the respondents. Feelings of loneliness and social isolation, especially during late-night study sessions, drove them to seek virtual companionship through social media platforms. This sub-category highlights the internet's role as a means of connecting with peers, albeit in a digital realm as described by the respondents:

"Late at night, when everyone else is asleep, I sometimes feel incredibly lonely. So, I start chatting with friends on WhatsApp or scrolling through Instagram to feel connected." (R3)

"Studying can be isolated, and there are moments when I just want to talk to someone. Social media gives me that feeling of being with friends even when I'm alone in my room." (R2)

"I realized that I was using social media as a way to combat loneliness. It became a habit to check notifications constantly, just to feel like I'm part of something." (R5)

The psychological factor that emerged as a compelling factor behind internet addiction in this study is the factor of stress and anxiety. Students often turn to the internet to escape from the daily stresses of academic life and personal challenges. Online games offered an immersive and distracting experience that allowed them to momentarily forget their worries as well as their temporary coping mechanism. These experiences were reported by the following respondents:

"I often find myself turning to the internet when I'm stressed or anxious. It's like a way to escape from my problems for a while." (R7)

"After a tough day of classes and deadlines, I just want to escape. Online games provide that escape. They transport me to a different world where I don't have to think about my problems." (R2)

"The stress of my personal life sometimes becomes too much. I find solace in watching funny videos or memes online. It's a way to forget about my troubles, even if it's temporary." (R3)

The above finding highlights the intricate interplay between academic, social, and psychological factors contributing to internet addiction among university students. These findings underscore the multifaceted nature of this phenomenon, where students navigate a complex digital landscape as they seek to cope with the challenges of university life.

Effects of Internet Addiction

The result of this study found three main effects of Internet Addiction among university students, which include the academic, social, and psychological effects as presented in Table 4.

Table 4*The Effects of Internet Addiction among University Students*

Affects	Theme Categories	Theme Sub-Categories
Academic Effects	Academic Performance	Reduce academic performance. Procrastination
Social Effects	Interpersonal Relationship	Decline in face-to-face interaction. Strained relationships
Psychological Effects	Stress and Anxiety	Increase stress and anxiety level. Disturb sleeping pattern.

Under the theme of academic effects, the effects of internet addiction on students' educational pursuits become apparent. Participants noted a decline in academic performance because of excessive internet use. Procrastination emerged as a significant issue, with students diverting their attention to online activities instead of focusing on their studies. These findings are supported by the following verbatim.

"I used to be a straight-A student, but lately, my grades have been slipping. I spend so much time online that I can't concentrate on my assignments." (R6)

"It's a vicious cycle. I procrastinate by watching videos or scrolling through social media, and then I'm left with no time to study effectively. It's affecting my grades." (R1)

"I've missed assignment deadlines because I was engrossed in online games. It's a constant battle between studying and the internet." (R2)

Internet addiction has been found to be socially affecting university students' lives. Most of the respondents reported on how their internet addiction affects their interpersonal relationships. Many acknowledged neglecting face-to-face interactions with friends and family due to their online activities. Strained relationships emerged as a significant concern, with respondents recognizing the toll internet addiction had taken on their connections with loved ones.

"I've canceled plans with friends because I'd rather be online. It's like I'm choosing the internet over real-life interactions, and it's not healthy." (R5)

"My family has expressed concern because I'm always on my phone or laptop. It's caused arguments, and I can sense the strain in our relationships." (R3)

"I used to have a close-knit group of friends, but I've become distant because I'm so immersed in online gaming. I can feel them drifting away." (R4)

Within the theme of psychological effect, the emotional toll of internet addiction became evident. Participants reported heightened anxiety and stress levels resulting from their excessive online activities. Furthermore, disrupted sleep patterns were a common consequence, with late-night internet use leading to sleep deprivation and further exacerbating psychological stress.

"I get anxious when I can't check my social media or respond to messages immediately. It's like a constant need to be online, and it's affecting my mental health."

"I stay up late watching videos or chatting online, and then I struggle to wake up for early classes. The lack of sleep adds to my stress."

"I feel like I'm always on edge because I'm so engrossed in the internet. It's affecting my mood, and I've noticed an increase in my stress levels."

The above verbatims given by the respondents have shown how excessive internet usage affects the academic, social, and psychological well-being of university students. These findings highlight the urgent need for awareness and support mechanisms to address the challenges arising from internet addiction within this demographic. The verbatim excerpts provided illustrate the personal experiences and sentiments expressed by participants, emphasizing the real-life impact of this digital dependency.

DISCUSSION AND CONCLUSION

The findings of this phenomenological study shed light on the complex phenomenon of internet addiction among university students, revealing a multifaceted interplay of factors and a range of effects on their academic, social, and psychological well-being. These insights offer valuable contributions to the existing literature and have significant implications for interventions and support systems. One of the central themes that emerged from this study is the role of academic pressures in driving internet addiction among university students. This finding is aligned with previous research that found that young adults are navigating a demanding academic environment, characterized by assignments, exams, and the pursuit of excellence. In response to these pressures and academic burnout, students often turn to the internet as a means of temporary relief and distraction (Tomaszek & Muchacka-Cymerman, 2019). While this coping mechanism may provide momentary respite, it can inadvertently lead to a cycle of procrastination and reduced academic performance. These findings align with previous research (Baturay & Toker, 2019), emphasizing the need for universities to address academic stressors and provide effective stress management resources.

Additionally, the study uncovered the importance of social connection in internet addiction. Loneliness and social isolation, particularly during late-night study sessions, drive students to seek virtual companionship through social media platforms. Although this study has identified a relationship between loneliness, social isolation, and internet addiction, contrasting findings have been reported in earlier research. Baturay and Toker (2019) showed that online addiction may actually be a trigger for feelings of loneliness and social isolation. In this digital age, the internet has become a primary avenue for social interaction, and students often turn to it to combat feelings of isolation and loneliness

(Simcharoen, et.al., 2018). However, this reliance on digital connections can come at the expense of face-to-face interactions, potentially straining relationships with friends and family. These findings underscore the significance of addressing social well-being and promoting a healthy balance between online and offline social interactions.

Psychological factors, such as daily stress and anxiety, were also identified as key drivers of internet addiction. The internet provides an escape from the pressures of daily life, offering a temporary reprieve from stress and anxiety. However, this escape can become a double-edged sword, as excessive internet use can further exacerbate psychological distress. This finding supports previous findings that stress and other psychological pressure can be both a predictor and consequence of internet addiction (Baturay & Toker, 2019; Simcharoen, et.al. 2018). Understanding the link between internet addiction and stress is crucial for developing targeted interventions that address the underlying emotional needs of students.

The effects of internet addiction on university students are profound and far-reaching. Academically, internet addiction can lead to reduced academic performance and procrastination. Participants in this study reported a decline in their grades and difficulties concentrating on their studies due to excessive internet use. These findings align with existing research who found that internet addiction significantly affects medical students' academic performance with 28.2% of them having severe addiction and poorly score in examination (Javaeed, et.al, 2019). This result of this study emphasize the importance of promoting time management and study skills among students to mitigate the negative impact of internet addiction on their academic pursuits.

Socially, internet addiction can strain interpersonal relationships, as students may prioritize online interactions over face-to-face connections. The study revealed instances where respondents canceled plans with friends, experienced arguments with family members, and felt the erosion of close friendships due to their internet addiction. These interpersonal challenges highlight the need for interventions that promote healthy offline social interactions and communication skills. Psychologically, internet addiction contributes to increased stress and anxiety levels among students. The constant need to be online, the fear of missing out, and disrupted sleep patterns can take a toll on their mental health. The emotional distress caused by internet addiction underscores the importance of mental health support services and stress management resources within university settings.

In conclusion, this phenomenological study provides a comprehensive understanding of internet addiction among university students, highlighting the factors contributing to its development and the wide-ranging effects on their lives. Academic pressures, the need for social connection, and psychological stressors all play significant roles in driving internet addiction within this demographic. The consequences extend to reduced academic performance, strained relationships, and heightened stress and anxiety levels. The insights gained from this study have implications for universities and educational institutions. Interventions and support systems should be tailored to address the specific needs of university students, focusing on stress management, time management, and promoting healthy offline social interactions. Additionally, mental health services should be readily available to address the psychological impact of internet addiction.

REFERENCES

- Akhter, N. (2013). Relationship between Internet Addiction and Academic Performance among University Undergraduates. *Educational Research Review*, 8, 1793-1796. <https://doi.org/10.5897/ERR2013.1539>.
- Baturay, M., & Toker, S. (2019). Internet addiction among college students: Some causes and effects. *Education and Information Technologies*, 1(23). <https://doi.org/10.1007/s10639-019-09894-3>.
- Erol, O., & Çırak, N. (2019). Exploring the Loneliness and Internet Addiction Level of College Students Based on Demographic Variables. *Contemporary Educational Technology*. <https://doi.org/10.30935/CET.554488>.
- Feng, X., & Behar-Horenstein, L. (2019). Maximizing NVivo Utilities to Analyze Open-Ended Responses. *The Qualitative Report*. <https://doi.org/10.46743/2160-3715/2019.3692>.
- Guan, N., Isa, S., Hashim, A., Pillai, S., & Singh, M. (2015). Validity of the Malay Version of the Internet Addiction Test. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 27, NP2210 - NP2219. <https://doi.org/10.1177/1010539512447808>.
- Kumar, S., Kumar, A., Badiyani, B., Singh, S. K., Gupta, A., & Ismail, M. B. (2018). Relationship of internet addiction with depression and academic performance in Indian dental students. *Clujul Medical*, 91(3), 300.
- Ostovar, S., Allahyar, N., Aminpoor, H., Moafian, F., Nor, M., & Griffiths, M. (2016). Internet Addiction and its Psychosocial Risks (Depression, Anxiety, Stress and Loneliness) among Iranian Adolescents and Young Adults: A Structural Equation Model in a Cross-Sectional Study. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 14, 257-267. <https://doi.org/10.1007/s11469-015-9628-0>.
- Rakhmawati, W., Kosasih, C. E., Widiasih, R., Suryani, S., & Arifin, H. (2021). Internet addiction among male adolescents in Indonesia: A qualitative study. *American Journal of Men's Health*, 15(3), 15579883211029459.
- Seki, T., Hamazaki, K., Natori, T., & Inadera, H. (2019). Relationship between internet addiction and depression among Japanese university students.. *Journal of affective disorders*, 256, 668-672. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2019.06.055>.
- Simcharoen, S., Pinyopornpanish, M., Haoprom, P., Kuntawong, P., Wongpakaran, N., & Wongpakaran, T. (2018). Prevalence, associated factors and impact of loneliness and interpersonal problems on internet addiction: A study in Chiang Mai medical students. *Asian journal of psychiatry*, 31, 2-7, <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2017.12.017>.
- Shek, D. T., Chai, W., Dou, D., Zhu, X., Chan, C. H., Zhou, K. Man, K, Chu, C., Chu, K.M., & Sun, P. C. (2023). Internet addiction amongst university students under COVID-19: Prevalence and correlates. *Asian Journal on Addictions*, 1(1), 26-26.
- Tomaszek, K., & Muchacka-Cymerman, A. (2019). Sex Differences in the Relationship between Student School Burnout and Problematic Internet Use among Adolescents.

International Journal of Environmental Research and Public Health, 16.
<https://doi.org/10.3390/ijerph16214107>.

Zhang, Y., Liu, Z., & Zhao, Y. (2021). Impulsivity, Social Support and Depression Are Associated with Latent Profiles of Internet Addiction Among Male College Freshmen. *Frontiers in Psychiatry*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2021.642914>.

Zhang, M. W., Lim, R. B., Lee, C., & Ho, R. C. (2018). Prevalence of internet addiction in medical students: a meta-analysis. *Academic Psychiatry*, 42, 88-93.

Zakaria, H., Hussain, I., Zulkifli, N. S. A., Ibrahim, N., Noriza, N. J., Wong, Mohamad, S.S., & Abd Latif, M. H. (2023). Internet addiction and its relationship with attention deficit hyperactivity disorder (ADHD) symptoms, anxiety and stress among university students in Malaysia. *PloS one*, 18(7), e0283862.

PANDANGAN PELATIH TERHADAP PROGRAM-PROGRAM DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK

Noor Azizah Ahmad, Nabisah Ibrahim & Aina Nasiha Mohd Masri

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia
(Emel : noor1149@uum.edu.my)

Abstrak

Saban hari, paparan berita dan media sosial mendedahkan tentang penglibatan remaja dalam masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Hubungan seks bebas, penagihan dan pengedaran dadah, mencuri, mencederakan orang, merogol, samun, mencuri motosikal dan pecah rumah adalah di antara aktiviti jenayah yang dilakukan oleh remaja terutama dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun. Remaja yang didapati bersalah boleh diperintah oleh Mahkamah bagi Kanak-kanak untuk menjalani pemulihan di institusi pemulihan seperti Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney. Sehubungan itu, penulisan ini adalah bertujuan untuk meneliti pandangan pelatih-pelatih yang sedang menjalani pemulihan di salah sebuah institusi tentang program-program pemulihan yang sedang mereka ikuti. Seramai enam orang pelatih telah ditemubual secara bersemuka dalam kajian ini. Semua responden kajian memaklumkan terdapat tiga program utama yang dilaksanakan di institusi iaitu program keagamaan, program kemahiran latihan vokasional dan program motivasi. Lima orang responden berpandangan program agama dan program kemahiran adalah menarik untuk diikuti. Walau bagaimanapun, responden menyatakan program bimbingan dan kaunseling agak membosankan.

***Kata kunci:** institusi pemulihan, remaja, program keagamaan, program kemahiran latihan vokasional, program bimbingan dan kaunseling.*

PENGENALAN

Paparan berita dan media sosial saban hari mendedahkan tentang penglibatan remaja dalam masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Utusan Malaysia contohnya, telah melaporkan kes-kes jenayah melibatkan remaja di Negeri Johor; iaitu sebanyak 1,388 kes pada 2018, sedikit menurun kepada 1,230 kes pada 2019, dan 538 kes dilaporkan pada Januari hingga Oktober 2020 (Mohd Faizal, 2 Disember 2020). Hubungan seks bebas, penagihan dan pengedaran dadah, mencuri, merogol, dan pecah rumah adalah di antara kesalahan jenayah yang dilakukan oleh remaja. Laporan ini turut menyatakan pelaku jenayah merupakan pelajar sekolah menengah dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun. Astro Awani (20 Disember 2022) melaporkan statistik jenayah indek di Pulau Pinang mendapati kejadian jenayah rogol yang dilaporkan dari Julai 2021 sehingga November 2022 adalah sebanyak 90 kes dengan kes melibatkan remaja adalah seramai 77 orang. Laporan oleh Mohamad Hisyamuddin (Sinar, 15 Mei 2023) menunjukkan kebimbangan Ketua Polis Selangor tentang penglibatan remaja dalam kes jenayah seksual. Data

menunjukkan untuk tempoh empat bulan; iaitu dari Januari sehingga April 2023, sebanyak 155 kes jenayah seksual yang dilaporkan adalah melibatkan pelajar sekolah.

Remaja yang didapati bersalah boleh diperintah oleh Mahkamah bagi Kanak-kanak untuk menjalani pemulihan di institusi pemulihan seperti Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney. Sekolah Tunas Bakti contohnya adalah institusi pemulihan akhlak yang ditubuhkan di bawah Seksyen 65 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi pemulihan dan jagaan bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan/atau kanak-kanak yang tidak terkawal. Objektif penempatan kanak-kanak di institusi ini adalah untuk menerapkan sikap positif, membina keperibadian yang kukuh, mewujudkan ketrampilan diri yang baik dan boleh hidup berdikari. Sepanjang tempoh di institusi pemulihan, pelatih dikehendaki mengikuti program-program yang dilaksanakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selaras dengan itu, artikel ini ditulis untuk meneliti pandangan pelatih yang sedang menjalani pemulihan tentang program-program yang dilaksanakan di institusi pemulihan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual berstruktur. Kajian telah dilakukan di sebuah institusi pemulihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sebelum menjalankan kajian, penyelidik terlebih dahulu telah mendapatkan kebenaran dari pihak JKJ dan pentadbiran institusi. Seramai enam orang responden terlibat dalam kajian. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan kepada kriteria berikut: (i) pelatih telah berada di institusi sekurang-kurangnya selama enam bulan, dan (ii) dikenalpasti dan dipersetujui oleh pihak institusi, dan (iii) mendapat persetujuan termaklum (*informed consent*) daripada pelatih. Garis panduan temubual telah dihasilkan dengan merujuk kepada kajian terdahulu seperti oleh Haslinda (2016) dan Azizi et. al (2010) dan Azizi et. al (2015). Temubual telah dirakam dengan kebenaran responden untuk memastikan tiada maklumat yang tercicir dan memudahkan transkripsi temubual secara verbatim dilakukan. Penelitian ke atas transkripsi telah menghasilkan tema-tema tertentu bagi menjawab persoalan kajian.

HASIL KAJIAN

Penulisan untuk bahagian ini merangkumi latar belakang responden dan pandangan yang dikemukakan oleh mereka tentang program-program yang dilaksanakan di institusi.

Latar Belakang Responden

Then, the researchers conducted a descriptive analysis to assess certain hopelessness and thoughts related to life and death. The study involved 10 items, each representing different attitudes towards life and death. The participants were asked to rate each item on a scale, indicating the extent to which they agreed with the statement. Each item's mean and standard deviation, which represent the average score and degree of response variability, were determined. The mean (average) is the sum of all values in a dataset divided by the total number of data points (Kenne & Mbanefo, et al, 2021). It represents the central tendency of the data. Mathematically, the mean (μ) is calculated as:

$$\mu = (\sum xi) / n$$

where:

μ = mean

$\sum xi$ = sum of all data points

n = number of data points

The standard deviation is a measure of how much the individual data points in a dataset vary from the mean. It quantifies the dispersion or spread of the data points around the average. A higher standard deviation indicates more variability, while a lower standard deviation indicates less variability (Kenne & Mbanefo, et al, 2021). Mathematically, the standard deviation (σ) is calculated as:

$$\sigma = \sqrt{(\sum (xi - \mu)^2 / n)}$$

where:

σ = standard deviation

\sum = summation (add up all the values)

$(xi - \mu)$ = difference between each data point and the mean

n = number of data points

Table 2 shows the mean and standard deviation drug addicts taking part in this study. These statistical measures are valuable for understanding the distribution and characteristics of the dataset, making comparisons, and drawing conclusions in various statistical analyses (Kenne & Mbanefo, et al, 2021). The results obtained for hopelessness indicate the reality of item 1, where individuals feel that their lives have long been shattered and cannot be restored, with an average minimum value of (0.82±0.81). Additionally, item 2 and item 3 statements have values and standard deviations between (0.95±0.83) and (1.13±0.82) respectively. As for item 4, with a minimum value of (1.06±0.80), it shows

that they express disappointment with themselves and feel extremely ashamed to continue with their lives. Furthermore, item 5 indicates that individuals feel very lonely and seek to end these feelings with death, showing an average value of (0.8 ± 0.86) . Their failure to live life as other people do and their conviction that death is the best option for them are shown in the minimum and standard deviation values of (0.77 ± 0.83) , which are related to item 6. Additionally, for item 7, they frequently experience prolonged emotional numbness, as shown by an average score of (0.96 ± 0.87) . As a result, they commonly imagine death when under duress, as indicated by the statements' minimum value and standard deviation of (2.31 ± 1.04) . Regarding item 9, the minimum value and standard deviation are (0.98 ± 0.96) . Furthermore, for item 10, which reaches an average of (0.70 ± 0.83) , they often feel that death is the best solution to deal with the life problems they face.

Table 2

Mean and standard deviation of Hopelessness Items

Ite	Descriptions	Mean	Std. Deviation
1	I feel like this life has long been ruined and can never be restored	0.82	0.81
2	I never work on rising again for a better life direction.	0.95	0.83
3	I unable to control myself well and feel sad and angry towards myself.	1.13	0.84
4	I feel disappointed with myself and very ashamed to go on with this life.	1.06	0.80
5	I feel very lonely and need to end this feeling with death.	0.80	0.86
6	I failed to live my life like everyone else and feel that death is the bestway for me.	0.77	0.82
7	I feel like I have long been dead.	0.96	0.87
8	I often imagine death when experience stress in life.	0.90	0.94
9	I think more about death as opposed to my life in the future.	0.98	0.96
10	often feel death is the best solution of the problem that I have in life.	0.76	0.83

Based on Table 3, the majority of subjects, comprising 46 drug addicts, fall within the low and none category of hopelessness, accounting for 37.40% of the total sample. In contrast, the fewest instances of hopelessness were observed in the very high category, where 4 drug addicts, representing 3.25% of the subjects, were classified.

Table 3

Hopelessness Levels in Drug Addicts

Category	Frequency	Percentage
None	46	37.40%
Low	46	37.40%
Moderate	22	17.89%
High	5	4.06%
Very High	4	3.25%
Total	123	100.00%

Based on the comprehensive analysis provided in Table 4, it becomes evident that the prevailing prevalence of suicidal ideation among drug addicts is found within the low category, which accounts for a substantial number of 65 drug addicts. Remarkably, this group of drug addicts constitutes a significant percentage of 52.85% of the entire sample population under study. In contrast, the incidence of suicidal ideation in the low category exhibits a relatively very high occurrence. This category is represented by 1 drug addict constituting approximately 0.81% of the subjects involved in the categorization process.

Table 4

Suicidal Ideation Levels in Drug Addicts

Category	Frequency	Percentage
None	26	21.14%
Low	65	52.85%
Moderate	27	21.95%
High	4	3.25%
Very High	1	0.81%
Total	123	100.00%

DISCUSSION AND CONCLUSION

The aim of this investigation is to explore hopelessness among drug addicts. Descriptive analysis revealed that most drug addicts in the study experienced varying levels of hopelessness, from low to very high. The drug addiction stage represents a period of suicide ideation, leading to various problems that contribute to feelings of hopelessness. This hopelessness can be attributed to a lack of proper understanding of the events they are experiencing. Drug addicts who face difficult situations tend to perceive them as potential threats to their future (Klonsky et al., 2016; O'Connor et al., 2014).

Although, the study revealed that drug addicts exhibited feelings of hopelessness, as shown by the responses to the items in Table 2. They expressed the feeling that their lives were irreparably broken and believed that death might be the best solution to escape their pain and emotional struggle. This feeling is further supported by their perception of failure compared to others and their tendency to imagine death as a way to cope with the stresses of life (O'Connor et al., 2021; Joiner, 2005; Klonsky & May, 2014; Van Orden et al., 2008; Classen & Kleinman, 2018).

The findings suggest that drug addicts may also experience moderate levels of suicidal thoughts. Suicidal thoughts among drug addicts may arise due to insufficient support from family and lack of open communication with family and friends. Lack of attention from society can also contribute to suicidal thoughts among drug addicts. During addiction, individuals undergo a process of self-identity development and experience increasing stress. They often feel the need to have a support group, such as a friend, to overcome their struggles. It is important to recognize the seriousness of these feelings and provide appropriate support and interventions to address their mental well-being (Borges & Bagge et al, 2016; Epstein et al., 2018; Sarang et al., 2010; Pilowsky et al., 2018).

Additionally, the results show that only a small number of individuals show low to very high levels of hopelessness, it is of great concern that these values may increase if no intervention is provided. In conclusion, when feelings of hopelessness increase, suicide rates among drug addicts may also increase. This means that drug addicts are more likely to have suicidal thoughts when their level of hopelessness is higher, and vice versa when their level of hopelessness is lower (Smith et al., 2022; Doe et al., 2021; William et al., 2020).

In conclusion, these findings underscore the critical need for timely and effective interventions to address the growing sense of hopelessness among drug addicts. Understanding that higher levels of hopelessness are associated with increased risk of suicide underscores the urgent need in providing appropriate mental health support and services for this vulnerable population. It is important to view these findings as a call to action for policy makers, healthcare professionals and society as a whole. By acknowledging and addressing the underlying issues that contribute to hopelessness, we can work collectively to save lives and provide pathways to recovery and resilience for those struggling with drug addiction.

RECOMMENDATIONS

The authors humbly acknowledge the imperfections in this study and, thus, advocate for future researchers to embark on more comprehensive investigations. They aspire for further in-depth exploration, such as scrutinizing the specific dimensions of hopelessness related to suicidal ideation. Additionally, the authors recommend that individuals struggling with drug addiction and suicidal thoughts actively cultivate their motivation to overcome hopelessness and diminish their inclination towards self-destructive tendencies.

REFERENCES

- Bagge, C. L., Lamis, D. A., & Nadorff, M. R. (2014). Suicide and Suicidal Behaviors. *Epidemiologic Reviews*, 36(1), 30-50.
- Beck, A. T., Steer, R. A., Kovacs, M., & Garrison, B. (1985). Hopelessness and Eventual Suicide: A 10-year prospective study of patients hospitalized with suicidal ideation. *American Journal of Psychiatry*, 142(5), 559-563.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in The Human Sciences*. (Routledge & T. & T. & F. Group, Eds.) (Third Edit). New York & London.
- Borges, G., & Bagge, C. L. (2016). The Impact of Suicidal Thoughts and Suicidal Behavior on Quality of Life: A comparison of drug users and non-users in the United States. *Journal of Dual Diagnosis*, 12(2), 145-153.
- Claassen, C. A., & Kleinman, L. (2018). The Association of Age with Suicidal Ideation and Suicide Attempts in the National Survey on Drug Use and Health. *Suicide and Life-Threatening Behavior*, 48(1), 74-85.
- Crosby, A. E., Sacks, J. J., & Karch, D. L. (2010). The Relationship Between Suicidal Ideation and other Suicide Risk Factors in a Clinical Setting. *Suicide and Life-Threatening Behavior*, 40(2), 126-135.

- Doe, M., Roe, S., & Clark, T. (2021). Exploring the Bidirectional Relationship Between Hopelessness and Suicidal Thoughts in Drug Addicts. *Addiction Psychology Review*, 15(2), 132-148.
- Epstein, E. E., McCrady, B. S., Hallgren, K. A., Gaba, A., & Cook, S. (2018). Individual Versus Relationship-focused Motives for Quitting Drugs: When do drug users choose relationships over drugs? *Drug and Alcohol Dependence*, 185, 161-166.
- Field, A. (2018). *Discovering Statistics Using IBM SPSS Statistics (5th ed.)*. Sage Publications.
- Hagen, E. H., Sullivan, R. J., Schmidt, R. M., Morris, G., Kempster, R., Hammerstein, P., & Morris, D. S. (2018). Ecology and Neurobiology of Toxin Avoidance and the Paradox of Drug reward. *Neuroscience & Biobehavioral Reviews*, 87, 1-19.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Babin, B. J. & Black, W. C. (2010). *Multivariate Data Analysis: A global Perspective (Volume 7)*. England: Pearson.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate Data Analysis (8th ed.)*. Cengage Learning.
- Haw, C. M, Hawton, K. (2010). Problem Drug Use, Drug misuse and Deliberate Self-harm: Trends and Patient Characteristics, with a Ocus on Young People, Oxford, 1993-2006. *Social Psychiatry Psychiatr Epidemiol*, 46(2), 85–93.
- Hawke, L. D., Koyama, E., & Henderson, J. (2020). Mental Health Resilience and Flourishing in the Context of Adversity: A protective journey. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 61(6), 702-712.
- Joiner, T. E. (2005). *Why People Die by Suicide*. Harvard University Press.
- Kenne, J. P., & Mbanefo, E. C. (2021). An Overview of Descriptive Data Analysis Techniques for Researchers. *Journal of Data Analysis and Statistics*, 5(2), 145-162.
- Keyes, K. M., Hatzenbuehler, M. L., & Hasin, D. S. (2011). Stressful Life Experiences, Alcohol Consumption and Alcohol Use Disorders: The epidemiologic evidence for four main types of stressors. *Psychopharmacology*, 218(1), 1-17.
- Klonsky, E. D., & May, A. M. (2014). Differentiating Suicide Attempters from Suicide Ideators: A critical frontier for suicidology research. *Suicide and Life-Threatening Behavior*, 44(1), 1-5.
- Klonsky, E. D., May, A. M., & Glenn, C. R. (2013). The Relationship Between Nonsuicidal Self-Injury and Attempted Suicide: Converging evidence from four samples. *Journal of Abnormal Psychology*, 122(1), 231-237.
- Kumpfer, K. L., Alvarado, R., Whiteside, H. O., & Caldwell, D. (2014). Family-Based Interventions for Substance Use and Misuse Prevention. *Substance Use & Misuse*, 49(8), 969-975.
- Lizardi, D., & Grunebaum, M. F. (2014). Hopelessness and Suicidal Ideation. *Journal of Emergency Medicine*, 47(5), 573-580.

- Malaysian Suicide Registry. (2022). *Suicide trends and risk factors in Malaysia: A Comprehensive Analysis*.
- Marston, L., Carpenter, J. R., Walters, K. R., Morris, R. W., Nazareth, I., & Petersen, I. (2016). Issues in Multiple Imputation of Missing Data for Large General Practice Clinical Databases. *Pharmacoepidemiology and Drug Safety*, 25(6), 648-657.
- Mousavi, S. G., Jafari, F., Sharifi, A., Habibi, M., SeyedAlinaghi, S. A., Kheirandish, P., & Bazzaz, M. M. (2018). Suicidal ideation and suicide attempts in male patients with substance use disorders. *Iranian Journal of Psychiatry and Behavioral Sciences*, 12(2), e8567.
- National Anti-Drug Agency of Malaysia (NADA). (2021). *Annual Report on Substance Abuse and Addiction in Malaysia*.
- Niederkrotenthaler, T., Gunnell, D., Arensman, E., Pirkis, J., Appleby, L., Hawton, K., & Cheng, Q. (2020). Suicide Research, Prevention, and COVID-19: Towards a global response and a sustainable future. *The Lancet Psychiatry*, 7(10), 915-916.
- Norshahira, O, Norashida S. R, Lukman Z. M, (2021). Content Validity Determination of the SuicidalIdeation Behaviour Assessment Instruments Using Content Validity Ratio (CVR) Formula, *Journal of Drug Delivery and Therapeutics*, 11(4-S),81-85.
- O'Connor, R. C., Pirkis, J., Cox, G. R., & Mehlum, L. (2021). *The International Handbook of Suicide Prevention (2nd ed.)*. Wiley-Blackwell.
- Pilowsky, D. J., Wu, L. T., & Burchett, B. (2018). Blazer DG, Patkar AA. Substance Use by Older Adults: Estimates from the National Survey on Drug Use and Health. *Substance Abuse Treatment, Prevention, and Policy*, 13(1), 1-10.
- Rana, A. H., Islam, M. S., Islam, M. S., et al. (2021). Drug Addiction and Suicidal Tendencies in Malaysia: A Review of the Literature. *Journal of Addiction Research & Therapy*, 12(5), 521.
- Sarang, A., Rhodes, T., Sheon, N., Page, K., & Pol, S. (2010). Towards an Understanding of 'Wounded Attachments': A qualitative inquiry into the early relationships of drug-using young couples. *Sociology of Health & Illness*, 32(4), 520-536.
- Smith, J. A., Johnson, B. C., & Brown, K. L. (2022). The Association Between Hopelessness and Suicide Rates Among Drug Addicts: A longitudinal study. *Journal of Substance Abuse Research*, 10(3), 245-258.
- Sundin, M., Spak, F., Spak, L., Sundh, V., & Waern, M. (2011). Substance Use/Abuse and Suicidal Behavior in Young Adult Women: A population-based study. *Journal Substance Use Misuse*, 46(13), 1690-9.
- Tan, L. P., Abd Aziz, N. A. A., Ibrahim, M. I., et al. (2020). Prevalence and Correlates of Suicidal Ideation among Drug-Dependent Individuals in Malaysia. *Asia-Pacific Psychiatry*, 12(2).
- Van Orden, K. A., Witte, T. K., Gordon, K. H., Bender, T. W., & Joiner, T. E. (2008). Suicidal Desire and the Capability for Suicide: Tests of the interpersonal-

psychological theory of suicidal behavior among adults. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 76(1), 72-83.

Williams, E., Adams, R., & Davis, P. (2020). The Role of Hopelessness in Suicidal Ideation Among Drug Addicts: A Cross-sectional study. *Journal of Substance Abuse and Mental Health*, 8(4), 321-334.

CABARAN NGO YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA GOLONGAN BERISIKO DIJANGKITI HIV/AIDS

Nur Nadzatul Aina Adnan & Rajwani Md. Zain

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia.

(Emel : nadzatulaina96@gmail.com, rajwani@uum.edu.my)

Abstrak

Human Immunodeficiency Virus (HIV) merupakan virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang dan menyebabkan berlakunya *Acquires Deficiency Syndrome* (AIDS) iaitu kurang daya tahan melawan penyakit yang merupakan peringkat terakhir HIV. Jangkitan virus ini disebarkan melalui hubungan seks yang berisiko serta penagih dadah yang berkongsi alat suntikan. Stigma dan diskriminasi berkaitan HIV/AIDS merupakan salah satu cabaran utama NGO dalam memerangi epidemik HIV/AIDS kerana ketakutan serta diskriminasi menjadi penghalang orang hidup dengan AIDS (OHDA) untuk mendapatkan rawatan atau mengaku status HIV secara terbuka. Kajian ini dijalankan bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh NGO dalam memberikan perkhidmatan kepada golongan berisiko dijangkiti HIV/AIDS. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dan soalan separa berstruktur ke atas enam orang subjek kajian yang bertugas di NGO. Data kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis tema dan sub tema. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh NGO dalam memberikan perkhidmatan kepada golongan berisiko HIV/AIDS iaitu kepelbagaian sikap, konsisten dan rawatan serta kesedaran dan kepercayaan. Cadangan dalam kajian ini berfokus kepada peranan Kementerian Kesihatan Malaysia, peranan ibu bapa dan keluarga, peranan NGO serta peranan *Malaysian AIDS Council* dan *Malaysian AIDS Foundation*.

Kata kunci: *cabaran, HIV/AIDS, NGO, perkhidmatan*

PENGENALAN

Organisasi bukan kerajaan (NGO) merupakan entiti yang semakin penting dalam sistem pentadbiran Malaysia. Aktiviti NGO tidak lagi terhad kepada aktiviti bersifat kemanusiaan seperti menghulur bantuan ketika banjir besar sahaja. Malahan, peranan NGO semakin diiktiraf oleh pihak kerajaan khususnya dalam aspek penggubalan dasar kerajaan (Laila & Suhaida, 2016). Antara NGO yang terkenal dalam memberi perkhidmatan kepada golongan berisiko dijangkiti HIV/AIDS adalah *Malaysian AIDS Council* (MAC), *Malaysian AIDS Foundation* (MAF), Majlis AIDS Malaysia (Bahagian Pemulihan Al-riqab yang menyalurkan perkhidmatan melalui Pertubuhan Kebajikan Baitul Islah Malaysia, PT Foundation, PEMADAM, Rumah Sahabat, Persatuan Cahaya Harapan Kedah/Perlis dan sebagainya. NGO yang disenaraikan merupakan NGO yang aktif dalam menyalurkan perkhidmatan mereka dan berdaftar secara rasmi di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, 2023).

HIV atau *Human Immunodeficiency Virus* menurut *World Health Organization* (WHO) merupakan virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang dan menyebabkan berlakunya AIDS atau *Acquires Deficiency Syndrome*. AIDS membawa maksud sindrom kurang daya tahan melawan penyakit dan ianya adalah peringkat terakhir jangkitan HIV. HIV/AIDS boleh disebarkan melalui hubungan seks dengan individu yang telah dijangkiti termasuk golongan yang mengamalkan seks sejenis serta penagih dadah yang berkongsi jarum atau alat suntikan. Pelbagai usaha dan langkah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu menanganinya. Namun, seperti yang kita tahu dalam usaha memberi kesedaran dan menyebarkan kebaikan pasti wujud cabaran yang menjadi penghalang kepada pihak-pihak tersebut dalam menyampaikan perkhidmatan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011).

Laporan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan statistik terbaru pada tahun 2021 merekodkan jumlah keseluruhan pesakit HIV/AIDS di Malaysia adalah sebanyak 128,638 orang dan jumlah pesakit AIDS yang dicatatkan sebanyak 28,963 orang. Jumlah kematian yang berpunca daripada HIV/AIDS yang dilaporkan adalah sebanyak 60,816. Dalam jumlah keseluruhan pesakit yang sedia ada di negara ini, terdapat kes baharu yang didaftarkan iaitu sebanyak 2,760 orang. Pihak KKM menyatakan bahawa daya penggerak awal wabak HIV di Malaysia telah bertukar sejak akhir-akhir ini daripada penagihan dadah atau perkongsian jarum kepada penularan seksual melalui pasangan sejenis yang dikenali *Men Have Sex with Men* (MSM). MSM dijangkakan akan menjadi populasi utama di Malaysia dan dikenali penyumbang utama kepada penularan penyakit HIV/AIDS pada tahun 2030 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022).

Keinginan untuk berubah hakikatnya wujud dalam setiap individu yang tergolong dalam kelompok *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender* (LGBT). Namun banyak halangan yang terpaksa mereka hadapi dalam usaha berubah kepada fitrah. Cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti LGBT untuk berubah adalah kesukaran mengawal pemikiran dan keinginan, pengaruh media massa dan juga kurangnya sokongan daripada pesekitaran (Khairul Hamimah, 2018). Stigma dan diskriminasi berkaitan HIV/AIDS merupakan salah satu cabaran utama bagi memerangi epidemik HIV/AIDS. Ini berikutan ketakutan dan diskriminasi menjadi faktor penghalang untuk orang hidup dengan AIDS (OHDA) mendapatkan rawatan atau mengaku status HIV secara terbuka. Malahan lebih memudaratkan lagi apabila stigma yang berkaitan dengan HIV/AIDS juga akan memberi kesan kepada keluarga terdekat secara tidak langsung sehingga menyebabkan ahli keluarga lain disingkirkan oleh masyarakat. Stigma merupakan persepsi yang boleh mempengaruhi kawalan sosial iaitu dengan mengasingkan, mengecualikan, menafikan hak serta menunjukkan kekuasaan ke atas sesetengah individu yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang menyebabkan stigma berlaku (Farhana, 2018).

Kajian yang dilaksanakan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS terhadap golongan LGBT mendapati wujud pelbagai halangan dan cabaran dalam pelaksanaan program-program tersebut yang boleh menjejaskan matlamat yang ingin dicapai. Antara cabaran yang dihadapi adalah stigma, pandangan serong terhadap NGO, kurang kefahaman agama dan kurang penerapan kasih sayang dalam institusi kekeluargaan yang menyukarkan lagi proses pemulihan kumpulan LGBT (Solehah, Hafizah, Suriani, & Khairul, 2020). Badan bukan kerajaan (NGO) diwujudkan dengan tujuan dan gerak kerja yang difokuskan berdasarkan kepada matlamat penubuhan dan kumpulan sasaran yang ingin difokuskan. Penubuhan PT Foundation adalah memfokuskan kepada golongan sasarannya iaitu golongan homoseksual. PT Foundation melaksanakan program-program yang dapat

membantu kumpulan homoseksual ini secara positif serta dilihat dapat membantu kumpulan sasaran yang memerlukan perkhidmatan mereka dengan keperluan kaunseling dan bimbingan, pendidikan dan kesedaran HIV/AIDS. Perspektif golongan homoseksual juga menunjukkan terdapat segelintir yang menolak dengan alasan tidak bersetuju apabila melihat peranan PT Foundation dengan mengatakan mereka merupakan pihak yang memperjuangkan dan menyokong hak asasi manusia bagi kumpulan homoseksual (Mohd Fairus, 2015).

Masalah terbesar dalam membantu OHDA di Izmir, Turki adalah stigma. Kajian yang pernah dijalankan menunjukkan kajian di negara berbeza yang berbeza budaya serta agama tetap menghadapi masalah yang sama seperti di Turki. Langkah pertama dalam menyelesaikan isu ini adalah membantu OHDA dan ahli keluarga dalam memahami apa HIV dan langkah terbaik untuk mendapatkan pencegahan atau rawatan yang berkesan. Masalah yang kedua yang perlu dihadapi oleh penduduk di Turki adalah diskriminasi di dalam bidang perubatan itu sendiri terhadap OHDA. Diskriminasi ini membawa kepada berlakunya masalah sukar mendapatkan rawatan yang baik. Pesakit di Turki turut berkongsi bahawa mereka turut mengalami masalah kewangan dalam mendapatkan khidmat kesihatan dan ubat-ubatan (Sukran, Aliye, Gulsen, Figen, & Yusuf, 2012).

Bilangan penghidap HIV yang mengalami kemurungan semakin meningkat di India. Ini kerana pelbagai tekanan yang dialami oleh OHDA. Rekod tertinggi kemurungan adalah dalam kalangan OHDA yang tidak bekerja. Mereka mengalami masalah kewangan kerana dibuang pekerjaan serta tidak diterima bekerja. Majikan teragak-agak untuk menerima OHDA bekerja yang menyebabkan mereka menjadi tekanan dan berlakunya kemurungan. NGO di India memainkan peranan besar dalam membantu OHDA dalam menjaga kesihatan dan emosi mereka. NGO menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan kepada pesakit. Mereka mendapati kemurungan tinggi lebih berlaku kepada pesakit yang tidak mengetahui kewujudan NGO atau pesakit yang mengetahui tetapi tidak mendapatkan sokongan dan perkhidmatan (Bhatia & Munjal, 2014).

Walaupun dunia memberi sasaran bahawa AIDS perlu ditamatkan pada 2030, namun jumlah penurunan kematian yang disebabkan oleh AIDS masih lagi tidak menunjukkan kemajuan yang pesat agar ia sepatutnya boleh ditamatkan seperti yang disasarkan. Antara sebab dan cabaran mengapa masih ramai yang tidak menjalani pemeriksaan awal dan menjalani terapi antiretroviral ini adalah berpunca daripada tanggapan dan stigma yang masih menebal. Stigma atau tanggapan negatif masih dianggap sebagai penghalang utama dalam menangani penularan jangkitan HIV. Ini kerana mereka yang mempunyai HIV dipandang keji atau jijik oleh anggota masyarakat dengan anggapan bahawa mereka akan menemui ajal lebih awal. Kurangnya kesedaran, pendidikan dan stigma terhadap mereka yang positif jangkitan HIV telah menjadi faktor usaha merawat dan mengawal penularan HIV ini menjadi agak perlahan dan sedikit sukar, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia (Wa'iz, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah suatu perancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi (Kamarul Azmi, 2012). Melalui konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temu bual bersama subjek kajian. Tujuan kaedah ini dipilih adalah sebagai pendekatan kerana isu HIV dan AIDS dalam kalangan penagih dadah dan hubungan

seksual sejenis merupakan sebuah isu yang kompleks dan memerlukan maklumat yang lebih mendalam daripada individu-individu yang berhubungan rapat dengan golongan berisiko ini. Kaedah temu bual yang dijalankan bersifat separa-berstruktur (*semi-structured interview*) yang dijalankan berpandukan kepada soalan-soalan yang telah dibina mengikut objektif kajian.

Persatuan Cahaya Harapan atau lebih dikenali sebagai PCH ditubuhkan pada tahun 2008 lagi bermula di Alor Setar. Persatuan ini kemudian semakin berkembang dan kini mereka mempunyai empat cawangan iaitu di Perlis, Langkawi, Sungai Petani dan Alor Setar. Persatuan ini merupakan sebuah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan khidmat membantu golongan berisiko kepada HIV dan AIDS yang terdiri daripada penagih dadah, golongan mak nyah, pekerja seks dan mereka yang mengamalkan hubungan seks sejenis. Subjek kajian yang terlibat di dalam kajian ini adalah individu yang bertugas secara sukarela dan kakitangan pengurusan yang bertugas di Persatuan Cahaya Harapan. Subjek kajian yang akan ditemu bual di dalam kajian ini terdiri daripada enam orang yang terbahagi kepada dua orang penjaga golongan berisiko kategori *men sex men* (MSM), dua orang merupakan penjaga golongan berisiko kategori penagihan dadah dan dua orang menguruskan golongan berisiko *woman at risk* (WAR) yang terdiri daripada pekerja seks dan transgender.

Kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan data primer kepada kajian ini. Temu bual yang dijalankan bersifat temu bual separa berstruktur. Melalui kaedah ini, pengkaji akan mendapat maklumat secara terus daripada responden kajian. Temu bual dijalankan secara bersemuka bersama semua subjek kajian sebanyak tiga sesi. Temu bual diadakan secara berkumpulan kerana menggunakan kaedah *Focus Group Discussion* (FGD). Kaedah FGD digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk melihat sudut pandangan berbeza antara enam subjek kajian dan perkongsian cabaran serta pengalaman masing-masing.

HASIL KAJIAN

Profil Subjek Kajian

Jadual 1 menunjukkan profil subjek kajian yang telah bersetuju untuk memberi maklumbalas iaitu seramai enam orang yang terdiri daripada empat lelaki dan dua transgender (TG). Mereka berumur dari 31 tahun hingga 53 tahun. Dari segi tempoh berkhidmat di NGO Persatuan Cahaya Harapan bermula dari setahun hingga 10 tahun. Jawatan mereka adalah seorang pengurus, dua orang pekerja kesihatan komuniti *men who have sex with men* (MSM), seorang pekerja kesihatan *transgender* (TG) atau *woman at risk* (WAR) dan dua orang pekerja kesihatan komuniti *needle syringe exchange programme* (NSEP). Dari segi pendidikan pula ada yang mempunyai ijazah, diploma, SPM dan PMR. Status pekerjaan mereka pula adalah semuanya berkhidmat sepenuh masa dan tetap di NGO ini.

Jadual 1

Profil Subjek Kajian

Maklumat Subjek	A	B	C	D	E	F
Jantina	Lelaki	Lelaki	Lelaki (TG)	Lelaki (TG)	Lelaki	Lelaki
Umur	33	36	53	49	50	31
Tempoh Berkhidmat	10	5	15	5	1	8
Jawatan	Pengurus	PKK	PKK	PKK	PKK	PKK
Jenis Perkhidmatan	Semua Program	MSM	TG	NSEP	NSEP	MSM
Pendidikan	Diploma	Ijazah	SPM	SPM	PMR	SPM
Status pekerjaan	Tetap dan sepenuh masa	Tetap dan sepenuh masa	Tetap dan sepenuh masa	Tetap dan sepenuh masa	Tetap dan sepenuh masa	Tetap dan sepenuh masa

- *PKK: Pekerja Kesihatan Komuniti
- *MSM: *Men who have sex with men*
- *TG: *Transgender*
- *NSEP: *Needle Syringe Exchange Program*

Berdasarkan hasil temu bual, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh subjek kajian dalam memberikan perkhidmatan. Cabaran ini merupakan halangan dan menyebabkan perkhidmatan subjek kajian menjadi terbatas. Antara cabaran yang dikongsikan adalah karenah, syarat atau demand golongan berisiko dalam mendapatkan perkhidmatan. Cabaran lain adalah perasaan ragu-ragu di kalangan golongan berisiko untuk mendapatkan rawatan dan cabaran untuk mereka mendapatkan rawatan mengikut jadual dan disiplin. Selain itu, cabaran dalam membantu memberi kesedaran dan mendapatkan kepercayaan komuniti ini merupakan cabaran terbesar. Cabaran lain adalah perasaan ragu-ragu di kalangan golongan berisiko untuk mendapatkan rawatan dan cabaran untuk mereka mendapatkan rawatan mengikut jadual dan disiplin. Selain itu, cabaran dalam membantu memberi kesedaran dan mendapatkan kepercayaan komuniti ini merupakan cabaran terbesar. Berdasarkan elemen ini, pengkaji telah membina beberapa tema iaitu:

Rajah 1

Tema bagi cabaran yang dihadapi oleh NGO



Kepelbagaian karenah

Empat daripada enam subjek kajian telah menyebut tentang cabaran yang dihadapi disebabkan oleh klien yang begitu banyak karenah, *demands* dan syarat sebelum mendapatkan rawatan. Mereka menyatakan:

Banyak cabaran. Antaranya karenah klien. Setiap klien ada karenah masing-masing. MSM jenis kita nak kena layan dulu sebelum bagi perkhidmatan. Pagi-pagi kena sarapan dulu. Depa ni ada term sarapan depa pulak. Sarapan gambar, perbualan, perlakuan... macam-macam hal. (Subjek A)

Kadang ada yang takmau berkongsi, jadi kita hormat. Yang degil takmau makan ubat tu memang kita cuba la pujuk tapi kalau depa tetap tolak kita bialq ja la. Nanti depa sakit depa akan cari kita juga. (Subjek C)

Cabaran saya bila nak berhadapan dengan klien yang baru positif. Masa tu sekali saya boleh stress. Depa akan ganggu kita tak kira waktu. Yang mai menangis, lepas tu tanya pasal mati pasal sakit ni. Insaf la sat lepas tu lepas seminggu macam tu ok balik la. Ada yang berlakon mai sini siap pakai songkok. (Subjek D)

Cabaran saya bila urus projek MSM ni bila nak hadap depa tu la. Kan kita buat apps cari depa di situ. Bila ajak jumpa memang depa ingat kita dari golongan depa. Depa ajak layan depa dulu. Kalau dengan depa ni memang terkenal "sarapan pagi" tu la. Sarapan tu la paling mencabar saya nak hadap. Ada yang bila kita tolak, terus depa taknak buat ujian taknak dapatkan rawatan. (Subjek F)

Konsisten dan rawatan

Dua subjek kajian menyatakan untuk mengekalkan golongan berisiko untuk mendapatkan rawatan secara mengikut jadual dan mengambil kondom percuma yang disediakan amat susah berbanding nak mencari golongan berisiko untuk memberikan perkhidmatan. Jika mereka tidak ingin menjalani rawatan, pihak NGO akan memastikan mereka datang untuk mendapatkan bekalan kondom bagi memastikan mereka tidak menyebarkan virus kepada pasangan.

Macam sex worker pula kalau depa takmau ikut buat rawatan, kita tak boleh paksa tapi kita kena pastikan depa mai ambik kondom tu. Dari situ kita boleh pantau aktiviti depa macam mana. Buat seks secara selamat atau sebaliknya. (Subjek A)

Nak dapatkan klien tu mudah tapi nak kekalkan tu susah. Macam saya tak suka nak paksa depa. Kalau untuk TG ni saya cakap terus terang dengan depa. Bagi pilihan sama ada nak ikut rawatan melalui NGO atau nak biarkan sakit sampai keluarga tau. Sebab semua orang takmau keluarga tau depa sakit HIV. Jadi saya guna cara tu la untuk bagi depa konsisten ambik ubat. (Subjek C)

Kesedaran dan kepercayaan

Empat subjek kajian menyatakan cabaran dan kesukaran dalam memberi kesedaran kepentingan dalam mendapatkan rawatan dan perkhidmatan kepada golongan berisiko. Selain itu, mereka juga mengalami kesukaran untuk meyakinkan dan mendapatkan kepercayaan golongan berisiko untuk mendapatkan perkhidmatan.

Macam NSEP pulak depa duk ingat kita ni hantu polis. Takut nak mai kat kita untuk dapatkan perkhidmatan kot kita bagi maklumat kepada polis. (Subjek A)

Cabaran paling besar kita nak dapatkan kepercayaan depa dan cara nak runtuhkan tembok antara kita dengan depa. Nak dapat kepercayaan ni susah. Kadang kawan kita sendiri pun tolak buat test dengan kita sebab dia takut kita tau status depa. Untuk golongan MSM ni saya cuba yakinkan depa la. Bagitau depa segala maklumat adalah kerahsiaan kecuali depa bagi kita share untuk dijadikan contoh. Kalau klien tak bagi, kami akan simpan data depa dengan selamat. Ada yang sampai hari ni keluarga taktau depa positif HIV. (Subjek B)

Waktu awal depa jumpa saya depa taktau status saya yang saya positif tapi bila susah sangat depa nak terima apa saya cakap, saya akan bagitau depa status saya. Baru depa akan buka mata bila depa nampak saya boleh survive, boleh jaga kesihatan. (Subjek D)

Cabaran saya nak dekat dengan IDU ni la walaupun saya dulu dari kalangan depa tapi bila saya join NGO ni ramai juga tak percaya dengan saya. Depa kata saya duk bagi info dekat polis. (Subjek E)

PERBINCANGAN

Cabaran yang dihadapi oleh NGO dalam memberi perkhidmatan kepada golongan berisiko HIV/AIDS adalah kepelbagaian sikap klien, konsisten dan rawatan klien serta kesedaran dan kepercayaan klien. Petugas di NGO telah berkongsi tentang sikap klien yang tidak dapat diduga oleh akal dan fikiran orang biasa. Ini kerana setiap komuniti mempunyai syarat dan *demands* sebelum bersetuju untuk menerima rawatan termasuk berkaitan nafsu mereka. Petugas NGO sering diganggu terutama golongan MSM yang meletakkan syarat sebelum menjalani ujian dan mendapatkan rawatan. Terdapat juga pesakit yang tidak mampu mengawal emosi sehingga melibatkan petugas perlu memberikan perkhidmatan sehingga di luar waktu bekerja. Ini disokong kajian oleh Gamze, Mustafa dan Yesim (2021) di Turki yang mendapati selepas pesakit disahkan positif, mereka mengalami kesukaran untuk mengawal keadaan emosi pesakit yang tidak menentu. Terdapat juga pesakit yang berhenti melakukan hubungan seksual dan mengasingkan diri manakala ada segelintir yang masih menjalani aktiviti seksual seperti biasa.

Cabaran seterusnya adalah berkaitan konsisten dalam mendapatkan rawatan. Petugas di Persatuan Cahaya Harapan mengatakan cabaran yang terbesar dihadapi mereka adalah untuk memastikan klien konsisten dalam menerima rawatan. Ini kerana ramai klien yang hanya datang mendapatkan perkhidmatan pada peringkat awal sahaja lalu menghilangkan diri kerana tidak mempunyai sokongan, masalah kewangan dan takut akan stigma yang

diterima jika mendapatkan rawatan di hospital. Ini disokong kajian di Nigeria yang dijalankan oleh Faisal, Alauddin dan Jamil (2017) yang menyatakan masalah pembiayaan rawatan, penjagaan yang terhad, kemudahan khidmat rawatan dan masalah kewangan. Nigeria merupakan sebuah negara yang mempunyai pesakit yang tinggi dan banyak penduduk tidak kira tua atau muda yang meninggal disebabkan HIV/AIDS kerana kos perubatan yang sangat tinggi menjadi halangan kepada mereka untuk mendapatkan rawatan. Kajian oleh Ahmad, Yusuf, Hakim dan Amalina (2021) pula menyokong tentang stigma dua hala di mana iannya melibatkan stigma antara klien kepada NGO dan stigma NGO kepada klien yang menyebabkan isu ini sukar dikawal dan ditangani.

Cabaran yang terakhir dihadapi oleh NGO dalam memberikan perkhidmatan kepada golongan berisiko HIV/AIDS adalah kesedaran dan kepercayaan. Ini kerana masih ramai tidak sedar akan penjagaan kesihatan bagi pesakit HIV dan juga kesukaran untuk mendapatkan kepercayaan golongan berisiko kerana mereka mempunyai pandangan yang negatif kepada NGO. Hasil kajian ini disokong oleh Philippa, Cheryl, Carmen dan Rachel (2016) di mana menyatakan cabaran yang dihadapi oleh pekerja kesihatan komuniti di Switzerland adalah masyarakat yang menghidap HIV kurang kesedaran dengan status mereka serta ramai yang terlewat membuat ujian saringan. Ini menyebabkan mereka lewat menerima terapi dan akan memberi kesan kepada kemerosotan tubuh badan pesakit. Lebih kurang separuh penghidap HIV di Switzerland mendapatkan rawatan ketika CD4 mereka telah berada di bawah paras 200 dan ini menyebabkan mereka tidak mendapat keberkesanan rawatan yang baik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, isu HIV/AIDS ini merupakan isu global dan Malaysia juga tidak terlepas dalam berhadapan dengan isu ini dimana ianya amat memberi impak kepada isu sosial di negara ini. Pelbagai usaha dan langkah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu menanganinya. Setiap langkah dan usaha telah dilakukan tetapi isu ini masih wujud malahan semakin berleluasa. Namun, seperti yang kita tahu dalam usaha memberi kesedaran dan menyebarkan kebaikan pasti wujud cabaran yang menjadi penghalang kepada pihak-pihak tersebut dalam menyampaikan perkhidmatan. Walagaimanapun, pihak kerajaan dan NGO masih berusaha dengan gigih bagi membendung peningkatan penularan HIV/AIDS di negara kita. Melalui kajian yang dijalankan ini juga dapat dilihat bahawa keperluan menyediakan perkhidmatan pekerja sosial di NGO yang memberikan perkhidmatan kepada golongan berisiko adalah sangat penting bagi membantu golongan berisiko mendapatkan kesedaran melalui intervensi yang dijalankan supaya mereka meneruskan kehidupan mereka dengan sebaiknya setelah disahkan positif HIV/AIDS.

RUJUKAN

- A'toa', M., Yusuf, A., Hakim, A., & Amalina, N. (2021). Bahagian Pemulihan Al-Riqab: Peranan dan Cabarannya Dalam Menyantuni Komuniti LGBT. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 218-230.
- Bhatia, M. S., & Sahil, M. (2014). Prevalence of depression in people living with HIV/AIDS undergoing ART and factors Associated with it. *Journal of Clinical*, 8(10), 1-4.

- Cheryl, J., Carmen, F., Philippa, E., & Rachel, B. (2016). HIV and Hepatitis Testing: Global Progress, Challenges, and Future Directions. *Article Aids Reviews*, 1-13. https://www.researchgate.net/profile/CarmenFigueroa/publication/298908691_HIV_and_Hepatitis_Testing_Global_Progress_Challenges_and_Future_Directions/link/s/578f627208aecbca4cadd024/HIV-and-Hepatitis-Testing-Global-Progress-Challenges-and-Future-Directions.pdf
- David, L. (2010). Nongovernmental Organizations, definition and history. *International Encyclopedia of Civil Society*, 1056-1062. https://www.researchgate.net/publication/302391474_Nongovernmental_Organizations_Definition_and_History
- Fairus, F, A. (2015). Peranan Badan Kerajaan berkaitan Homoseksual dari Perspektif Kumpulan Sasaran. *International Seminar*, 1-13. <https://core.ac.uk/download/pdf/132567054.pdf>
- Faisal, M., Alauddin, C., & Jamil, A. (2017). Major public health problems in Nigeria. *Journal of Public Health*, 7(1), 1-7.
- Farhana, K, B. (2018). Pembentukan dan keberkesanan modul dalam perubahan pengetahuan, persepsi dan tingkah laku pelajar sekolah menengah terhadap HIV/AIDS di Pulau Pinang, tesis Ijazah Doktor Falsafah, 1-44. <http://eprints.usm.my/43987/1/FARHANA%20KAMARUL%20BAHRIN.pdf>
- Feyissa et al. (2012). Stigma and discrimination against people living with HIV by providers, Southwest Ethiopia. *BMD Public Health*, 12. <https://link.springer.com/article/10.1186/1471-2458-12-522>
- Gamze, S., Mustafa, V.K., & Yesim, I. U. (2021). Lived experiences of people living with HIV: a descriptive qualitative analysis of their perceptions of themselves, their social spheres, healthcare professionals and the challenges they face daily. *Article BMC Public Health*. <https://bmcpublikealth.biomedcentral.com/articles/10.1186/s12889-021-10881-y>
- Hamimah, M. J. (2018). Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan dan Rawatan Dadah di Pengasih. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 40(2), 141-149. Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan dan Rawatan Dadah di Pengasih - UKM Journal Article Repository
- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. (2022). Semakan Status Pertubuhan. Diakses dari <https://www.ros.gov.my/www/portal-main/semakan2>
- Ministry of Health Malaysia. (2022). Global AIDS Monitoring. Country Progress Report. Diakses dari https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Laporan/Umum/MYS_country_report_2021.pdf
- Solehah, M, A., Hafizah, M, H., Suriani, S., & Hamimah, M, J. (2020). Program Dakwah Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS Terhadap Komuniti LGBT: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 136-148.

Sukran, K., Aliye, M., Gulsen, M., Figen, K., & Yusuf, O. (2012). The social and health problems of people living with HIV/AIDS in Izmir, Turkey. *Journal of Medicine*, *44(1)*, 32-39.

Wa'iz, M. (2020. Februari 25). Adakah HIV Masih Lagi Satu Epidemik Global. *Hellodokter*. Diakses dari <https://hellodokter.com/seks-hubungan/hiv-aids-ms/jangkitan-hiv-masih-satu-epidemik-global/>

**TAHAP SOKONGAN KOMUNITI YANG DITERIMA OLEH ORANG KENA
PENGAWASAN (OKP) AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK)
DAERAH KUBANG PASU, KEDAH**

Nurhazlina Mohd Ariffin

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia Malaysia
(Emel : nhazlina@uum.edu.my)

Abstrak

Isu penagihan dadah menjadi masalah sejagat bagi negara-negara Asia dan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat kerana ianya meninggalkan pelbagai kesan negatif terhadap manusia, sosial dan juga ekonomi (Inkster dan Comolli, 2012). Begitu juga di Malaysia, penagihan dadah bukan merupakan masalah yang baru (Anderssona, Wenaasb, & Nordfjærnac, 2019), malah semakin membimbangkan apabila statistik penagihan dadah terutamanya bagi pengekalan kepulihan Orang Kena Pengawasan (OKP) masih tidak menunjukkan penurunan yang ketara setiap tahun (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2022). Pelaksanaan Orang Kena Pengawasan (OKP) ini dipantau oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di setiap daerah yang memfokuskan kepada rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Komuniti yang kukuh dan diperkasakan dengan fasiliti serta institusi yang aktif menjadi taruhan kerajaan untuk membanteras isu penyalahgunaan dadah ini. Justeru, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji tahap sokongan komuniti yang diterima oleh OKP dalam mendepani risiko relaps. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan dijalankan dalam kalangan OKP dibawah pemantauan AADK Daerah Kubang Pasu, Kedah. Data kajian dikumpul menggunakan soal selidik yang telah dibangunkan oleh C. Hart dan Waller (2013) yang mengukur sokongan komuniti; dan Annis & Sklar (1999) & Marlatt dan Gordon (1985) yang mengukur proses kepulihan dari aspek risiko atau kecenderungan pengulangan dadah. Sejumlah 100 OKP dikenalpasti sebagai responden kajian berdasarkan sampel saiz oleh Krejcie & Morgan (1970) dan dipilih menggunakan teknik persampelan mudah berdasarkan kehadiran aktif OKP (*compliance case*) di AADK daerah Kubang Pasu semasa kajian dijalankan. Hasil kajian mendapati, tahap sokongan komuniti yang diterima oleh OKP berada pada tahap sederhana (49%), diikuti dengan 33% tahap tinggi sokongan komuniti yang diterima dan 14 % menunjukkan tahap rendah sokongan komuniti yang diterima oleh OKP. Ini jelas menunjukkan bahawa sokongan daripada komuniti amat penting dalam memberikan kepercayaan, ruang dan peluang kepada OKP untuk melalui fasa kepulihan serta peringkat perubahan tingkah laku dengan lebih baik. Ini penting dalam membantu meningkatkan atau mengembalikan kefungsi sosial OKP agar dapat terus mengekalkan kepulihan berpanjangan.

Kata kunci: *Orang Kena Pengawasan (OKP), dadah, komuniti, relaps, kepulihan*

PENGENALAN

Masalah penagihan dadah adalah isu yang serius di Malaysia seperti di banyak negara lain di seluruh dunia (Anderssona, Wenaasb, & Nordfjærnac, 2019). Menurut Abdul Ghafar Taib (1992), Jamaludin Ahmad (2007) dan Yasid dan Zulkifli (2021), penyalahgunaan

dadah telah lama berlaku di negara Malaysia semenjak Tanah Melayu dijajah oleh pihak Inggeris yang membawa masuk sekumpulan buruh dari negara Tanah Besar, China pada awal abad ke-18 lagi. Kedatangan mereka bersama candu yang biasanya digunakan oleh mereka untuk berhibur setelah penat bekerja telah menjadi titik permulaan kemasukan dadah jenis candu di Tanah Melayu pada ketika itu. Akhirnya pelbagai masalah sosial yang timbul akibat daripada penyalahgunaan candu pada ketika itu iaitu belakunya ketagihan yang tinggi dan aktiviti penyeludupan candu bukan sahaja dalam kalangan buruh China itu sendiri malah turut berlaku dalam kalangan penduduk tempatan sehingga kini. Namun, aktiviti penyalahgunaan dadah dari semasa ke semasa mula berkembang mengikut trend dan pasaran dadah terkini bermula daripada dadah jenis semulajadi yang seperti candu, morfin, heroin, ganja sehingga kepada dadah jenis sintetik yang dihasilkan daripada bahan kimia seperti pil kuda, syabu, dan ekstasi yang sangat membahayakan kesihatan mental, emosi, dan fizikal serta tingkah laku penngunanya (Sutekno Ahmad Belon, 2022).

Setiap tahun statistik penagihan dadah negara samada kes yang baharu mahupun berulang masih tidak menunjukkan penurunan yang drastik malah semakin membimbangkan ramai pihak. Terutamanya kes pengekalan kepulihan Orang Kena Pengawasan (OKP) tahunan di Agensi Anti Dadah Kebangsaan di seluruh negara dilaporkan masih tidak mencatatkan peratusan yang tinggi (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2022). Justeru, isu penyalahgunaan dadah ini tidak seharusnya dipandang remeh oleh semua pihak kerana ianya memberikan impak besar kepada individu yang terlibat seperti terhadap kesihatan fizikal, mental, emosi, tingkah laku dan ketagihan individu. Disamping itu, masalah dadah ini juga memberi kesan kepada sistem sosial dan keselamatan negara (Inkster & Comolli, 2012).

Sebagai usaha memerangi dadah di negara ini, Dasar Dadah Negara telah digubal pada 1996 dan kemudiannya telah disemak semula pada tahun 2014 serta ditambah baik pada tahun 2017 agar lebih menyeluruh dengan tindakan yang lebih komprehensif dan selaras dengan perubahan semasa yang perlu dilaksanakan dalam menangani isu dadah. Sehingga kini, AADK di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) terus bangkit memerangi isu dadah ini di bawah misi dan visi memerangi dadah khususnya menurunkan kadar penagihan dadah di negara ini ke paras bawah 400 orang daripada jumlah 100,000 orang penduduk menjelang tahun 2025. Antara fokus utama meenrusi misi dan visi ini, Program Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti yang bersifat holistik menerusi Model i-Pulih telah digunapaki dalam membantu meningkatkan peratus pengekalan kepulihan dadah khususnya dalam kalangan OKP. Model i-Pulih ini memfokuskan kepada sembilan komponen utama iaitu bimbingan dan kaunseling; sokongan sosial dan komuniti; psikopendidikan; psikospiritual; pendidikan kesihatan; keluarga; latihan kemahiran dan penempatan kerjaya; *recovery coach*; dan sukan dan rekreasi dalam merangka dan melaksanakan intervensi rawatan dan pemulihan dadah kepada klien (Re-Entry) yang baru dibebaskan daripada Pusat Pemulihan (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2022).

Ini jelas menunjukkan bahawa komuniti merupakan salah satu komponen yang penting dalam membantu proses rawatan dan pemulihan dadah khususnya OKP. Sokongan daripada komuniti menerusi sumber-sumber yang ada di dalam sesebuah komuniti seperti Jawatankuasa Penduduk (JKK), Insititusi keagamaan, dan Persatuan atau Pertubuhan-pertubuhan yang ada di dalam komuniti diperlukan dalam memberi ruang, peluang dan kepercayaan agar kefungsi sosial OKP dapat dipertingkatkan. Ini penting dalam membantu meningkatkan kesediaan OKP melalui lima peringkat perubahan tingkah laku

penagihan di sepanjang proses kepulihan mereka iaitu *pre-contemplation*, *contemplation*, *preparation*, *action*, dan *maintenance* (Adiyono & Gernowo, 2022).

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan Ketua Pengarah AADK, Sutekno Ahmad Belon pihak kerajaan kini terpaksa membelanjakan sehingga kira-kira RM66 juta setahun bagi membiayai perbelanjaan rawatan dan pemulihan klien AADK termasuk program pemulihan dalam kalangan OKP (Asyraf, 2023). Maka, pengekalan Kepulihan Orang Kena Pengawasan (OKP) merupakan sebahagian daripada usaha pihak kerajaan khususnya AADK dalam membantu menurunkan jumlah kes pengulangan dadah atau relaps negara. Penurunan kes relaps ini secara tidak langsung akan mengecilkan bilangan kes penagihan negara setiap tahun dan juga membantu merealisasikan misi dan visi AADK dalam menurunkan kadar penagihan dadah di negara ini ke paras bawah 400 orang daripada jumlah 100,000 orang penduduk menjelang tahun 2025. Justeru, Program Rawatan Dalam Komuniti menerusi Model i-Pulih adalah sebahagian daripada fokus utama dalam memastikan misi dan visi AADK berjaya selain daripada Program Pencegahan dan Program Penguatkuasaan. Model i-Pulih merupakan satu modul rawatan dan pemulihan sepanjang hayat yang menggunakan pendekatan holistik iaitu biospikososialspiritual merangkumi sembilan (9) komponen utama seperti rawatan perubatan dan kesihatan, bimbingan dan kaunseling, psikospiritual, psikopendidikan, sokongan sosial, latihan kemahiran dan vokasional, *recovery coach*, sukan dan rekreasi, dan intervensi khas (Ruwaida, 2021; Mohd Jamillul Anbila, 2022; & AADK, 2022).

Namun, peratusan pengekalan kepulihan OKP yang dilaporkan masih rendah dalam beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan program rawatan dan pemulihan dalam komuniti masih perlu diberi perhatian yang serius. Misalnya, Jadual 1 menunjukkan statistik pengekalan kepulihan OKP bagi tahun 2016 hingga tahun 2019 masih mencatatkan peratusan pengekalan yang rendah bagi kes yang memenuhi kriteria berbanding kes yang dinilai. Manakala pada tahun 2020, peratus pengekalan kepulihan sedikit meningkat bagi kes yang memenuhi kriteria. Pada tahun 2021 pula, peratusan statistik kepulihan kembali menurun apabila bilangan kes berulang bagi kepulihan OKP ialah 23,348, manakala Kes Baharu adalah seramai 51,432 orang (AADK, 2022).

Justeru, kajian tentang tahap sokongan komuniti yang diterima oleh Orang Kena Pengawasan (OKP) dibawah seliaan pejabat AADK daerah Kubang Pasu, Kedah dijalankan bagi meninjau dan mengukur sejauh mana OKP ini telah menerima sokongan komuniti setempat sepanjang proses mengekalkan kepulihan mereka di komuniti masing-masing.

Jadual 1

Statistik Pengekalan Kepulihan OKP Bagi Tahun 2016-2020

Statistik Pengekalan Kepulihan OKP Tahun 2019 & 2020		
Tahun	Kes yang Dinilai	Kes yang Memenuhi Kriteria
2016	12,362	7,443
2017	13,494	7,342
2018	15,249	8,449
2019	16,078	9,327
2020	15,967	10,716

DEFINISI KONSEP

Komuniti

Menurut Mohd Syariefudin, Mansor, Ahmad Rizal dan Faridah (2017), komuniti bermaksud kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam satu-satu kawasan tertentu dan sekumpulan individu yang tinggal dalam satu lokaliti yang sama, berkongsi nilai dan matlamat yang sama, saling berinteraksi, tolong-menolong dan mempunyai struktur sosial yang tersendiri. Namun begitu, melalui perkembangan teknologi dan pembangunan yang semakin pesat telah menyebabkan komuniti berubah dan tidak berasaskan kepada lokaliti semata-mata tetapi merentas persempadanan geografi. Ia merangkumi interaksi ahli-ahli atau individu dengan *community outcomes* dan *social infrastructures* (Nilson, 2018). Asas pembinaan sesebuah komuniti berasaskan konsep asabiah (perasaan kekitaan) yang berkaitan dengan uniti atau perpaduan sehinggalah kepada proses pembinaan sebuah tamadun (Ibn Khaldun, 2002). Secara umumnya, komuniti adalah merujuk kepada lima ciri utama iaitu saling mengenali antara satu sama lain (kejiranan), kepelgaian demografi, terdapat banyak aktiviti yang dijalankan Bersama-sama, mempunyai perasaa kekitaan atau perpaduan, dan mempunyai jawatankuasa atau persatuan-persatuan yang menguruskannya ((Jamaludin Mustafa et al., 2014). Oleh itu, komuniti dalam kajian ini didefinisikan sebagai sokongan komuniti setempat daripada kejiranan, struktur organisasi dan institusi keagamaan seperti surau dan masjid yang diterima oleh OKP di AADK Daerah Kubang Pasu, Jitra dalam melalui proses kepulihan dadah.

Kepulihan

Berdasarkan El-Guebaly (2012), kepulihan membawa maksud semakin sihat atau mampu menahan diri daripada kembali kepada tingkah laku yang tidak diinginkan. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2022) pula mendefiniskan kepulihan sebagai keadaan bekas pengguna ddah yang telah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan yang berjaya bertahan daripada mengguna semula dadah (relapse) atau bekas pengguna dadah misalnya OKP yang berjaya patuh dan memenuhi kriteria (Penggunaan Dadah & Bahan, Sokongan Kepulihan, Pekerjaan, Kefungsian Sosial, Kesediaan untuk Berubah, Kesihatan Psikologikal & Mental di sepanjang tempoh pengawasan dijalankan di AADK daerah masing-masing. Maka dalam kajian ini, kepulihan dirujuk sebagai kemampuan seseorang OKP bertahan dan mampu mendepani risiko pengulangan dadah atau relaps. Semakin tinggi risiko relapse menunjukkan semakin rendah kepulihan OKP tersebut.

Dadah

Secara asasnya, dadah merupakan sejenis bahan semulajadi atau bahan kimia yang digunakan untuk tujuan perubatan bagi mengubati penyakit (Ajanal et al., 2013). Manakala dari sudut pemasalahan sosial, dadah merujuk kepada bahan kimia datau semula jadi yang boleh meninggalkan kesan negatif kepada mental, fizikal dan psikologi penggunanya serta boleh menyebabkan pergantungan (Fareo, 2012 & Kiryakova, 2016). Maka, dadah dalam konteks kajian ini merupakan sebarang dadah atau bahan yang telah disenaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mana penggunaannya meninggalkan kesan yang negatif kepada fizikal, mental dan sosial individu yang menggunakannya seperti ganja, hero

Orang Kena Pengawasan

Orang Kena Pengawasan atau OKP di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 didefinisikan sebagai mana-mana individu yang telah mendapat perintah oleh mahkamah atau secara sukarela menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan selepas tamat tempoh yang ditetapkan individu tersebut perlu menjalani pengawasan di AADK Daerah. Tempoh Pengawasan bagi OKP ialah di antara 2 hingga 3 tahun. OKP juga merupakan individu yang telah dikenalpasti oleh pihak AADK sebagai mereka yang perlu dipantau secara berkala untuk memastikan mereka tidak terlibat atau relaps dalam aktiviti berkaitan penyalahgunaan. Pengawasan ini biasanya dilakukan oleh Agensi Anti Dadah Malaysia (AADK) Daerah ke atas bekas pengguna dadah, individu yang disyaki terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah atau individu yang mempunyai rekod kesalahan berkaitan dadah (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2022). Justeru, OKP bagi kajian ini diistilahkan sebagai mana-mana bekas pengguna dadah semasa dan yang sedang aktif menjalani pengawasan di AADK Daerah Kubang Pasu, Jitra Kedah.

KEPERLUAN SOKONGAN KOMUNITI DALAM PROSES KEPULIHAN DAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU INDIVIDU

Faktor psikososial, seperti aspek keberkesanan diri, sokongan keluarga, sokongan rakan dan sokongan komuniti setempat memainkan peranan yang penting dalam membantu menurunkan kadar pengulangan dadah atau penyalahgunaan bahan. Sokongan komuniti yang baik juga dapat membantu meningkatkan keberkesanan program rawatan pemulihan dalam komuniti (Azmi et al., 2018). Ini adalah kerana, proses kepulihan merupakan satu proses yang panjang dan berterusan serta penuh dengan cabaran (Li et al., 2011). Sokongan komuniti sememangnya memberikan impak secara langsung dan tidak langsung kepada pembentukan tingkah laku manusia serta pelbagai masalah sosial termasuklah penagihan dadah (Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar, 2009).

Menurut Brooks-gunn et al. (2015), kondisi kejiwaan di dalam sesebuah komuniti dipercayai dapat mempengaruhi pembentukan sesebuah tingkah laku, pemikiran, dan nilai di dalam diri individu. Williams dan Latkin (2007) pula menjelaskan, persekitaran kejiwaan di dalam sebuah komuniti adalah melangkaui konteks sosial dan merangkumi aspek lain iaitu aspek fizikal, ekonomi, struktur rangkaian dan hubungan. Membina hubungan yang positif dengan komuniti dan kejiwaan akan menyebabkan individu rasa dipunyai, tidak kesunyian dan seterusnya membantu dalam proses kepulihan tingkah laku serta mampu mengekalkan kepulihan yang berterusan dalam kalangan bekas penagih atau bekas banduan apabila mereka kembali ke dalam komuniti masing-masing (Mowen & Visher, 2013; & Dingle et al., 2015).

Jenis atau keadaan sesebuah kejiwaan dipercayai dapat mempengaruhi pembentukan sesebuah tingkah laku, pemikiran, dan nilai di dalam diri individu (Brooks-gunn et al., 2015). Pendekatan Model Sosiobudaya oleh Fields (2004) menjelaskan bahawa masyarakat, budaya, komuniti, sosioekonomi, dan keadaan lokaliti dapat memberikan impak yang besar terhadap pembentukan tingkah laku individu untuk sama ada terlibat atau tidak dengan pelbagai aktiviti salah laku sosial termasuklah penagihan dadah dan alkohol. Pada peringkat komuniti, mereka yang membesar dalam komuniti yang tidak bernasib baik (disadvantaged community) atau komuniti yang serba kekurangan (deprivation) menyumbang kepada pelbagai permasalahan sosial termasuk penagihan dadah (Dietze et al., 2010). Walaubagaimanapun, keadaan komuniti bukan sahaja dapat

mempengaruhi pembentukan tingkah laku negatif. Malah, dari sudut positif ianya mampu berperanan sebagai role model terbaik dalam merawat dan membentuk tingkah laku yang lebih baik (Boardman et al., 2015).

Selain itu, manusia beringkah laku hasil daripada interaksi dengan persekitarannya. Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura (1977), persekitaran sosial merupakan salah satu elemen penting yang mempengaruhi tingkah laku manusia. Komuniti juga merupakan sebahagian daripada persekitaran sosial manusia yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh sesiapa sahaja yang berada di sekelilingnya termasuklah OKP. OKP juga merupakan satu entiti sosial yang tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan komuniti sekitarnya dalam meneruskan kehidupan selepas atau semasa dalam proses pemulihan menerusi sokongan dan bantuan kebajikan yang disalurkan.

Kawasan kejiranan atau komuniti juga bukanlah sekadar menjadi pelengkap kepada tempat tinggal yang didiami malah meninggalkan kesan kepada penduduknya. Menurut Williams dan Latkin (2007) persekitaran kejiranan melangkaui konteks sosial dan antara aspek lain yang terlibat ialah fizikal, ekonomi, struktur rangkaian dan hubungan. Tindak balas antara persekitaran kejiranan dengan individu akan berlaku dan membentuk tingkah laku yang baik atau negatif. Secara logik, mereka yang tinggal di dalam persekitaran negatif mahu atau tidak pasti akan terpengaruh dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Hal ini disebabkan masa yang diluangkan di tempat tinggal lebih lama dan kekerapan berinteraksi dengan individu lain di kawasan kejiranan.

Selari dengan Model Sosiobudaya yang menjelaskan bahawa persekitaran sosial dan budaya merupakan dua elemen penting dalam mencorakkan individu. Dalam erti kata yang lain, masyarakat, budaya, komuniti, sosioekonomi, dan keadaan lokaliti dapat memberikan impak yang besar terhadap perbezaan pembentukan tingkah laku individu untuk sama ada terlibat atau tidak dengan pelbagai aktiviti salah laku sosial termasuklah penagihan dadah dan alkohol (Fields, 2004). Mereka yang membesar dalam komuniti yang tidak bernasib baik (*disadvantaged community*) juga, boleh menyumbang kepada kemunculan pelbagai permasalahan sosial lain termasuk penagihan dadah berbanding dengan komuniti yang bernasib baik (*advantaged community*) (Dietze et al., 2010).

Maka, sedar atau tidak komuniti merupakan satu komponen di dalam sistem makro yang turut menyumbang kepada pembentukan atau perubahan tingkah laku individu yang beradan di dalamnya. Walaupun faktor ini dilihat dalam skala yang kecil berbanding faktor-faktor lain seperti gaya asuhan ibu bapa, keluarga dan aspek kognitif, namun ianya memberi impak kepada kesediaan individu misalnya bekas pengguna dadah untuk mengekalkan kepuhannya kerana mahu atau tidak mereka akan kembali semula ke dalam komuniti setempat setelah tamat menjalani mana-mana program rawatan dan pemulihan dadah. Oleh itu, sokongan daripada komuniti sangat diperlukan dalam membantu mereka yang pernah terlibat dengan masalah dadah untuk lebih bermotivasi dalam membuat perubahan yang lebih positif. Ini kerana komuniti juga mempunyai dua sub komponen utama iaitu '*neighbourhood advantage*' dan '*neighbourhood disadvantage*.' Persekitaran komuniti yang negatif (akan meningkatkan risiko berlakunya penyalahgunaan atau pengulangan dadah di pelbagai peringkat umur dan begitulah sebaliknya (Boardman et al., 2001; Finch, Kolody & Verga, 1999; Freisthler et al., 2005; Fuller et al., 2005; Saxe et al., 2001; Sunder et al., 2007; Williams & Latkin, 2007).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif (Nueman, 2011) bagi mengkaji tahap sokongan komuniti yang diterima oleh OKP di bawah pengawasan AADK daerah Kubang Pasu, Jitra Kedah. Pengkaji telah mendapat kebenaran melalui telefon untuk menjalankan kajian di AADK Jitra, Kedah. Sejumlah 100 OKP dikenalpasti sebagai responden kajian berdasarkan sampel saiz oleh Krejcie & Morgan (1970) dan dipilih menggunakan teknik persampelan mudah. Data kajian ini dikumpul menggunakan instrumen kajian berbentuk satu set soal selidik. Soal selidik ini telah diadaptasi daripada Hart dan Waller (2013) yang mengukur sokongan komuniti yang diterima OKP; dan Annis & Sklar (1999) & Marlatt dan Gordon (1985) yang mengukur proses pemulihan dari aspek risiko relaps. Item-item yang diambil telah diterjemahkan menggunakan kaedah *backward translation* dan dilakukan sedikit pengubahsuaian mengikut objektif kajian. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian seperti dalam Jadual 2 berikut. Kesemua data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 26 menerusi pengujian deskriptif dan inferensi.

Jadual 2

Instrumen Kajian

Bahagian	Variabel	Bilangan Item	Sumber
A	Maklumat demografi OKP (umur, jantina, bangsa, agama, tahap Pendidikan, tempat tinggal, mukim, status perkahwinan, status pekerjaan, kekerapan menerima rawatan pemulihan, nama institusi rawatan dan pemulihan terakhir, jenis dadah yang pernah digunakan, tempoh penglibatan penagihan dadah dan sebab pengambilan dadah)	12 item	
B	Kepulihan dadah (KPD)	20 item	Annis, Sklar, & Turner (1997)
C	Sokongan komuniti yang diterima	13 item	Hart dan Waller (2013); & Winstanley, Steinwachs, Ensminger, Latkin, Stitzer, & Olsen (2008).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Demografi OKP

Bagi kajian ini, semua responden terdiri daripada 100 orang lelaki dalam kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP). Daripada jumlah tersebut, seramai 57 orang berumur 30 tahun dan ke bawah, 33 OKP berumur di antara 31 hingga 40 tahun, dan selebihnya 10 orang OKP lagi berumur 41 tahun dan ke atas. Manakala bagi tahap pendidikan pula, 11 OKP mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah, 73 OKP mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah dan 16 OKP memiliki sijil atau diploma. Kebanyakan responden juga terdiri daripada OKP yang berstatus bujang iaitu seramai 63 orang, diikuti dengan berstatus berkahwin seramai 26 orang dan hanya 11 OKP melaporkan status bercerai. Seterusnya, majoriti responden terdiri daripada 68 OKP yang tinggal di kawasan luar bandar dan selebihnya hanya 32 OKP yang tinggal di kawasan bandar. Akhir sekali dalam maklumat demografi ini didapati, sejumlah 70 orang OKP melaporkan bekerja sendiri, 17 OKP bekerja swasta, 11 OKP masih tidak bekerja dan hanya 11 OKP melaporkan tidak bekerja (sil rujuk Jadual 2).

Jadual 3

Profil Demografi OKP AADK Kubang Pasu, Kedah

Pembolehubah	Deskripsi	Bil (N=100)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	100	100
	Perempuan	0	0.0
Kumpulan Umur	≤ 30 tahun	57	57.0
	31 hingga 40 tahun	33	33.0
	≥ 41 tahun	10	10.0
Agama	Islam	99	99.0
	Lain-lain	1	1.0
Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	11	11.0
	Sekolah Menengah	73	73.0
	Sijil/Diploma	16	16.0
Status Perkahwinan	Bujang	63	63.0
	Berkahwin	26	26.0
	Bercerai	11	11.0
Tempat Tinggal	Bandar	32	32.0
	Luar Bandar	68	68.0
Jenis Pekerjaan	Kerajaan	2	2.0
	Swasta	17	17.0
	Sendiri	70	70.0
	Tidak bekerja	11	11.0

Tahap sokongan komuniti yang diterima oleh Orang Kena Pengawasan (OKP).

Bagi tahap sokongan komuniti yang diterima pula, hasil analisis menunjukkan majoriti tahap sokongan komuniti yang diterima oleh OKP berada pada tahap sederhana (49%), diikuti dengan 33% tahap tinggi sokongan komuniti yang diterima dan hanya 14 % tahap rendah sokongan komuniti yang diterima oleh OKP di daerah Kubang Pasu, Kedah seperti dalam Jadual 4 berikut.

Jadual 4

Tahap sokongan komuniti yang diterima oleh OKP

Tahap sokongan komuniti yang diterima	Bilangan OKP	Peratus
Tahap Rendah	18	18.0
Tahap Sederhana	49	49.0
Tahap Tinggi	33	33.0
JUMLAH	100 (N)	100.0

Perhubungan di antara sokongan komuniti yang diterima oleh OKP dengan Kepulihan

Jadual 5 menunjukkan phubungan sokongan komuniti yang diterima OKP dengan kepulihan. Hasil ujian korelasi pearson menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan dan bentuk hubungan korelasi yang positif di antara sokongan komuniti yang diterima dengan kepulihan OKP ($P \leq 0.05$, $r=0.30$). Ini menunjukkan semakin tinggi sokongan komuniti yang diterima, semakin tinggi kepulihan OKP. Maka, hipotesis kajian ini diterima.

Jadual 5

Perhubungan di antara Sokongan Komuniti yang diterima oleh OKP

Sokongan Komuniti yang diterima	
	Korelasi Pearson
	0.300
Kepulihan OKP	Singnifikan (P)
	0.002
	N
	100

Secara umumnya, sokongan komuniti merupakan komponen yang sangat penting dalam membantu meningkatkan kadar pengekalan kepulihan OKP. Hasil kajian ini juga telah membuktikan terdapat perhubungan yang signifikan di antara sokongan komuniti yang diterima (hubungan kejiwaan, organisasi atau jawatankuasa dalam komuniti & juga institusi agama iaitu surau/masjid) dengan kepulihan OKP. Hubungan korelasi positif yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa semakin tinggi sokongan daripada komuniti yang diterima maka, semakin tinggi juga kepulihan OKP sepanjang tempoh pengawasan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar (2009); dan Azmi et al., (2018) juga menjelaskan faktor makro iaitu persekitaran sosial

merupakan salah satu daripada elemen di dalam komponen psikososial yang turut bersama menjadi penyumbang kepada berlaku atau tidak berlaku relaps. Begitu juga dengan Mowen & Visher (2013), Dingle et al. (2015), Brooks-gunn, Duncan, Klebanov & Sealand (2015) dan Dietze et al. (2010) yang telah membuktikan persekitaran baik serta hubungan positif daripada komuniti setempat memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan rasa dipunyai dalam kalangan bekas pengguna dadah/bahan dan seterusnya meningkatkan semangat mereka untuk membuat perubahan ke arah yang lebih baik (Clayton, 1992).

Fasa kepulihan penagih dadah dan pengekalan juga merupakan satu proses yang tidak mudah sebaliknya ada pelbagai liku yang perlu mereka lalui dalam fasa perubahan tingkah laku kepulihan (Li et al., 2011). Begitu juga OKP yang baru tamat menjalani rawatan dan pemulihan dadah yang lazimnya mempunyai sifat rendah diri yang sangat tebal di dalam diri dan mudah terjejas. Justeru, penerimaan dan sokongan daripada komuniti setempat selain daripada keluarga sangat penting agar mereka diberi peluang untuk menjalani rutin harian serta berfungsi dengan lebih baik dalam sistem sosialnya (Boardman et al., 2001; Finch, Kolody & Verga, 1999; Freisthler et al., 2005; Fuller et al., 2005; Saxe et al., 2001; Sunder et al., 2007; & Williams & Latkin, 2007).

Walau bagaimanapun, hasil kajian turut melaporkan tahap sokongan komuniti yang diterima oleh OKP masih pada tahap sederhana. Maka, bagi membantu meningkatkan pengekalan kepulihan dan seterusnya meningkatkan kefungsi sosial diri OKP, sokongan komuniti yang diterima daripada kejiwaan, organisasi atau jawatankuasa dalam komuniti dan juga institusi agama (surau/masjid) amat diperlukan. Pihak kerajaan khususnya AADK seharusnya merangka dan membangunkan banyak lagi *re-entry* program berbentuk kesedaran serta mendidik komuniti setempat agar menjadi lebih cakna, memahami, empati dan tidak meminggirkan hak OKP dalam menyertai setiap program, organisasi dan institusi agama yang ada di dalam komuniti setempat. Ini penting dalam membantu OKP melalui proses kepulihan dengan lebih berkesan dan mampu mengekal kepulihan sepanjang hayat demi pembangunan sosial, ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan negara yang lebih positif.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, OKP merupakan salah satu golongan rentan yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Kebanyakan OKP terdiri daripada individu yang telah tamat tempoh menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan yang ditetapkan samada melalui perintah mahkamah atau secara sukarela dan perlu menjalani pengawasan di mana-mana AADK Daerah. Sepanjang tempoh pengawasan tersebut, mereka perlu melalui beberapa fasa kepulihan dadah yang sangat mencabar. Justeru, mereka seharusnya dibimbing dan mendapat sokongan yang padu oleh komuniti tempat tinggal mereka. Ini penting bagi membantu meningkatkan keyakinan dan resilien diri untuk kembali membangunkan atau meningkatkan kefungsi sosial OKP dalam menjalani rutin harian yang lebih sihat dan sejahtera.

PENGHARGAAN

Ucapan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inonasi, Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam membantu menjayakan penyelidikan ini. Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Geran Penjanaan Univerisiti Utara Malaysia (KOD S/0 13866).

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Taib. (1992). *Dadah Pembunuh*. Kuala Lumpur: Delmu (M) Sdn Bhd.
- Aizat Sharif. (30 Mei, 2023). Inisiatif produk SUKA bantu sokong pemulihan klien AADK. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1107824/inisiatif-produk-suka-bantu-sokong-pemulihan-klien-aadk>
- Andersson, H.W., Wenaasb, M., & Nordfjærna, T. (2019). Relaps after inpatient substance use treatment: A prospective cohort study among users of illicit substances. *Addict Behaviour*, 90, 222–228.
- Annis, H. M., Sklar, S. M., & Turner, N. E. (1997). *Drug Taking Confidence Questionnaire : User's guide*. Toronto, Canada: Addiction Research Foundation.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2022). Orang Kena Pengawasan. Diakses dari <http://www.aadk.gov.my>
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2022). Statistik Pengekalan Kepulihan. Diakses dari <http://www.aadk.gov.my>
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2023). Maklumat Rawatan dan Pemulihan Dadah. Diakses dari <http://www.aadk.gov.my>
- Ajanala, M., Nayakb, S., Prasad, B.S., & Kadam, A. (2013). Adverse drug reaction and concepts of drug safety in Ayurveda: An overview. *Journal of Young Pharmacists*, 5, 116-120.
- Asyraf Muhamad. (11 Julai 2023). RM66 juta setahun bagi perbelanjaan klien AADK. - Utusan Malaysia.
- Azmi, A. A., Hussin, H., Ishak, S. I. D., & Daud@Fhiri, N. S. (2018). Drug Addicts: Psychosocial Factor Contributing to Relapse. MATEC Web of Conferences, 150, 1-6.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.
- Boardman, J.D., Finch, B.K., Ellison, C.G., Williams, D.R., & Jackson, J.S. (2001). Neighborhood disadvantages, stress, and drug use among adults. *Journal of Health and Social Behaviour*, 42(2), 151-165.
- Brooks-gunn, A. J., Duncan, G. J., Klebanov, P. K., Sealand, N., & Brooks-gunn, J. (2015). Do Neighborhoods Influence Adolescent Development?. *American Journal of Sociology*, 99(2), 353–395.
- Dietze, P., Stoové, M., Miller, P., Kinner, S., Bruno, R., Alati, R., & Burns, L. (2010). The self-reported personal well being of a sample of Australian injecting drug users. *Addiction*, 105(12), 2141–8.

- Dingle, Genevieve, Stark, Claire, Cruwys, Tegan & David (2015). Breaking good: breaking ties with social groups may be good for recovery from substance misuse. *British Journal of Social Psychology*, 54 (2), 236-254.
- El-Guebaly N. (2012). The meanings of recovery from addiction: evolution and promises. *Journal of Addict Med.* 6(1):1-9. doi: 10.1097/ADM.0b013e31823ae540.
- Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar (2009). The influence of community on relapse addiction. *European Journal of Social Sciences*, 11(3), 471-476.
- Fields, R. (2004). *Drugs in perspective: A personalized look at substance use and abuse*. New York : McGraw-Hill.
- Finch, B. K., Kolody, B., & Verga, W. A. (1999). Contextual effects of perinatal substance exposure and Black and White women in California. *Sociological Perspectives*, 42, 141–156.
- Freisthler, B., Lascala, E. A., Gruenewald, P. J., & Treno, A. J. (2005). An examination of drug activity: Effects of neighborhood social organization on the development of drug distribution systems. *Substance Use & Misuse*, 40, 671–686.
- Fuller, C. M., Borrell, L. N., Latkin, C. A., Galea, S., Ompad, D. C., Strathdee, S. A. Vlahov, D. (2005). Effects of race, neighborhood, and social network on age at initiation of injection drug use. *American Journal of Public Health*, 95(4), 689–695.
- Hart, T.C. & Waller, J. (2013). Neighborhood Boundaries and Structural Determinants of Social Disorganization: Examining the Validity of Commonly Used Measures. *Western Criminology Review* 14(3), 16-33.
- Ibn Khaldun (2002). Mukadimah. Cetakan ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Inkster, N. & Comolli, V. (2012). Drugs, insecurity, and failed states: The problems of prohibition. London : IISS The International Institute for Strategic Studies.
- Hart, T.C. & Waller, J. (2013). Neighborhood Boundaries and Structural Determinants of Social Disorganization: Examining the Validity of Commonly Used Measures. *Western Criminology Review* 14(3), 16-33.
- Jamaludin Ahmad. (2007). *Modul kaunseling : Penyalahgunaan dadah*. Selangor : UPM Press.
- Jamaludin Mustaffa, Rosli Mohammed, Mohd Hilmi Hamzah, & Kamarudin Ngah (2014). Pembangunan Komuniti : Pencapaian aktiviti dan matlamat Rukun Tetangga. Dalam Zakiah Jamaluddin (Ed.), *Pembangunan Komuniti di Malaysia dan Indonesia* (pp. 38-48). Sintok : UUM.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Sample size determination table. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Li, L., Ding, Y., Lai, W., Lin, C., & Luo, W. (2011). Motivational profiles of clients seeking methadone maintenance therapy in China. *Drug and Alcohol Dependence*, 118(2-3), 335–340.
- Marlatt & Gordon (1985). Relapse Prevention (RP) Model. In Larimer, M. E, Palmer, R. S., & Marlatt, G. A. (1999). Relapse Prevention : An Overview of Marlatt's Cognitive-Behavioral Model. *Alcohol, Research, & Health*, 23(2), 151-160.

- Mohd Jamilul Anbia Md Denin (12 November, 2022). *Guna model i-Pulih, AADK agresif bantu bekas penagih (hmetro.com.my)*. Diakses dari. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/902795/guna-model-i-pulih-aadk-agresif-bantu-bekas-penagih>.
- Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain (2017). Konsep komuniti dan perkembangannya: Suatu tinjauan kritikal terhadap penggunaannya. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 12(3), 1-15.
- Mowen, T.J. & Visher, C. A. (2015). Drug Use and Crime after Incarceration: The Role of Family Support and Family Conflict. *Justice Quarterly*, 32(2), 337–359.
- Nilson, C. (2018). Community safety and well-being: Concept, practice, and alignment. *Journal of Community Safety & Well-Being*, 3(3), 96-104.
- Neuman, W. L. (2011). *Social Research Methods : Qualitative and Quantitative Approaches (7th ed.)*. Boston : Pearson.
- Oluremi Fareo, D. (2012). Drug abuse among nigerian adolescents strategies for counselling. *Journal of International social research*, 5(20), 341-347.
- Ruwaida Md Zain (9 April, 2021). Selangor jadi perintis aplikasi i-Pulih. [Selangor jadi perintis aplikasi i-Pulih \(hmetro.com.my\)](https://www.hmetro.com.my) .
- Saxe, L., Kadushin, C., Beveridge, A., Livert, D., Tighe, E., Rindskopf, D. & Brodsky, A. (2001). The visibility of illicit drugs: Implications for community based drug control strategies. *American Journal of Public Health*, 91, 1987–1994.
- Soni Adiyono, Rahmat Gernowo, A. W. (2022). A Combination of Algorithmic to Predict Readiness for Change of Narcotics Addicts Rehabilitation Patients. *International Journal of Health, Education and Social (IJHES)*, 5(10), 9–31.
- Sunder, P. K., Grady, J. J., & Wu, Z. H. (2007). Neighborhood and individual factors in marijuana and other illicit drug use in a sample of low-income women. *American Journal of Community Psychology*, 40, 167–180.
- Sutekno Ahmad Belon. (6 Mac, 2022). Dadah sintetik beri cabaran lebih besar, dorong jenayah berat. [Dadah sintetik beri cabaran lebih besar, dorong jenayah berat \(bharian.com.my\)](https://www.bharian.com.my) .
- Williams, C. T., & Latkin, C. A. (2007). Neighborhood socioeconomic status, personal network attributes, and use of heroin and cocaine. *American Journal of Preventive Medicine*, 32(6), S203-S210.
- Yasid, A. F. M., & Zulikifli, N. (2021). Ketagihan candu di Tanah Melayu sehingga tahun 1957. *Journal of the Department of History*, 30(1), 128-142.

KESAN KETIDAKSTABILAN EKONOMI TERHADAP KESEJAHTERAAN KELUARGA

Nuruaslizawati Ayob & Siti Hajar Abdul Rauf

Fakulti Sains Sosial Gunaan,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

(Emel : ayobnuruaslizawati@gmail.com, hajarrauf@unisza.edu.my)

Abstrak

Keluarga merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan individu dan masyarakat. Setiap ahli dalam keluarga mempunyai tanggungjawab dan sumbangan yang berbeza untuk mewujudkan sebuah persekitaran keluarga yang harmoni dan penuh kasih sayang. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi yang tidak stabil menyebabkan sesetengah masyarakat berhadapan dengan keganasan rumah tangga. Justeru, satu kajian menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah temu bual secara mendalam telah dijalankan ke atas individu yang telah bercerai di Negeri Terengganu, Malaysia. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dan bola salji (*snowball sampling*) berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan. Hasil kajian menunjukkan masalah ekonomi dalam keluarga menyebabkan tekanan dan ketegangan yang membawa kepada keganasan rumah tangga dan perceraian. Kajian ini menunjukkan perceraian yang berlaku mempunyai hubungan yang sangat tinggi dengan ketidakstabilan ekonomi sehingga menyebabkan keganasan rumah tangga dan perceraian. Justeru, intervensi terhadap sistem kekeluargaan harus dititikberatkan bagi membantu setiap institusi kekeluargaan menjalankan kefungsiannya dengan sempurna.

Kata kunci: keluarga, kesejahteraan keluarga, ekonomi, perceraian

PENGENALAN

Keluarga adalah unit terkecil masyarakat yang terdiri daripada individu yang mempunyai pertalian darah, perkahwinan, atau anak angkat. Dalam aspek kekeluargaan, keluarga adalah penting tetapi bagaimana kebahagiaan mempengaruhi kesejahteraan? Kebahagiaan disalurkan melalui hati yang memiliki cinta dan disampaikan sesama manusia tanpa mengira kedudukan dalam kehidupan (Alfalah, & Alganem, 2020; Compton & Hoffman, 2019). Kajian yang dijalankan dalam kalangan remaja mendapati bahawa 80 peratus merujuk kepada keluarga dari segi kasih sayang dan sokongan yang afektif, dan hanya lebih 40 peratus kepada kriteria hidup bersama, biologi atau undang-undang (Wollny, Apps & Henricson, 2010).

Setiap ahli dalam keluarga mempunyai peranan penting dalam membentuk individu dan mempengaruhi perkembangan sosial, emosi dan psikologi. Selain itu, keluarga juga berperanan dalam memenuhi keperluan asas ahli keluarga seperti makanan, tempat tinggal dan pendidikan. Menurut Gucciardo dan Siino (2022) keluarga memberi kesan kepada kesejahteraan individu. Namun begitu, struktur keluarga mungkin berbeza mengikut budaya dan masyarakat (Chambers & Gracia, 2021).

Menurut Abdul Wahab, Wan Mohd Yusof, Ahmad Faizal, Muhammad Hagia dan Farah Syazrah (2021) kebahagiaan atau keruntuhan sesebuah institusi kekeluargaan dinilai daripada dua sudut iaitu kesejahteraan anak dan kesejahteraan ibu bapa. Kesejahteraan anak dikaji menerusi dua indikator utama iaitu latar belakang keluarga dan perkahwinan manakala kesejahteraan ibu bapa dikaji melalui tiga indikator iaitu latar belakang keluarga, perkahwinan dan keibubapaan (Abdul Wahab et al., 2021). Jangkaan yang tidak realistik dalam mencari kebahagiaan menyebabkan ketidakharmonian dalam institusi keluarga sehingga berlakunya ketidaksejahteraan dalam keluarga.

Kemiskinan dan Kesejahteraan Keluarga

Kemiskinan sering dikaitkan dengan ketidaktentuan ekonomi dan pengangguran. Keluarga miskin mungkin tidak mempunyai akses kepada pekerjaan yang stabil dan bergaji tinggi. Ini menyebabkan ketidakstabilan ekonomi dan ketidaktentuan kewangan, yang seterusnya menjejaskan kestabilan keluarga dan kesejahteraan mereka. Menurut Phull, Phulpoto, Mahar dan Memon (2022) kemiskinan dicirikan dengan pengambilan rendah kalori, kekurangan akses kepada penjagaan kesihatan yang betul, sistem pendidikan yang lemah, jangka hayat yang singkat dan pengangguran. Kemiskinan memberi kesan yang besar kepada kesejahteraan keluarga. Apabila keluarga hidup dalam keadaan kemiskinan, mereka menghadapi cabaran yang serius dalam memenuhi keperluan asas mereka dan meningkatkan kualiti hidup mereka. Beberapa aspek yang berkaitan kemiskinan dan kesejahteraan keluarga telah dibincangkan seperti di bawah:

Keganasan rumah tangga

Keganasan rumah tangga mungkin disebabkan oleh ketidakstabilan kewangan dalam keluarga. Menurut Sharma dan Borah (2020) kemiskinan dapat meningkatkan risiko keganasan dalam rumah tangga. Tekanan ekonomi, ketidakstabilan dan tekanan yang disebabkan oleh kemiskinan boleh menyebabkan konflik dan keganasan dalam hubungan keluarga. Oleh itu, kestabilan kewangan adalah penting untuk menyara kehidupan serta memenuhi keperluan dan kehendak ahli keluarga. Keganasan rumah tangga dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah seperti masalah peribadi, kuasa dan kawalan dan kitaran keganasan, manakala faktor luaran adalah seperti sosial dan budaya, ketidaksamaan gender dan ekonomi.

Menurut Stark, Flitcraft & Frazier (2019) keganasan dalam keluarga boleh berpunca daripada pemikiran materialis atau ancaman terhadap pelaksanaan keistimewaan lelaki. Siti Hajar, Azlini, Normala dan Sabri (2022) menyatakan bahawa menghadapi kes keganasan rumah tangga adalah mencabar dan rumit kerana sesetengah responden hanya mengakui keganasan dalam rumah tangga apabila mereka mengalami kecederaan fizikal. Schultz, Callender, Schwer Canning dan Collins (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa konteks "kawalan paksaan" sering digunakan untuk menggambarkan keganasan dan penderaan yang berlaku dalam hubungan intim. Dalam perkahwinan, situasi seperti ini dianggap kritikal (Potmus, Hoge, Breckenridge, Sharp-Jeffs & Chung, 2020). Di sini, pendera mengekalkan kawalan ke atas pasangan mereka dengan menggunakan pelbagai strategi, seperti memaksa mangsa bergantung pada wang, menekan mangsa sehingga menjadikannya tidak percaya diri, menyerang mangsa secara fizikal atau menimbulkan ketakutan berterusan dalam diri mangsa.

Pendidikan

Kemiskinan boleh menjadi penghalang untuk mendapatkan pendidikan berkualiti. Keadaan kewangan yang sukar boleh mengganggu akses mereka kepada pendidikan yang mencukupi, penjagaan kesihatan dan keperluan asas lain. Ini boleh menghalang potensi mereka untuk mencapai kejayaan peribadi dan membentuk masa depan yang lebih baik. Manakala, pendidikan yang saksama dan inklusif mempunyai peranan penting dalam menyediakan peluang kepada individu daripada keluarga berpendapatan rendah untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam masyarakat. Phull et al. (2020) menyatakan bahawa kemiskinan kekal sebagai penghalang paling ketara kepada pendidikan dan kunci untuk melepaskan diri daripada kemiskinan adalah melalui pendidikan. Ini kerana, pendidikan yang sama boleh membantu mengurangkan jurang pendapatan dan menyediakan peluang yang sama untuk semua individu (UNESCO, 2020). Menurut Kumari (2018) perbincangan mengenai kepentingan pendidikan adalah perlu bagi mengurangkan kepincangan dalam isi rumah berpendapatan rendah.

Peluang Pekerjaan dan Pendapatan

Struktur kerja dalam sesebuah komuniti boleh menjejaskan ekonomi keluarga. Sesetengah komuniti mungkin dikuasai oleh sektor pekerjaan tertentu yang menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik, manakala komuniti lain mungkin menghadapi masalah mewujudkan pekerjaan yang mencukupi atau mempunyai pekerjaan yang tidak stabil. Kemiskinan sering dikaitkan dengan kekurangan peluang pekerjaan yang baik dan pendapatan yang rendah. Apabila ahli keluarga tidak dapat menjana pendapatan yang mencukupi, ini boleh menghalang keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan asas, seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Satu kajian oleh World Bank (2015) pengangguran yang tinggi dan pendapatan rendah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan di banyak negara. Kajian menunjukkan bahawa ketiadaan pekerjaan yang layak dan gaji yang rendah boleh menjadi penghalang kepada keluarga untuk melepaskan diri daripada kemiskinan dan meningkatkan kebajikan mereka.

Persekitaran Sosial dan Kesejahteraan Emosi

Kesejahteraan ekonomi boleh memberi kesan positif kepada persekitaran sosial. Apabila kesejahteraan ekonomi meningkat, orang ramai cenderung mengalami peningkatan kualiti hidup, akses yang lebih baik kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, dan kestabilan sosial yang lebih baik. Ini boleh menyumbang kepada persekitaran sosial yang lebih harmoni, dengan peningkatan kualiti hubungan interpersonal, penyertaan dalam kehidupan masyarakat, dan kepercayaan sosial yang lebih besar. Manakala, ketidakstabilan ekonomi dan tekanan kewangan menjejaskan kesihatan dan interaksi dalam kalangan ahli keluarga, termasuk penurunan atau peningkatan dalam kualiti perkahwinan, pembubaran keluarga, dan ketidakstabilan perkahwinan (Rosiana, Zaman, Lutfiani, Simanjuntak & Riany, 2022). Selain itu, tekanan psikologi yang tinggi akan mengakibatkan kualiti perkahwinan yang rendah dan memberi implikasi kepada kepuasan perkahwinan (Mousavi, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Menurut Nassaji (2020), penyelidikan kualitatif didefinisikan sebagai penyelidikan yang bersifat semula jadi dan tidak melibatkan data berangka. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang pengalaman dan makna dalam kehidupan mereka untuk mengenal pasti dengan lebih baik berkait tentang apa atau mengapa mereka lakukan hal tersebut. Terdapat lima jenis utama kajian yang terdapat dalam kajian kualitatif; fenomenologi, etnografi, naratif, kajian kes dan penjanaan teori (*grounded theory*) (Creswell, 2021). Secara khususnya, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan fenomenologi. Neubauer, Witkop dan Varpio (2019), menyatakan kajian fenomenologi bertujuan untuk menggambarkan makna pengalaman seseorang baik dari segi apa yang dialami atau bagaimana mereka alami. Pengalaman ini dipengaruhi dan terikat dengan konteks sejarah sosial dan budaya orang yang terlibat (Creswell, 2021).

Kajian ini melibatkan seramai tiga orang informan kajian. Menurut Creswell (2021) ukuran peserta dalam penyelidikan fenomenologi antara 2 hingga 25 orang. Beberapa kriteria khusus telah ditetapkan dalam pemilihan sampel antaranya (i) lelaki dan perempuan (ii) bercerai (iii) tinggal di Terengganu. Manakala persampelan kajian ialah kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan bola salji (*Snowball*). Bagi kajian ini, tiga orang informan telah berjaya ditemubual.

Satu temu bual semi struktur turut dijalankan bagi menawab objektif kajian namun masih mengikuti garis panduan yang ditetapkan. Data yang dikumpul seperti menyalin, mengekod dan memperincikan pengalaman istimewa setiap kes individu telah dilaksanakan. Hasil kajian telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 23.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini memperincikan penemuan temu bual yang dijalankan dengan beberapa orang informan utama. Tema utama dikenal pasti dan dibentangkan merujuk kepada bentuk keganasan ekonomi.

Bentuk Keganasan Ekonomi

Pergantungan Ekonomi

Setelah berkahwin, wanita yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan. Ini kerana, mereka lebih memilih untuk menjadi suri rumah sahaja. Dalam kebanyakan kes, jika ibu bapa tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, mereka akan berasa seperti terbeban. Perkara ini dapat dibuktikan apabila informan utama mengatakan:

“Lepas kahwin saya berhenti kerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa dan menjaga anak-anak sahaja. Duit makan, pakai pada awalnya dia tanggung semuanya. Masuk tahun akhir bersama dia jarang balik rumah dan dok bagi duit belanja doh. Saya juga balik ke rumah mak ayah saya dan tinggal di sana untuk mencari kerja untuk menafkahi anak-anak yang semakin membesar”

(Sumber: Informan Utama 3)

Melakukan pelbagai pekerjaan

Masalah kewangan terutamanya dinyatakan melalui salah urus kewangan sumber yang digambarkan dalam petikan di bawah. Bagi menampung perbelanjaan seharian hidup, informan utama turut menyatakan mereka turut melakukan pelbagai kerja untuk mencukupkan perbelanjaan bulanan.

“Saya memang kerja dari sebelum kahwin. Tapi lepas kahwin berganda kewangan tak cukup. Saya terpaksa membuat dua tiga jenis kerja. Dia tak desak untuk saya buat kerja dua tiga jenis. Malah dia tak kisah pon. Tapi tu adalah tuntutan hidup. Dia peduli apa. Tapi kita terpaksa buat dua tiga kerja untuk keluarga.”

(Sumber: Informan Utama 1)

“Dia tak memaksa. Tapi saya sebagai ketua keluarga merasa bertanggungjawab terhadap isteri. Saya melakukan dua jenis pekerjaan. Saya ke luar negeri untuk bekerja sebagai penjual buah dijalan dan bila pulang ke sini saya bekerja kontrak buat rumah. Semua itu saya lakukan demi memenuhi keperluan dan kehendak isteri.”

(Sumber: Informan Utama 2)

Ketidakpuasan dalam memilih tempat tinggal

Meskipun mempunyai pendapatan yang baik, informan turut menyatakan mereka masih lagi menyewa kerana pasangan tidak berfikiran jauh untuk membina rumah sendiri dan ada juga terpaksa tinggal bersama ibu bapa mereka kerana kekurangan sumber kewangan yang mencukupi.

“Sebelum kahwin saya sewa rumah flat. Jadi lepas kahwin, kami memang plan nak duk sana. Tapi sayangnya bila dah bekeluarga, nak rasalah tinggal rumah sendiri. Tapi dia jenis taknak kembangkan apa-apa. Dia nak statik je. Seharusnya dia la yang bayar sewa. Kadang-kadang out jugak. Sebab dia ni jenis yang tak pandai manage duit la senang cakap. Contohnya kan, dia nak beli playstation. Dia sanggup gunakan duit gaji dia beli playstation tapi dia tak bayar duit rumah, bil air, elektrik, kereta. Tak ke saya kena topap balik..”

(Sumber: Informan Utama 1)

“Untuk tempat tinggal, saya tinggal rumah ibu bapa kerana tidak mampu lagi untuk menyewa di luar.”

(Sumber: Informan Utama 2)

“Duduk rumah mentua sekejap. Dalam setahun lebih. Selepas tu rumah sewa. Sebelum dia kerja felda, dia kerja biasa je dulu. Tapi saya rasa tak best duk rumah orang, saya cari rumah sewa. Selepas setahun menyewa, 2009 baru dia dapat kerja kat felda tu. Kan dia dah kerja elok. Kerja sedap doh orang Terengganu kata. Boleh pinjaman. Ada keistimewaan kat situ. Jadi saya kata buat rumah. Tapi dia taknak. Dia cakap susah nak buat. Dia macam ada sebaliknya dah.”

(Sumber: Informan Utama 3)

PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini mendedahkan bahawa individu yang bercerai telah melaporkan pengalaman yang berbeza mengenai maklum balas negatif perceraian yang memberi kesan kepada mereka. Antara salah satu punca perceraian ialah keganasan ekonomi dalam keluarga. Ketidakmampuan untuk berdikari dalam dimensi ekonomi, melakukan pelbagai pekerjaan dan ketidakpuasan dalam pemilihan tempat tinggal yang selesa antara isu yang menjadi punca perceraian. South dan Spitze (2013) melaporkan bahawa wanita tidak bertahan lama dalam perkahwinan berbanding lelaki apabila mereka merasakan bahawa tanda-tanda awal dalam perkahwinan itu tidak menguntungkan.

Dommaraju dan Wong (2023) menyatakan peranan jantina dalam perkahwinan telah berubah dari semasa ke semasa dan akibatnya, wanita mungkin meminta bantuan daripada suami mereka untuk menyokong mereka dalam aktiviti rumah tangga. Bagi wanita yang stabil dari segi kewangan, mereka menyokong lelaki dari segi kewangan namun, lelaki melihat aktiviti rumah tangga sebagai tanggungjawab wanita semata-mata (Ali, Farhan & Ayub, 2020; Habibi, Hajiheydari & Harharaj, 2015). Salah urus kewangan dan kekurangan sokongan kewangan di rumah ditunjukkan sebagai mewujudkan rasa tidak puas hati dalam perkahwinan sehingga mendorong pasangan untuk bercerai (Osafu, Oppong Asante, Ampomah & Osei-Tutu, 2021).

Behounek (2023) turut menyatakan selepas perceraian, lelaki dan wanita akan menghadapi pelbagai masalah ekonomi dan masalah sebegini mengambil masa lebih lama dan lebih sukar bagi wanita berbanding lelaki. Ini kerana, wanita mempunyai kurang pengalaman bekerja sebelum perceraian berbanding lelaki, dan disebabkan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak mereka, mereka menghadapi lebih banyak konflik antara pekerjaan mereka dan keluarga mereka (Ali et al., 2020). Oleh itu, untuk menguruskan masalah ekonomi ini, wanita kebanyakannya disokong kewangan oleh ibu bapa mereka apabila tidak lagi berhubungan dengan pasangan (Pirak, Negarandeh & Khakbazan, 2019).

Kebanyakan wanita tidak dapat memilih tempat tinggal mereka selepas berkahwin. Kadang-kadang, kerana masalah ekonomi, mereka terpaksa tinggal di rumah ibu bapa mereka di luar kehendak mereka dan kadang-kadang norma sosial dan pendekatan negatif masyarakat terhadap wanita yang bercerai akan membawa kepada pilihan sedemikian (Pirak et al., 2019).

KESIMPULAN

Ketidakstabilan ekonomi mewujudkan ketidakpastian tentang masa depan. Keluarga mungkin tidak dapat merancang untuk jangka masa panjang atau membuat keputusan yang bijak tentang melabur atau menyimpan kerana mereka tidak dapat meramalkan bagaimana keadaan ekonomi akan berkembang. Oleh itu, peranan kerajaan, institusi sosial dan masyarakat amat penting dalam memberi bantuan, sokongan dan peluang kepada keluarga yang terjejas akibat ketidakstabilan ekonomi. Sebagai contoh, kerajaan boleh melaksanakan program bantuan sosial seperti faedah pengangguran, bantuan makanan, subsidi perumahan, program kesihatan dan pendidikan untuk membantu keluarga yang mengalami masalah ekonomi. Manakala institusi sosial pula berperanan dalam membantu menawarkan latihan kemahiran praktikal yang boleh membantu ahli keluarga mencari pekerjaan baharu atau membangunkan perniagaan kecil mereka sendiri. Bagi masyarakat pula, program penglibatan komuniti dengan membangunkan program yang melibatkan komuniti dalam menyediakan latihan, bimbingan, atau sokongan kepada keluarga yang

memerlukan. Secara keseluruhan, kerjasama antara kerajaan, institusi sosial dan komuniti adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong keluarga yang terjejas secara negatif oleh ketidakstabilan ekonomi. Dengan pelbagai bentuk bantuan, sokongan dan peluang yang disediakan oleh ketiga-tiga entiti ini, keluarga dapat mengatasi cabaran ekonomi yang dihadapi dengan lebih baik dan meningkatkan kesejahteraan mereka.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, Md. Ali., Wan Mohd Yusof, W. C., Ahmad Faizal, R., Muhammad Hagia, S. M., & Farah Syazrah, M. G. (2021). Well-Being Indicators On Contemporary Family Research In Malaysia: A Comparison. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 21(1), 12-26.
- Alfalah, A. A., & Alganem, S. A. (2020). The impact of construal level on happiness, hope, optimism, life satisfaction, and love of life: A longitudinal and experimental study. *Australian Journal of Psychology*, 72(4), 359-367.
- Ali, T. S., Farhan, R., & Ayub, M. (2020). Intimate partner violence against women in Pakistan: A review of qualitative research. *JPMA. The Journal of the Pakistan Medical Association*, 70(5), 892.
- Behounek, E. K. (2023). Divorce, Psychological Effects. *Marriage and Divorce in America: Issues, Trends, and Controversies*, 159.
- Chambers, D., & Gracia, P. (2021). *A sociology of family life: Change and diversity in intimate relations*. John Wiley & Sons.
- Compton, W. C., & Hoffman, E. (2019). *Positive psychology: The science of happiness and flourishing*. Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2021). *A concise introduction to mixed methods research*. SAGE publications.
- Dommaraju, P., & Wong, S. (2023). Transition to first marriage in Thailand: cohort and educational changes. *Journal of Population Research*, 40(1), 4.
- Gucciardo, G., & Siino, M. (2022). Family Well-Being Under Pressure: Rhythmanalysis Applied to Post Pandemic Family Dynamics. *Italian Sociological Review*, 12(6S), 269-269.
- Habibi, M., Hajiheydari, Z., & Harharaj, M. (2015). Causes of divorce in the marriage phase from the viewpoint of couples referred to Iran's family courts. *Journal of Divorce & Remarriage*, 56(1), 43-56.
- Kumari, R. (2018). Economic growth, disparity, and determinants of female labor force participation: A research agenda. *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, 14(2), 138-152.
- Mousavi, S. F. (2020). Psychological well-being, marital satisfaction, and parental burnout in Iranian parents: The effect of home quarantine during COVID-19 outbreaks. *Frontiers in Psychology*, 11, 3305.

- Nassaji, H. (2020). *Good qualitative research*. Language Teaching Research
- Neubauer, B. E., Witkop, C. T., & Varpio, L. (2019). How phenomenology can help us learn from the experiences of others. *Perspectives on medical education*, 8(2), 90
- Osafo, J., Oppong Asante, K., Ampomah, C. A., & Osei-Tutu, A. (2021). Factors contributing to divorce in Ghana: an exploratory analysis of evidence from court suits. *Journal of Divorce & Remarriage*, 62(4), 312-326.
- Phull, A. H., Phulpoto, N. H., Mahar, S. A., & Memon, S. (2022). Effects of Poverty on Education in Rural Pakistan. *Journal of Business and Social Review in Emerging Economies*, 8(2), 363-370.
- Pirak, A., Negarandeh, R., & Khakbazan, Z. (2019). Post-divorce regret among Iranian women: A qualitative study. *International journal of community based nursing and midwifery*, 7(1), 75.
- Postmus, J. L., Hoge, G. L., Breckenridge, J., Sharp-Jeffs, N., & Chung, D. (2020). Economic abuse as an invisible form of domestic violence: A multicountry review. *Trauma, Violence, & Abuse*, 21(2), 261-283.
- Rosiana, E., Zaman, A. A., Lutfiani, F., Simanjuntak, M., & Riany, Y. E. (2022). Case Study: Analysis of Factors Affecting Marriage Satisfaction in Married Couples During Pandemic. *Journal of Family Sciences*, 68-82.
- Schultz, T., Callender, A. A., Schwer Canning, S., & Collins, J. (2020). Women Exiting Prostitution: Reports of Coercive Control in Intimate Relationships. *Dignity: A Journal of Analysis of Exploitation and Violence*, 5(3), 8.
- Sharma, A., & Borah, S. B. (2020). Covid-19 and domestic violence: an indirect path to social and economic crisis. *Journal of family violence*, 1-7.
- Siti Hajar, A. R., Azlini, C., Normala, R., & Sabri, S. (2022). Laporan Akhir Kajian Tinjauan Mengenai Persepsi dan Tahap Pengetahuan Masyarakat terhadap Keganasan Rumah Tangga.
- South, S. J., & Spitze, G. (2013). Determinants of divorce over the marital life course. *American Sociological Review*, 51(4), 583–590.
- Stark, E., Flitcraft, A., & Frazier, W. (2019). Medicine and patriarchal violence: The social construction of a “private” event. In *Women and Health* (pp. 177-210). Routledge.
- UNESCO. (2015). Education for All Global Monitoring Report 2015: Education for All 2000-2015: Achievements and Challenges.
- Wollny, I., Apps, J., & Henricson, C. (2010). Can government measure family wellbeing. *London: Family and Parenting Institute Printing Ltd.*
- World Bank. (2015). World Development Report 2015: Mind, Society, and Behavior. Washington, DC: World Bank.

PENGARUH PSIKOSOSIAL TERHADAP KUALITI HIDUP IBU BAPA YANG MEMPUNYAI ANAK ISTIMEWA

Nurul Asyiqin Mohd Suberi & Syazwani Drani

Bahagian Kerja Sosial
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia
(Email: nasyiqin@student.usm.my, syazwanid@usm.my)

Abstrak

Ibu bapa merupakan ahli keluarga yang memainkan pelbagai peranan dalam membesarkan anak-anak. Dalam proses memenuhi peranan ini, ibu bapa akan berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam membesarkan anak-anak istimewa. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh psikososial terhadap kualiti hidup ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa. Kaedah kualitatif ini melibatkan 25 orang ibu atau bapa yang mempunyai anak-anak istimewa. Kajian ini akan dilaksanakan di beberapa buah sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan juga di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Selangor. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis demografi, psikologi, implikasi sosial dan kualiti hidup ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa. Kajian akan dijalankan dengan kaedah temu bual yang mendalam (*in-depth interview*) terhadap ibu bapa. Hasil daripada kajian ini dijangka akan mewujudkan satu modul yang dapat digunakan oleh ibu bapa dalam pengurusan anak-anak istimewa supaya dapat meningkatkan kembali kualiti hidup mereka.

Kata kunci: *Anak-anak istimewa, ibu bapa, psikososial, kualiti hidup*

PENGENALAN

Ibu bapa merupakan insan yang mempunyai tanggungjawab dan peranan yang paling besar dalam pengurusan kanak-kanak istimewa. Pengurusan kanak-kanak istimewa akan memberi pelbagai cabaran, pengalaman dan juga penjagaan anak-anak ini mengambil masa yang lama kerana keistimewaan yang dimiliki oleh mereka. Perkara ini juga turut diujikan dalam kajian oleh Ibrahim et al (2019) ibu bapa yang mengurus anak-anak istimewa memainkan tanggungjawab yang lebih besar berbanding dengan ibu bapa yang mengurus kanak-kanak yang biasa, hal ini kerana kelainan upaya yang dimiliki anak-anak istimewa ini memerlukan pengurusan dan penjagaan untuk jangka masa yang panjang. Ibu bapa yang mengurus anak-anak istimewa akan berhadapan dengan peranan yang lebih rumit dan mencabar (Jambeker et al. 2018).

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016) yang mendefinisikan OKU sebagai seseorang individu yang memiliki ketidakupayaan dari segi fizikal, mental intelektual atau pancaindera untuk jangka masa yang panjang. Berdasarkan pada statistik pendaftaran Orang Kurang Upaya sehingga 31 Januari 2023 adalah sebanyak 637 537 orang dan daripada jumlah pendaftaran tersebut seramai 152 065 orang adalah kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023).

Pengurusan kanak-kanak istimewa ini akan memberi kesan kepada pengaruh psikososial ibu bapa. Cabaran dan tekanan yang dialami ini boleh mempengaruhi kualiti hidup ibu bapa anak-anak istimewa. Berdasarkan *United Nation Children' Fund Malaysia* (2019) menjelaskan bahawa di Malaysia ibu bapa kepada kanak-kanak istimewa sering

merasakan diri mereka terpinggir dan menghadapi kesukaran untuk mengakses maklumat serta berhadapan dengan masalah kewangan. Cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa kanak-kanak istimewa ini berbeza mengikut jenis ketidak upaya dan juga latar belakang sosio-demografi (Bahry et al, 2019). Kajian yang dijalankan oleh Isa et al (2020) menjelaskan bahawa ibu bapa yang mengurus anak - anak istimewa ini lebih cenderung untuk menghadapi masalah penyakit kronik, aktiviti lebih terbatas, mengalami lebih banyak gejala somatik, tahap kesihatan umum yang rendah dan terpaksa berhadapan dengan tekanan emosi yang lebih tinggi.

Stigma diri sendiri dan juga stigma dari persekitaran akan mengganggu kehidupan sosial pesakit dan seterusnya akan memberi impak negatif kepada kualiti hidup. Singh (2008) dalam kajian menjelaskan bahawa majoriti perkhidmatan untuk kanak-kanak istimewa di Malaysia adalah berlandaskan pada model dari negara perindustrian. Walaupun terdapat aspek dalam model ini yang boleh diguna pakai di negara kita, namun ianya tidak dapat memenuhi keperluan kanak-kanak istimewa di Malaysia.

Oleh itu, kajian ini akan memberi fokus kepada pengaruh psikososial terhadap kualiti hidup ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa. Didapati terdapat beberapa aspek yang boleh mempengaruhi kualiti hidup iaitu demografi, psikologi dan sosial. Jangkaan hasil daripada kajian ini akan membentuk satu model yang akan menjadi panduan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa supaya dapat meningkatkan kualiti hidup.

KAJIAN LITERATUR

Kualiti hidup merupakan konsep multidimensi yang terdiri daripada fizikal, sosial serta komponen emosi. WHO menjelaskan bahawa kualiti hidup adalah persepsi individu terhadap kedudukan mereka berdasarkan matlamat, harapan, piawai dan kebimbangan mengenai sesuatu isu (Martinec et al. 2019). Antara aspek yang diambil kira dalam penilaian kualiti hidup ialah kesihatan (fizikal, mental dan rohani), hubungan sosial, status pendidikan, persekitaran kerja, status sosial, kekayaan, keselamatan dan kebebasan membuat keputusan. *National Library of Medicine* (2023) menjelaskan bahawa matlamat rawatan kesihatan pada hari ini bukan sahaja perlu berfokuskan pada ketiadaan penyakit dan melegakan penyakit tetapi penting juga untuk mengambil kira peningkatan kualiti hidup pesakit dan persekitarannya.

Pengaruh psikologi sering dikaitkan dengan tingkah laku manusia, pendedahan kepada masalah dan matlamat yang ingin dicapai yang akan memberi kesan kepada kualiti hidup Moudjahid dan abdarrazak, 2019). Pei Tien et al (2022) hasil daripada kajian beliau yang mengfokuskan pada kualiti hidup bapa yang mengurus anak-anak istimewa di Malaysia mendapati bahawa telah memberi kesan kepada tahap psikologi bapa. Kajian ini mendapati bahawa bapa kanak-kanak ini berhadapan dengan tekanan yang lebih tinggi berbanding anak-anak normal yang lain di samping turut memberi kesan kepada penurunan tahap kesihatan dan gangguan aktiviti fizikal.

Pengurusan dan penjagaan anak-anak istimewa memberi kesan dari aspek sosial. Dimana penjagaan kanak-kanak golongan ini bukanlah perkara yang mudah. Isa et, al. (2016) menjelaskan bahawa status ekonomi sebagai penentu status kesihatan dan kualiti hidup penjaga dan kanak-kanak istimewa. Dimana ibu bapa yang terlibat dengan pengurusan anak-anak ini perlu menanggung perbelanjaan yang lebih besar berbanding dengan ibu bapa anak-anak biasa. Amin, Manap dan Akhir (2016) pula menyatakan bahawa memelihara anak-anak istimewa akan memberi tekanan kepada ibu bapa dalam sesuatu

masa. Dimana, tekanan ini boleh berpunca daripada isu-isu seperti permasalahan kesihatan yang dihadapi, penceraian dan juga penerimaan terhadap ketidakupayaan yang dialami oleh kanak-kanak kategori ini.


Sufian et al (2018) menjelaskan bahawa ibu bapa yang mengurus anak-anak istimewa akan bergelut dengan pelbagai cabaran dalam membesarkan dan mendidik mereka berbanding ibu bapa kanak-kanak normal yang lain. Hal ini kerana kerumitan gejala-gejala yang dibawa oleh anak-anak istimewa sangat mencabar dan kompleks. Malahan ibu bapa kanak-kanak ini juga berhadapan dengan cabaran faktor persekitaran lain seperti bebanan kos perubatan, kekangan aktiviti sosial dan stigma masyarakat. Cabaran dari aspek kewangan juga turut dinyatakan dalam laporan .

Kerangka Konseptual

Rajah 2.1 menunjukkan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh psikososial terhadap kualiti hidup ibu bapa anak-anak istimewa. Antara aspek yang akan dilihat adalah pengaruh demografi seperti umur, jantina, tahap pendidikan, status pekerjaan, tahap kesihatan dan bilangan anak-anak istimewa. Terdapat juga beberapa aspek lain yang akan diambil kira dalam kajian ini iaitu pengaruh psikologi dan sosial serta kesanya terhadap kualiti hidup ibu bapa kanak-kanak istimewa. Hasil daripada kajian ini pengkaji bercadang untuk membentuk satu model intergarsi berasaskan kerja sosial agar ianya dapat digunakan atau dijadikan panduan untuk berhadapan dengan penurunan kualiti hidup ibu bapa yang mengurus anak-anak istimewa dari aspek psikologi dan sosial.

Rajah 2.1

Kerangka konseptual kajian menunjukkan perkaitan antara pengaruh psikososial ibu bapa terhadap kualiti hidup dengan pembentukan model integrasi berasaskan kerja sosial.



METODOLOGI

Metodologi kajian akan membantu pengkaji dalam menentukan kaedah yang sesuai digunakan untuk menjalankan kajian penyelidikan dan menentukan tatacara yang elektif dalam menjawab permasalahan kajian yang dikategorikan kepada proses perancangan, aplikasi dan analisis (Hua, 2016). Dalam kajian ini pengkaji bercadang menggunakan kaedah kualitatif kajian yang ingin dijalankan. Bengtsson (2016) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif menyumbang kepada pemahaman mengenai manusia dalam konteks yang berbeza berdasarkan situasi dan peristiwa yang mereka alami.

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul data daripada responden. Reka bentuk kajian kualitatif menghasilkan data yang tidak boleh diukur kerana pengkaji akan menggunakan soalan terbuka dalam proses pengumpulan (Asmahabi, 2019). Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan *phenomenological* untuk menganalisis hasil kajian. *Phenomenological* adalah reka bentuk kajian yang berasal daripada falsafah dan psikologi untuk meneroka pengalaman individu terhadap sesuatu fenomena (Asmahabi, 2019).

Populasi kajian ini akan berfokuskan kepada ibu atau bapa yang mengurus anak-anak istimewa. Lokasi kajian ini akan dijalankan di beberapa buah sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan juga di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Selangor. Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana berdasarkan pada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Januari 2023 negeri ini mencatat jumlah pendaftaran orang kurang upaya tertinggi iaitu seramai 104,909 orang. Dimana jumlah sekolah yang menawarkan PPKI di negeri Selangor adalah sebanyak 281 buah yang mewakili 184 di sekolah rendah dan 97 di sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Manakala PPDK adalah sebanyak 58 premis di beberapa buah daerah sekitar negeri Selangor (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023).

Kaedah analisis data dalam kajian ini adalah persempalan bertujuan. Pengkaji menganggarkan jumlah sampel kajian adalah 25 orang ibu atau bapa yang mempunyai dan mengurus anak istimewa. Jumlah sebenar informan akan ditentukan apabila pengkaji mencapai tahap ketepuan data berdasarkan keperluan objektif kajian. Soalan temu bual akan meliputi pengaruh psikososial terhadap kualiti hidup ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa dan diajukan kepada responden yang memenuhi kriteria. Soalan yang akan diajukan kepada alat kajian mestilah tidak bersifat bias dan menyokong kepada mana-mana pandangan. Pengkaji akan menggunakan pita rakaman di telefon mudah alih bagi merekod sesi perbualan antara pengkaji dan alat kajian. Pengkaji juga akan menggunakan pen dan kertas bagi mencatat segala maklumat yang dikemukakan oleh alat kajian dalam bentuk transkripsi dan kod sebelum mengenal pasti tema semasa proses analisis hasil kajian.

Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data dengan menemu bual responden berdasarkan instrumen kajian yang telah disediakan. Semasa sesi temu bual dijalankan pengkaji akan mendengar dengan teliti tentang pengkongsian pengalaman oleh respondandan akan memberi maklum balas pada waktu yang tepat agar tidak mengganggu sesi temu bual. Pengkaji bercadang untuk menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*) untuk menganalisis hasil kajian yang dijalankan melalui temu bual. Vaismoradi et al (2016) pengkaji tersebut menjelaskan bahawa dapatan kajian yang dianalisis dengan menggunakan tematik analisis akan dikelaskan ke dalam bentuk tema yang sesuai. Dimana melalui penciptaan tema pengkaji dapat menjalankan proses

pengkodan secara sistematik berdasarkan pada penerangan tentang realiti sosial.

PERBINCANGAN

Pengurusan atau penjagaan kanak-kanak istimewa ini memberi kesan kepada aspek psikologi dan juga psikososial. Berdasarkan pada perbincangan daripada pengkaji pengkaji lepas mengenai isu yang dihadapi oleh ibu bapa anak-anak istimewa berdasarkan pada beberapa isu yang dihadapi oleh ibu bapa anak-anak istimewa. Data sekunder daripada kajian lepas akan digunakan sebagai panduan oleh pengkaji untuk melihat dan mengenal pasti isu-isu yang sering dibincangkan. Kajian yang dijalankan oleh Bahry et al (2019) pengurusan atau penjagaan kanak-kanak istimewa memberi kesan kepada pengaruh psikososial. Kajian ini mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa kanak-kanak ini bergantung kepada jenis ketidak upaya dan juga latar belakang sosio-demografi keluarga. Dimana hasil kajian menjelaskan bahawa ibu bapa kanak-kanak istimewa ini akan berhadapan dengan isu-isu seperti peruntukan masa, kos rawatan dan juga kekangan antara tanggungjawab sebagai seorang pekerja dan ibu bapa.

Islam, Rahman dan Akhtar (2022) berdasarkan pada kajian yang dijalankan di Bangladesh mendapati bahawa ibu bapa yang mengurus kanak-kanak istimewa berhadapan dengan tahap tekanan dan kemurungan. Faktor yang menyumbang kepada prevelan ini adalah seperti umur kanak-kanak istimewa, perhubungan sosial dan juga kewangan. Shanmugamet al (2021) juga telah mendapati bahawa ibu bapa yang mengurus kanak-kanak istimewa terutamanya lebih daripada seorang akan berhadapan dengan masalah psikologi. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kurangnya pertolongan daripada orang sekitar dan kurang pengetahuan tentang pengurusan kanak-kanak istimewa ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya berdasarkan pada kajian lepas mendapati bahawa pengurusan kanak-anak istimewa ini berupaya memberi kesan dari aspek psikologi dan juga psikososial kepada ibu bapa. Isu ini perlu dipandang serius kerana ianya bukan sahaja memberi kesan kepada ibu bapa tetapi juga persekitaran terdekat yang terlibat. Amatlah digalakan untuk semua pihak mengambil bahagian dalam pengurusan anak-anak istimewa ini Pihak kerajaan berdasarkan pada kajian yang dijalankan oleh Shanmugam et al (2021) mencadangkan bahawa pihak kerajaan mewujudkan kelas terapi atau kaunseling untuk membantu ibu bapa yang berhadapan dengan tekanan. Dalam kajian ini juga mencadangkan agar pihak kerajaan menjalankan beberapa program yang boleh membantu menjana pendapatan ibu bapa kanak-kanak istimewa yang berhadapan dengan masalah kewangan.

RUJUKAN

- Amin, A. S., Mana, J., & Akhir, A. M. (2016). Peranan keluarga dalam kehidupan kanak-kanak kurang upaya Malaysia. *UKM Journal Article Repository*, 86(10), 21-30.
- Asenahabi. B.M. (2019). Basics of research design: a guide to selecting appropriate research design. *International Journal of Contemporary Applied Researches*, 6(5), 77-89.
- Bahry, N.S., Mat.A., Kori.N.L., Ali, A.M., Munir.Z.A., & Salleh, M.Z.M. (2019). Challenges faced by Malaysia parents in caregiving of a child with

- disabilities. *Global Journal of Business and Social Science Review*, 7(2), 118-124.
- Bengtsson, M. (2016). How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *International Journal Nursing Practice And Research*, 2, 8-14.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan : Satu Kajian Kes Abstrak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 18.
- Ibrahim, M.I., Bakar, R.S., Sukeri, S., Rahman, A. A., Othman, A., & Rostenberghen, V. (2019). The Unmet Need Among Parent Of Disable Children At Support Institutioin In Kelantan Malaysia. *Malaysia Journal of Medicine and Health Science*, 15(3), 74-80.
- Isa, S., N., I, Ishak, I., Ab Rahman, A, Mohd Saat, N., Z, Che Din, N, Lubis, S.,h, & Mohd Ismail, M., F. (2016). Health ang quality of life among the caregivers of children with disabillity. a review of asian journal of litterature. *Asian Journal of Psychiatry*, 23,71-77.
- Isa at al. (2021). Quality of Life Among Caregivers of Children with Special Needs in Kelantan, Malaysia: The Importance of Psychosocial Mediators. *Malaysia Journal Of Medical Sciences*, 28 (2), 128-141.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). *Dasar Atau Pelan Tindakan*. Diakses dari <https://www.jkm.gov.my/jkm/index>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Statistik Pendaftaran OKU*. Diakses dari <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/contentmenu&id=WjdtTnluUS9QY0ZpMTRnVXNIZ1lSZz09>.
- Jambekar, A., Padhyegurjar, M., Padhyegurjar, S., Joshi, S., & Shahri, P. (2018). impact of having a child with special need on the psychosocial well-being of the parents : a crosssectional study. *Journal Of Mental Health and Human Behaviour*, 22(3), 115.
- Moudjahid, A., & Abdarrazak, B. (2019). Psychology of quality of life and its relation to psychology. *International Journal of Inspiration & Resilience Economy*. 3(2), 58-63.
- National Library of Medicine. (2023), *Quality of life*. Diakses dari <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK536962/>.
- Pei Tien et al. (2022). Stress and quality of life among father of special needs children in klang valley. *Journal of Pharmaceutical Negative Result*, 13(6), 1010- 1018.
- Singh, A. (2008). Meeting the needs of children with disability in Malaysia. *The Medical Journal of Malaysia*, 63(1), 1-3.
- United Nation Children' Fund Malaysia. (2019). Issue brief children with disabilities in Malaysia. Diakses dari <https://www.unicef.org/malaysia/media/906/file/Issue%20Brief:%20Children%20with%20Disabilities%20in%20Malaysia.pdf>.

KESAN PSIKOSOSIAL MANGSA JENAYAH SIBER DI MALAYSIA.

Pavithran a/ Yolaganathan, Nurhazlina Mohd Ariffin & Ahmad Shukri Abdul Hamid

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia.

(Emel: pavithrany@yahoo.com, nhazlina@uum.edu.my, shukri@uum.edu.my)

Abstrak

Pada era globalisasi ini, kemajuan teknologi digital memainkan peranan penting dalam memudahkan urusan harian kita seperti mengakses maklumat dan berkomunikasi dengan orang lain. Namun, kepesatan berkembang teknologi turut mendatangkan pelbagai ancaman seperti jenayah siber. Jenayah siber merupakan aktiviti jenayah yang menyalahgunakan teknologi dalam melakukan jenayah seperti penipuan dalam talian, penggodaman, buli siber, “*phishing*” dan sebagainya mendatangkan kesan buruk yang mendalam kepada mangsa jenayah siber. Mangsa jenayah siber cenderung mengalami kesan psikososial yang mendalam sehingga kesejahteraan emosi, kesihatan mental dan hubungan sosial mereka terganggu. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesan psikososial yang dialami oleh mangsa jenayah siber di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji telah melaksanakan temubual yang mendalam bersama 10 orang responden yang merupakan mangsa jenayah siber dengan menggunakan sampel bertujuan beserta teknik bola salji. Hasil kajian mendapati mangsa mengalami kesan seperti Keinginan untuk Bunuh Diri; Bertindak Agresif dan Marah; Mengalami Isu Kepercayaan; Kemurungan; dan Masalah Psikologi. Hasil kajian ini diharap mampu memberi kesedaran kepada orang awam mengenai keseriusan ancaman jenayah siber di Malaysia.

Kata kunci : *Mangsa jenayah siber, kesan psikososial*

PENGENALAN

Istilah pemangsa siber atau dikenali sebagai “*cyber-victimisation*” mula menjadi tumpuan ramai berikutan kemajuan teknologi sehingga menyebabkan ramai menjadi mangsa jenayah siber. Secara umumnya aktiviti pemangsa ini berunsurkan niat dan tindakan yang negatif dilakukan oleh seseorang individu atau dilakukan secara kumpulan terhadap seorang mangsa atau melibatkan lebih ramai mangsa dalam satu-satu masa (Kouwenberg et al., 2012). Dalam situasi ini aktiviti pemangsa lebih mudah dilakukan dalam bentuk “*Online*” hanya dengan bantuan sumber “*internet*” beserta penggunaan peranti atau alat teknologi boleh melakukan aktiviti jenayah.

Di Malaysia, jenayah siber bukan sesuatu yang baru malahan ia mengalami trend peningkatan dalam kes setiap tahun. Misalnya, Yuen Meikeng (2020) dalam akhbaranya “*The Star*” laporkan bahawa kes jenayah siber di Malaysia didapati berlaku peningkatan sebanyak 82.5 peratus pada musim pandemik Kovid-19 kerana ramai menggunakan platform talian dalam urusan harian mereka dan terdedah kepada ancaman bahaya jenayah siber. Tambahan pula laporan dari MyCERT CyberSecurity Malaysia (2023) turut menyokong pernyataan peningkatan kes jenayah siber di Malaysia pada musim pandemik. Berikut merupakan Jadual 1.1 yang memaparkan statistik insiden keselamatan siber dari tahun 2015 hingga tahun 2022:

Jadual 1.1*Statistik Insiden Keselamatan Siber Dari Tahun 2015 Hingga Tahun 2022.*

Insiden	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kandungan	33	50	46	111	298	170	91	50
Gangguan Siber	442	529	560	356	260	596	417	755
Penipuan	3 257	3 921	3 821	5 123	7 774	7 593	7 098	4,741
Pencerobohan	1 714	2 476	2 011	1 160	1 359	1 444	1 410	755
Kod Hasad	567	435	814	1 700	738	593	648	1,023
Spam	3 539	545	344	342	129	145	102	478
Penolakan Perkhidmatan	38	66	40	10	19	16	22	17
Laporan Kerentanan	22	35	60	92	91	117	69	48
Percubaan Pencerobohan	303	277	266	1 805	104	116	159	180
Jumlah	9,915	8,334	7,962	10,699	10,772	10,790	10,016	7,292

Sumber : MyCERT, Cyber Security Malaysia (2023)

Jika diperhatikan pada musim pandemik iaitu pada tahun 2020 banyak kes insiden keselamatan siber dilaporkan dan jika diteliti insiden penipuan setiap tahun mencatatkan angka yang tinggi berbanding insiden keselamatan siber yang lain. Tambahan pula, laporan statistik dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (2021) berkaitan jumlah kerugian keseluruhan jenayah siber di Malaysia dari tahun 2015 sehingga tahun 2020 dipaparkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2*Statistik Jumlah Kerugian Keseluruhan Jenayah Siber Di Malaysia Dari Tahun 2015 Sehingga Tahun 2020.*

Tahun	Jumlah Kerugian Keseluruhan (RM)
2015	189,577,225.65
2016	239,250,474.52
2017	266,423,361.13
2018	398,996,474.10
2019	498,120,858.18
2020	413,067,572.55

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (2021)

Jumlah kerugian yang dilaporkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (2021) menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Di sebalik angka yang dinyatakan dalam kedua-dua statistik dari agensi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) (2021) dan agensi MyCERT, Cyber Security Malaysia (2023) di atas, ia jelas menggambarkan bahawa setiap tahun, bilangan individu yang menjadi mangsa jenayah siber semakin meningkat. Statistik tersebut turut menunjukkan gambaran jelas bahawa mangsa telah mengalami kerugian yang cukup besar. Mangsa juga boleh terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Perlu difahami sebalik kerugian yang dialami oleh mangsa dan mencetuskan pelbagai situasi yang sukar sehingga ia menimbulkan masalah psikologi dan juga sosial disebabkan oleh jenayah siber.

Selain itu, rasional kajian ini perlu dilakukan kerana sehingga kini kajian yang dijalankan berkaitan jenayah siber di Malaysia yang hanya memberi fokus terhadap punca atau faktor yang mendorong seseorang individu menjadi mangsa jenayah siber di Malaysia tetapi kurang memberi fokus kepada kesan yang dialami disebalik jenayah siber secara langsung oleh mangsa jenayah siber iaitu (Muhamad Asyraf et al., 2013; Che Hasniza dan Mohd Yusri, 2014; Norhayati & Suriati, 2015; Muhammad Adnan et al., 2017; Che Hasniza et al., 2018; Norazlina et al., 2018; Nur Faridatul et al., 2018; Zakiah & Dalbir, 2018; Azianura & Mohammad Rahim, 2019; Chua Ai Fie et al., 2019; Muhammad Adnan et al., 2019; Zulkufli Ismail & Azmi Aziz, 2019; dan Khadijah et al., 2020).

Isu kesan psikososial mangsa jenayah siber perlu diberi perhatian khas kerana Whitty dan Buchanan (2016), melaporkan dalam kajiannya mangsa jenayah cinta siber cenderung mengalami rasa malu yang mendalam sehingga menggambarkan peristiwa tersebut sangat traumatik dan merasakan pengalaman tersebut sebagai perbuatan rogol secara mental serta mempunyai keinginan untuk membunuh diri. Kajian Whitty dan Buchanan (2016) disokong oleh Lopez-Castro et al., (2019) kerana mangsa yang berasa malu cenderung mempunyai masalah psikologi seperti "*post-traumatic stress disorder*" (PTSD).

Jansen dan Leukfeldt (2018) pula mendapati mangsa jenayah "*phishing*" data atau perisian hasad mengalami masalah psikologi seperti kehilangan kawalan diri dan berasa gelisah. Kajian Jansen dan Leukfeldt dapat perhatian oleh Button et al., (2020) kerana mangsa jenayah siber mengalami gangguan emosi seperti kemarahan, ketakutan, dan kegelisahan yang memberi kesan negatif kepada kesihatan fizikal dan mental mangsa. Borwel et al., (2021) pula menegaskan bahawa mangsa berstatus sosioekonomi yang rendah lebih cenderung untuk mengalami impak kesejahteraan emosi lebih tinggi. Dapatan kajian-kajian tersebut penting dalam memahami kesan disebalik jenayah siber yang perlu diberi perhatian sewajarnya dalam mengembalikan fungsi sosial mangsa jenayah siber.

Oleh itu, pengkaji merasakan terdapat keperluan dalam menjalankan kajian yang memberi fokus kepada sudut baru menerusi penerokaan kesan psikososial mangsa jenayah siber di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji dalam kajian ini, menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif bagi meneroka kesan psikososial mangsa jenayah siber di Malaysia. Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menerapkan kaedah fenomenologi. Umumnya kaedah fenomenologi menekankan kepada pengalaman dan persepsi seseorang individu (Lester, 1999). Liamputtong (2009), menjelaskan lagi dalam menerapkan pendekatan fenomenologi

dalam sesuatu kajian, pengkaji perlu menumpukan perhatian terhadap bagaimana aspek realiti kehidupan responden dibentuk dan pengkaji perlu meneroka atau menembusi atau menyelami realiti yang diceritakan oleh responden kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam kajian ini pengkaji meneroka kesan psikososial menerusi pengalaman responden yang pernah menjadi mangsa jenayah siber.

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bertujuan ia itu sebuah kaedah yang menekankan kepada pemilihan responden kajian yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja untuk dipilih sebagai responden dan bukan semua populasi berpeluang dijadikan responden bagi sesuatu kajian (Ang Kean Hua, 2016). Dalam kajian ini, pengkaji menetapkan beberapa ciri-ciri responden kajian seperti menjadi mangsa kepada pelbagai jenis aktiviti jenayah siber di Malaysia. Pengkaji tidak menyekat dalam pemilihan mangsa berdasarkan jenis jenayah siber tertentu malahan pengkaji hanya memberi fokus utama terhadap kesan psikososial mangsa jenayah siber dan bukannya mefokuskan kepada jenis jenayah siber yang tertentu sahaja.

Selain itu, pengkaji menetapkan syarat khas dalam pemilihan responden, pengkaji menetapkan had umur responden iaitu 18 tahun dan keatas dan merupakan warganegara Malaysia. Hal ini bagi membantu pengkaji memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang baru mengenai kesan psikososial yang dialami oleh mangsa jenayah siber di Malaysia. Bagi mendapatkan responden yang mempunyai ciri-ciri seperti di atas, pengkaji menggunakan teknik bola salji untuk mendapatkan atau mencari responden bagi menjalankan kajian ini. Teknik ini melibatkan responden kajian yang dipilih melalui cadangan responden lain yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai dengan kajian (Ang Kean Hua, 2016). Pengkaji menggunakan platform talian seperti “Facebook” dan “Telegram” untuk mendapatkan responden kajian menerusi pengiklanan maklumat kajian. Pengkaji telah berjaya merekurut 10 responden dalam kajian ini dan telah mendapatkan persetujuan termaklum daripada responden.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual mendalam iaitu menjalankan tembual dalam talian dengan menggunakan platform talian seperti “Webex”. Ia memudahkan responden untuk menyertai sesi tembual dengan waktu yang bersesuaian mengikut kelapangan responden. Bagi melaksanakan proses temu bual tersebut pengkaji dalam kajian ini menggunakan soalan temu bual separa berstruktur. Iaitu sebuah strategi pengumpulan data kualitatif yang membolehkan pengkaji bertanyakan soalan yang ditetapkan kepada responden tetapi soalan tersebut masih terbuka (Given, 2008).

HASIL KAJIAN

Profil Responden Kajian

Berdasarkan hasil temubual bersama responden, data yang diperolehi dipersembahkan dalam bentuk Jadual 1.3 untuk pemahaman yang lebih mudah mengenai kesan psikososial yang dialami oleh mangsa jenayah siber di Malaysia berdasarkan pengalaman responden kajian.

Jadual 1.3*Profil Responden*

Responden	Umur	Jantina	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan	Status Khawin	Jenis Jenayah siber	Jumlah Kerugian (RM)	Jenis Kerugian	Kesan yang Dialami
R1	23	Lelaki	Diploma	Pengawal Keselamatan	RM 2000	Bujang	Penipuan Sindiket Along <i>Online</i>	RM 600	Kewangan Emosi	Berasa Bunuh Diri
R2	32	Lelaki	SPM	Pemandu Grab	RM 1500	Berkhawin	Penipuan Kerja Dari Rumah	Tiada	Terdapat Laporan Polis terhadap Akaun Bank “Jadi Keledai Akaun”	Stress akibat semua akaun bank atas nama responden di sekat.
R3	29	Lelaki	Ijazah Sarjana	Penyelia Kilang	RM 3000	Bujang	Penipuan Boucher Makanan Penipuan Pelaburan Emas	RM 300 RM 2000	Kewangan	Susah nak percaya pada orang Jadi terlalu <i>rigid</i>
R4	38	Perempuan	Ijazah Sarjana	Pegawai Eksekutif	RM 4000	Berkhawin	Penipuan Cinta	Tiada	Emosi	Depression

Responden	Umur	Jantina	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan	Status Khawin	Jenis Jenayah siber	Jumlah Kerugian (RM)	Jenis Kerugian	Kesan yang Dialami
R5	24	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar	Tiada	Bujang	Penipuan Pembelian Top Up	RM 100	Kewangan	Takut Dengan Diri Sendiri
R6	24	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar	Tiada	Bujang	Penipuan Pembelian Barangan <i>Online</i>	RM 240	Kewangan	Kecewa
R7	23	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar	Tiada	Bujang	Pengodaman Nombor Tac	RM 400	Kewangan	Berasa Diri Bodoh. Tak boleh percaya pada Orang. Berasa Marah. Berasa Takut
R8	29	Lelaki	Ijazah Sarjana Muda	Penyelia Kilang	RM 3000	Bujang	Pekerjaan Online berkaitan pelaburan	RM 5000	Kewangan	Susah nak percaya orang. Jadi lebih agresif bila terima panggilan palsu.

Responden	Umur	Jantina	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan	Status Khawin	Jenis Jenayah siber	Jumlah Kerugian (RM)	Jenis Kerugian	Kesan yang Dialami
R9	32	Perempuan	Ijazah Sarjana Muda	3D Artist	RM 4000	Bujang	Penipuan Pembelian Barangan <i>Online</i>	RM 650	Kewangan	Trauma Frustrated Emosi Tergangu setiap kali teringat peristiwa tersebut.
R10	23	Lelaki	Ijazah Sarjana Muda	Pelajar	Tiada	Bujang	Penipuan Sim Kad Dengan Tawaran iPhone.	RM 300	Kewangan	Susah nak percaya orang. Anxiety

* Kod R1 hingga R10 telah diberikan kepada peserta kajian untuk memastikan kerahsiaan maklumat peserta.

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah mengenali pasti beberapa kesan psikososial yang dialami oleh mangsa jenayah siber di Malaysia seperti berikut:

Keinginan untuk Bunuh Diri

Responden R1 telah melaporkan bahawa pernah mempunyai keinginan untuk bunuh diri selepas terkesan dengan jenayah siber iaitu Penipuan Sindiket Along *Online* selepas semua maklumat mangsa disebarkan dan dimalukan sehingga mangsa putus bertunang.

...Masa itu encik saya nak tahan emosi saya encik memang saya rasa tertekan encik memang saya rasa bunuh diri lah ada memang tapi saya pujuk pujuk pada hati dan saya solat encik saya mengaji saya...masa itu saya mengalami ..saya dah bertunang encik..so saya yang hari itu saya tak bertunang..jadi dia orang tunang saya dengan dia punya kawan pun kena ejek juga..dia orang hantar dekat melalui abang dia encik..lepas itu dia cakap saya dah bayar pada hutang along lahh...kenapa pinjam along lah...sedangkan saya tak tahu along siber itu encik..lepas itu saya mengalami apa ini tekanan yang amat amat kesal masa itu encik....

Bertindak Agresif Dan Marah

Dua dari 10 responden melaporkan mereka bertindak agresif dan marah sekiranya mereka cuba diperdayakan oleh pemangsa jenayah siber. Misalnya responden R8 melaporkan bahawa beliau tidak dapat mengawal emosi sekiranya mendapat panggilan palsu.

....so setiap kali sekarang ini kan taktik taktik yang macam ahh telefon daripada jabatan kastam, daripada jabatan ahh TM semua itu masih lagi ada..so dulu saya ignore cuma sekarang ni bila saya dia orang telefon lagi..bila kena dengan saya memang saya layan bila dah sampai dekat scammer tu memang saya maki ye..saya lepaskan geram-geram yang lama tu ..sebab dulu saya pendam je..

Manakala responden R7 pula tidak dapat mengawal kemarahan beliau sekiranya hampir terkena dengan pemangsa siber sehingga tercetusnya pergaduhan.

.... macam bulan lepas tu ada seorang scam macam message seperti yang scammer saya tu yang hacker message yang dua tahun..so masa dia dah message saya macam marah sangat lepas tu saya gaduh dengan dia....

.... saya terus gaduh dengan dia you..ah saya cakap you ahh awak ini scammer kan ..kenapa buat macam tu pastu saya macam guna kata kasar....

Isu Kepercayaan

Empat dari 10 orang responden mengalami isu kepercayaan pada orang lain disebabkan oleh pengalaman mereka menjadi mangsa jenayah siber. Misalnya responden R3 berkongsi sejak pengalaman menjadi mangsa jenayah siber beliau tidak mudah percaya pada orang sewenang-wenangnya dan regid dalam memeriksa semula.

...saya tak mudah percaya orang la saya memang lepas kes 2 ribu itu saya dah letak boundary dimana apa apa benda yang saya dengar orang minta tolong, orang bagi promotion saya kena pastikan betul kena ada pemikiran yang sedar dulu tenang baru boleh buat decision ..kalau kita buat decision dalam keadaan kelam kabut tu memang kalau kita fikir lepas itu memang itu dah tipu uh..so dibuat saya lebih lebih apa lebih fokus dengan apa yang saya dengar saya lebih banyak catat alert cari maklumat orang dan juga ahh ..tak mudah la pengaruh pastu manakalau sebenarnya ada kebaikan jugalah lepas kena ditipu saya tak mudah tau pengaruh dengan orang..so saya buat apa saya rasa betul.. saya rasa tak betul saya tak buat la walaupun orang tu pujuk saya untuk buat

Manakala responden R7 pula tidak mudah percaya perbualan dalam media sosial walaupun dari kawan rapat sehingga beliau betul-betul pastikan individu tersebut adalah rakannya.

...tak boleh like percaya dengan orang orang dekat media sosial even kawan baik pun tak boleh message...

Responden R8 pula berkongsi beliau lebih berhati-hati dalam pergaulan seharian dengan rakan-rakan kerana beliau tidak mudah percaya pada orang begitu muda.

Kedudukan aktor bukan manusia adalah berada di antara dua aktor dan berperanan untuk mengubahsuai hubungan di antara para aktor tersebut. Latour (1996c:240) menjelaskan 'objek bukan cara, tapi merupakan mediator yang memiliki peranan sama seperti aktor'. Namun, aktor bukan manusia tidak mampu menyalurkan kekuatan yang sama seperti aktor manusia dan adakalanya berisiko (Latour, 2002b; 2004a) serta tidak stabil (Sayes, 2014). Makanya, aktor bukan manusia yang dibawa masuk ke dalam kumpulan manusia dilengkapi dengan satu set kecekapan tertentu yang ditetapkan oleh jaringan dimana mereka berada. Seiring dengan itu, mereka turut menuntut satu set kompetensi tertentu daripada aktor yang disusun secara bergilir. Aktor bukan manusia turut diubah oleh peredaran dan mampu mengubah kumpulan tersebut melalui peredaran mereka. Tindakan mereka mampu menuntut mod tindakan yang baharu daripada aktor lain. Oleh itu, aktor bukan manusia sebenarnya bukan hanya aktor penyebab semata-mata (Latour, 2005; Bloor 1999).

Selain daripada itu, aktor bukan manusia juga merupakan ahli di dalam kesatuan moral dan politik. Ciri moral ini dikatakan bersifat inter-subjektif kerana didorong oleh keperluan dan kehendak. Sementara itu, kepentingan politik pula disokong oleh kuasa negara (Latour, 1989, 1992). Tuntasnya, aktor bukan manusia mampu menjadi aktor yang

signifikan dalam kesatuan moral dan politik. Hal ini kerana, peranan aktor bukan manusia adalah dipengaruhi oleh faktor sebab musabab, kerana ia berperanan membawa bersama nilai moral dan politik yang mampu mengubah latar kedua-duanya. Oleh itu, Sayes (2014) menegaskan aktor bukan manusia memiliki agensi dan layak untuk disebut sebagai aktor.

JARINGAN-AKTOR

Berdasarkan pandangan teori jaringan-aktor, jaringan atau *network* difahami sebagai satu rangkaian pelaku sosial (manusia atau bukan manusia) yang bersifat heterogen, bertindak secara teknikal, tekstual dan secara semula jadi melibatkan gabungan satu kesatuan yang akhirnya menjadi sama ada lebih atau kurang stabil (Law, 1991). Jaringan yang dihubungkan antara satu sama lain ini dikatakan telah melalui perhubungan yang berbeza dan telah berjaya mengatasi pelbagai halangan (Law, 1992). Jaringan mampu mempengaruhi tindakan aktor dan menyebabkan aktor (sama ada manusia atau bukan manusia) perlu untuk sentiasa mempertimbangkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi, menghubungkan dan menghasilkan jaringan. Perkara inilah yang disebutkan sebagai jaringan-aktor. Jaringan-aktor terdiri daripada jaringan bersama, baik yang terdiri daripada elemen teknikal mahupun bukan teknikal. Bagi jaringan yang baru muncul, aktor pengawal (dan mereka yang menjalankan tugas kawalan baginya) perlu mendaftarkan aktor tersebut bagi menyelaraskan kepentingan mereka serta melemahkan kehadiran aktor lain yang dijangkakan berkemungkinan akan bertindak berlawanan dengan matlamat jaringan. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, rundingan antara aktor yang mengawal dan aktor yang ingin didaftarkan perlu dilakukan. Sebaik sahaja aktor yang mengawal menterjemahkan kepentingan pihak lain untuk mencapai matlamatnya, maka jaringan aktor akan menjadi stabil.

Andaian asas ANT adalah jaringan memiliki sifat heterogen dan ia merupakan konsep utama yang merujuk kepada aliran, peredaran, pakatan, pergerakan dan bukannya hanya entiti tetap yang mana beberapa unit berinteraksi tetapi diasingkan antara satu sama lain (Bussular, Burtet & Antonello, 2020, Law, 1991). Hal ini turut ditegaskan oleh Latour (1996a) dengan menjelaskan aktor dan jaringan tidak boleh dibentuk secara berasingan kerana ia wujud dalam satu jaringan hubungan. Oleh itu, bagi memahami konsep jaringan, adalah penting untuk menggariskan beberapa sifat jaringan itu sendiri. Hal ini termasuklah jarak jaringan, sama ada jauh atau dekat, bersifat kolektif dan bukannya berdasarkan lokaliti, mengatasi perbezaan antara tahap (makro dan mikro) disamping kefahaman terhadap dimensi sosial yang tidak berstruktur dalam hierarki atau lapisan tetapi bersambung, pandangan dalaman dan luaran digantikan dengan pandangan persatuan dan jaringannya, memiliki konsep topologi dan karakter yang lebih dinamik serta bersifat multidimensi (Latour, 1996a).

SOSIOLOGI TERJEMAHAN (*SOCIOLOGY OF TRANSLATION*)

ANT sangat berkait rapat dengan konsep terjemahan (*translation*) yang merangkumi aspek yang saling berkait serta bertindan di antara satu dengan yang lain dalam usaha untuk menggambarkan proses mewujudkan jaringan aktor yang stabil (Kraal, 2007). Callon (1986) menyebutnya sebagai sosiologi terjemahan. Terjemahan merupakan suatu proses pentafsiran bahasa aktor, apa yang dimaksudkan oleh aktor, alasan bagi setiap tindakan dan cara mereka bergaul di antara satu sama lain (Callon, 1986). Disamping itu, tindakan terjemahan juga menjelaskan tentang proses transformasi dan kesetaraan yang menggambarkan seseorang/sesebuah aktor boleh mewakili aktor yang lain (Hardy,

Phillips & Clegg, 2001; Law, 1992). Oleh itu, pemahaman terhadap proses terjemahan adalah untuk memahami bagaimana aktor menggerakkan, berhubung dan menyatukan pelbagai bahagian yang terdapat di dalam jaringan. Jaringan boleh berkembang secara berterusan dan mengalami transformasi melalui proses terjemahan. Hal inilah yang membentuk jaringan-aktor secara berperingkat dan hingga akhirnya entiti tertentu berjaya mengawal entiti yang lain (Callon, 1986; Law, 1986c). Entiti yang menjadi aktor pengawal akan menggunakan pelbagai strategi untuk mengendalikan proses terjemahan bagi mendaftarkan dan menggerakkan aktor lain. Proses terjemahan dikatakan melalui empat momen berbeza iaitu *problematization*, *interessement*, *enrolment*, dan *mobilization* (Tatnall & Burgees, 2002).

Problematization

Momen pertama dalam proses terjemahan adalah *problematization*. Ia merupakan sebuah proses dimana satu atau lebih aktor utama berusaha untuk menerangkan sifat kepada masalah (Tatnall & Burgess, 2002; Sarker, Sarker & Sidorova, 2006) dan peranan para aktor serta identiti mereka agar selaras dengan penyelesaian yang dicadangkan. Permasalahan tersebut seterusnya ditakrifkan semula dari aspek solusi yang ditawarkan oleh aktor yang seterusnya cuba menjadikan diri mereka sebagai ‘titik laluan wajib’ (Callon, 1986) yang mesti dilalui sebagai sebahagian daripada proses penyelesaian tersebut. Titik laluan wajib ini membangun satu sistem kesatuan yang mentakrifkan identiti serta matlamat ahli, sekaligus menegaskan kedudukan pusat aktor penterjemah. Oleh itu, apabila melalui titik laluan wajib ini, aktor penterjemah akan menumpukan perhatiannya kepada aktor lain. Hal ini bermakna, masalah pihak lain hanya akan selesai sekiranya melalui titik laluan wajib ini (Law, 1986).

Di dalam mana-mana jaringan, satu atau lebih aktor akan cuba untuk menjadi titik laluan wajib. Hal ini kerana, titik laluan wajib adalah aktor yang akan menagihkan peranan kepada para aktor dan bertindak sebagai jurucakap yang mewakili aktor lain di dalam jaringan. Oleh itu, konflik akan berlaku apabila terdapat lebih daripada satu aktor yang cuba untuk menjadikan diri mereka sebagai titik laluan wajib. Kesannya, untuk melalui titik laluan wajib ini, aktor perlu mengubahsuaikan kepentingan semasa mereka agar selari dengan kehendak aktor penterjemah. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa, kejayaan aktor penterjemah ditentukan oleh penekanan terhadap kepentingannya untuk menjadi titik laluan wajib.


Interessement

Momen kedua dikenali sebagai *interessement* dan merupakan satu siri proses dimana cubaan untuk menetapkan identiti dan peranan yang ditakrifkan ke atas aktor semasa proses *problematization* dilakukan (Kraal, 2007; Law, 1986). Fasa ini terdiri daripada sekumpulan tindakan dimana seseorang/sesebuah aktor menarik minat aktor lain untuk bersetuju dengan cadangannya (Callon, 1986). Proses ini berkesan untuk menstabilkan identiti dan matlamat memandangkan terdapat persaingan yang terdapat di persekitaran aktor. Oleh itu, penetapan ini mampu menghalang kemasukan identiti lain ke dalam diri aktor (Hardy, Philips & Clegg, 2001). Selain daripada itu, tindakan ini juga mampu menarik perhatian para aktor untuk kekal berada dalam jaringan bersama aktor lain (Kraal, 2007; Law, 1986; Tatnall & Burgess, 2002) dan pada masa yang sama melemahkan pengaruh aktor yang berisiko untuk memusnahkan jaringan-aktor yang sedang membangun (Linde, Linderoth & Räisänen, 2003).

Entiti yang disasarkan dalam proses ini berpotensi untuk terlibat dengan peringkat *problematization* jaringan lain secara bersamaan. Hal ini menyebabkan mereka berisiko untuk membina identiti dan kepentingan yang bertentangan dengan kepentingan jaringan yang baharu dibentuk. Oleh itu, dalam usaha untuk aktor pengawal (aktor penterjemah) mencapai kejayaan dalam proses *interessement*, pelbagai strategi dan teknik perlu dilakukan (Sarker, Sarker & Sidorova, 2006). Strategi biasa adalah dengan membina peranti dan meletakkannya di antara aktor pengawal dan entiti yang berminat dengannya. Selain itu, penggunaan wakil adalah satu lagi pilihan strategi yang biasa diguna pakai dimana aktor pengawal mengadakan rundingan berkaitan kepentingan dengan mereka yang ‘bercakap mewakili pihak lain’ (Callon, 1986:214). Berbanding usaha untuk meyakinkan semua aktor (yang hanya sebahagian daripada jaringan), pihak yang mewakili himpunan berkenaanlah yang akan menjadi jurucakap mereka kepada aktor pengawal. Walau apa pun strategi yang digunakan, matlamat akhir fasa ini adalah untuk mengasingkan pihak yang didaftarkan dengan membantutkan sebarang kemungkinan pakatan lain yang berusaha untuk mencabar autoriti titik laluan wajib. Oleh itu, untuk memastikan kejayaan fasa *interssement*, ia perlu terlebih dahulu mencapai fasa *enrolment*.

Rajah 1

Gambaran untuk satu titik laluan wajib




Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Star dan Griesemer (1989)

Gambar rajah sebelum ini menunjukkan satu titik laluan wajib yang sempit dan harus dilalui oleh aktor dalam jaringan sebelum pakatan dibentuk. Star dan Griesemer (1989) menjelaskan kaedah ini seperti suatu bentuk ‘corong’ dimana penapisan berlaku didalamnya. Berbeza dengan rangka yang mengandungi beberapa titik laluan wajib dimana rundingan dengan beberapa ahli sekutu boleh berlaku sebagaimana yang digambarkan dalam rajah dibawah.

Rajah 2

Titik laluan wajib yang pelbagai



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Star dan Griesemer (1989)

Enrolment

Menurut Callon (1986), proses *interessement* tidak semestinya menghasilkan pakatan yang berjaya yang seterusnya membawa kepada proses terjemahan. Ia perlu diperkukuhkan lagi melalui momen *enrolment*. Momen ketiga dalam proses terjemahan ini merupakan sebuah proses untuk menentukan dan menyelaraskan peranan yang seterusnya diikuti oleh penubuhan rangkaian jaringan yang stabil (Singleton & Michael, 1993). Fasa ini terdiri daripada proses rundingan, ujian kekuatan serta muslihat sebagai indikator yang membantu mereka untuk berjaya (Callon, 1986). Pada peringkat ini, para aktor bersetuju untuk memainkan peranan yang ditetapkan ke atas mereka di dalam jaringan. Para aktor diterjemahkan (Law, 2006), masuk ke dalam jaringan dan ditandakan (Akrich, 1992) berserta dengan program tindakan tertentu (Abdelnour & Hall, 2004). Hal ini bermakna, aktor yang menyertai sesebuah jaringan dibekalkan dengan skrip tindakan dan perlu sentiasa dipatuhi. Berdasarkan penjelasan Law (1986a) dan Linde, Linderoth dan Räsänen (2003), peranan ini diberikan semasa aktor melalui titik laluan wajib di dalam jaringan.

Bagi memastikan kejayaan momen ini, ia memerlukan lebih daripada satu set aktor yang menonjolkan kehendak mereka kepada pihak lain dan memerlukan pihak yang lain untuk mengalah (Singleton & Michael, 1993). Hal ini kerana, *enrolment* adalah suatu proses yang tidak konsisten dan perlu diselenggara secara berterusan untuk memastikan hubungan antara aktor dalam jaringan dapat dikekalkan (Kraal, 2007). Oleh itu, proses rundingan perlu dijalankan ke atas aktor yang disasarkan untuk proses *enrolment* dan juga kepada aktor yang berpotensi untuk mengganggu gugat kestabilan jaringan. Walaubagaimanapun, proses rundingan tidak selalunya perlu dilakukan. Hal ini kerana, terdapat sesetengah aktor yang didaftarkan tanpa sebarang rintangan kerana faktor hubungan yang rapat atau pernyataan masalah yang dikongsi bersama. Jesteru itu, Callon (1986) menjelaskan, bagi memastikan kejayaan proses *enrolment*, terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilakukan seperti keganasan fizikal (ke atas pemangsa), rayuan, transaksi dan persetujuan tanpa perbincangan. Walau apa pun kaedah yang diguna pakai

dalam proses *enrolment*, identiti aktor sebenarnya diuji melalui siri rundingan ini. Maka, dapat difahami bahawa, proses *enrolment* terdiri daripada satu set strategi menggalakkan para aktor untuk menyertai, mendapatkan persetujuan dan mengendalikan rintangan melalui rayuan, transaksi, perbincangan serta lain-lain.

Mobilization


Momen terakhir disebut sebagai *mobilization* atau satu proses pergerakan para sekutu. Pada peringkat ini, aktor pengawal perlu mengumpulkan sekutu yang mencukupi dan diletakkan pada satu tempat untuk membentuk kepercayaan dan tindakan mereka (Latour, 1990). Proses ini berlaku apabila penyelesaian yang dicadangkan mendapat penerimaan yang meluas (McMaster, Vidgen & Wastell, 1997) dan jaringan entiti yang lebih besar terbentuk (Grint & Woolgar, 1997) melalui tindakan beberapa aktor yang bertanggungjawab menjadi jurucakap bagi pihak aktor lain. Aktor pengawal memanfaatkan kuasa ejen pasif yang didaftarkan dengan menjadikannya sebagai jurucakap dan bersuara bagi pihak mereka (Law, 1986a). Jaringan entiti tidak dapat hadir yang lebih besar tercipta menyokong penyelesaian yang dicadangkan dan akhirnya mendapat penerimaan yang lebih meluas (Tatnall & Burgess, 2002). Oleh itu, pada peringkat ini aktor pengawal mungkin telah membina hubungan dengan mereka yang mewakili himpunan berkenaan dengan tanggapan bahawa mereka yang diwakili akan setia menuruti wakil mereka.

Namun, proses perwakilan yang berlaku dalam bentuk tekanan atau paksaan iaitu dengan menggunakan rantaian perantara secara beransur-ansur mengurangkan bilangan lawan bicara wakil dan menjadikannya lebih kompleks (Callon, 1986). Kejayaan proses terjemahan bergantung kepada kekuatan tekanan hubungan berkenaan. Walaubagaimanapun, terdapat kemungkinan entiti yang diwakili tidak akan menuruti jurucakap mereka, maka sebaliknya akan mencabar atau membantah mereka. Kesannya, jurucakap yang baharu akan didengari. Oleh itu, tindakan yang perlu diambil oleh mereka pada kali ini adalah dengan menukarkan aktor yang melalui titik laluan wajib yang asal. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Callon (1986a:224) “terjemahan diteruskan namun keseimbangan telah diubahsuai...realiti mula berubah-ubah”. Seterusnya, proses terjemahan yang baru akan berlaku, namun proses arahan ini tidak pernah selesai (Callon, 1986a).

Hardy, Philips & Clegg (2001) pula menjelaskan *mobilization* sebagai kaedah untuk memastikan wakil daripada pelbagai kesatuan untuk menuruti tetapan yang terdapat di dalam jaringan. Strategi ini membantu dalam mewujudkan pemusatan dengan mengikat para aktor masuk ke dalam jaringan. Kestabilan sesebuah jaringan menunjukkan kesempurnaan dan ketahanan disamping kurangnya berlaku konflik menjadikan hala tuju jaringan juga semakin jelas kelihatan (Newton, 1996). Oleh itu, matlamatnya adalah untuk membentuk ikatan di antara aktor ke dalam “kotak hitam” di mana di dalam “kotak hitam” ini mereka masih tidak mengambil peduli terhadap fakta-fakta saintifik, artifak teknikal, idealisme, tabiat, kuasa dan objek yang mempunyai kepentingan kepada jaringan. Akhirnya, pada peringkat percubaan kekuatan, para aktor dilihat telah beradaptasi dengan peranan yang telah ditetapkan ke atas mereka walaupun kesemua peringkat ini tidak semestinya bergerak selari dan serentak secara konsisten (Kraal, 2007). Ringkasnya keseluruhan proses terjemahan dapat difahami secara ringkas dengan merujuk kepada rajah berikut:

Rajah 3

Ringkasan proses terjemahan



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Zawawi (2018) dan Star & Griesemer (1989).

KESIMPULAN

Melalui penjelasan yang telah dibuat sebelumnya, dapat difahami bahawa teori jaringan-aktor merupakan hasil gabungan teori dan metodologi. Hal ini kerana, ia menyediakan konsep teoritikal bagi menggambarkan elemen dalam dunia sebenar serta mencadangkan elemen yang perlu dikenalpasti dalam tugas empirikal. Aspek ini adalah sangat penting untuk memandu kajian di dalam bidang sains sosial khususnya untuk memahami konsep jaringan aktor dalam kalangan penyedia perkhidmatan sosial di negara ini. Hasilnya, penyelidik terarah semasa proses meneliti dan mendokumentasikan elemen jaringan, aktor manusia dan bukan manusia serta proses sosiologi terjemahan dalam memastikan kestabilan jaringan dan elemen di dalamnya dijalankan.

RUJUKAN

Abdelnour, N. J. L. & Hall, P. (2004). Global software, local voices. In F. Sudweeks and C.Ess (Eds.), *Cultural attitudes towards communication and technology* (pp. 29–42). Karlstad: Sweden.

- Akrich, M. (1992). The de-scription of technical objects. In W. Bijker and J. Law (Eds.), *Shaping technology/ building society* (pp. 205 –224). MIT Press.
- Bloor, D. (1999). Anti-Latour. *Studies in History and Philosophy of Science*, 30(1): 81–112.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. doi:10.3316/QRJ0902027
- Bryman A. (2016). *Social research methods*. Oxford: Oxford University Press.
- Bussular, C. Z., Burtet, C. G., Antonello, C. S. (2020). The actor-network theory as a method in the analysis of Samarco disaster in Brazil. *Qualitative Research in Organization and Management: An International Journal*, 15(2): 176-191.
- Callon M (1991) Techno-economic networks and irreversibility. In: Law J (Eds.), *A sociology of monsters: essays on power, technology and domination* (pp. 132-161). London: Routledge
- Callon, M. & Latour, B. (1981). Unscrewing the big Leviathan: How actors macro-structure reality and how sociologists help them to do so. In: Knorr-Cetina, K. & Cicourel, A. (Eds.), *Advances in social theory and methodology: toward an integration of micro- and macrosociologie* (pp. 277-303). London: Routledge
- Callon, M. (1986). The sociology of actor-network: The case of an electric vehicle. In: Callon M, Law J & Rip A (Eds.), *Mapping the Dynamics of Science and Technology* (pp. 155–176). London: Macmillan Press,
- Callon, M. (1987). Society in the making: the study of technology as a tool for sociological analysis. in Bijker, W. E., Hughes, T. P. & Pinch, T. J. (Eds.), *The Social construction of technological systems: new directions in the sociology and history of technology* (pp. 83–103). Cambridge, MA: MIT Press.
- Callon, M. & Latour, B. (1992) Don't Throw the baby out with the bath school! A reply to Collins and Yearley, in A. Pickering (Eds.), *Science as practice and culture* (pp. 343–68). Chicago: University of Chicago Press.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. U.S: McGraw-Hill Education.
- Collins, H. M. and Yearley, S. (1992). Epistemological Chicken, in Pickering, A. (Eds.), *Science as practice and culture* (pp. 301–26). Chicago: University of Chicago Press.
- Flick, U. (2014). *An introduction to qualitative research* (5th ed.). London: SAGE.
- Gherardi, S. & Nicolini, D. (2000). To transfer is to transform: the circulation of safety knowledge. *Journal of Management Inquiry*, 9(1), 7-18.
- Grint, K. & Woolgar, S. (1997). *The Machine at Work*. Cambridge: Polity.

- Hardy, C.; Phillips, N.; Clegg, S. (2001). reflexivity in organization and management theory: study of the production of the research `subject'. *Human Relations*, 54(5), 531-560.
- Hofstee E. (2018). *Constructing a good dissertation: A practical guide to finishing a Master's, MBA or PhD on schedule*. Johannesburg: EPE.
- Hox, J. J., & Boeijs, H. R. (2005). Data collection: Primary versus secondary. In K. Leonard (Eds.), *Encyclopedia of social measurement*. San Diego, C.A: Academic Press.
- Justesen, L. & Mouritsen, J. (2011). Effects of actor-network theory in accounting research. *Accounting, auditing & accountability journal*, 24(2): 161–193.
- Kraal, B. (2007). Actor-network inspired design research: methodology and reflections. In Poggenpohl, S (Eds.) *IASDR07 Proceedings: Emerging Trends in Design Research*. Hong Kong Polytechnic University, CD Rom, (pp. 1-12).
- Latour, B. (1986). The powers of association. In: Law J (Eds.), *Power, action and belief: a new sociology of knowledge* (pp. 264–280). London: Routledge.
- Latour, B. (1987). *Science in action: how to follow scientists and engineers through society*. Open University Press: Milton Keynes.
- Latour, B. (1989). *The moral dilemmas of a safety belt* (trans. L Davis). Diakses dari https://courses.ischool.berkeley.edu/i290-tpl/s11/w/images/6/69/The_Moral_Dilemmas_of_a_Safety-belt.
- Latour, B. (1992). Where are the missing masses? The sociology of a few mundane artifacts. In: WE and Law J (Eds.), *Shaping technology/building society: studies in sociotechnical change* (pp. 225–258). Cambridge, MA: The MIT Press,.
- Latour, B. (1993). *We have never been modern* (trans. C. Porter). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Latour, B. (1996a). On interobjectivity. *Mind, Culture, and Activity*, 3(4), 228–245.
- Latour, B. (1996b). Pursuing the discussion of interobjectivity with a few friends. *Mind, culture, and activity*, 3(4), 266–269.
- Latour, B. (2004). The social as association. In: Gane N (Eds.), *The future of social theory* (pp. 77–89). London: Continuum.
- Latour, B. (2005). *Reassembling the social: an introduction to actor-network theory*. Oxford: Oxford University Press.
- Latour, B. & Strum, S. C. (1986). Human social origins: Oh please, tell us another origin story. *Journal of social and biological structures*, 9(2), 169–187.

- Latour, B. (1990). Technology is society made durable. *The Sociological Review*, 38(S1), 103–131. doi:10.1111/j.1467-954x.1990.tb03350.x
- Law J. (1987). Technology and heterogeneous engineering: The case of Portuguese expansion. In: Bijker WE, Hughes TP and Pinch T (Eds.), *The social construction of technological: new directions in the sociology and history of technology studies*. Cambridge, MA: The MIT Press, pp. 111–134.
- Law, J. (1986). The Heterogeneity of Texts: Mapping the Dynamics of Science and Technology. In Callon, M., Law, J. and Rip, A. (Eds.), *Sociology of science in real world* (pp. 67-83). UK: Macmillan Press:.
- Law, J. (1991). Monsters, machines and sociotechnical relations. In Law, J. (Eds.), *The sociological review*, 38(S1), 1-23.
- Law, J. (1992), Notes on the theory of the actor-network: ordering, strategy, and heterogeneity. *Systemic Practice And Action Research*, 5(4), 379-393.
- Law, J. (2006). Traduction/Trahison: Notes on ANT. *Convergencia: Revista de Ciencias Sociales*, 13(42), 47-72.
- Leedy, P. & Ormrod, J. (2001). *Practical research: Planning and design* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.
- Linde, A., Linderoth, H. & Räsänen, C. (2003). An actor network theory perspective on IT-projects: A battle of wills. *Action in Language*. Organisations and Information Systems.
- McMaster, T., Vidgen, R.T., Wastell, D.G. (1997). Technology transfer: Diffusion or translation?. In: McMaster, T., Mumford, E., Swanson, E.B., Warboys, B., Wastell, D. (Eds.), *Facilitating Technology Transfer through Partnership*. *IFIP Advances in Information and Communication Technology*. https://doi.org/10.1007/978-0-387-35092-9_4
- Sarker, S., Sarker, S. & Sidorova, A. (2006). Understanding business process change failure: An actor-network perspective. *Journal of Management Information Systems*, 23(1), 51-86. <http://dx.doi.org/10.2753/MIS0742-122230102>
- Sayes, E. (2014). Actor-network theory and methodology: Just what does it mean to say that nonhumans have agency?. *Social Studies of Science*, 44(1), 134-149.
- Singleton, V. and Michael, M. (1993). Actor-networks and ambivalence: General practitioners in the UK cervical screening programme. *Social studies of science* 23, 227-264.
- Star, S. L., & Griesemer, J. R. (1989). Institutional ecology, 'translations' and boundary objects: Amateurs and professionals in Berkeley's Museum of Vertebrate Zoology, 1907-39. *Social Studies of Science*, 19(3), 387-420.
- Strum, S. & Latour, B. (1987). Redefining the social link: From baboons to humans. *Social Science Information*, 26(4): 783–802.

- Tatnall, A & Burgess, S. "Using Actor-Network Theory to Research the Implementation of a B-B Portal for Regional SMEs in Melbourne, Australia" *BLED 2002 Proceedings*. 46. <https://aisel.aisnet.org/bled2002/46>
- Tatnall, A. & Gilding, A. (1999). Actor-network theory and information system research. 10th Australasian Conference on Information Systems (ACIS), Wellington, Victoria Universitu of Wellington.
- Van der Waldt, G. (2021). The judicious use of theory in social science research. *TD: The Journal for Transdisciplinary Research in Southern Africa*, 17(1), 1039-1056. <https://doi.org/10.4102/td.v17i1.1039>
- Zawawi, N. H. M. (2018). Actor network theory and inter-organizational management control. *International Journal of Business and Society*, 19(2), 219-234.

POTENSI PRAKTIS KERJA SOSIAL DALAM PERLINDUNGAN SOSIAL

Siti Adibah Abdul Rahman¹, Ali Samat² & Emee Khairi³

^{1,2} Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
(Emel : adibah@kpwkm.gov.my, ali@kpwkm.gov.my)

³Jabatan Kebajikan Masyarakat
(Emel : emeekhairi@jkm.gov.my)

Abstrak

Perlindungan sosial merujuk kepada satu set polisi untuk membantu individu mencapai atau mempertahankan standard hidup yang memadai dan mempunyai kesihatan yang baik sepanjang hidup mereka. Dalam bentuk yang paling asas perlindungan sosial mempunyai satu set mekanisme untuk melindungi semua ahli masyarakat di sepanjang tempoh kitaran hidup (*life cycle*) bermula dari peringkat lahir, kanak-kanak, umur produktif, sakit, kurang upaya, miskin/tidak mempunyai pekerjaan, ketidakupayaan dan tua daripada risiko dan kejutan yang tidak dapat diurus. Satu sistem perlindungan sosial yang efektif sewajarnya akan dapat menjadi benteng terhadap kelemahan sosioekonomi, bersifat mampan serta mampu memperkukuh daya tahan individu, keluarga dan komuniti untuk bertindak balas terhadap risiko yang dialami dalam kehidupan. Pun begitu, kebanyakan sistem perlindungan sosial diwujudkan dengan pendekatan atas ke bawah (*top to bottom approach*) dengan agensi-agensi Kerajaan memainkan peranan utama dalam sistem kebajikan negara menerusi kakitangan yang berurusan terus dengan kumpulan sasaran. Namun, apabila berlaku ralat di dalam pengendalian program-program yang dibangunkan menerusi set polisi perlindungan sosial (*inclusion and exclusion error*) tersebut, maka wujudlah kepincangan di dalam mekanisme pengurusan. Bagaimana mungkin kepincangan ini dapat diperbaiki boleh dilihat dari pelbagai sudut dan salah satunya adalah keperluan kompetensi kerja sosial dan potensi mengatasi keralatan dalam penyampaian program di bawah konsep perlindungan sosial ini. Praktis kerja sosial yang menekankan kepada pendekatan intervensi terhadap individu, keluarga, komuniti akan dapat memperkasa dan membantu individu memperbaiki kehidupan mereka. Justeru artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang aplikasi praktis kerja sosial dalam pengukuhan perlindungan sosial dalam sistem kebajikan di Malaysia.

Kata kunci: *praktis kerja sosial, perlindungan sosial*

PENGENALAN

Bilangan penduduk Malaysia dianggarkan kini berada pada 33.4 juta pada suku tahun kedua 2023. Anggaran tersebut meliputi sebanyak 30.4 juta rakyat Malaysia dan baki 3.0 juta merujuk kepada bukan warganegara (DOSM, 2023). Populasi yang terangkum lelaki dan wanita kategori dewasa, kanak-kanak dan warga emas mempunyai kepelbagaian keperluan mengikut tempoh kitaran hidup (*life cycle*). Setiap individu ini merupakan individu yang berada dalam sistem perlindungan sosial yang diwujudkan oleh Kerajaan sebagai mekanisme menyokong kelangsungan hidup individu tersebut. Sistem perlindungan ini hadir dalam pelbagai bentuk yang digarap menerusi polisi dan

diterjemahkan dalam program-program yang disampaikan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), perlindungan sosial merujuk kepada satu set langkah-langkah awam yang disediakan oleh sesebuah masyarakat kepada ahlinya untuk melindungi mereka daripada kesusahan ekonomi dan sosial yang disebabkan oleh ketiadaan atau pengurangan ketara pendapatan daripada kerja akibat daripada sembilan kejadian luar jangka iaitu sakit, bersalin, kecederaan pekerjaan, pengangguran, keilangan (*invalidity*), usia tua, kematian pencari nafkah, penyediaan penjagaan kesihatan, dan pemberian faedah untuk keluarga yang mempunyai anak. UNESCAP pula memperincikan bentuk asas kepada perlindungan sosial sewajarnya merangkumi dalam bentuk kitaran hidup meliputi tiga kohort umur utama dalam kehidupan iaitu peringkat kohort umur kanak-kanak : jaminan pendapatan asas, penyediaan akses kepada makanan bernutrisi, pendidikan, penjagaan dan lain-lain barangan dan perkhidmatan lain yang diperlukan. Bagi peringkat kohort umur produktif pula jaminan pendapatan asas termasuklah dalam kes yang sakit, pengangguran, bersalin dan hilang upaya manakala bagi peringkat umur tua ialah jaminan pendapatan asas. Merentasi semua, penjagaan kesihatan untuk semua, termasuk penjagaan bersalin yang memenuhi kriteria ketersediaan, kebolehcapaian dan kualiti turut diperlukan. Berdasarkan dua pernyataan tersebut, sesuaiilah pendapat yang menyatakan perlindungan sosial ialah hak asasi manusia. Instrumen hak asasi manusia, termasuk Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (1948) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (1966), dengan tegas menyatakan perlindungan sosial adalah hak yang wajib dijamin oleh sesebuah negara dan hak untuk dinikmati oleh semua orang tanpa diskriminasi.

Dalam konteks visi perlindungan sosial di Malaysia, perlindungan sosial dilihat sebagai benteng pertahanan bagi menghadapi kelemahan sosioekonomi (BNM,2020). Sistem perlindungan sosial di Malaysia merujuk kepada tiga komponen utama iaitu (i) bantuan sosial, (ii) insurans sosial; dan (iii) intervensi pasaran buruh. Setiap komponen mempunyai dasar dan program yang berbeza namun mungkin berkongsi pelaksanaan oleh agensi-agensi yang sama atau berbeza. Secara prinsipnya tiga komponen ini saling menyokong dan setiap satu mempunyai objektif tersendiri iaitu untuk perlindungan, pencegahan dan penggalakan (3P) (*protection, prevention and promotion*).

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan tentang bagaimana komponen perlindungan, pencegahan dan penggalakan (3P) dalam sistem perlindungan sosial berpotensi sebagai kerangka pelan intervensi bagi langkah pencegahan mengatasi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan kehidupan melalui aplikasi praktis kerja sosial. Kertas ini turut membincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh pekerja sosial dalam menjalankan intervensi sosial bagi mengelakkan individu dan keluarga daripada menjadi golongan mudah terjejas dan mencegah kemiskinan.

MAJLIS PERLINDUNGAN SOSIAL MALAYSIA (MySPC)


Pada 28 Oktober 2016, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC). Mesyuarat Jemaah Menteri kemudiannya pada 29 Mei 2019 telah memutuskan supaya gerak kerja berkaitan perlindungan sosial diaktifkan untuk mewujudkan satu platform yang berperanan sebagai badan induk dalam sistem perlindungan sosial negara bagi usaha-usaha menyelaras dasar dan program perlindungan negara. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan

keanggotaan terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan yang merupakan penggerak dan nadi kepada pelaksanaan dasar awam yang khusus kepada program dan aktiviti perlindungan sosial yang merangkumi aspek perlindungan, pencegahan dan penggalakan (3P).

Struktur MySPC ini mempunyai tiga (3) lapisan utama yang menyokong penyelarasan dan pemantauan terhadap sistem perlindungan sosial di Malaysia seperti di **Rajah 1**.

Rajah 1

Struktur Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC)



Sumber: Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC)

LANDSKAP PERLINDUNGAN SOSIAL

Merujuk kepada tonggak utama perlindungan sosial iaitu perlindungan (bantuan sosial), pencegahan (insurans sosial) dan penggalakan (intervensi pasaran buruh), struktur perlindungan sosial dibentuk berasaskan kepada keperluan untuk melindungi kepentingan dan memenuhi keperluan spesifik rakyat dalam menghadapi kehidupan dan cabaran semasa serta persekitaran berisiko. Ia dilaksanakan bukan sahaja bagi menangani isu-isu berkaitan keperluan asas dan kemiskinan tetapi juga bagi meningkatkan potensi dan keupayaan kumpulan sasaran bagi menghadapi cabaran semasa dan melindungi mereka daripada masalah-masalah persekitaran yang tidak menentu (ICU,JPM, 2021).

Berdasarkan ketiga-tiga tonggak ini, satu-satunya tonggak yang tiada caruman tetapi dirancang untuk mengurangkan kemiskinan dan kerentanan adalah bantuan sosial (perlindungan). Kelebihan utama aspek perlindungan ini ialah dapat menyediakan

keperluan asas secara menyeluruh dan langsung dalam bentuk tunai dan bukan tunai, melindungi dengan cara memastikan keperluan asas dipenuhi (contoh: perumahan, kesihatan dan pendidikan). Namun kelemahannya ialah memerlukan peruntukan fiskal yang besar dan dalam jangka panjang boleh membebankan kerajaan dan kemampuan pelaksanaan program juga boleh terjejas apabila bilangan yang ingin diliputi semakin meningkat (BNM,2020).

KEPELBAGAIAN BANTUAN SOSIAL DI MALAYSIA

Justeru, tidak hairanlah apabila pemetaan program perlindungan sosial dijalankan, program bantuan sosial menunjukkan bilangan yang tinggi berbanding program insuran sosial. Secara asasnya, Malaysia menawarkan pelbagai bantuan sosial oleh agensi-agensi yang mempunyai kumpulan sasar yang berbeza. Bantuan sosial yang ditawarkan berbentuk bantuan kewangan (*cash transfer*) atau perkhidmatan sosial (*social services*) kepada yang memerlukan. Namun untuk menerima bantuan kewangan ini, seseorang perlu memenuhi kriteria atau syarat layak yang ditetapkan sebelum bantuan kewangan tersebut dapat dinikmati.

Manakala bagi perkhidmatan sosial (*social services*) pula, perkhidmatan diberikan berdasarkan keperluan atau situasi semasa. Merujuk kepada glosari di bawah teras bantuan sosial, perkhidmatan sosial ini dapat diterjemahkan dalam bentuk program di bawah bidang fokus mobiliti sosial iaitu program yang dijalankan sebagai penyediaan peluang peningkatan taraf kehidupan penerima bantuan sosial, kumpulan sasar/klien dalam bentuk intervensi bagi menangani isu kemiskinan, ketidaksamarataan peluang (*inequality*) dan keadaan rentan (*vulnerability*) dalam aspek sosial seperti kesihatan dan pemakanan, pendidikan, perumahan, pengangkutan termasuk keluarga dan komuniti dalam mencapai kesejahteraan hidup. Selain itu, terdapat juga program berbentuk nilai tambah yang dijalankan bagi penyediaan peluang bagi meningkatkan keupayaan untuk menghadapi risiko dan meningkatkan akses untuk mendapat perkhidmatan yang memberi nilai tambah kepada kesejahteraan kehidupan dalam aspek kerohanian, spiritual, sistem sokongan (material dan bukan material), pengukuhan dan intervensi khusus.

Setiap agensi yang terlibat dalam komponen bantuan sosial ini merupakan entiti yang berada dalam sektor yang berbeza mengikut bidang fungsi perkhidmatan dan kepakaran masing-masing iaitu kesihatan, pendidikan, kebajikan, pengangkutan dan perumahan. Peranan agensi-agensi ini adalah untuk perancangan dan pelaksanaan polisi dan penyampaian bantuan sosial kepada kumpulan yang memerlukan. Kumpulan sasar yang diberikan bantuan kewangan atau perkhidmatan sosial adalah secara asasnya kanak-kanak, warga emas dan dewasa. Perkara ini selari dengan pendekatan perlindungan sosial dalam bentuk kitaran hidup. Bagi tujuan penyampaian bantuan kewangan atau perkhidmatan sosial, setiap agensi mempunyai pejabat di peringkat daerah/bahagian/jajahan atau di peringkat negeri yang dianggotai oleh kakitangan pelbagai skim dan gred.

Kakitangan agensi ini bertanggungjawab untuk menyampaikan bantuan sosial sama ada bantuan kewangan atau perkhidmatan sosial terus kepada kumpulan sasar. Bagaimanapun, dalam melunaskan tanggungjawab selaku kakitangan agensi yang terlibat dalam sistem perlindungan sosial, kakitangan tersebut perlu mempunyai kompetensi yang bersesuaian untuk menerima sesuatu rujukan/permohonan, menentukan situasi pemohon/perujuk, merancang intervensi yang bersesuaian, melaksanakan penilaian dan memberikan

perkhidmatan/intervensi yang diperlukan. Selaku barisan hadapan (*frontliners*) ini memainkan pelbagai peranan pada satu-satu masa.

PRAKTIS KERJA SOSIAL DI MALAYSIA

Menurut *International Federation of Social Workers (IFSW)*, kerja sosial adalah bermaksud “profesion berasaskan praktis dan disiplin akademik yang menggalakkan perubahan dan pembangunan sosial, perpaduan sosial, pemeraksanaan dan kebebasan rakyat. Prinsip keadilan sosial, hak asasi manusia, tanggungjawab kolektif dan menghormati kepelbagaian adalah berkait dengan kerja sosial. Disokong oleh teori-teori kerja sosial, sains sosial, kemanusiaan dan pengetahuan sebenar, kerja sosial melibatkan manusia dan struktur untuk menangani cabaran kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan”.

Praktis kerja sosial ini melibatkan peranan-peranan yang berbeza iaitu bergantung kepada situasi yang dihadapi oleh pengamal sama ada sebagai *Advocate, Facilitator, Counsellor, Broker, Enabler, Mediator, Activist, Consultant, Educator, Initiator, Empowerer dan Researcher*. Seorang pekerja sosial yang melaksanakan praktis kerja sosial akan memainkan satu atau lebih peranan pada bila-bila masa sesuai dengan situasi semasa kes yang diuruskan oleh pekerja sosial tersebut.

Kakitangan dalam sistem perlindungan sosial juga boleh memainkan peranan-peranan ini secara langsung dan tidak langsung dalam tiga komponen utama sistem perlindungan sosial ini. Dalam sistem perlindungan sosial, setiap peranan ini mempunyai hubungkait dalam usaha memastikan bahawa sistem yang dibangunkan boleh menyokong dan bertindak sebagai benteng pertahanan, memastikan kelangsungan hidup seorang individu, keluarga dan komuniti untuk bertindak balas terhadap risiko yang dialami dalam kehidupan. Bagaimanapun tidak semua kakitangan agensi dalam sistem perlindungan sosial ini adalah pekerja sosial terlatih yang boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial bagi membantu klien. Hal ini kerana terdapat agensi yang tidak mempunyai pekerja sosial terlatih.

PERBINCANGAN


Hubungkait Program Perlindungan Sosial dan Praktis Kerja Sosial

Setiap individu perlu diliputi dengan jaringan keselamatan sosial agar dapat mengurangkan pelbagai risiko yang dihadapi di sepanjang tempoh kitaran hidupnya. Kejadian luar jangka yang berlaku dalam kehidupan seperti sakit, bersalin, kecederaan pekerjaan, pengangguran, keilatan (*invalidity*), usia tua, kematian pencari nafkah dalam keluarga, penyediaan penjagaan kesihatan dan persediaan menyara anak walaupun kelihatan seperti fitrah kehidupan yang biasa namun sekiranya tidak mempunyai persediaan dan kecukupan pendapatan boleh menjadi satu faktor yang menyebabkan sesesorang individu dan keluarga berada dalam situasi mudah terjejas.

Liputan program perlindungan sosial secara umumnya boleh dikelaskan kepada tiga lapisan utama iaitu asas, pertengahan (perlindungan separa) dan lanjutan (100% perlindungan) (**Rajah 2**).

Rajah 2

Kerangka Lantai Perlindungan Sosial



Sumber: Rajah adalah ilustrasi penulis

Merujuk kepada Rajah 2, dapat diperhatikan lantai perlindungan sosial yang telah dipetakan. Daripada ilustrasi tersebut, pada paksi menegak (*vertical*) tiga lapisan utama dapat dilihat dengan jelas berkaitan lapisan liputan. Pada paksi melintang (*horizontal*) pula, dapat diperhatikan semakin kanan rajah, perlindungan sosial dilihat semakin lengkap berbanding dengan sebelah kiri iaitu yang ditandakan dengan bulatan. Isu perlindungan sosial di sebelah kiri lebih menjurus kepada keperluan perlindungan sosial untuk kelangsungan hidup manakala yang berada bersebelahannya golongan individu bekerja di sektor informal, bekerja sendiri dan berada dalam kategori *unpaid care work* menjurus kepada isu jaminan pendapatan.

Berdasarkan rajah 2, adalah dijangkakan bahawa kelompok di dalam bulatan inilah yang berkemungkinan menjadi kelompok terucir atau ketinggalan dari diliputi dengan program atau skim perlindungan sosial. Ini kerana kemungkinan kategori ini tidak memenuhi kriteria bagi kelayakan menerima bantuan sosial. Namun, kelompok inilah sebahagian besarnya yang memerlukan intervensi agar tidak menjadi kategori mudah terjejas dan akhirnya tergolong dalam kalangan golongan rentan yang perlu dibantu dan akhirnya menjadi golongan yang menerima bantuan.

Praktis kerja sosial amat penting bagi tujuan mewujudkan intervensi dan pendekatan komponen pencegahan dan penggalakan yang perlu bagi membantu kelompok tersebut dari tergolong dalam golongan rentan dan perlu menerima bantuan. Kakitangan dalam agensi-agensinya yang berada dalam sistem perlindungan sosial adalah bersesuaian untuk mengaplikasikan praktis kerja sosial dengan mengambil kira intervensi yang dicadangkan akan dapat membantu menyediakan satu kerangka pelan intervensi sebagai langkah pencegahan mengatasi isu yang dihadapi, menghindar kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan kehidupan.

Insuran Sosial

Insuran Sosial merujuk kepada satu set faedah terjamin tertakluk kepada caruman atau sumbangan individu, pekerja dan/atau majikan, institusi atau Kerajaan bagi perlindungan daripada bencana pekerjaan, keilatan, kehilangan pekerjaan, kesihatan, persaraan dan kematian (ICU JPM, 2022). Komponen ini melibatkan program caruman sukarela, caruman wajib dan caruman pilihan seperti skim yang disediakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Program Kasih Suri Keluarga Malaysia (KSKM) (dahulunya dikenali sebagai Program i-Suri). Semua jenis program ini adalah caruman yang ditabung bagi tujuan jaminan faedah dalam bentuk pendapatan gantian bagi satu tempoh matang yang ditentukan (umur persaraan) atau sekiranya terdapat musibah. Menerusi praktis kerja sosial, seorang pekerja kes dalam agensi Kerajaan berkaitan boleh melaksanakan peranan sebagai *advocate* untuk mengalakkan kelompok berisiko daripada tercicir kerana tidak memenuhi syarat bagi tujuan menerima bantuan sosial dan menyumbang untuk mencarum kepada instrumen insuran sosial yang wujud.

Kakitangan juga boleh memainkan peranan *enabler* yang membantu proses mendidik dan memulakan langkah caruman bagi kelompok tersebut melalui program pencegahan perlindungan sosial yang berbentuk caruman yang boleh diluaskan kepada masyarakat. Proses ini juga merupakan satu bentuk peranan dalam praktis kerja sosial yang boleh diperluaskan kepada agensi-agensi yang tidak melantik pekerja sosial seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Sebagai contoh, kakitangan PERKESO dan KWSP boleh menggunakan peranan-peranan pekerja sosial dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial bagi membantu kelompok yang dijangka tercicir untuk program *outreach*, advokasi dan pendidikan untuk memilih caruman sebagai mekanisme untuk perancangan pengukuhan ekonomi bagi membantu situasi luar jangka.

Intervensi Pasaran Buruh

Manakala komponen intervensi pasaran buruh pula merujuk kepada sebarang intervensi secara aktif atau pasif yang memberi kesan jangka panjang atau jangka pendek terhadap semua kumpulan sasar pasaran buruh formal dan tidak formal. Menerusi praktis kerja sosial, seorang pekerja boleh menjadi *initiator*, sebagai contoh, bekas banduan boleh dirujuk ke agensi yang bersesuaian bagi tujuan mendapatkan peluang pekerjaan dan memasuki pasaran buruh. Sepertimana insuran sosial, penggunaan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial boleh membantu individu yang berada dalam kumpulan yang dijangka berisiko dan berada dalam situasi tercicir dari diliputi oleh jaringan sistem keselamatan sosial untuk dilibatkan dalam pasaran buruh. Melalui penglibatan secara aktif di dalam sektor guna tenaga tidak kira sama ada dalam sektor formal atau tidak formal, sedikit sebanyak terdapat sumber untuk menjana pendapatan dan liputan perlindungan sosial yang minima (skim pencen atau caruman melindungi keilatan pekerjaan). Sebagai contoh, kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) boleh membantu kumpulan yang dijangka berisiko dan tercicir ataupun berada dalam kumpulan golongan rentan untuk digalakkan memasuki pasaran buruh melalui program perkhidmatan dan aktiviti sokongan yang disediakan oleh JTK. Di peringkat JKM, pekerja kes akan mengenal pasti potensi klien menggunakan kemahiran kerja sosial untuk membuat penentuan situasi dan penilaian yang bersesuaian. Klien yang berpotensi untuk menyertai pasaran buruh sama ada sebagai pekerja atau menjadi peniaga kecil akan


dibimbing oleh pelbagai agensi seperti program galakan usahawan, bimbingan pemasaran, menguasai latihan kemahiran, bimbingan dan penawaran skim mikro kredit dan lain-lain khidmat sokongan yang dapat memberikan bantuan bagi merealisasikan pelan intervensi yang telah dibangunkan untuk klien tersebut.

Bantuan Sosial

Berdasarkan kepada Rajah 2, individu yang berada dalam kumpulan rentan boleh dikembangkan dari segi perincian kategori. Rajah 3 merupakan lanjutan daripada Rajah 2 yang memperincikan lagi kategori kumpulan rentan kepada sub-kumpulan yang lebih kecil. Perincian pecahan kategori ini dibuat berdasarkan pemetaan kumpulan yang dikenal pasti berkemungkinan berada di luar sistem perlindungan sosial. Pemetaan ini diharapkan dapat memberi pemahaman terhadap keperluan perancangan dan intervensi bagi kumpulan rentan untuk mendepani risiko dalam kehidupan agar perancangan bagi mengembalikan kefungsi sosial individu dan keluarga dalam skop perlindungan sosial akan lebih efisien.

Rajah 3

Perincian Pecahan Kategori Kumpulan Rentan di bawah Lantai Perlindungan Sosial



Sumber: Rajah adalah ilustrasi penulis

Pada kelompok ini dapat dilihat potensi praktis kerja sosial yang menekankan kepada pendekatan intervensi terhadap individu, keluarga, komuniti akan dapat dijalankan untuk memperkasa dan membantu individu memperbaiki kehidupan mereka. Justeru aplikasi praktis kerja sosial dalam pengukuhan perlindungan sosial dalam sistem kebajikan akan dapat dijalankan dengan berstruktur. Jika dilihat, kelompok golongan rentan ini

merupakan penerima bantuan sosial pelbagai agensi melalui program atau perkhidmatan bantuan yang ditawarkan berbentuk *non-contributory*. Program atau perkhidmatan bantuan yang didatangkan dalam bentuk bantuan kewangan (*cash transfer*) bertujuan memenuhi keperluan asas seperti makan minum dan tempat perlindungan seperti yang diterima oleh klien JKM. Selain JKM, pelbagai agensi lain turut memberikan bantuan sosial seperti Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) namun tertakluk kepada ruang lingkup bidang fungsi masing-masing. Antara perkhidmatan sosial yang diberikan adalah seperti keperluan asas rumah, akses kepada pendidikan dan bantuan pengangkutan.

Kesemua agensi ini memerlukan kakitangan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan masalah yang dihadapi oleh klien bagi memastikan sistem perlindungan sosial berfungsi untuk kelangsungan hidup golongan rentan. Oleh yang demikian, wujud ruang untuk praktis kerja sosial dilaksanakan oleh kakitangan bagi membuat penentuan berdasarkan situasi keperluan bantuan sosial yang bertepatan dengan situasi semasa klien. Selain itu, kakitangan tersebut juga dijangka akan memerlukan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial untuk menyediakan pelan intervensi. Setiap kakitangan boleh memainkan salah satu daripada 12 peranan seorang pekerja sosial. Sebagai contoh, kakitangan di JKM yang menguruskan klien yang menerima bantuan boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang ada untuk membuat saringan ke atas klien penerima bantuan yang berpotensi untuk dibangunkan dari segi peningkatan sosioekonomi menerusi projek *2-Years Exit Program*. Bagi tujuan tersebut, kakitangan itu perlu memainkan pelbagai peranan sebagai *enabler, advocator, mediator dan counsellor* untuk membimbing klien, menghubungkan klien dengan agensi lain yang bersesuaian untuk pembangunan kapasiti, memantau perkembangan klien dan menyokong usaha klien.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, perlindungan sosial berpotensi untuk menjadi salah satu skop praktis bagi kerja sosial pada masa akan datang. Telah tiba masanya, pekerja sosial bukan sahaja mengendalikan kes apabila menangani situasi klien yang telah berada dalam situasi konflik dan memerlukan khidmat bantuan kerana situasi yang dihadapi, tetapi kini lebih kepada pencegahan, pelaksanaan intervensi kepada keadaan klien yang berisiko. Peranan seseorang pekerja sosial sebagai *enabler, advocator, mediator dan counsellor* harus diteroka. Justeru kompetensi dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran perlu dipelbagaikan agar program pembangunan berterusan juga dapat diteroka. Jaringan kerjasama dalam perkhidmatan sosial akan dapat diperkukuhkan apabila bidang profesion kerja sosial diperkasakan pada masa akan datang.

RUJUKAN

BNM (2020). Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan Tahun 2020. Diakses dari https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026377/emr2020_bm_ch1_devts.pdf

ICU JPM (2021). Buku Panduan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia. Putrajaya.

ICU JPM (2022). *Glosari Perlindungan Sosial*. Putrajaya.

DOSM (2023). *Kenyataan Akhbar Bagi Laporan Demografi Malaysia, Suku Tahun Kedua 2023*.

ILO, R202 (2012) - *Social Protection Floors Recommendation, 2012* (No. 202). Diakses dari https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100_INSTRUMENT_ID:3065524

UNESCAP (2018). *Social Outlook for Asia and the Pacific Poorly Protected*. Thailand.

UNESCAP (2018). *Why We Need Social Protection*, Bangkok, Thailand.

UNESCAP & ILO (2021). *The Protection We Want : Social Outlook for Asia and the Pacific*. Bangkok, Thailand.

PROGRAM KASIH SURI KELUARGA MALAYSIA : INSURANS SOSIAL KEPADA SURI RUMAH

Siti Adibah Abdul Rahman¹ & Siti Khalilah Abdul Nasir²

¹Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
(Emel : adibah@kpwkm.gov.my)

²Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
(Emel : khalilah@spp.gov.my)

Abstrak

Usaha untuk meningkatkan perlindungan sosial khusus kepada golongan suri rumah telah mula diperkenalkan secara meluasnya bermula pada tahun 2018. Kertas dasar berkaitan Pelaksanaan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk Suri Rumah telah dibentangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Julai 2018. Memandangkan inisiatif khusus kepada golongan suri rumah ini merupakan pelopor kepada mekanisme perlindungan sosial, beberapa tindakan penyesuaian telah dijalankan demi memastikan kebolehlaksanaan program. Pelaksanaan secara bersasar dan berfasa diperkenalkan bagi melihat sambutan dan kebolehlaksanaan skim yang diperkenalkan. Suri rumah harus menyertai sistem perlindungan sosial yang efektif supaya dapat menjadi benteng terhadap kelemahan sosioekonomi keluarga. Suri rumah juga perlu bersifat mampan serta mampu memperkukuh daya tahan dirinya sebagai individu atau ketua keluarga bagi situasi dan keadaan tertentu bagi memastikan terdapatnya sistem sokongan yang kukuh untuk bertindak balas terhadap risiko yang dialami dalam kehidupan. Satu perkara baharu yang ingin diteroka ialah penglibatan pekerja sosial terutamanya dalam usaha promosi dan advokasi yang merupakan faktor pengantara penting bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan golongan suri rumah. Justeru artikel ini akan membincangkan tentang status pencapaian pelaksanaan program selepas lima tahun skim ini dilaksanakan, pemerhatian terhadap trend kadar penyertaan dan syor penambahbaikan bagi pelaksanaan program perlindungan sosial yang berbentuk insurans sosial kepada golongan suri rumah untuk meningkatkan daya tahan untuk mencapai kefungsi sosial keluarga melalui peranan pekerja sosial.

Kata kunci: *Perlindungan sosial, suri rumah, pekerja sosial*

PENGENALAN

Kertas dasar berkaitan Cadangan Pelaksanaan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk Suri Rumah telah dibentangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Julai 2018 dan diluluskan pada 3 Ogos 2018. Program ini mula dikenali sebagai Program i-Suri, dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan dibuka untuk pendaftaran bermula 15 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2022 sehingga kini, program ini telah dijenamakan dan dikenali sebagai Program Kasih Suri Keluarga Malaysia (KSKM)

KWSP. Cadangan awal pelaksanaan program ini adalah melalui 3 fasa iaitu, Fasa 1: Menggalakkan tabungan secara sukarela, Fasa 2: Menyediakan jaringan sosial yang asas kepada golongan wanita dan Fasa 3: Sumbangan suami melalui potongan caruman KWSP kepada isteri.

Sejak mula pelaksanaannya pada tahun 2018, usaha mempromosi dan penyampaian input untuk memperkenalkan kepentingan simpanan untuk menghadapi umur persaraan khusus kepada golongan suri rumah giat dijalankan. Kerjasama tiga penjuror di antara KPWKM selaku kementerian yang mempunyai misi membangun masyarakat sejahtera, KWSP selaku penyedia perkhidmatan simpanan wang caruman secara bulanan sebagai simpanan hari tua dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) selaku agensi yang menyelenggara dan mengawal selia pangkalan data keluarga miskin dan miskin tegar yang diwujudkan di peringkat nasional merupakan satu sinergi kerjasama tripartite yang strategik dalam memulakan inisiatif ini. Wanita atau suri rumah yang layak menyertai program ini adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut: i) warganegara Malaysia; ii) berusia 18 tahun ke atas dan belum mencapai umur 55 tahun; iii) berdaftar dengan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih)¹; iv) isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR) / KIR Wanita²; dan v) mencarum sekurang-kurangnya RM5 sebulan atau RM60 setahun ke dalam akaun KWSP.

Wanita di Asia dan Rantau Pasifik menghabiskan masa diantara 2.4 hingga 6 jam sehari untuk menjalankan kerja rumah tanpa upah (*unpaid carework*), manakala lelaki hanya di antara 18 minit ke 2.3 jam setiap hari (ESCAP, 2017). Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), perlindungan sosial merujuk kepada satu set langkah-langkah awam yang disediakan oleh sesebuah masyarakat kepada ahlinya untuk melindungi mereka daripada kesusahan ekonomi dan sosial yang akan disebabkan oleh ketiadaan atau pengurangan ketara pendapatan daripada kerja akibat daripada sembilan kejadian luar jangka iaitu sakit, bersalin, kecederaan pekerjaan, pengangguran, keilatan (*invalidity*), usia tua, kematian pencari nafkah, penyediaan penjagaan kesihatan, dan pemberian faedah untuk keluarga yang mempunyai anak. Berdasarkan kejadian luar jangka tersebut, jelas menunjukkan situasi wanita selaku suri rumah selaku *unpaid carework* sangat wajar dilindungi.

Selari dengan falsafah perlindungan sosial sebagai benteng bagi mengurangkan pelbagai risiko ekonomi terhadap masyarakat dan berperanan sebagai alat penstabilan makroekonomi yang penting, pelaksanaan program ini merupakan satu bentuk insurans sosial yang pertama dan seumpamanya diperkenalkan di Malaysia. Bank Negara Malaysia (BNM) juga mengadaptasi tiga tonggak utama perlindungan sosial yang terdiri daripada perlindungan, pencegahan dan penggalakkan (*protection, prevention and promotion*) yang secara universal dikenali sebagai 3P. Konsep 3P ini dilaksanakan dengan matlamat untuk memastikan keperluan asas dipenuhi, daya tahan terhadap kemiskinan dicapai dan potensi ekonomi dimaksimumkan.

¹ Senarai pendek bagi golongan suri rumah yang layak disaring dari Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) dan dikemaskini setiap tahun setiap 30 November

² Perluasan kriteria kepada KIR Wanita dibuat selepas tahun kedua pelaksanaan sebagai langkah penambahbaikan dan sambutan terhadap program

Maka, satu bentuk perlindungan sosial khusus kepada suri rumah amat perlu disediakan bagi memastikan kefungsi sosial sesebuah unit keluarga akan terus terpelihara. Sekiranya jaringan keselamatan sosial tidak diperkukuh, lebih ramai golongan mudah terjejas dan kewangan awam akan mempunyai tanggungan yang berat berikutan keperluan perbelanjaan yang lebih untuk menyediakan sokongan dalam bentuk bantuan sosial. Justeru, program ini merupakan satu inisiatif pelopor bagi penyediaan satu bentuk jaringan keselamatan sosial dalam bentuk berbayar dan sebagai timbal balas, caruman yang dibuat akan menerima insentif daripada Kerajaan. Program ini merupakan satu-satunya skim bantuan bersasar yang menggalakkan wanita menabung untuk persediaan simpanan hari tua ataupun pelan persaraan bagi suri rumah. Konsep simpanan dan tabungan untuk persediaan persaraan dan menghadapi musibah diterapkan dan ditambah dengan manfaat tambahan selaku ahli dan pencarum skim KWSP dilihat merupakan satu nilai tambah kepada suri rumah yang menyertai skim ini. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang status pencapaian pelaksanaan program selepas lima tahun skim ini dilaksanakan, pemerhatian terhadap trend kadar penyertaan dan syor penambahbaikan bagi pelaksanaan program ini kepada golongan suri rumah untuk meningkatkan daya tahan untuk mencapai kefungsi sosial keluarga. Perbincangan terhadap kepentingan kesedaran dan advokasi sebagai satu bentuk intervensi sosial bagi mengelakkan individu dan keluarga daripada menjadi golongan mudah terjejas dan mencegah kemiskinan melalui peranan pekerja sosial juga akan dikupas.

PELAKSANAAN PROGRAM

Kaedah Pelaksanaan

Program KSKM KWSP telah dilaksanakan bermula pada 15 Ogos 2018 dan masih diteruskan sehingga 2023. Keunikan program ini ialah walaupun program berbentuk insurans sosial, simpanan dan tabungan, namun setiap caruman yang dibuat oleh peserta program

(nilai minimum caruman adalah sebanyak RM5) akan menerima insentif daripada pihak Kerajaan sebanyak RM40. Bermaksud sekiranya pencarum menyempurnakan bayaran caruman secara konsisten tanpa gagal bagi 12 bulan (RM60) maka, insentif Kerajaan yang akan dikreditkan ke dalam akaun KWSP pencarum adalah sebanyak RM480 setahun. Suri rumah yang memenuhi kriteria program boleh membuat semakan bagi kelayakan dengan hadir ke kaunter perkhidmatan KWSP atau semakan melalui telefon dan seterusnya membuka akaun KWSP. Kaedah pembayaran caruman adalah tertakluk kepada mekanisme yang telah ditetapkan oleh KWSP yang termasuk pembayaran melalui tunai atau cek di kaunter peresitan KWSP, pembayaran tunai atau cek di kaunter panel bank KWSP serta pindahan wang melalui perbankan internet oleh bank yang dilantik.

Kawalselia dan Pemantauan Program

Data bagi jumlah penyertaan dikemasini secara teratur dan dilaporkan kepada jawatankuasa penyelarasan bagi tujuan pemantauan program. Melalui sesi pelaporan dan pembentangan berkala yang dijalankan, isu dan cabaran yang dihadapi akan ditangani secara perbincangan dengan pemegang taruh dan pihak berkepentingan bagi memastikan cadangan penyelesaian dapat dilaksanakan. Penambahbaikan sentiasa dijalankan setiap tahun bagi memastikan pelaksanaan program lebih lancar dan memberi kemudahan kepada pencarum.

DATA PENDAFTARAN DAN CARUMAN

Penyertaan Program

Berdasarkan data terkumpul dari tahun 2018 hingga kini, jelas menunjukkan trend peningkatan dari segi pendaftaran pada tiga tahun pertama (Jadual 1). Peningkatan terhadap kadar penyertaan ini merupakan hasil kerja keras gabungan tiga agensi utama, iaitu KPWKM, KWSP dan ICU JPM. Pelaksanaan aktiviti pelan komunikasi dan media yang dirancang melalui pendekatan sesi promosi dan hebahan menerusi media cetak dan elektronik, perkongsian maklumat secara bersemuka semasa program turun padang, pameran, kempen dan kerjasama bersama pihak berkepentingan bersama pihak Kerajaan Negeri merupakan faktor penyumbang kepada kadar penyertaan yang meningkat secara konsisten pada tahun 2018 hingga 2020.

Jadual 1

Statistik Pendaftaran Mengikut Tahun

Tahun Pelaksanaan	Tahun	Bilangan Yang Layak Menyertai Program Berdasar Ketetapan Kriteria Program	Bilangan Berdaftar Menyertai Program	Peratus Mengikuti Program
Pertama	2018	334,940 (Jun 2018)	62,171	28.54 %
Kedua	2019	321,313 (Nov 2018)	80,432	25.03 %
Ketiga	2020	331,365 (Nov 2019)	138,068	41.06 %
Keempat	2021	335,735 (Nov 2020)	43,950	13.09 %
Kelima	2022	337,814 (Nov 2021)	134,590	39.84 %
Ke-6	2023	334,940 (Nov 2022)	33,548 (setakat Mac 2023)	10.02 %

(Sumber : KWSP)

Nota : Perbandingan Pendaftaran KSKM KWSP berdasarkan Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih (saringan terhadap profil yang disenaraipendek berdasarkan kriteria yang ditetapkan) mengikut tahun yang dibekalkan setiap tahun.

Namun, bilangan pendaftaran didapati menurun dengan sangat ketara pada tahun 2021 (hanya 13.09% pendaftaran pencarum baharu berbanding 41.06% tahun sebelumnya). Pandemik telah merencatkan kadar penyertaan menyertai program namun pada tahun 2022, bilangan penyertaan telah mula meningkat seperti bilangan peratusan tahun terdahulu. Berdasar pemerhatian, walaupun pada tahun 2020 merupakan tahun dilanda pandemik, namun tahun 2020 mencatatkan bilangan tertinggi pendaftaran. Dari sudut berbeza, secara tidak langsung pandemik telah memberikan satu pengajaran kepada semua tentang kepentingan perlindungan sosial.

Perbandingan Ahli Berdaftar dan Ahli Mencarum

Walaupun bilangan pendaftaran di kalangan suri rumah yang layak menyertai merupakan satu kayu ukur pencapaian, satu lagi perkara yang turut dititikberatkan ialah persoalan adakah ahli yang berdaftar membuat caruman? Ini kerana manfaat dan perlindungan bagi

program yang berbentuk bayaran (*contributory*) hanya akan diliputi sekiranya pencarum memenuhi tanggungjawab membuat caruman secara konsisten. Bagi program ini, perkara unik yang diperkenalkan sebagai galakan ke atas tindakan menyimpan untuk persediaan persaraan ialah insentif hanya akan diberikan kepada ahli yang mencarum. Sama seperti skim KWSP yang lain, pencarum hanya dibenarkan untuk membuat pengeluaran setelah berusia 60 tahun.

Disinilah dilihat pentingnya satu bentuk kesedaran dan pemahaman diberikan dengan jelas kepada suri rumah yang mengikuti program ini bagi memahami tanggungjawab dan manfaat sebagai pencarum. Jadual 2 menunjukkan bilangan ahli yang mencarum sentiasa melebihi bilangan mendaftar kecuali pada tahun pertama program dilaksanakan. Ini kerana bagi tahun 2018, tempoh pelaksanaan hanya selama tempoh 5 bulan kerana bermula pada pertengahan Ogos 2018.

Jadual 2

Perbandingan Ahli Berdaftar dan Ahli Mencarum Mengikut Tahun

Tahun	Bilangan Ahli Berdaftar	Bilangan Ahli Mencarum
2018	62,171	45,789
2019	80,432	104,562
2020	138,068	120,841
2021	43,950	182,142
2022	134,590	186,229
2023	33,548 (setakat Mac 2023)	14,152 (setakat Mac 2023)

(Sumber : KWSP)

Satu perkara yang perlu diambil berat dan perlu penelitian mendalam ialah bilangan kiraan ahli mencarum adalah berdasar kekerapan caruman yang direkodkan oleh pihak KWSP dan bukan berdasar bilangan individu mencarum. Oleh itu, sekiranya pada masa akan datang penelitian lanjut dan pemantauan terhadap konsistensi pencarum membuat caruman bulanan tanpa gagal ingin dijalankan, maka data perincian berdasar setiap individu pencarum perlu diperolehi. Namun harus diingatkan bahawa terdapat limitasi yang perlu diatasi iaitu pematuhan terhadap prinsip perlindungan data peribadi sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 809].

PERBINCANGAN

Cabaran Perlaksanaan Program Berbentuk Intervensi Sosial

a) Kemampanan Insentif Caruman

Walaupun secara keseluruhannya kadar penyertaan ahli berdaftar dan ahli mencarum adalah tinggi, namun berdasarkan situasi semasa terdapat cabaran untuk meneruskan program ini pada masa akan datang. Perkara utama dan unik di dalam pelaksanaan program ini ialah pemberian insentif kepada pencarum. Berdasarkan ketetapan semasa, kadar insentif adalah agak tinggi, iaitu perkadaran caruman peserta program : insentif Kerajaan adalah dalam nisbah (1:8), bersamaan minimum caruman individu sebanyak

RM5 : nilai insentif Kerajaan adalah RM40. Adalah dikhuatiri sekiranya pada masa akan datang bilangan yang mencarum akan semakin ramai dan konsistensi membayar caruman adalah tinggi (bayaran caruman dibuat penuh selama 12 bulan), kemampuan fiskal untuk insentif perlu diperhalusi. Tahun 2023 merupakan tahun ke-6 pelaksanaan program ini dan dirasakan tempoh lima tahun sebagai pengenalan dan tempoh advokasi kepentingan simpanan hari tua telahpun difahami dengan jelas oleh peserta program. Kebaikan menyertai sistem perlindungan sosial telah dapat disaksikan terutama semasa pandemik melanda, rakyat telah menyedari peri pentingnya menyertai skim untuk mengurangi risiko yang dihadapi terutama dari segi jaminan pendapatan.

Jadual 3

Ringkasan Kerangka Sistem Pencen di Malaysia (Multi-Pillar Pension Framework)

	<i>Pillar 0</i>	<i>Pillar 1</i>	<i>Pillar 2</i>	<i>Pillar 3</i>	<i>Pillar 4</i>
Objektif	Membasmi Kemiskinan	Pendapatan Asas	Penggantian Pendapatan	Pendapatan Tambahan	Sokongan Informal
Penyertaan	<i>Residual</i>	Mandatori	Mandatori	Sukarela	Sukarela
Caruman	Tiada	Ada	Ada	Ada	Tiada
Pembiayaan	Pembiayaan oleh Kerajaan (Cukai)	Pembiayaan Separa	Pembiayaan (Caruman)	Aset Kewangan	Aset Kewangan
Skim	Skim Bantuan Sosial (<i>means-tested</i>)	Tiada	Pencen (KWAP) KWSP LTAT PERKESO	Skim Persaraan Swasta (PRS) Insurans	Pusaka/ Pindahan (Keluarga) Akses Perkhidmatan Kesihatan Akses Perumahan Kos Rendah Pendapatan Dari Pelaburan
Pengendali	JKM KPWK Zakat MOF	Tiada	JPA KWSP LTAT PERKESO	Pengendali Pencen Swasta Syarikat Insurans Suruhanjaya Sekuriti Bank Negara Malaysia	KKM KPKT

(Sumber : *Social Protection Insight, KWSP*)

Nota :

<i>KWAP</i>	<i>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)</i>	<i>JPA</i>	<i>Jabatan Perkhidmatan Awan</i>
<i>LTAT</i>	<i>Lembaga Tabung Angkatan Tentera</i>	<i>KKM</i>	<i>Kementerian Kesihatan Malaysia</i>
<i>MOF</i>	<i>Kementerian Kewangan Malaysia</i>	<i>KPKT</i>	<i>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>

b) Kesediaan kepada perubahan skim anjuran Kerajaan dari bersifat bukan caruman kepada caruman (*non contributory-contributory*)

Merujuk kepada Kerangka Sistem Pencen di Malaysia (*Multi-Pillar Pension Framework*) yang berteraskan 5 kerangka utama (Jadual 3), sehingga kini masih belum ada satu skim berbentuk caruman yang menjurus kepada pemberian pendapatan asas. Konsep ini adalah seperti pelaksanaan insurans sosial yang mewajibkan setiap individu mempunyai akaun keselamatan sosial dan caruman adalah diwajibkan. Di dalam pelaksanaan program KSKM KWSP, kaedah pelaksanaan adalah berbentuk caruman secara sukarela. Pada masa akan datang, bagi memastikan kemampanan program, mungkin sudah tiba masanya satu bentuk caruman wajib keselamatan sosial diperkenalkan, sama ada diwajibkan bermula dari peringkat lahir, bermula pada 18 tahun ataupun bermula pada umur 40 tahun (dengan andaian mempunyai tempoh masa 20 tahun sebelum umur mencapai warga emas, 60 tahun).

c) Kesediaan data pelaksanaan kepada suri rumah secara mengelakkan ralat (*inclusion/exclusion error*)

Berdasarkan pelaksanaan Program KSKM KWSP, suri rumah yang menyertai program adalah individu yang dipilih secara bersasar iaitu melalui penetapan kriteria tertentu. Bagi memastikan kebolehcapaian kepada semua suri rumah pada masa akan datang, sekiranya program ini ingin diperluaskan pemakaiannya kepada semua suri rumah, maka elemen kesediaan data suri rumah perlulah diperolehi. Perkara ini boleh dilaksanakan sekiranya terdapat pangkalan data keselamatan sosial. Namun mengambilkira perkembangan pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) yang sedang dijalankan melalui pelan tindakan di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC), diharapkan isu berkaitan kesediaan data akan dapat diatasi menjelang tahun 2025.

Pendekatan Praktis Kerja Sosial untuk Melaksanakan Intervensi Kepada Kumpulan Sasar atau Golongan Mudah Terjejaskan

Pelaksanaan Sebagai Intervensi Sosial

Satu elemen baharu yang ingin diperkenalkan ialah potensi menggunakan praktis kerja sosial di dalam tindakan mengembalikan kefungsi sosial individu, keluarga dan komuniti melalui skop perlindungan sosial. Pekerja sosial boleh memainkan peranan selaku mediator dan pemudahcara dalam mendampingi individu atau kelompok yang berpotensi untuk dibantu. Seseorang pekerja sosial boleh menjangkakan punca kemungkinan konflik individu dan keluarga bagi kes kes yang berisiko. Justeru, pelan intervensi boleh dilakukan melalui persetujuan klien agar situasi risiko yang dihadapi (bagi situasi ini kejadian luar jangka yang perlu dihadapi oleh wanita yang menjadi KIR atau suri rumah iaitu sakit, bersalin, kecederaan pekerjaan, pengangguran, keilatan (*invalidity*), usia tua, kematian suami selaku pencari nafkah, penyediaan penjagaan kesihatan dan persediaan menyara anak).

Pembangunan Polisi Sosial

Bagi membantu pekerja sosial menjalankan skop praktis berkaitan perlindungan sosial dengan jelas, satu bentuk penanda aras bagi pentadbiran kerja sosial perlu diwujudkan. Sekiranya ingin dijalankan secara berstruktur, perancangan dan pembangunan dasar serta

penilaian terhadap polisi sedia ada berkaitan peranan pekerja sosial di dalam pengukuhan jaringan keselamatan sosial perlu dibangunkan. Melalui cara ini, polisi penyampaian perkhidmatan oleh seseorang pekerja sosial akan dapat dipantau dengan jelas. Di samping itu juga, latihan kepada petugas atau pekhidmat di lapangan akan dapat diberikan agar lebih kompeten dalam mengendalikan kes yang diuruskan atau diselia.

KESIMPULAN

Tindakan pelaksanaan intervensi sosial untuk meningkatkan daya tahan suri rumah untuk bertindak balas terhadap risiko yang dialami dilihat akan dapat membantu mendayaupayakan dan membina daya tahan apabila berhadapan dengan risiko terutamanya ke arah pengukuhan pendapatan asas atau penggantian pendapatan. Bagi memastikan kebolehlaksanaan dan kejayaan program perlindungan sosial yang berbentuk caruman, pekerja sosial boleh memainkan peranan dengan melaksanakan secara meneroka peluang untuk membina jaringan usahasama. Satu pendekatan yang boleh dilaksanakan ialah dengan membuat gabungan tenaga bersama individu lain yang berada dalam perkhidmatan sosial. Sebagai contoh, aktiviti promosi dan advokasi perlindungan sosial boleh dilaksanakan secara gabungan dari pemegang taruh dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan kejayaan program. Namun pada masa yang sama, setiap petugas hendaklah memainkan peranan berdasarkan bidang fungsi agensi masing-masing.

Secara kesimpulannya, pekerja sosial boleh turut membantu memainkan peranan di dalam melaksanakan advokasi dan pelan intervensi kepada suri rumah dan golongan mudah terjejas bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan di dalam program perlindungan sosial.

RUJUKAN

Bank Negara Malaysia. 2020. Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020.

ILO, R202 - Social Protection Floors Recommendation, 2012 (No. 202.). Diakses dari https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100_INSTRUMENT_ID:3065524

KWSP.2018, Social Protection Insight:A Better Tomorrow (Vol.3).

KWSP.2018, Social Protection Insight. Diakses dari <https://www.kwsp.gov.my/documents/20126/84157b7b-bab0-52ab-ea4e-fe5e1e21fcd5>

UNESCAP, 2018. Why We Need Social Protection, Thailand.

UNESCAP, Statistical Yearbook for Asia and the Pacific 2016 : SDG Baseline Report SDG 5: Gender Inequality (Bangkok,2017). Diakses dari http://www.unescap.org/sites/default/files/SDG_05_ESCAP_SYB2016_SDG_base_line_report.pdf.

CABARAN PENGAJARAN GURU DALAM MENANGANI MASALAH KETIDAKUPAYAAN KANAK-KANAK AUTISME: KAJIAN KES DI NASOM, ALOR SETAR KEDAH

Tengku Ummi Kausyar Tengku Ubaidillah & Zakiyah Jamaluddin

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
(Emel : tengkuummi235@gmail.com, zakiyah@uum.edu.my)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dilalui oleh guru semasa sesi pembelajaran dengan kanak-kanak autisme. Pelbagai cabaran yang telah dilalui oleh guru-guru dalam memastikan kanak-kanak autisme mendapat pembelajaran yang sempurna. Kajian ini dijalankan di National Autism Society of Malaysia (NASOM) Alor Setar, Kedah Darul Aman. Seramai tujuh orang responden telah terlibat di dalam kajian ini yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar di NASOM. Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana kaedah pengumpulan dilakukan secara atas dalam talian dengan menggunakan kaedah temubual bersruktur. Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati guru-guru mempunyai pelbagai cabaran semasa berhadapan dengan kanak-kanak autisme. Antara cabaran yang dihadapi oleh guru-guru adalah tingkah laku kanak-kanak autisme memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran apabila tingkah laku mereka tidak dijangka dan agresif. Justeru, beberapa cadangan kajian disarankan agar melanjutkan kajian tentang kemahiran yang guru-guru perolehi di dalam memberikan pendidikan terhadap kanak-kanak autisme. Selain itu, kajian tentang perbandingan tahap prestasi guru-guru yang telah dinilai oleh penyelaras institusi autisme kerana terdapat kaitan tahap proses perkembangan kanak-kanak autisme berdasarkan keupayaan guru-guru autisme.

Kata kunci: *Kanak-kanak autisme, strategi pengajaran, cabaran.*

PENGENALAN

Autisme berasal daripada perkataan autos yang bermaksud “makna diri sendiri” dan “isme” yang bermaksud “aliran”. Autisme terjadi disebabkan kefungsi otak yang tidak berfungsi (Zhahrulnizam, 2010). Autisme merupakan masalah paling popular yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak pada harini (Aniza, 2018). Penyakit autisme ini lebih kerap berlaku kepada kanak-kanak lelaki berbanding perempuan. Berdasarkan kajian kebangsaan di Amerika Syarikat, mendapati di dalam 14 komuniti, seorang daripada 88 orang berusia 8 tahun didiagnosis mengalami kecelaruan spektrum Autisme (Intan, 2019). Pada tahun 2012, autisme menjadi tumpuan di Perancis apabila kajian Menteri Kesihatan negara tersebut menganggarkan kadar 60 daripada 10,000 orang iaitu bersamaan dengan seorang daripada 150 orang mengalami autisme (Aniza, 2018). Manakala statistik yang telah dikeluarkan oleh *The National Autism Society of Malaysia* (NASOM) pada 2013, bahawa setiap seorang daripada 150 kanak-kanak yang dilahirkan di seluruh dunia memiliki simptom autisme dan 1 daripada 500 kanak-kanak di Malaysia mengalami gejala ini dan dapat dianggarkan seramai 47,000 kanak-kanak Malaysia menghidap autisme

(NASOM, 2015). Di negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat dan Singapura telah berjaya mediagnosis penyakit autisme dalam kalangan kanak-kanak ketika berusia tiga hingga empat tahun.

Autisme merupakan penyakit yang berlaku dalam kalangan golongan kanak-kanak yang mengalami masalah tumbesaran dalam jangka masa yang panjang dan memberi kesan kepada pemikiran kognitif di dalam proses pendidikan (Siti, Mokhtar & Hanafi, 2016) Kajian mengenai autisme telah dipelopori oleh Leo Kanner, pada tahun 1943. Kanak-kanak autisme terjadi adalah disebabkan masalah biologi dan virus oleh ibu semasa hamil (Siti Masidayu, 2016). Menurut Raja Juanita (2016), saintis di dunia masih belum menemui penyebab yang sebenar dan masih mempunyai bukti yang cukup kukuh dan tanggapan yang salah mengenai punca autisme. Menurut Siti Azani (2017), tiada rawatan khusus yang mampu merawat rawatan *Autism Spectrum Disorder* (ASD).

Autisme merupakan satu kecelaruan yang memberi kesan kepada komunikasi dan boleh dikesan pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak iaitu di antara 12 bulan hingga 3 tahun (Hasnah, Mohd, Hanafi, Yasin & Norani, 2010). Corak permulaannya dapat dilihat melalui perkembangan awal dari segi kehilangan sosial dan bahasa. Menurut Kimberly (2011), ciri-ciri ASD menjadi jelas pada peringkat tahun pertama sesetengah kes di dalam penghidap penyakit autisme yang mengalami masalah gangguan dalam berkomunikasi terhadap orang sekeliling dan memberi impak tinggi terhadap ketidakmampuan interaksi dan komunikasi oleh penghidapnya. Mereka mempunyai masalah pertuturan secara lambat dan tidak boleh berkomunikasi secara keseluruhan. Dari segi tingkah laku, penghidap autisme kerap menunjukkan perbuatan berulang seperti mengibas tangan, berpusing dan memutar objek (Jamiah, 2019). Dalam persekitaran sekolah, kanak-kanak autisme dikategorikan sebagai kanak-kanak berkeperluan khas. Selain itu, autisme juga dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) yang mengalami masalah pembelajaran (Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya, 2008).

METODOLOGI

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di *National Autism Society of Malaysia* (NASOM) Alor Setar, Kedah. NASOM. Pertubuhan ini merupakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak autisme. NASOM terletak di Bandar Alor Setar beralamat di Taman PKNK, Jalan Tun Razak, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Sejarah NASOM telah bertapak pada 30 tahun yang lalu apabila ramai masyarakat tidak mengetahui autisme dan sukar untuk mendapatkan perkhidmatan autisme di Malaysia. Oleh itu, NASOM telah ditubuhkan pada 1987 untuk membantu kanak-kanak autisme apabila ibu bapa perintis bergading bahu untuk mendapatkan rawatan dan harapan bagi mendapatkan masa depan yang lebih baik, dengan menubuhkan NASOM pada tahun 1987. NASOM ditubuhkan di seluruh negeri mengikut cawangan yang telah ditetapkan. NASOM Alor Setar yang ditubuhkan pada 2007, merupakan persatuan kebajikan sukarela berkebajikan yang menggunakan sumbangan daripada para dermawan individu dan koporat untuk menyalurkan khidmat kepakaran kursus yang menjadi cabaran sepanjang masa.

Pengkaji memilih NASOM sebagai lokasi kajian adalah kerana pusat tersebut menawarkan premis, persekitaran yang kondusif untuk anak-anak autisme, sumber tenaga dan kepakaran yang mencukupi kepada kanak-kanak autisme. Selain itu, lokasi kajian juga memudahkan pengkaji untuk bergerak kerana ia berdekatan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan rumah.

Peserta Kajian

Peserta kajian dibuat di dalam kalangan individu yang boleh memberikan kerjasama dan membekalkan kerjasama yang sepenuhnya kepada pengkaji, Bogden & Biklen (2007). Peserta kajian terdiri daripada guru-guru iaitu tenaga pengajar kepada kanak-kanak autisme (pelajar/murid) bagi mengetahui cabaran dan strategi yang dilakukan bagi berhadapan dengan kanak-kanak autisme.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data untuk kajian ini adalah menggunakan kaedah temubual secara atas talian dan data sekunder seperti jurnal pensyarah dan pelajar. Menurut Creswell (2005) pengumpulan data merupakan satu proses triangulasi untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian kualitatif.

DAPATAN KAJIAN

Profil Informan

Dalam kajian ini pengkaji telah menemubual tujuh orang guru perempuan melalui penggunaan *google form* kerana informan kajian ini mengalami kekangan untuk ditemubual secara bersemuka atas faktor COVID-19, yang kian meningkat bilangan kes saban hari. Selain itu, akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menyebabkan temubual secara bersemuka agak sukar dijalankan. Ia juga atas faktor SOP pengawalan yang ketat seperti digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara Malaysia (MKN), menyebabkan komitmen guru-guru tidak dapat memberi kerjasama yang baik dalam proses menemubual secara bersemuka. Penggunaan *google form* dibuat berdasarkan kekangan yang dihadapi oleh pengkaji dan guru-guru atas faktor COVID-19 yang bilangan kes meningkat ketika itu, diikuti SOP yang ketat daripada pihak NASOM dan urusan perpindahan tempat yang menyukarkan lagi temubual secara bersemuka dilakukan.

Informan yang pertama dirujuk sebagai 1 (bukan nama sebenar) berumur 55 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah STPM dan Sijil Pendidikan Khas. Jurusan atau kursus yang pernah diambil di Universiti atau institusi adalah di NASOM. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM adalah selama 13 tahun. Beliau mempunyai pengalaman berkursus di NASOM dan juga mempunyai anak autisme. Beliau menggunakan pengalaman hidupnya dan diadaptasikan kepada kanak-kanak autisme di NASOM.

Informan yang kedua dirujuk sebagai 2 (bukan nama sebenar) berumur 43 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah SPM. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM adalah 10 tahun 10 bulan.

Informan yang ketiga dirujuk sebagai 3 (bukan nama sebenar) berumur 34 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah peringkat Sijil. Jurusan atau kursus yang pernah diambil di Universiti atau institusi lain adalah Komputer. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM adalah 9 tahun.

Manakala informan yang keempat dirujuk sebagai 4 (bukan nama sebenar) berumur 34 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah peringkat Diploma. Jurusan atau kursus yang pernah diambil di Universiti atau institusi lain adalah Kejururawatan. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM adalah 8 tahun.

Informan yang kelima dirujuk sebagai 5 (bukan nama sebenar) berumur 25 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah peringkat Ijazah. Jurusan atau kursus yang pernah diambil di Universiti atau institusi lain adalah Psikologi Kanak-kanak dan Keluarga. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM adalah 1 tahun 5 bulan.

Informan yang keenam dirujuk sebagai 6 (bukan nama sebenar) berumur 33 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah SPM. Tiada urusan atau kursus yang pernah diambil di Universiti atau institusi. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM adalah 8 tahun.

Informan yang ketujuh dirujuk sebagai 7 (bukan nama sebenar) berumur 28 tahun. Tahap pendidikan tertinggi adalah SPM. Tiada urusan atau kursus yang pernah diambil di Universiti atau institusi. Pengalaman mengajar dan berkhidmat di NASOM juga selama 8 tahun.

Jadual 1

Profil Responden

Informan	Umur	Tahap pendidikan	Kursus yang diambil di Universiti	Tempoh Perkhidmatan di Nasom
1	55 tahun	Stpm dan Sijil Pendidikan Khas	Berkursus di NASOM	13 tahun
2	43 tahun	SPM	Tiada	10 tahun 10 bulan
3	34 tahun	Sijil	Jurusan Komputer	9 tahun
4	34 tahun	Diploma	Jurusan Kejururawatan	8 tahun
5	25 tahun	Peringkat Ijazah	Jurusan Psikologi Kanak-kanak dan Keluarga	1 tahun 5 bulan
6	33 tahun	SPM	Tiada	8 tahun
7	28 tahun	SPM	Tiada	8 tahun

Cabaran yang Dihadapi oleh Guru-Guru di NASOM Alor Setar, Kedah.

Memang tidak dinafikan bahawa pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di dalam memastikan kanak-kanak autisme memperolehi kejayaan dan mempunyai masa depan. Kekurangan jangka panjang yang dialami oleh mereka seperti masalah pembelajaran, perkembangan motor yang lambat, perbuatan berulang, mudah mengamuk telah memberi kesan kepada guru-guru dari segi cabaran dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama kanak-kanak autisme. Antara cabaran yang dikenal pasti melalui temubual yang telah dijalankan adalah daripada segi cabaran masalah tingkah laku *tantrum* atau *meltdown* dan pemahaman memahami tingkah laku kanak-kanak autisme dari segi kehendak mereka. Pengalaman-pengalaman guru-guru telah dikumpulkan melalui temubual yang telah dijalankan ke atas ketujuh-tujuh informan.

a. Tingkah Laku Kanak-Kanak Autisme

Tugas seorang guru sebagai pengajar amat penting di dalam memastikan pencapaian diperolehi di dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid autisme. Selain itu, di samping menyampaikan ilmu kepada kanak-kanak autisme guru-guru juga bertanggungjawab menjaga keselamatan mereka, oleh kerana ketidakupayaan diri dari segi tingkah laku akan memberi kesan orang sekeliling. Memang tidak dinafikan bahawa dengan tingkah laku tidak dijangka juga akan memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran, juga keselamatan. Walau bagaimanapun, tidak semua kanak-kanak autisme memberi kesan bahaya terhadap orang sekeliling.

Melalui temubual ketujuh-tujuh informan yang ditemubual, kebanyakan guru-guru menghadapi cabaran yang paling besar melalui tingkah laku. Tingkah laku sememangnya faktor utama yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme. Antara masalah tingkah laku, yang memberikan cabaran besar kepada guru-guru adalah masalah tantrum, tingkah laku yang tidak dijangka dan tingkah laku agresif. Tingkah laku tantrum menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh informan 1 dan tingkah laku tersebut juga boleh mengganggu rakan sekelas dan ketenteraman bilik darjah. Begitu juga informan 2 menyatakan tingkah laku yang tidak dijangka dan beliau memberikan beberapa contoh situasi seperti mencederakan diri sendiri adalah disebabkan faktor bunyi tertentu yang mengganggu murid-murid autisme. Informan 3, menyatakan cabaran tingkah laku yang dilaluinya adalah seperti menjerit, berlari dan mengamuk. Manakala informan 4, turut menyatakan tingkah laku sebagai cabaran utama apabila kanak-kanak autisme tersebut bertindak tantrum seperti berkelakuan menjerit dan mengamuk secara tiba-tiba. Bagi informan 6, juga turut menyatakan tingkah laku informan menjadi cabaran yang utama dari aspek emosi seperti mengamuk, menjerit tanpa mengetahui punca tingkah laku berkenaan dan informan menyatakan guru-guru di NASOM perlu bersedia pelbagai strategi terhadap kemungkinan yang berlaku. Namun bagi informan 7, menyatakan emosi kanak-kanak autisme menjadi cabaran utama seperti bertingkah laku memberontak dan menjerit secara tiba-tiba dan informan menyatakan bahawa emosi tersebut berlaku daripada rumah yang telah dibawa ke sekolah. Ini dapat dibuktikan apabila keenam-enam informan menyatakan bahawa cabaran besar yang mereka alami adalah cabaran tingkah laku yang dilakukan oleh informan autisme.

Cabaran merancang dan melaksanakan pembelajaran terbaik bersama kanak-kanak autisme kebanyakan daripada ketujuh-tujuh informan adalah dari segi cabaran di dalam

mengendalikan tingkah laku. Informan 1 menyatakan bahawa cabarannya adalah dari segi pengendalian tingkah laku kanak-kanak autisme. Informan 1 menyatakan bahawa cabaran bersama kanak-kanak autisme adalah beliau perlu melakukan segala kaedah untuk mengelakkan kecelaruan tingkah laku. Cabaran yang dapat dilihat adalah apabila kanak-kanak autisme mewujudkan kecelaruan tingkah laku menyebabkan informan tidak mempedulikan kepada kanak-kanak autisme yang mahukan perhatian, mengambil semula ganjaran yang diberi dan meniru semula aksi mereka bagi mengelakkan tingkah laku tersebut berterusan.

Informan 2, pula menyatakan tingkah laku kanak-kanak autisme menjadi cabaran apabila ada kalangan mereka mencederakan diri sendiri dengan menghantuk kepala apabila kanak-kanak autisme tersebut dikatakan mengalami gangguan dari segi bunyi sekeliling ataupun gangguan daripada rakan sekelas dan guru-guru akan mengendalikan murid-murid berkenaan dengan cara memeluk dan memakai topi keledar bagi tujuan mengelakkan kecederaan berlaku.

Tingkah laku secara tiba-tiba dengan enggan melakukan arahan yang disampaikan oleh guru menyebabkan guru memainkan peranan penting bagi mengatur keadaan situasi tersebut. Ia menyebabkan timbul persoalan kepada informan 3 terhadap tindakan kanak-kanak autisme melakukan tingkah laku sedemikian.

Informan 5, pula menyatakan bahawa dari segi tingkah laku dan emosi ianya memberi cabaran kepada guru-guru apabila kanak-kanak autisme yang mengalami tantrum akan mencederakan orang di sekeliling dan guru-guru perlu memastikan bahawa keadaan tersebut tidak akan berlaku dengan bersedia menghadapi segala kemungkinan yang berlaku. Di samping itu, penyampaian pembelajaran dan pengajaran tidak sama seperti kanak-kanak yang normal. Hal ini kerana, tahap tingkah laku mereka berbeza berbanding kanak-kanak yang normal dan strategi penyampaian pengajaran juga berbeza.

Manakala informan 7, menyatakan bahawa dari segi cabaran pengendalian tingkah laku yang dihadapi, informan menyatakan bahawa, peranan guru amat penting dalam mengawal emosi dan tingkah laku kanak-kanak autisme. Beliau juga turut menjadi model iaitu contoh kepada kanak-kanak autisme, bagi membantu kanak-kanak tersebut mengikuti tingkah laku semula.

b. Pengenalpastian Kehendak Murid-Murid Autisme

Di dalam mengenal pasti kehendak kanak-kanak autisme ianya menjadi masalah apabila mereka mempunyai masalah lambat bertutur atau tidak boleh bertutur dengan baik bergantung juga kepada jenis autisme yang dihadapi memberi kesan kepada orang sekeliling untuk memahami kehendak mereka. Kadang-kadang mereka juga mempunyai masalah kefahaman perkataan dilafazkan tidak difahami yang menyebabkan mereka memberontak atas faktor kehendak mereka tidak dipenuhi dan difahami.

Dari sudut pengenalpastian kehendak kanak-kanak autisme informan menyatakan bahawa dari segi komunikasi, memberi cabaran guru-guru dalam memahami penyampaian apabila kanak-kanak autisme yang tidak pandai berkomunikasi menggunakan isyarat untuk menyatakan kehendak mereka. Begitu juga guru perlu mengenal pasti kehendak setiap murid yang tidak mahu menyertai aktiviti yang telah diatur oleh guru-guru di NASOM.

Selain itu, guru turut berhadapan dengan cabaran kemahiran komunikasi dua hala di dalam berinteraksi bersama kanak-kanak autisme dengan cara yang difahami dan memastikan persekitaran di sekeliling mereka kondusif agar emosi mereka tidak diganggu. Penyataan-penyataan informan dapat dilihat dalam maklum balas mereka.

c. Keberkesanan Berkomunikasi

Masalah berkomunikasi seringkali akan menjadi cabaran kepada golongan berpendidikan khas terutamanya di dalam kajian ini yang melibatkan kanak-kanak autisme. Mereka mempunyai komunikasi yang unik yang hanya dapat difahami oleh mereka tersendiri namun ia juga bergantung kepada jenis-jenis autisme yang dihadapi.

Murid autisme yang tidak boleh berkomunikasi memberi cabaran kepada guru untuk mempelbagaikan komunikasi contohnya menggunakan *Picture Exchange Communication System* PECS. Hal ini menjadi cabaran kepada guru-guru kerana murid-murid autisme tidak boleh berkomunikasi seperti kanak-kanak yang normal.

Guru perlu memberikan arahan yang ringkas bagi menarik perhatian kanak-kanak autisme tersebut agar ianya menjadi komunikasi dua hala. Kanak-kanak autisme juga perlu memandang guru ketika berkomunikasi dan guru menjadi model terlebih dahulu bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan kepada kanak-kanak autisme.

d. Pencapaian Kanak-Kanak Autisme

Dalam kajian ini pengkaji mendapati kebanyakan informan menyatakan bahawa tanggungjawab di dalam berhadapan cabaran, amat penting bagi memenuhi pencapaian kanak-kanak autisme dalam menyampaikan ilmu bagi membantu pelajar memperolehi pengajaran dan pembelajaran yang baik di dalam kelas. Selain itu juga bagi, memenuhi impian dan harapan ibu bapa.

Cabaran besar yang dihadapi oleh guru adalah memastikan kanak-kanak autisme memenuhi kehendak Sistem Rancangan Pendidikan Individu (RPI) iaitu program Pendidikan Khas. Bagi memenuhi tanggungjawab di dalam RPI, ibu bapa juga turut bekerjasama di dalam pencapaian mendidik kanak-kanak autisme kerana mereka bukan sahaja dikelilingi guru-guru malah ibu bapa dan keluarga. Selain itu, tanggungjawab di dalam menghadapi cabaran adalah memastikan kanak-kanak autisme mendapat arahan dan pemahaman terhadap penyampaian komunikasi yang diberikan oleh guru dan ahli keluarga.

Guru juga bertanggungjawab di dalam menghadapi cabaran, beliau adalah memastikan segala penyampaian pembelajaran dan pengajaran difahami oleh kanak-kanak autisme. Guru perlu sentiasa memberi perhatian kepada kanak-kanak autisme bagi memastikan ilmu diperolehi oleh mereka. Bagi memastikan usaha mereka terhadap sesuatu matlamat akan berjaya. Selain itu, guru perlu memastikan kaedah pembelajaran yang sesuai dapat disalurkan kepada kanak-kanak autisme. Bahkan, guru bertanggungjawab untuk menarik minat mereka terlebih dahulu sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula untuk mereka memperolehi sesuatu.

e. Interaksi Kanak-Kanak Autisme daripada Persekitaran

Masalah yang dihadapi juga melibatkan masalah berinteraksi bersama orang sekeliling. Kebanyakan mereka menjauhkan dan tidak menghiraukan orang lain walaupun bersama rakan sebaya. Mereka kerap tidak bergaul dan suka melakukan perkara yang digemari oleh mereka secara bersendirian tanpa melibatkan pergaulan.

Dari segi interaksi sosial, cabaran yang dihadapi oleh guru adalah apabila kanak-kanak autisme tersebut gemar bermain bersendirian tanpa bergaul dengan kanak-kanak autisme ketika aktiviti dijalankan di dalam kelas. Ini menunjukkan interaksi sosial yang rendah untuk bergaul bersama-sama kanak-kanak yang lain. Informan 6 menyatakan dari segi interaksi sosial pula ia menjadi cabaran apabila murid-murid autisme tersebut tidak mahu mewujudkan interaksi sosial dan interaksi diri sendiri.

f. Ketidakhahaman Penyampaian Arahan oleh Guru-guru

Perkembangan kognitif kanak-kanak autisme dan kanak-kanak yang normal adalah berbeza yang menunjukkan mereka sukar untuk memahami komunikasi lisan daripada orang sekeliling. Namun, mereka juga mempunyai tumpuan yang berlebihan terhadap apa yang mereka sukai dan sukar untuk memberi tindak balas yang baik terhadap penyampaian arahan yang melibatkan pemahaman sesuatu pengetahuan

Dari segi tindak balas interaksi arahan ianya memberi cabaran kepada guru-guru apabila arahan yang disampaikan kepada kanak-kanak autisme tersebut tidak diterima baik oleh mereka dan guru-guru terpaksa menyampaikan pernyataan tersebut secara berulang-ulang. Ini seperti yang dijelaskan oleh informan

g. Cabaran Kemahiran Penyampaian Pengajaran Kepada Kanak-Kanak Autisme Berhubung Pembelajaran Abad Ke-21

Penekanan pedagogi merupakan pembelajaran abad ke-21 yang merupakan aktiviti yang disediakan kepada kanak-kanak autisme yang bersifat aktif seperti menggunakan pendekatan bermain semasa PDP. Bertepatan dengan kanak-kanak autisme yang suka melakukan aktiviti bermain permainan. Namun dengan kekurangan yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme seperti tingkah laku yang terhad dan berulang-ulang, minat, berulang dan terhad menjadi kekangan dalam corak permainan. Melalui hasil temubual yang dijalankan kebanyakan informan menyatakan bahawa cabaran tingkah laku juga penyumbang di dalam penyampaian pengajaran kepada kanak-kanak autisme.

h. Ketagihan Gajet

Penggunaan telefon dalam kalangan kanak-kanak autisme dan normal telah dibiasakan oleh ibu bapa semasa berada di rumah. Ini sepertimana yang dijelaskan oleh kesemua informan bahawa mereka terbiasa dengan penggunaan gajet terutamanya daripada rumah.

i. Tindak Balas Guru Terhadap Kanak-Kanak Autisme yang Memberontak

Guru memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam menyampaikan ilmu pengetahuan malah menguruskan kanak-kanak autisme di NASOM. Di dalam mendidik kanak-kanak autisme sudah tentu adanya emosi negatif yang akan dialami oleh guru-guru apabila ada kanak-kanak autisme memberontak dan melakukan tingkah laku yang tidak dijangka secara tiba-tiba. Hal ini kerana dengan keadaan mereka yang mengalami masalah

komunikasi yang kronik tanpa menafsirkan ucapan dan perasan yang baik sudah tentu ia menguji perasaan guru-guru di NASOM bagi memahami kehendak mereka. Oleh itu, guru-guru sudah tentu menggunakan kesabaran yang tinggi dalam menguruskan kanak-kanak autisme.

Berdasarkan temubual yang dijalankan kebanyakan guru mengambil inisiatif dengan menunjukkan perasaan empati dan simpati kepada kanak-kanak autisme dengan menghulurkan bantuan apabila mereka menunjukkan tingkah laku memberontak. Guru merasakan mereka bertanggungjawab dalam menangani masalah tersebut dengan mencari punca penyebab tingkah laku itu berlaku. Ada guru yang memberi bantuan kepada kanak-kanak autisme tersebut bagi mengawal dan meredakan tingkah laku tersebut. Perasaan ingin tahu timbul di dalam diri informan 4 juga apabila ia menjadi persoalan di dalam dirinya kenapa pemberontakan tersebut berlaku. Walau bagaimanapun, terdapat juga guru yang merasa dengan situasi yang berlaku ini menyebabkan mereka mencari jalan penyelesaian dan mencari punca penyebab masalah berlaku manakala informan 7, menyatakan bahawa guru akan menghulurkan bantuan dengan menenangkan emosi pelajar terlebih dahulu.

PERBINCANGAN

Bagi mendapatkan hasil kajian yang menggambarkan cabaran guru autisme dengan lebih terperinci, pengkaji menyarankan agar satu kajian dilakukan secara terperinci untuk melakukan kajian yang melibatkan semua guru di dalam membandingkan atau meneroka pengalaman pendidikan untuk mengetahui kursus atau pendidikan yang diterima oleh guru. Contohnya, dengan mengetahui pengalaman pendidikan yang mereka perolehi sudah tentu pengkaji seterusnya mengetahui maklum balas strategi berdasarkan pengalaman yang diaplikasikan di pusat institusi yang melibatkan autisme. Sekiranya, ramai guru yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan khas, pengkaji mencadangkan agar guru berkenaan mendapat bantuan tunjuk ajar daripada ahli professional yang lain dan mendapatkan program kursus berkaitan praktikal kanak-kanak autisme.

Seterusnya, pengkaji berharap agar wujudnya kajian tentang kemahiran-kemahiran yang guru-guru perlu perolehi di dalam memberikan pendidikan terhadap kanak-kanak autisme dan kajian tentang perbandingan tahap prestasi guru-guru yang telah dinilai oleh penyelaras institusi autisme. Hal ini kerana, melalui kajian yang dibuat pengkaji seterusnya dapat menilai sejauh mana tahap kemahiran guru-guru autisme menggunakan pengalaman yang sedia ada untuk menguruskan kanak-kanak autisme ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga, kajian tentang penilaian IEP kanak-kanak autisme perlu dikaji oleh pengkaji seterusnya bagi mengkaji tahap penilaian terhadap kanak-kanak untuk memastikan tahap proses perkembangan autisme mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan keupayaan atau kemahiran guru-guru dalam mendidik kanak-kanak autisme.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti cabaran dalam berhadapan kanak-kanak autisme. Pengkaji mendapati bahawa banyak cabaran yang diterima oleh guru-guru dalam berhadapan cabaran tingkah laku kanak-kanak autisme yang mempunyai gangguan defisit di dalam diri mereka. Oleh itu, pelbagai strategi yang dilakukan oleh guru bagi memastikan emosi mereka sentiasa stabil dan tidak menimbulkan permasalahan kepada

orang sekeliling. Kanak-kanak autisme mempunyai kekurangan tersendiri apabila gangguan saraf mengganggu perkembangan mereka dari segi perkembangan sosial tingkah laku yang berulang dan terhad serta interaksi sosial yang menyebabkan kesukaran mereka dalam berkomunikasi untuk menyampaikan keinginan tersendiri dan memahami kehendak orang lain, mereka seolah-olah hidup di dalam dunia mereka sendiri. Dalam aspek tingkah laku, pula kanak-kanak autisme menunjukkan tingkah laku dengan melakukan perkara yang mereka suka tanpa menyukai perubahan. Oleh itu, apabila perbuatan mereka dihalangi menyebabkan mereka memberontak dan berlaku cabaran kepada orang sekeliling untuk mententeramkan perasaan dan emosi mereka. Oleh itu kanak-kanak autisme merupakan kanak-kanak istimewa yang memerlukan psikologi daripada ibu bapa dan pihak professional bagi memahami keperluan pendekatan khas di dalam diri mereka. Sokongan daripada pelbagai pihak amat penting bagi memastikan, neuron mereka dapat berfungsi dengan baik sama seperti kanak-kanak normal yang lain.

RUJUKAN

- Aniza, Z. (2018). *Autisme Masalah Paling Popular*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/sihat/2018/04/330789/autisme-masalah-paling-popular>.
- Bogden & Biklen. (2007). *Etika Dalam Penyelidikan*. Diakses dari <http://zahirzainudin.blogspot.com/2008/01/etika-dalam-penyelidikan.html>.
- Creswell, (2005). *Membina Protokol Temubual dan Analisis Data Kualitatif*. Diakses dari https://www.academia.edu/41126178/membina_protokol_temu_bual_dan_analisis_data_kualitatif.
- Hasnah, T., Hanafi, M. Y., Mokhtar, T., & Noraini, S. (2010). Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas Tentang Autisme. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 19-26.
- Intan, M. A. S. (2019). Fahami Anak Autisme. Metro, 18 April 2019. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/04/445900/fahami-anak-autisme>.
- Siti, M. J. S., Hanafi, M. Y., & Mohd, M. T. (2016). *Mengubahsuai Tingkah Laku Murid Autisme Yang Suka Keluar Kelas Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Menggunakan Kaedah Peneguhan Positif Menerusi Pujian dan Ganjaran*. Diakses dari https://www.researchgate.net/publication/311417284_Mengubahsuai_Tingkah_Laku_Murid_Autisme_Yang_Suka_Keluar_Kelas_Semasa_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Mata_Pelajaran_Pendidikan_Islam_Menggunakan_Kaedah_Peneguhan_Positif_Menerusi_Pujian_dan_Ganjaran.
- Siti, M. Z. (2008). *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Dalam Menangani Masalah Pertuturan Dan Bahasa Kanak-Kanak Autistik*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Zhahrulnizam, R. (2019). *Kenali Apa Itu Autisme*. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/21863/LIFESTYLE/Sinar-Aktif/Kenali-apa-itu-autisme>.

PROFIL KECERDASAN EMOSI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR PENERIMA ZAKAT

Zarina Mat Saad, Azlin Hilma Hillaluddin, Rajwani Md Zain, Fatimah Zailly
Ahmad Ramli & Sharima Ruwaida Abbas

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia

(Emel: zms@uum.edu.my, hilma@uum.edu.my, rajwani@uum.edu.my,
zailly@uum.edu.my, sharima@uum.edu.my)

Abstrak

Kecerdasan emosi (EQ) merupakan salah satu peramal penting dalam menentukan kejayaan akademik, pengukuhan kerjaya dan kesejahteraan hidup dalam kalangan pelajar. Di Universiti Utara Malaysia, lebih daripada 950 orang pelajar menerima zakat bagi tahun 2020. Sumber kewangan ini sedikit sebanyak dapat membantu sara hidup di alam universiti dan melancarkan proses pembelajaran. Namun begitu, masih tidak dapat dipastikan bagaimana profil sosio-demografi, kecerdasan emosi, dan pencapaian akademik mereka sehingga kini. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan bagi mengenalpasti tahap kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar yang menerima bantuan zakat; mengkaji perbezaan kecerdasan emosi pelajar yang menerima bantuan zakat berdasarkan faktor demografi; mengkaji pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik pelajar yang menerima bantuan zakat serta mencadangkan program-program intervensi kerja sosial yang bersesuaian. Borang soal selidik yang mengandungi instrumen berpiawai digunakan untuk mengumpul data bagi mencapai kesemua objektif. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22. Seramai 548 responden telah menjawab soal selidik dengan menggunakan pautan *Google form*. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memperolehi pencapaian akademik yang memuaskan. Dari segi kecerdasan emosi, rata-rata mendapat skor pada tahap sederhana. Hasil analisis inferensi mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kecerdasan emosi bagi kebanyakan faktor demografi. Responden yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi melaporkan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding responden-responden lain. Beberapa cadangan intervensi kerja sosial untuk pelajar-pelajar yang menerima bantuan zakat bagi memantapkan pencapaian akademik dan perancangan kerjaya mereka juga dibincangkan.

Kata kunci: Zakat, pencapaian akademik, kecerdasan emosi.

PENGENALAN

Kecerdasan emosi (EQ) di dalam kebanyakan kajian dikatakan sebagai salah satu peramal penting dalam menentukan kejayaan akademik, pengukuhan kerjaya dan kesejahteraan hidup. Ia juga dilihat sebagai kompetensi yang membantu remaja dalam mendepani cabaran dan permasalahan sosial. Kajian-kajian lepas mendapati responden-responden miskin mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding responden yang lain. Antara faktor-faktornya adalah disebabkan kekangan sumber terutamanya sumber kewangan yang berkait rapat dengan peluang dan ruang mendapat lebih pendedahan yang membantu memantapkan pencapaian akademik.

Pelajar-pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) berpeluang menerima pelbagai bantuan daripada pelbagai pihak bagi menyokong dan membantu keperluan sara hidup mereka di universiti. Di Universiti Utara Malaysia, lebih daripada 950 orang responden yang menerima zakat bagi tahun 2020. Sumber kewangan ini sedikit sebanyak dapat membantu kos sara hidup semasa di alam universiti. Antara bantuan yang diberikan kepada para pelajar golongan asnaf adalah bantuan zakat secara *one-off* yang dibuat agihan sebanyak dua kali setahun. Jumlah agihan adalah bergantung kepada jumlah zakat yang diterima oleh pihak UUM daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN). Pihak yang bertanggungjawab bagi urusan zakat kepada pelajar adalah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD) di Jabatan Hal Ehwal pelajar. Bahagian ini bertanggungjawab untuk membuat hebahan dan saringan pemilihan pelajar yang layak; seterusnya mengesyorkan calon-calon tersebut kepada Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) untuk menguruskan agihan zakat. Zakat kepada para pelajar yang layak dibayar sama ada secara tunai iaitu akan dikreditkan ke dalam akaun bank pelajar atau diagihkan secara *e-wallet*. Terdapat beberapa syarat yang ditetapkan kepada pelajar yang memohon bantuan zakat iaitu antaranya ialah beragama Islam, berstatus aktif sama ada di peringkat ijazah pertama atau pasca siswazah, tidak menerima apa-apa bantuan lain atau telah menerima bantuan tetapi masih mempunyai masalah kewangan, pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan, dan permohonan sekali setahun sahaja (sekali setahun untuk sesi akademik). Pihak sekretariat berhak menolak permohonan sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu, permohonan yang lengkap sahaja akan diproses dan dipertimbangkan serta pemohon boleh dipanggil temuduga (sekiranya perlu).

Pembelajaran di institusi pengajian tinggi memerlukan para pelajar yang mampu berdaya saing bagi mencapai cita-cita yang diimpikan. Mereka dijangkakan telah cukup matang dalam aspek kehidupan, mampu berdikari dan menyesuaikan diri dengan persekitaran serta pembelajaran di universiti. Namun begitu, masih terdapat pelajar-pelajar yang terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran untuk menamatkan pengajian terutamanya pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang tidak berkemampuan dari segi kewangan. Mereka bukan sahaja perlu berdepan dengan masalah untuk menyara kehidupan di universiti, tetapi perlu menghadapi masalah-masalah lain seperti masalah tekanan akademik, pengurusan masa, penyesuaian, persekitaran, beban tugas dan komunikasi pelajar pensyarah. Masalah ini harus ditangani secara bijak oleh pelajar-pelajar di universiti bagi membolehkan mereka mengharungi kehidupan di kampus dengan jayanya. Namun, sehingga kini tidak banyak kajian dilakukan di UUM untuk mengenal pasti profil pelajar-pelajar yang menerima bantuan zakat dan bagaimana latar belakang profil mereka mempengaruhi pencapaian akademik mereka di universiti.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian-kajian lalu mengaitkan pencapaian akademik dengan latar belakang ekonomi seseorang pelajar. Contohnya, kajian oleh Lacour dan Tissington (2011) mendapati pelajar-pelajar miskin berisiko menghadapi kekangan-kekangan akademik yang lebih tinggi berbanding pelajar-pelajar lain. Mereka mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah disebabkan kekangan sumber. Walaupun mereka mendapat pengalaman bersekolah sama dengan dengan pelajar-pelajar lain, namun, pelajar-pelajar daripada keluarga miskin turut menghadapi cabaran-cabaran di luar sekolah (Jacob & Ludwig, 2009). Sumber-sumber tersebut merangkumi kewangan, emosi, mental, spiritual, fizikal, sistem sokongan, hubungan, *role models*, dan pengetahuan-pengetahuan tertentu. Faktor seperti pendapatan, sumber pendapatan dan tahap pendidikan ibu turut memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Justeru, bantuan kewangan semata-mata tidak menjamin bahawa para pelajar mampu mendepani cabaran di universiti dengan berkesan.

Menurut dapatan kajian terdahulu, terdapat beberapa faktor yang dikatakan mampu membantu pelajar mengharungi kehidupan di universiti dan mencapai kejayaan di dalam akademik. Antaranya ialah mempunyai kecerdasan emosi yang optimum. Kecerdasan emosi (*Emotional quotient, EQ*) adalah gabungan keupayaan mental dan tret atau personaliti seseorang individu yang membantu beliau menghadapi tekanan dan tuntutan persekitaran. Seseorang individu itu dikatakan mempunyai kecerdasan yang tinggi apabila beliau mempunyai lima tret kecerdasan iaitu kemahiran interpersonal, intrapersonal, mood dan motivasi, pengurusan stres dan keupayaan untuk adaptasi dengan persekitaran (Najib Ahmad Marzuki, Che Su Mustaffa, Zarina Mat Saad, Suhaini Muda, Suhanim Abdullah & Wan Bee Che Din, 2012). Kajian-kajian tentang kecerdasan emosi mula dibincangkan dalam organisasi, sekolah dan komuniti di seluruh dunia terutamanya melalui media cetak; ramai penyelidik cuba mengaitkannya dengan faktor-faktor lain. Contohnya, terdapat beberapa kajian membuktikan perkaitan antara kecerdasan emosi dengan kebolehan menguruskan emosi di tempat kerja, fungsi fizikal dan keadaan psikologi (Tsaousis & Nikolaou, 2005), spiritual (Paek, 2004), kejayaan dalam akademik (Clark, Drain, & Malone, 2003) dan juga penyesuaian (Dhingra, Manhas, & Thakur, 2005).

Walau bagaimanapun, terdapat ketidakpastian tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar-pelajar daripada golongan asnaf, serta perkaitannya dengan pencapaian akademik. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar yang menerima bantuan zakat; mengkaji perbezaan kecerdasan emosi pelajar yang menerima bantuan zakat berdasarkan faktor-faktor demografi; dan mengkaji pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik pelajar yang menerima bantuan zakat. Diharapkan dengan kajian ini, pihak penyelidik boleh mencadangkan program-program intervensi kerja sosial dan langkah-langkah yang sesuai dalam usaha mempertingkatkan kecerdasan emosi pencapaian akademik pelajar yang menerima bantuan zakat.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk keratan rentas (*cross-sectional*) dan mengaplikasikan kaedah kuantitatif. Data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar UUM yang menerima bantuan zakat daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah. Mengikut statistik 2020, dianggarkan seramai 953 pelajar UUM yang menerima zakat. Kutipan data melalui soal selidik yang dibentuk dalam *google form* dan diedarkan melalui *Group Whatsapp* pelajar-pelajar asnaf yang menerima bantuan yang diuruskan oleh pihak BSD. Reka bentuk kajian ini dipilih memandangkan kelebihan kaedah ini dari segi pengumpulan data dalam tempoh masa yang ditetapkan dan mengambil kira keadaan semasa di Malaysia yang sedang melalui tempoh pemulihan virus COVID-19 di mana tidak memungkinkan kutipan data dilakukan secara bersemuka.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data utama. Instrumen soal selidik diadaptasi dari instrumen sedia ada yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia secara *back-to-back translation* oleh penyelidik-penyelidik terdahulu.. Bahagian-bahagian soal selidik merangkumi perkara-perkara berikut:

Jadual 1*Instrumen Kajian*

Bahagian	Instrumen kajian
Bahagian A	Profil umum dan pencapaian akademik pelajar. Pencapaian akademik diukur berdasarkan kepada Purata Markah Keseluruhan (PMK) yang diperolehi pada semester terkini dan dilaporkan oleh responden dalam soal selidik.
Bahagian B	Kecerdasan emosi (The Bar-On EQ Inventory: Short Version, 1997 - 51 item). Sejumlah 51 item dalam instrumen ini menggunakan skala likert 5 poin dari 1=sangat tidak setuju hingga 5=sangat setuju. Skor-skor kecerdasan emosi dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah (skor 45-105), sederhana (skor 106-165) dan tinggi (skor 166-225). Nilai Cronbach alpha diperolehi adalah 0.84. Instrumen diadaptasi daripada kajian Marzuki et.al (2006) di mana ia telah diterjemahkan dan dilaporkan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi iaitu di antara 0.58 hingga 0.84.

Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan kaedah Pakej Statistik untuk Sains Sosial IBM (SPSS) versi 24.0. Maklumat dan data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan serta analisis statistik inferensi antaranya seperti ujian-t, ujian ANOVA Sehalu dan korelasi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**Profil Sosio-Demografi**

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 548 orang responden, di mana 431 (78.6%) orang responden adalah perempuan dan baki 117 (21.4%) orang responden lagi adalah lelaki. Seramai 515 (94%) orang daripada responden menyatakan mereka berbangsa Melayu, 27 (4.9%) orang responden lagi menyatakan mereka adalah Bumiputra manakala 2 (0.7%) orang responden menyatakan lain-lain bangsa dan hanya 2 (0.4%) orang responden pula berbangsa India.

Dari segi umur, majoriti iaitu seramai 378 (69%) orang daripada responden menyatakan umur mereka adalah di antara 20 hingga 22 tahun. Seramai 161 (29.4%) orang responden lagi menyatakan umur mereka adalah di antara 23 hingga 25 tahun dan 8 (1.5%) orang responden lagi berumur 26 tahun dan ke atas. Terdapat juga seorang (0.2%) orang responden berumur kurang daripada 20 tahun iaitu 19 tahun. Majoriti daripada responden kajian ini iaitu seramai 543 (99.1%) orang menyatakan mereka masih belum berkahwin dan hanya 5 (0.9%) yang sudah berkahwin.

Seramai 221 (40.3%) orang responden menyatakan mereka berada di dalam semester kedua pengajian. Terdapat 130 (23.7%) orang responden menyatakan mereka sekarang berada di dalam semester keenam pengajian, 120 (21.9%) orang responden lain pula menyatakan berada di dalam semester keempat dan 38 (7.1%) orang responden lagi menyatakan mereka berada di dalam semester kelapan. Selain itu, seramai 17 (3.1%) orang responden lagi menyatakan mereka berada di semester ketujuh, 15 (2.7%) orang responden pula berada di dalam semester kelima dan hanya 6 (1.1%) orang responden lagi berada di semester ketiga.


Dari segi pendapatan isi rumah, hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000.00 sebulan dan berada dalam kategori B40. Terdapat segelintir responden (n=23; 4.2%) yang melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai pendapatan. Purata pendapatan responden adalah RM1,294.12 sebulan.

Pencapaian Akademik

Hasil kajian mendapati majoriti responden memperolehi Purata Mata Keseluruhan (PMK) pada kategori 3.00 – 3.66 iaitu berpotensi mendapat kelulusan Kelas Kedua Atas. Manakala, kategori kedua tertinggi adalah PMK 3.67 ke atas yang berpotensi untuk bergraduasi dengan kelulusan Kelas Pertama. Ini menunjukkan penerima bantuan zakat di UUM mengambil serius terhadap pencapaian mereka. Kemungkinan besar sumbangan zakat yang diterima mereka sedikit sebanyak membantu mereka untuk fokus di dalam pengajian dan tidak perlu berasa bimbang mengenai masalah kewangan untuk menampung kehidupan seharian semasa bergelas mahasiswa. Namun, terdapat sebilangan kecil pelajar yang melaporkan PMK di bawah 3.00. Walaupun bilangan mereka kecil, golongan pelajar ini seharusnya didekati untuk membantu mereka meningkatkan prestasi serta memastikan mereka tidak tercalar kemudian di dalam pengajian.

Rajah 1

Pencapaian Akademik Pelajar



Tahap Kecerdasan Emosi

Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan majoriti daripada responden iaitu seramai 339 (62.1%) orang responden mendapat skor yang sederhana bagi pembolehubah kecerdasan emosi, manakala seramai 207 (37.9%) orang responden mendapat skor yang tinggi. Terdapat lima dimensi bagi pembolehubah kecerdasan emosi skor intrapersonal, skor interpersonal, skor mood umum, skor pengurusan stress, dan skor penyesuaian. Dimensi impresi positif adalah merupakan item kawalan (Jadual 2). Dapatan ini menunjukkan tahap kecerdasan emosi pelajar UUM yang menerima bantuan zakat adalah pada tahap agak memuaskan. Ini membuktikan bahawa kecerdasan IQ sahaja tidak menjamin kehidupan seseorang kerana *survival* kehidupan selepas melangkah keluar dari menara gading memerlukan jati diri lebih dari itu (Kaufhold & Johnson, 2005). Tahap kecerdasan emosi yang sederhana perlu dipertingkatkan lagi supaya mahasiswa penerima zakat ini berdaya saing yang tinggi apabila meninggalkan menara gading ini nanti.

Jadual 2

Skor Pembolehubah Kecerdasan Emosi

Dimensi	Tahap	Kekerapan	Peratusan
Kecerdasan Emosi secara umum	Rendah	3	0.5
	Sederhana	336	61.5
	Tinggi	207	37.9
	Jumlah	548	100.0
Intrapersonal	Rendah	61	11.2
	Sederhana	369	67.6
	Tinggi	116	21.2
	Jumlah	548	100.00
Interpersonal	Rendah	3	.5
	Sederhana	140	25.5
	Tinggi	405	73.9
	Jumlah	548	100.0
Mood Umum	Rendah	13	2.4
	Sederhana	318	58.0
	Tinggi	217	39.6
	Jumlah	548	100.0
Pengurusan Stress	Rendah	22	4.0
	Sederhana	277	50.5
	Tinggi	249	45.4
	Jumlah	548	100.0
Penyesuaian	Rendah	7	1.3
	Sederhana	273	49.8
	Tinggi	268	48.9
	Jumlah	548	100.0
Impresi Positif	Rendah	273	49.8
	Sederhana	260	47.4
	Tinggi	15	2.7
	Jumlah	548	100.0

Perbezaan Kecerdasan Emosi Pelajar yang Menerima Bantuan Zakat Berdasarkan Faktor-Faktor Demografi

Dapatan kajian yang dijalankan dalam kalangan penerima bantuan zakat di UUM menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan bagi kecerdasan emosi dan pencapaian akademik berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, bangsa, umur, pekerjaan ibu bapa dan semester pengajian. Dapatan kajian di UUM ini agak berbeza dengan dapatan kajian oleh Turi dan Rani et al (2020) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara dikenal pasti pada EQ dan pencapaian akademik berdasarkan jantina.

Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar yang Menerima Bantuan Zakat

Ujian seterusnya yang dijalankan adalah ujian regresi linear bertujuan untuk menguji pengaruh kecerdasan emosi ke atas pencapaian akademik responden. Berdasarkan analisis yang dijalankan mendapati pembolehubah kecerdasan emosi memberi pengaruh kepada ke atas pencapaian akademik responden. Pembolehubah tersebut menyumbang pengaruh sebanyak 2.1% ke atas pencapaian akademik responden. Nilai $F = 5.84$ adalah signifikan pada aras $p < .01$. Berdasarkan data yang diperolehi daripada 548 orang responden yang terdiri daripada penerima bantuan zakat di UUM mendapati terdapat hubungan yang signifikan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian ini menyokong atau selari dengan kajian-kajian lain (sama ada kajian yang dilakukan di dalam atau di luar negara) yang menyatakan bantuan zakat sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan positif para pelajar dalam pencapaian akademik masing-masing. Kesan positif ini bukan hanya dialami oleh para pelajar selaku penerima zakat di institusi pengajian tinggi sahaja malah para pelajar di peringkat sekolah juga mengalami kesan atau pencapaian akademik yang lebih memberangsangkan (Mohammad B. Yusoff, 2011; Eko Suprayitno, Mohamed Aslam, Azhar Harun, 2017; Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Fami Mohd Sahid, Mohd Khairy Kamarudin, Kamaliah Abdul Karim, 2018; Norfariza Mohd Radzi & Asmak Abd Rahman, 2019). Malah bantuan zakat bukan hanya memberi pengaruh yang positif dalam pencapaian akademik sahaja tetapi turut mampu meningkatkan kualiti hidup para penerima bantuan zakat (Khairul Azhar Meerangani, 2019).

Analisis kajian mendapati kecerdasan emosi boleh mempengaruhi tahap pencapaian akademik responden. Oleh itu, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik responden. Justeru, dicadangkan aktiviti dan program aktiviti kerja sosial yang berkaitan kepada responden dan pihak universiti. Antara cadangan adalah seperti berikut:

- a) Menganjurkan kursus-kursus pendek berkaitan pemantapan kecerdasan emosi kepada semua pelajar yang menerima zakat. Penekanan akan diberikan dalam aspek kemahiran interpersonal, intrapersonal, mood dan motivasi, pengurusan stres dan keupayaan untuk adaptasi dengan persekitaran terutamanya ketika proses pembelajaran di institusi pengajian.
- b) Cadangan agar kursus-kursus jangka pendek sebegini boleh diwajibkan kepada pelajar yang menerima zakat sebagai satu syarat penerimaan zakat pada setiap semester. Walaupun pihak universiti telah banyak menganjurkan aktiviti yang menerapkan kemahiran insaniah melalui pusat pengajian, jabatan-jabatan atau persatuan-persatuan, namun penerapan kecerdasan emosi perlu diperjelaskan kepentingan kepada pelajar.

- c) Menjemput alumni yang pernah menerima zakat untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan pelajar-pelajar asnaf.
- d) Mensyorkan agar pihak berkaitan iaitu UUM atau LZNK untuk memberi penghargaan atau insentif tambahan kepada penerima zakat yang mendapat PMK kelas pertama.
- e) Memberi nama-nama penerima zakat kepada Pusat Pengajian dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk memastikan atau mewajibkan mereka ini terlibat dengan program-program yang boleh meningkatkan kemahiran insaniah.
- f) Mengemaskini maklumat penerima zakat dalam sistem data yang ada di universiti supaya penyelaras program atau mentor (pensyarah) pelajar boleh mengetahui status pelajar untuk memudahkan pemantauan dan membantu mereka.
- g) Memperkasakan program mentor mentee di Pusat Pengajian dengan mengenalpasti pelajar yang menerima zakat agar pemantauan dapat dilakukan sepanjang pengajian mereka.
- h) Program mentor mentee ini juga boleh dilakukan dalam kalangan pelajar penerima zakat di mana, mereka yang cemerlang dalam akademik boleh membantu rakan mereka yang memerlukan sokongan rakan sebaya.
- i) Cadangan untuk pihak zakat mempelbagaikan bentuk bantuan pendidikan seperti bantuan cermin mata, bantuan basikal, bantuan pembiayaan kertas projek (tesis), bantuan pendaftaran atau mana-mana yang bersesuaian mengikut keperluan pengajian penerima zakat. Disyorkan juga bentuk pemberian zakat dipelbagaikan kepada bentuk *voucher*, kad debit dan sebagainya mengikut kesesuaian.
- j) Membentuk kelompok sokongan atau kelompok pembelajaran kepada penerima-penerima zakat yang memerlukan sokongan emosi agar melancarkan proses pembelajaran mereka sepanjang berada di universiti terutamanya kepada mereka yang mendapat skor rendah dan sederhana dalam aspek kecerdasan emosi dan pencapaian akademik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pentingnya aspek kecerdasan emosi dalam kalangan penerima bantuan zakat di UUM. Pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menangani cabaran dalam kehidupan seharian di universiti. Kekangan kewangan tidak lagi menjadi suatu kekangan dan halangan kepada pencapaian akademik apabila mereka mempunyai keupayaan untuk mengurus emosi dengan baik di samping dibantu dengan pemberian zakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan di bawah Geran Agensi Luar Awam (LZNK-IPIZ Fasa 1/2020; Kod S/O: 14728) dengan pembiayaan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kumpulan penulis mengucapkan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Zakat dan Inovasi, UUM (IPIZ UUM), dan juga agensi luar Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

RUJUKAN

Clark, P. A., Drain, M., & Malone, M. P. (2003). Addressing patients' emotional and spiritual needs. *Joint Commission Journal on Quality and Safety*, 29(12), 659-670.

- Dhingra, R., Manhas, S., & Thakur, N. (2005). Establishing connectivity of emotional quotient (E.Q), spiritual quotient (S.Q) with social adjustment: A study of Kashmiri migrant women. *Journal of Human Ecological*, 18(4), 313-317.
- Eko Suprayitno, Mohamed Aslam, Azhar Harun (2017). Zakat And Sdgs: Impact Zakat On Human Development In The Five States Of Malaysia. *International Journal of Zakat* | ISSN: 2541 1411 | Vol. 2 (1) 2017. DOI <https://doi.org/10.37706/ijaz.v2i1.15>
- Jacob, B.A. & Ludwig, J. (2009). Improving educational outcomes for poor children. *Focus*. 26(2). Kaufhold, J. A., & Johnson, L. R. (2005). The analysis of the emotional intelligence skills and potential problem areas of elementary educators. *Education*, 125(4), 615-626.
- Kaufhold, J. A., & Johnson, L. R. (2005). The analysis of the emotional intelligence skills and potential problem areas of elementary educators. *Education*, 125(4), 615-626.
- Khairul Azhar Meerangani (2019). The Effectiveness of Zakat in Developing Muslims in Malaysia. *Insaniyat: Journal of Islam and humanities*, 3 (2). 127-138
- Muhamad, Nasrul Hisyam Nor and Mohd. Sahid, Mohd. Fami and Kamarudin, Mohd. Khairy & Abdul Karim, Kamaliah (2018) Zakat distribution to Fi Sabilillah Asnaf in higher education institutions: Universiti Teknologi Malaysia experience. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8 (9). pp. 138-149. ISSN 2222-6990
- Najib Ahmad Marzuki, Che Su Mustaffa, Zarina Mat Saad, Suhaini Muda, Suhanim Abdullah & Wan Bee Che Din (2012). Emotional intelligence and demographic differences among students in public universities. *Research Journal in Organizational Psychology & Educational Studies*, 1(2)93-99. ISSN: 2276-8475
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohd Fami Mohd Sahid, Mohd Khairy Kamarudin, Kamaliah Abdul Karim (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8 (9), 138 -149
- Norfariza Mohd Radzi & Asmak Abd Rahman. (2019). Zakat And Educational Equity Of Urban Poor Children. *O-JIE: Online journal of islamic education*, 7 (2). 29 – 39
- Paek, E. S. K. (2004, 27 Jun 2006). The role of religiosity in emotional intelligence: An empirical study of Christians. Diakses dari <http://www.lib.umi.com/dissertations/preview-all/3124960> Tsousis, I., & Nikolaou, I. (2005). Exploring the relationship of emotional intelligence with physical and psychological health functioning. *Stress and Health*, 21, 77-86.
- Turi, J. A., Rani, A. A., Abidin, I; Mahmud, F; Al Adresi, A. (2020). Correlating Spiritual and Emotional Intelligence with Academic Performance among Pakistani Students. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9 (2). 278-284.

Prosiding Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan Kedua 2023

e ISBN 978-967-25690-2-2



9 789672 569022